

DR.15.11.2000

**[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 15 November 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada kementerian mengambil langkah untuk memperkukuhkan hubungan di antara masyarakat Malaysia Barat dengan Malaysia Timur kerana saki-baki semangat kewilayahan (parochialism) dan perasaan syak wasangka (suspicion) yang masih lagi wujud dan menebal.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa mengambil berat untuk memperkukuhkan perhubungan dan perpaduan antara rakyat di negeri-negeri di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan untuk mengikis semua saki baki semangat kewilayahan dan syak wasangka di kalangan rakyat di negara ini.

Pelbagai program integrasi telah dan sedang diatur oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan kerajaan amnya seperti program-program lawatan muhibah, perayaan hari kebesaran di Sabah dan Sarawak yang disambut di Semenanjung seperti perayaan Hari Gawai, program pertukaran pegawai-pegawai Persekutuan ke Sabah dan Sarawak, lawatan anjuran pusat-pusat pengajian tinggi dan sebagainya. Hasil pemantauan dan penilaian yang dibuat dari masa ke semasa jelas menunjukkan bahawa sikap negatif telah semakin berkurangan. Ini membuktikan bahawa program-program yang dilaksanakan telah memberi kesan

yang baik dan merapatkan lagi jurang perbezaan budaya di antara semua penduduk di Malaysia.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk kita merapatkan lagi integrasi di antara penduduk-penduduk Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, saya rasa pelajar-pelajarlah merupakan kumpulan sasar yang patut kita didik dan patut kita bendung. Adakah kementerian mempunyai apa-apa program di mana pelajar-pelajar daripada Sabah dan Sarawak dibawa ke Semenanjung dijadikan sebagai anak angkat dan juga pelajar-pelajar daripada Semenanjung dibawa ke Sabah dan Sarawak untuk menjadi anak angkat kepada masyarakat di sana supaya persefahaman dan juga mengenali budaya ini dapat diperluaskan dengan itu integrasi kita rakyat Malaysia ini akan bertambah baik.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, program khas untuk pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi tinggal dengan keluarga angkat semasa cuti semesta, program ini akan dibuat dengan kerjasama IPTA di seluruh negara di mana bagi IPTA-IPTA negeri di Semenanjung, peserta-pesertanya akan terdiri dari pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak. Sementara IPTA-IPTA di Sabah, peserta-pesertanya adalah dari negeri-negeri Semenanjung dan Sarawak. Sementara bagi IPTA-IPTA di Sarawak, peserta-pesertanya adalah terdiri dari pelajar-pelajar di Sabah dan negeri-negeri di Semenanjung. Ia bertujuan untuk berinteraksi selama beberapa hari demi untuk menjalin satu perhubungan erat yang berkonsepkan satu bangsa, satu negara. Antara program tersebut ialah Kuiz Bina Bangsa dan program Titian Muhibah.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mereka kata kepada saya tak ada orang lainkah. *[Ketawa]* Jangan bimbang dengan cakap mereka itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kalau hendak beri orang lain, lain kali tak payah berdiri, teruskan. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, orang Barat melihat orang Asia ini sebagai tak civilize, tak demokrasi oleh kerana mereka tak pernah datang ke Asia, jarang-jarang pergi Asia dan pandangan itu kurang jelas.

Jadi, kita bimbang perkara ini orang daripada Semenanjung kalau jarang-jarang datang ke Sarawak dan Sabah mereka menganggap orang Sarawak itu uncivilize juga nanti. Jadi, saya bertanya yang buat penghijrahan di Sabah dan Sarawak, berat daripada Sabah dan Sarawak datang ke Semenanjung tetapi kurang di Semenanjung pergi ke Sabah dan Sarawak. Persoalan saya, apakah tindakan khusus supaya orang Semenanjung ini pergi beriadah, pergi melancong dan sebagainya, dan apakah pakej-pakej yang tertentu disediakan supaya orang Semenanjung ini ramai pergi ke Sabah dan Sarawak.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kementerian saya kita merancang program integrasi di mana untuk perayaan-perayaan keutamaan di Sabah dan Sarawak kita ada lawatan integrasi. Lawatan ini dilakukan oleh kementerian saya dan kita telah membawa beratus-ratus orang melawat Sabah dan Sarawak. MAS juga memberi bayaran istimewa untuk membawa peserta-peserta yang ikut rombongan integrasi ini, seperti KL-Kuching pergi-balik hanya dikenakan sebanyak RM298, KL-Kota Kinabalu sebanyak RM447, KL-Labuan juga RM447, Kuching-Johor Bahru - RM298, Kota Kinabalu-Kuching - RM298, Labuan-Kuching - RM298.

Syarat-syarat yang dikenakan - kalau tidak semua hendak gunakan caj integrasi untuk melawat Sabah dan Sarawak. Kumpulan atau rombongan tersebut hendaklah melebihi lima orang. Kumpulan atau rombongan yang layak adalah terdiri daripada NGO, pertubuhan sukarela termasuk kelab sukan dan kebajikan yang ditubuhkan di kementerian, agensi kerajaan, pelajar termasuk IPTA dan IPTS. Setiap permohonan hendaklah mengemukakan program lawatan dan mestilah menyelitkan satu program integrasi dengan kaum peribumi dan mengadakan program anak angkat dengan kaum peribumi. Terima kasih.

2. **Puan P. Komala Devi [Kapar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) untuk mewujudkan tempat-tempat rekreasi dan pusat-pusat sukan bagi menangani masalah sosial di kalangan remaja.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan telah pun membuat perancangan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan sukan dan rekreasi untuk menampung

program-program yang akan dilaksanakan dan juga untuk memberi kemudahan kepada bukan sahaja belia, malah kepada semua lapisan masyarakat. Sebagai usaha membantu ke arah menangani gejala sosial di kalangan remaja, Kementerian Belia dan Sukan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan telah merancang untuk membina kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi yang bersesuaian. Di antaranya termasuk 66 buah kompleks belia dan sukan daerah yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Rakan Muda di mana 19 buah merupakan projek sambungan Rancangan Malaysia Ketujuh. Di samping itu, terdapat juga 32 buah pusat pertandingan Rakan Sukan yang mana 8 daripadanya merupakan projek sambungan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dalam hubungan ini, usaha juga mencakupi rancangan membina 61 buah gimnasium rakyat baru di seluruh negara dan menaik taraf 45 buah gimnasium rakyat yang sedia ada.

**Puan P. Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri untuk jawapan tadi, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Kementerian Belia dan Sukan sama ada terdapat satu mekanisme pemantauan untuk memastikan rancangan-rancangan untuk mengadakan tempat-tempat rekreasi dan juga pusat-pusat sukan di mana-mana tempat betul-betul dilaksanakan sebab kita dapati semasa perancangan sungguhpun nampak bagus atas kertas, looks good on paper, dengan izin, tetapi semasa implementasi tiba-tiba tanah yang dirizab untuk tempat-tempat rekreasi ataupun sukan tiba-tiba tidak ada lagi. Sekian.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kapar atas keprihatinan beliau terhadap apa yang dijalankan oleh kementerian saya. Bersabit dengan soalan yang dibangkitkan tadi, usaha pemantauan itu tetap ada dijalankan secara bulanan. Dalam setiap mesyuarat pembangunan yang dijalankan setiap bulan sama ada menteri ataupun timbalan menteri serta ketua setiausaha tetap menghadirinya. Jadi, sekiranya terdapat sebarang permasalahan seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, saya ingin dapatkan maklumatnya secara terperinci sebab ini pernah berlaku dahulu. Soal tanah misalnya, sekiranya ada yang tak kena maka ianya perlu ditangani dengan secepat

mungkin sebelum ianya menjejaskan perjalanan ataupun perkembangan projek yang berkenaan.

**Tuan Saupi dan Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kita lihat kerajaan selalu membina pusat-pusat rekreasi dan juga tempat sukan ini, tetapi sayangnya kebanyakan daripada pembinaan ini terbiar selepas pembinaannya. Maknanya, tidak ada maintenance, tidak ada penjagaan. Kalau kita lihat umpamanya yang saya dapat nyatakan terutama sekali pusat-pusat gimnasium daerah yang mana peralatannya apabila tidak terjaga sehingga tidak dapat digunakan langsung, sedangkan kerajaan terpaksa menghabiskan beratus-ratus ribu ataupun berpuluh-puluh ribu ringgit bagi setiap tempat ini. Kalau kita bandingkan dengan pusat-pusat hiburan, sebab itulah saya rasa para belia lebih memilih pusat-pusat hiburan yang lebih teratur dan rapi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Tuan Saupi dan Daud:** Jadi, saya ingin tanya sejauh manakah penjagaan (*maintenance*) yang dilaksanakan oleh kementerian terhadap pembinaan ini. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya apa yang ditinjau oleh Yang Berhormat tadi itu merupakan satu-satunya masalah yang juga saya prihatin. Saya sendiri pernah turun ke padang dan mendapati bahawa perkara sedemikian tetap wujud. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukannya semua gimnasium ataupun premises yang bersabit dengan aktiviti kesukanan itu dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadangkala gimnasium yang berkenaan adalah di bawah jagaan majlis tempatan. Walaupun demikian, apa yang perlu diberi perhatian umpamanya penyelenggaraannya saya rasa ianya tetap perlu dipantau dari masa ke semasa. Tetapi tak elok jugalah kiranya kita hendak dibandingkan dengan pusat hiburan, sebab pusat itu kebanyakannya diuruskan secara komersial oleh pihak swasta dan bukannya untuk belia secara terbuka.

3. **Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Menteri Kewangan menyatakan konsep dan mekanisme serta faedah yang bermanfaat yang akan diperolehi oleh pencarum-pencarum KWSP dengan pelaksanaan Skim Anuiti.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krai bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Labuan dan Serian yang dijadualkan untuk dijawab pada 27 November 2000 dan 5 Disember 2000 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Silalah.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, Skim Anuiti diwujudkan bertujuan untuk mengadakan satu lagi pilihan kepada ahli KWSP dalam menguruskan simpanan persaraan mereka dan untuk kepentingan masa depan mereka dan keluarga lebih-lebih lagi selepas mereka bersara nanti.

Skim ini adalah berasaskan konsep insurans di mana ahli membeli anuiti dengan bayaran penuh dan menukarkannya kepada satu siri bayaran bulanan bagi tempoh sepanjang hayat ahli. Skim ini adalah untuk memenuhi keperluan ahli yang mementingkan perlindungan di hari tua kerana skim ini menjamin pembayaran anuiti seumur hidup.

Pembelian Skim Anuiti KWSP adalah secara sukarela dan terbuka kepada semua ahli. Ahli juga boleh memilih sama ada untuk membeli Skim Anuiti Conventional KWSP atau Skim Anuiti Takaful KWSP dari mana-mana syarikat insurans yang diluluskan. Pembelian adalah menggunakan simpanan KWSP ahli yang akan dipindahkan kepada syarikat insurans yang diluluskan yang dipilih oleh ahli mengikut kadar premium yang telah ditetapkan.

Kadar premium pula ditentukan mengikut umur dan jantina. Kadar premium yang dikenakan serta unjuran pulangan bagi skim ini adalah berasaskan kajian teliti actuary yang dilantik oleh KWSP dan dipersetujui oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, antara faedah yang akan diperolehi oleh peserta Skim Anuiti ialah pendapatan minimum RM100 sebulan, manakala jumlah sebenar yang akan diterima bergantung kepada jumlah anuiti yang dibeli. Ahli yang mempunyai

jangka hayat yang panjang akan mendapat lebih banyak faedah kerana menerima bayaran anuiti bagi tempoh yang lebih panjang berbanding dengan ahli yang meninggal dunia awal. Konsep ini dinamakan Perkongsian Risiko di mana peserta skim saling membantu. Premium yang dibayar akan digunakan untuk membantu ahli yang mengalami hilang upaya kekal atau ahli yang hidup lebih lama dalam bentuk bayaran anuiti yang lebih panjang. Sejak dilaksanakan pada 1 Julai 2000 sehingga 30 September 2000 sebanyak 10,327 permohonan telah diterima bagi skim ini.

Di antara isu yang dibangkitkan oleh beberapa pihak seperti Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Persekutuan Persatuan Pengguna-pengguna Malaysia (FOMCA) mengenai Skim Anuiti adalah seperti berikut:

- (i) kadar premium bagi Skim Anuiti adalah terlalu tinggi;
- (ii) kadar pulangan pelaburan adalah rendah berbanding dengan jika ahli mengekalkan simpanan dalam KWSP dan membuat pengeluaran dividen tahunan selepas umur 55 tahun;
- (iii) jumlah bayaran anuiti pada 55 tahun adalah rendah;
- (iv) skim ini menguntungkan syarikat insurans. Adalah lebih wajar skim dilaksanakan oleh KWSP secara dalaman supaya kos premium lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu tersebut timbul kerana kurang kefahaman mengenai skim ini. Sebenarnya kadar premium dan pulangan yang dijangkakan adalah wajar dan selaras dengan ciri-ciri skim tersebut. Bagi meningkatkan kefahaman mengenai skim ini, KWSP telah mengadakan taklimat kepada semua wartawan akbar dan media, berbincang dengan MTUC dan CEUPACS, dan memberi penerangan dan penjelasan yang terperinci melalui program TV3 dan RTM.

KWSP akan terus meningkatkan kefahaman di kalangan ahli dan orang ramai mengenai skim ini. Kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan skim anuiti ini sebaliknya akan memperbaikinya dari semasa ke semasa. Terpulang kepada ahli untuk membuat keputusan, sama ada ingin membeli anuiti ini atau tidak kerana ia merupakan satu pilihan.

**Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan tadi. Sungutan-sungutan yang dibuat oleh beberapa pihak seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya rasa ada asasnya kerana kajian-kajian yang dibuat menunjukkan pulangan kepada pencarum adalah lebih baik sekiranya ia mengekalkan simpanannya di dalam KWSP berbanding dengan ianya dikeluarkan dan dilaburkan ataupun membeli skim anuiti ini. Kenapakah pihak KWSP memperkenalkan skim ini, sedangkan KWSP sendiri mempunyai skim seperti pengeluaran dividen tahunan dan sebagainya. Walaupun ianya merupakan satu pilihan sukarela tetapi seharusnya KWSP memperkenalkan skim-skim yang lebih baik daripada apa yang dibuat oleh KWSP sendiri untuk diurustadbirkan oleh pihak insurans dan sebagainya tetapi jelas pulangan yang ditawarkan oleh anuiti ini lebih rendah daripada pulangan yang disediakan oleh KWSP sendiri.

Jadi, *in the first place*, KWSP tidak sepatutnya memperkenalkan skim ini kerana ianya tidak lebih baik daripada yang sedia ada.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, perbandingan dibuat antara skim anuiti dengan simpanan KWSP dan selepas ini untuk mengeluarkan dividen adalah satu perbandingan yang tidak tepat, ini seperti satu perbandingan di antara buah limau dengan apel. Kerana Yang Berhormat mengatakan kalau kita mengekalkan simpanan kita dalam KWSP dan pulangannya lebih baik. Ini bergantung kepada prestasi KWSP kerana dalam Akta KWSP, pihak KWSP cuma memberi jaminan bahawa pulangan yang paling rendah ialah 2.5%. Bukan setiap tahun boleh dapat 6%, 7% bukan, ini terpulang kepada prestasi KWSP.

Ini tidak merupakan satu jaminan di mana pencarum mesti dapat 6%, 7% atau 8%, yang dijamin oleh akta ialah cuma 2.5%. Dan skim anuiti ini adalah satu skim yang mempunyai elemen ataupun ciri-ciri insurans di mana kalau umur mereka lebih panjang, untung lebih banyak. Sekarang dengan keadaan perubahan yang begitu

canggih, *average live spend*, dengan izin, telah pun meningkat. Kita sudah mengira bahawa seorang pencarum kalau sekiranya umurnya lebih panjang daripada 65 tahun di mana pulangnya lebih tinggi, kadang-kadang sekarang sampai umur 75 tahun, 85 tahun, ini pun tidak tentu dan untuk mereka yang sebelum sampai umur 55 tahun, kalau sekiranya mereka telah hilang upaya bekerja seumur hidup, mereka adalah diberikan perlindungan dalam skim ini.

Maka saya haraplah Yang Berhormat faham skim ini. Perbandingan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat ini menunjukkan Yang Berhormat memang tidak faham skim ini. Terima kasih.

**Dato Goh Siow Huat:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. saya difahamkan cuma lapan syarikat dipilih melaksanakan skim ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sedikit tentang kriteria-kriterianya? Sekian.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, bagi sesebuah syarikat insurans hayat untuk menyertai skim anuiti KWSP ini, syarikat tertentu haruslah ataupun mesti memenuhi beberapa kriteria yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Antaranya ialah penyertaan ekuiti secara efektif oleh warga negara Malaysia sekurang-kurangnya sebanyak 51%. Maka lapan buah syarikat insurans yang dipilih adalah merupakan syarikat insurans tempatan sekurang-kurangnya 51%.

Dan keduanya, syarikat yang berkenaan mesti mempunyai *shareholders fund*, dengan izin, sekurang-kurangnya sebanyak RM50 juta dan satu kriteria yang lain ialah syarikat yang tertentu mesti mempunyai kumpulan wang pemunya polisi sekurang-kurangnya sebanyak RM300 juta dan satu lagi kriteria ialah syarikat yang dipilih mesti mencatatkan satu pulangan pelaburan bagi tempoh 1995 hingga 1997 pada kadar purata sekurang-kurangnya 7% dan satu lagi kriteria ialah syarikat yang terpilih ini mesti tidak mempunyai sebarang laporan negatif yang nyata mengenai penanggung insurans tersebut.

Maka bila sesebuah syarikat dapat memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Bank Negara ini, baru dapat ditimbang oleh pihak KWSP. Terima kasih.

**4. Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah arahan dan garis panduan kementerian kepada sekolah-sekolah dalam menyelesaikan masalah disiplin pelajar-pelajar terutamanya pengusiran seseorang pelajar yang didapati tidak berdisiplin langsung.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Bagi mengatasi masalah disiplin di kalangan pelajar, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan beberapa arahan dan garis panduan kepada sekolah-sekolah. Ia disusuli dengan mengadakan kursus, seminar dan forum bagi pengetua, guru besar, guru disiplin dan guru-guru. Langkah tersebut bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan peraturan disiplin di sekolah-sekolah.

Antara arahan dan garis panduan tersebut ialah:-

- (i) Buku Panduan Tatacara Disiplin sekolah untuk guru-guru dan guru besar;
- (ii) Peraturan-peraturan Pendidikan Disiplin murid;
- (iii) Akta Pendidikan 1996; dan
- (iv) surat-surat pekeliling, ikhtisas yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan disiplin yang diambil kepada seseorang pelajar adalah bergantung kepada tahap serius kesalahannya yang dilakukan. Beberapa kaedah digunakan seperti memberi kaunseling, memberi amaran, memanggil ibu bapa atau penjaga ke sekolah. Juga kita mengadakan sistem de merit menggantung persekolahan dan disingkirkan dari sekolah sekiranya tindakan-tindakan awal tidak memberi kesan.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah pada masa ini ada lebih kurang lima juta orang. Oleh sebab itu, tanggungjawab kita berat. Oleh sebab anak-anak ini bermula dari rumah baru ke sekolah, marilah kita sama-sama memikirkan untuk sama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi negara sekarang. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat

Timbalan Menteri. Antara pelanggaran disiplin oleh pelajar-pelajar kita ialah murid-murid atau pelajar-pelajar yang digunakan oleh parti-parti pembangkang yang membawa fahaman parti politik pembangkang ini ke sekolah.

Tindakan patut diambil. Jadi saya berharap Kementerian Pendidikan akan bertegas tentang perkara ini. Yang mendukacitakan baru-baru ini, ini soalan ini, kita memuji sikap guru-guru yang mengambil berat tentang disiplin pelajar-pelajar, tetapi yang mendukacitakan yang berlaku di Baling, 'pelik bin ajaib'. Seorang guru yang mengambil tindakan disiplin kepada muridnya yang membawa fahaman politik ke sekolah dengan membawa lambang-lambang parti pembangkang. Tiba-tiba guru ini ditukarkan. Ini saya tidak faham. Sepatutnya guru ini diberikan melintang – kepujian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi, saya dukacita pihak yang mengambil tindakan ke atas guru ini. Patut guru ini dikembalikan semula ke sekolahnya dan diambil tindakan kepada pegawai-pegawai pendidikan yang mengambil tindakan negatif atas tindakan baik guru-guru ini. Kalau saya dalam Kementerian Pendidikan telah lama saya ambil tindakan. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, sudah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jangan lupa, guru-guru ini tauke guru-guru ini, ini soalan ini, tauke guru-guru ini ialah Kementerian Pendidikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dan Kementerian Pendidikan sebahagian daripada Kerajaan Barisan Nasional, Pusat. Jadi, patut mereka sesuai dengan Kerajaan Pusat. Soalan saya, apa tindakan Kementerian Pendidikan terhadap murid-murid yang digunakan oleh parti pembangkang membawa fahaman politik ke sekolah-sekolah. Terima kasih. Terutama PAS.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli Parlimen bagi Sri Gading. Sungguh mendukacitakan apa Yang Berhormat katakan tadi. Kepada kawan-kawan

saya dari parti pembangkang suara Yang Berhormat bagi Sri Gading itu meliputi kehendak negara, bukan pendapat dia. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Boo.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Jangan marah. Jangan tuan-tuan fikir bahawa hasutan dan menghasut itu adalah kemenangan. Esok kalau tuan-tuan mengata hari ini apabila memerintah tuan-tuan Yang Berhormat-Yang Berhormat akan mewarisi orang-orang yang keras hatinya. Pada masa itu untuk mencerakinkan cara-cara pemerintahan, agak lebih susah daripada sekarang, ingat ini. Ini orang tua bercakap. Bukan Yang Berhormat, tidak. Tolong, jangan ambil ini perkara senang. Yang 'menjeleh' ini pun mendapat faedah daripada kerajaan ini. Bukan daripada pihak lain. Terutama sekali yang muda-muda ini.

Bagi saya orang Malaysia yang umur 50 tahun ke bawah, jadi profesional, jadi ahli perniagaan hasil daripada perjuangan Perikatan dan Barisan Nasional. *[Tepuk][Disampuk]*

Tidak marah, tidak marah. Hanya tuan-tuan terasa, itu sahaja. Tetapi saya ingin meminta kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, mungkin tidak semua, tetapi apa yang berjalan sekarang akan merosakkan negara pada masa lima tahun, sepuluh tahun akan datang. Percayalah! Tunggu dahulu *[Disampuk]*Saya beri.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, ya tuan-tuan dan puan-puan pun ada, Yang Berhormat lelaki, Yang Berhormat perempuan sama sahaja. *[Ketawa]* Puas hati? Okay, terima kasih.

Saya juga mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada sumbangan guru-guru yang begitu banyak prihatin kepada pendidikan kanak-kanak dan kepada guru-guru yang lain sedikit ini, kita baru setahun, lepas setahun ini saya akan ambil tindakan. Tetapi bagi yang di Baling itu, Yang Berhormat saya amat rasa kecewa. Inilah hasil hasutan dan masuk jarum sehingga merosakkan sistem perjalanan di sekolah-sekolah dalam negara hari ini. Siapa yang mesti dipertanggungjawabkan.

**Beberapa Ahli:** PAS.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan-tuan sudah jawab, saya tak payah jawab. Tetapi ingat hari ini kita ketawa, esok kita akan menangis dan tidak ada keputusannya. Pada masa itu rasakanlah betapa pedihnya apabila negara kucar kacir.

Kepada Baling, khususnya, saya sendiri akan mendapatkan laporan khas dan kalau guru itu teraniaya, kita akan selamatkan dia dan yang menganiaya akan mendapat padahnya, Insya-Allah. Sekian, terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

[*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, teruskan sahaja. Ha, soalan terus ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Ini soalan tambahan ya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat menyatakan ada garis panduan, ada arahan, ada surat pekeliling, ada Akta Pendidikan, tetapi yang memperuntukkan kuasa untuk menyelesaikan masalah disiplin pelajar adalah di bawah satu peraturan 8A Education School Discipline Regulations yang memperuntukkan kuasa yang amat luas di mana berdasarkan budi bicara seorang pengetua untuk menjaga ketenteraman sekolah dan pelajar yang terlalu luas.

Kita boleh lihat baru-baru ini ada seorang pelajar dari sekolah yang terkemuka di Ipoh telah dibuang sekolah. Seorang pelajar tingkatan lima yang akan menduduki peperiksaan dalam masa tiga bulan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya ingin bertanya, apakah kementerian bercadang untuk mengurangkan kuasa, *limit the power* melalui peraturan 8A, *regulations* ini, sebab arahan pekeliling semua ini tiada kuat kuasa di mahkamah, ia hanya garis panduan sahaja. Bila penyalahgunaan ini, kita tidak boleh membawa kes ke mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya hendak tanya sama ada akan menghadkan dan menyatakan kategori apakah kes di mana pihak pengetua boleh membuang sekolah pelajar itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebagaimana saya memaklumkan tadi, pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah jumlahnya lima juta orang. Kalau Menteri Pendidikan hendak pergi ke semua sekolah mengawasi sudah tentulah perkara ini tidak mustahil, boleh dijalankan – tetapi tidak dijalankan.

Tetapi itulah sebabnya kita mempunyai pewarisan ataupun *delegation of power*, dengan izin. Dan kalau kita tidak memberi keyakinan dan kepercayaan kepada orang yang kita amanahkan, kepada siapa lagi yang kita hendak turunkan. Tetapi kalau seorang murid di antara lima juta, tentulah ada silapnya kepada murid itu. Janganlah salahkan kepada sekolah. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat lelaki dan perempuan [*Ketawa*] rasa inginkan negara mempunyai keamanan dan keharmonian, ikutlah peraturan dan perintah dan kita tidak akan jadi masalah.

Seperti yang saya katakan tadi, anak-anak bermula daripada rumah, bukan daripada sekolah. Kalau setiap ibu bapa memberi perhatian yang serius kepada pembangunan anak-anak, masalah disiplin ini tidak timbul. Tetapi bila timbul jangan salahkan kepada guru sahaja, ibu bapa juga terlibat sama dan kita ibu bapa, sama ada parti yang dalam kerajaan ataupun pembangkang – kita ibu bapa. Ini tidak dapat dipisahkan. Marilah kita sama-sama kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah oleh sebab satu titik nila kita tidak mahu merosakkan susu se belanga.

**Seorang Ahli:** Belum kahwin. Dia bujang lagi.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Saya minta maaf, saya tidak soal pun kahwin ataupun tidak. Saya, masalah saya soal anak. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah, jangan kita hadkan, kalau kita hadkan, kita mencari kesusahan Apa yang telah kita fikir hari ini adalah perkara yang terbaik, kalau sekiranya tidak memerlukan undang-undang, okay, no problem. Tetapi kita hendak pengawasan dan Menteri Pendidikan seorang, Timbalannya ada dua orang, Setiausaha Parlimen ada satu – tiga. *Do you want us to go?* Dengan izin, *for five million, we are not mandor*. Tetapi kita yakin, ...

**Puan Fong Po Kuan:** [*Menyampuk*]

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Janganlah marah! Kita yakin kepada kebijaksanaan guru besar dan guru besar tertakluk kepada Jabatan Pendidikan Negeri, *there must be a hierarchy*, dengan izin, mesti ada penyusunan kuasa. Kalau tidak, hari ini mungkin seronok tuduh kami di sini tidak buat kerja, you perintah besok, you tahu kami 'pukul' pula.

**Beberapa Ahli:** [*Bising*]

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tetapi Insya-Allah, Barisan Nasional akan terus seribu tahun lagi. [*Tepuk*]

5 **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan rancangan atau tindakan jangka pendek dan jangka panjang mengenai tahap keselamatan persisiran pantai Semenanjung Malaysia dan Sabah yang nampaknya tidak begitu terkawal sehingga sering dibolosi oleh sindiket membawa pendatang haram dan berlakunya aktiviti rompak, penyeludupan dan penculikan oleh anasir luar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan pada 30 November 2000 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tawau kerana perkara yang dibangkitkan juga adalah saling berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan dari Sipitang dan juga Tawau dan juga beberapa soalan yang lain yang sama, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mempertingkatkan keselamatan khususnya di pesisiran Pantai Timur Sabah seperti berikut:

- (i) menambah anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) serta penempatan anggota-anggota tentera atau Angkatan Tentera Malaysia bagi mempertingkatkan kawalan di pantai-pantai dan juga di pulau-pulau di Sabah;
- (ii) menambah keanggotaan di tempat-tempat pelancongan, pinggir pantai serta dengan kelengkapan logistik yang mencukupi dan

kemudahan komunikasi serta mengadakan pangkalan-pangkalan keselamatan, dengan izin, guard post;

- (iii) mempertingkatkan rondaan di perairan pantai Sabah dan oleh pihak pasukan Polis Marin bagi menjalankan operasi terhadap kapal-kapal dan bot-bot ataupun 'kumpet' yang menggunakan laluan melintasi pulau-pulau pelancongan di sekitar negeri Sabah;
- (iv) melengkapkan alat-alat logistik yang bersesuaian dan mencukupi dengan tindakan yang diambil lebih berkesan;
- (v) kerjasama yang erat antara agensi-agensi penguat kuasa keselamatan negara iaitu polis, tentera darat, laut dan udara telah dapat memastikan tahap keselamatan pulau-pulau di perairan Sabah dari dibolosi oleh sindiket membawa pe ndatang haram dan juga berlakunya rompakan, penyeludupan dan penculikan dari anasir-anasir luar negara.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Setiausaha Parlimen tadi. Beberapa strategi telah pun diatur dan ini tentunya menambah keyakinan rakyat terutama sekali di Sabah dan juga di sebelah Pantai Timur, Pantai Barat Sarawak. Walaupun demikian, strategi yang ada sekarang seperti rondaan Polis Marin, serbuan oleh pihak Imigresen, nampaknya tidak begitu berkesan, walaupun ini dibuat, ini boleh diperhatikan dari segi hasil kerja. Misalnya baru-baru ini serbuan dijangka menangkap 1,000 pendatang asing, hasilnya tinggal 300 orang, gagal. Tidak ada tangkapan ataupun pemeriksaan semasa meronda di laut. Ini saya perhatikan sendiri, saya selalu memancing di laut, Polis Marin lintas sahaja, tidak memeriksa.

Penyeludupan masih lagi berlaku secara terang-terang. Ini boleh dilihat dari Labuan ke Tanah Besar Sabah. Jadi, apakah kementerian ada strategi lain, misalnya mengesan – baru-baru ini ada istilah, tolong orang lain menyelamatkan orang – ada istilah baru iaitu *informer*, dengan izin. Jadi, apakah mungkin perkara seperti ini

dapat dihalang dan ada strategi lain yang lebih berkesan. Misalnya, cara menyamar diri melalui *intelligent* dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, pihak keselamatan kita sentiasa mencuba dan juga mengadakan unjuran-unjuran supaya dapat mengenal pasti berkaitan dengan perkara-perkara yang disebutkan oleh Sipitang tadi. Tetapi walau macam manapun, penyeludup-penyeludup ini ada hubungan-hubungan di antara satu dengan yang lain. Oleh itu memanglah kita menggalakkan bahawa pasukan kita terutama polis menyamar dan selepas itu mengambil tindakan dari masa ke semasa untuk kepentingan, keselamatan di perairan Sabah. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik kepada jawapan dari Yang Berhormat tadi terutamanya mengenai penambahan Pasukan Gerak Am (PGA) kalau tidak silap saya ditambahkan daripada empat kepada lima sekarang ini. Dan juga tambahan kepada tentera darat untuk empat batalion di kawasan itu, dan alat-alat kelengkapan telah ditambahkan.

Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah sebenarnya berlaku dengan penculikan di Sepadan dan Pandanan. Apakah sebenarnya berlaku kerana setakat ini rakyat Malaysia tidak tahu. Yang tahunya dua, empat orang diculik dari Sepadan dan juga tiga dari Pandanan. Dan adakah kita bayar wang tebusan untuk menyelamatkan mereka ini. Dan Tuan Yang di-Pertua, saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bersimpati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, sudah dua soalan ni. Dua sudah soalnya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pertama, apakah sebabnya. Yang kedua, adakah bayar pampasan. Dua soalnya sudah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan. Itu soalnya berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan Yang Berhormat kerana ada tradisi, ada sejarah, sosial, ekonomi dan politik di kawasan perairan Sabah Timur menyebabkan masalah yang begitu rumit. Tetapi, walaupun janji dibuat oleh pihak Kerajaan, tetapi keselamatan dan keberkesanan itu kurang. Apakah yang boleh kita buat lagi untuk menyelesaikan masalah keselamatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga dah soalan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tiga dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Saya bukan duduk sahaja, dengar juga ni. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Kepong tadi tentang menimbulkan satu, dua, tiga soalan. Walau macam mana pun, tentang tujuan culikan, kita ini tidak dapat hendak mengandaikan ataupun *to preempt* dengan izin, apakah tujuan dan matlamat penculik-penculik ini. Tetapi apa yang kita lihat, yang berlaku ialah dengan adanya penculikan ini, menyedarkan kita bahawa keselamatan di perairan kita amat perlu kita berikan perhatian yang serius.

Oleh itu, kita telah meningkatkan sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, empat batalion terlibat, angkatan tentera, anggota polis, enam batalion dan lain-lainnya. Ini adalah langkah-langkah yang telah kita ambil untuk menjaga keselamatan perairan kita. Oleh itu, tentang pampasan, saya tidak dapat menyatakan sebab perkara ini terpulanglah kepada andaian masing-masing untuk menyatakan pemikiran masing-masing. Sekian, terima kasih.

*[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Tiong Thailand King (Lanang) tidak hadir]*

7. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah kedudukan cadangan *Bintang Walks*, bilakah akan dilaksanakan sepenuhnya dan kesan ke atas orang ramai dan masyarakat peniaga yang lain.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Cadangan *Bintang Walks* dari bangunan Lot 10 ke JW Mariot Hotel, Jalan

Bukit Bintang telah pun siap dan dibuka sepenuhnya pada akhir tahun 1999. Projek tersebut merupakan suatu usaha dan inisiatif pihak swasta untuk membangun dan memperindahkan kawasan rizab jalan menjadi satu kawasan tarikan pengunjung dengan penyediaan kemudahan pejalan kaki yang selesa serta ruang kedai makan dan minum.

Kewujudan *Bintang Walks* telah berjaya menarik perhatian orang ramai terutamanya di kalangan para pelancong di bandar raya Kuala Lumpur. Di samping itu, ia juga memberikan kesan yang positif terhadap aktiviti perniagaan di kawasan sekitar berikutan dengan pertambahan kedatangan para pelancong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah pandangan wakil-wakil rakyat tidak diminta malah diminta meninggalkan mesyuarat dengan para pekedai anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak lama dahulu, bagi membincangkan cadangan *Bintang Walks* iaitu langkah menutup sebahagian Jalan Bukit Bintang padahal mereka wakil-wakil rakyat seperti saya dan juga rakan saya wakil dari Cheras di jemput mewakili masyarakat peniaga.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bila menutup sebahagian Jalan Bukit Bintang akan berlaku kesesakan lalu lintas di sekeliling kawasan Bukit Bintang kerana infrastruktur tambahan pengaliran pengangkutan awam belum siap seperti *monorail* dan juga kekurangan tempat letak kereta. Implikasi kepada para peniaga akan terjejas kerana para pembeli takut datang ke tempat Bukit Bintang kerana kesesakan lalu lintas. Soalan saya, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini yang dikemukakan oleh para peniaga dan juga orang-orang awam. Terima kasih.

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Projek berkonsep *Bintang Walks* ini adalah usaha pihak swasta. Dan, kami bagi pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanyalah mengkomplimenkan usaha-usaha mereka ini. Pada ketika ini nampaknya projek *Bintang Walks* ini berjalan dengan baik. Setakat ini saya tidak nampakada sesuatu masalah yang besar.

Soal lalu lintas ini adalah kuasa pihak Polis Trafik dan rasa saya pada ketika ini mereka telah membuat beberapa kajian untuk menyelesaikan masalah itu. Nampaknya pada ketika ini, sudah ada perubahan yang berlaku di kawasan Bukit Bintang ini.

Rasa saya setakat hari ini tidak ada masalah-masalah yang besar yang berlaku di *Bintang Walks* itu bahkan *Bintang Walks* ini menjadi satu tarikan kepada para pelancong dan juga pelancong-pelancong di dalam negara kita yang datang ke Kuala Lumpur. Terima kasih.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang pandangan orang ramai bahawa dengan pengwujudan *Bintang Walks* telah tukar imej kawasan Jalan Bukit Bintang. Apa pandangan Yang Berhormat tentang hal ini dan ini adalah satu konsep yang baik. Adakah dengan kejayaan ini, pihak Jabatan Perdana Menteri akan memperkenalkan ini kepada jabatan yang lain terutama pihak berkuasa tempatan yang lain seperti di Majlis Bandaraya Johor Bahru untuk mengadakan konsep *Bintang Walks* ini di Johor Bahru dan akan dapat mempromosikan pelancongan dan mempertingkatkan imej Bandaraya Johor Bahru. Sekian, terima kasih.

**Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Nampaknya *Bintang Walks* ini, yang macam saya kata tadi, menarik perhatian orang ramai bukan sahaja warganegara kota di Kuala Lumpur ini bahkan di ibu kota-ibu kota negeri yang lain. Ini memang menunjukkan bahawasanya projek *Bintang Walks* ini bersesuaian dengan apa yang kita dapati pada hari ini yang mana kita berhasrat untuk menaikkan taraf Kuala Lumpur ini sebagai suatu bandar atau ibu kota yang setanding dengan ibu kota-ibu kota di dunia ini.

Jadi, apabila Yang Berhormat meminta sama ada perancangan-perancangan untuk menjadikan Johor Bahru itu – ada tempat-tempat di Johor Bahru itu seumpama *Bintang Walks* di Kuala Lumpur, rasa saya terpulanglah kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru. Kalau pun untuk meniru apa yang berlaku di *Bintang Walks* di Kuala Lumpur ini, rasa saya perlu sesuatu kajian yang secara mendalam dan untuk kita

mengadakan sesuatu seumpama *Bintang Walks* ini di bandar-bandar yang lain. Terima kasih.

8. **Tuan Joseph Salang anak Gandum [Julau]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan harga barangan buatan Malaysia dijual dengan harga yang lebih tinggi di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan harga di Semenanjung Malaysia. Bolehkah Kementerian mengarahkan pengeluar-pengeluar Malaysia yang memasarkan barangan mereka di Sabah dan Sarawak untuk menyerapkan kos pengangkutan (ke Sabah dan Sarawak) ke dalam setiap unit kos keluaran supaya harga jualan di seluruh Malaysia dapat diseragamkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ingin memaklumkan bahawa di Malaysia terdapat sistem harga dua tingkat, dengan izin, two-tier pricing system, di mana harga di Semenanjung adalah berbeza dengan harga di Sabah dan Sarawak kecuali untuk barang-barang yang dikeluarkan di Sabah dan Sarawak. Ini secara umum disebabkan oleh margin yang berbeza untuk kos pengangkutan dan pendedaran.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah membuat satu kajian untuk meninjau perbandingan harga barang-barang di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak. Kajian telah menunjukkan bahawa ada beberapa sebab perkara ini berlaku, antaranya ialah:

- (i) barang-barang pertanian atau barang-barang yang dibungkus dan yang diperdagangkan antara negeri, margin dalam kos pengangkutan dan logistik menentukan harga terakhir dan ini akan menyumbang kepada perbezaan harga antara kawasan ataupun antara negeri;
- (ii) barang-barang kilang, dengan izin, *package and manufactured goods*, harga berbeza oleh kerana, dengan izin, *economies of scale in distribution*, di mana jumlah barang-barang yang diedarkan kepada Sabah dan Sarawak adalah kecil jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia; dan

- (iii) oleh kerana sebab-sebab ini, barang-barang yang harganya dikawal selia oleh Kerajaan seperti gula, tepung, susu pekat manis, minyak masak, dijual dengan harga yang lebih tinggi iaitu di antara 8% - 10% lebih tinggi daripada harga jualan di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, daripada kajian didapati kos pengangkutan adalah tinggi kerana kapal atau kontena yang mengangkut barang-barang ini biasanya tanpa muatan dalam perjalanan balik kerana komoditi dari Sabah dan Sarawak adalah agak terhad untuk dibawa balik ke Semenanjung.

Terdapat juga beberapa syarikat pengeluar yang sanggup menanggung kos perbelanjaan penghantaran dan pengangkutan. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak boleh memaksa mana-mana pihak pengeluar untuk menyerapkan kos pengangkutan yang tinggi itu. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sepertimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, memang ada terdapat perbezaan dari segi harga-harga termasuk barangan kawalan dan barang-barang biasa dan dikatakan barangan kawalan 8% sampai 10% dan barang biasa sebenarnya seringkali sampai kepada 30% atau lebih 30%. Now, seperti yang disentuh tadi katakan bahawa antara sebab ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah pengangkutan dan masalah margin yang perlu tetapi kita berpendapat bahawa terlalu banyak tekanan kepada soal pengangkutan. Adakah pihak kementerian telah mengadakan kajian secara terperinci memastikan adakah margin 10% itu bagi barang-barang kawalan ataupun bagi barangan lain yang sampai kepada tahap 30%. Adakah margin ini rasional, adakah margin ini betul-betul berasas kepada soal pengangkutan dan seterusnya ataupun extra profit, dengan izin, memang wujud kerana peranan middle man. Jadi saya mahu bertanya dalam soal ini kerana adalah penting pihak kementerian betul-betul mengetahui adakah ini timbul daripada kos lebih daripada pengangkutan dan lain-lain ataupun hasil daripada extra profit, dengan izin, oleh middle man, terima kasih.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya selalu meninjau keadaan kalau pengilang-pengilang atau peniaga-peniaga akan mengaut

keuntungan yang berlebihan daripada biasa. Untuk kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bandau, di samping kos pengangkutan atau pengedaran yang begitu tinggi itu, ada faktor-faktor lain di Sabah dan Sarawak yang menyumbang kepada kos yang tinggi itu. Faktor-faktor ialah di Sabah dan Sarawak, penduduk-penduduk terletak berselerak, scattered population dan sistem pengangkutan di Sabah dan Sarawak kalau dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia tidak begitu sempurna. Dan juga untuk barang-barang yang mudah rosak iaitu ikan, sayur-sayuran dan sebagainya, tidak cukup kemudahan pengstoran sejuk, cold room facilities dan kuantiti permintaan juga tidak begitu besar. Kalau ada kuantiti order yang secara pukal atau secara besar-besaran, mungkin ini akan menurunkan kos untuk seunit barang yang diminta. Sekian.

**Tuan Juslie bin Ajirol:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Libaran.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab soalan saya, adakah kajian diadakan menentukan margin itu betul atau tidak. Jadi kalau tidak ada kajian, bila dijalankan? Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, adakah buat kajian, kalau tidak buat, bila hendak buat? Tidak ada, jawab tidak adalah.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Saya sudah jawab mula-mulanya. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya selalu prihatin atas kepentingan pengguna dan saya sudah kata kalau ada kes-kes di mana pengeluar atau peniaga akan mengautkan keuntungan yang berlebihan, kementerian saya akan ambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, betul. Ya, Libaran, saya sudah sebut tadi.

**Tuan Juslie bin Ajirol:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan tambahan, bolehkah saya merakamkan sesuatu di Dewan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mengenai apa itu Yang Berhormat?

**Tuan Juslie bin Ajirol:** Mengenai kehadiran rakan-rakan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, tidak payahlah.

**Tuan Juslie bin Ajirol:** Tidak, ini penting, Tuan Yang di-Pertua ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apa, tidak apa, tidak payahlah.

**Tuan Juslie bin Ajirol:** Pasal ini integrasi pelajar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payahlah Yang Berhormat, kita ucap terima kasihlah mana yang hadir. Sila, soalan.

**Tuan Juslie bin Ajirol:** Soalan saya, adakah tidak kementerian telah mengarahkan ekoran permintaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengarahkan Pegawai Daerah, Ketua Kampung dan juga Pengerusi JKK terhadap kawalan barangan kita. Soalan saya, sejauh manakah keberkesanan arahan ini dan kalau ada kesan yang baik, apakah kebaikannya terhadap rakyat khususnya di Sabah dan Sarawak.

Soalan yang kedua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, masa sudah habis, cukuplah itu, sila jawab.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya akan menurunkan kuasa kepada Pegawai Daerah, Timbalan Pegawai Daerah dan kepada pihak-pihak tertentu untuk membantu kementerian saya untuk memantau harga-harga setiap hari dan untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya ada 14 pusat khususnya di ibu kota negeri. Tiap-tiap pagi, memungut harga-harga di tempat-tempat tertentu untuk sebagai perbandingan tiap-tiap hari dan untuk tiap-tiap minggu, kementerian saya juga memungut harga-harga atas 255 barang dan ini akan jadi satu perbandingan. Kalau ada trend barang-barang harganya naik dengan tanpa sebab atau tidak munasabah manakala kementerian saya akan mengambil tindakan untuk menstabilkan harga. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 9 hingga 24 adalah dijilid dalam buku berasingan]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) 2000****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2000****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Hakmilik Strata 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” [14 November 2000]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya minta Kementerian Pendidikan menyambung jawapan semalam. Silakan.

**11.08 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya sambung perbincangan semalam sampai ke hari ini. Adalah tidak benar dakwaan Yang Berhormat Batang Sadong yang menyatakan tiada wanita yang dilantik sebagai ketua sama ada di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Jabatan Pendidikan Daerah (JPD). Seperti perkhidmatan kerajaan yang lain, perlantikan atau kenaikan pangkat bukan berdasarkan kepada faktor, dengan izin, gender, sebaliknya berdasarkan kewibawaan pegawai, kecemerlangan perkhidmatan dan pengalaman kerja. Sebagai makluman, pada masa ini terdapat tiga orang wanita dilantik sebagai Pengarah Bahagian di Kementerian Pendidikan. Seorang sebagai Pengarah baru JPN, tujuh orang sebagai Ketua Sektor di JPN, lima orang sebagai Pegawai Pendidikan Daerah dan 80% Pengetua di seluruh negara adalah terdiri daripada kaum wanita. Jadi, tidak benarlah untuk mengatakan bahawa pihak kita tidak memberi tempat kepada wanita.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Puan Sukinam Domo:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong berdiri, Yang Berhormat. Ya, ada dua orang berdiri, mana hendak bagi satu?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagi wanita dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia bagi Batang Sadong.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap, sekejap, Kepong sekejap.

**Puan Sukinam Domo:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akui, sebab itu saya mengatakan memang ramai di antara guru wanita yang bilangan guru wanita ramai dan memang saya akui sebilangan besarnya Pengetua yang telah pun berkhidmat begitu lama. Tetapi tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan cuma seorang baru dilantik sebagai pengarah, kalau tidak silap saya. Jadi persoalan saya hari itu ialah mengapa tidak ada, sekarang baru ada. Kalau begitu ramai yang sudah jadi Pengetua dan memang saya akui bahawa perlantikan ini berdasarkan merit, so adakah bermakna bahawa prestasi guru wanita itu tidak setimpal ataupun tidak ada yang setaraf dengan lelaki?

Saya ingin bertanya, selama sejak 1992 SSB dilaksanakan, berapa ramai pegawai dan guru wanita telah mendapat pergerakan gaji melintang dan di antara yang dapat gaji melintang itu berapa kali mereka dapat melintang, kerana kalau saya tidak silap, dalam SSB, maksimumnya tiga kali boleh mendapat pergerakan gaji melintang dan di antara yang mendapat gaji melintang itu, berapa orang yang telah dinaikkan pangkat. Memang saya akui ada beberapa orang menjadi Ketua Bahagian dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong. Oleh kerana Yang Berhormat telah membangkitkan dalam perbahasan yang lampau mengenai dengan 'si adanya' ketua-ketua, ini bahasa Sarawak, Datuk, 'si ada', dia kata.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebut betul-betul ya, nanti tegur 'dek' orang *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tiada wanita yang mengepalai jabatan-jabatan. Jadi sekarang kita sudah adakan.

Untuk menjawab kepada persoalan pergerakan gaji dan sebagainya, saya tidak dapat sediakan sekarang, saya akan berurus sekiranya hendak juga mengenai dengan maklumat itu. Sebenarnya kita adakan menurut merit. Kita tidak kira sama ada wanita atau lelaki, itu saya pastikan. Keduanya juga dari segi gaji, tidak ada perbezaan sama ada wanita atau lelaki.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong berdiri Yang Berhormat, ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang Yang Berhormat tadi menyebutkan betapa baiknya dan ada lima orang pendidik, pengarah dan sebagainya daripada angkanya nampaknya kalau kita tidak mendalami masalah, nampaknya bagus-baguslah Kementerian Pendidikan begitu baik untuk wanita sehingga Menteri Pendidikan pun bila dia berucap terhadap wanita, saya nampak ada halus dan sopan santun sangatnya... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab pulut ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Santan binasa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....santan binasa, sebab mulut badan binasa. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada 273,000 guru di sekolah rendah dan menengah di Malaysia ini iaitu nisbah di antara wanita dengan lelaki atau lelaki dengan wanita di sekolah rendah adalah satu lelaki kepada hampir dua perempuan. Di menengah pun satu lelaki hampir kepada 1.6 perempuan. Ini bukan setengah perempuanlah, daripada nisbah. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan kuota sekarang. Kalau di sekolah rendah ada 1 lelaki kepada 2 perempuan, jawatan itu kepada dua perempuan bagi setiap orang lelaki. Bolehkah ini dipertimbangkan kerana kalau mengikut jasa atau merit yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang wanita ada merit sama dengan wanita, kadangkala lebih daripada akademik, daripada segi sektor pendidikan. Bolehkah kita adakan satu kuota bagi wanita untuk menunjukkan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Untuk semua jawatan, Yang Berhormat, untuk semua jawatan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan, untuk Kementerian Pendidikan kerana tidak cukuplah kita bersopan santun di hadapan wanita, kita mesti bersopan santun juga dari semua segilah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Kepong, terima kasih. Saya tidak tahu mengapa dibangkitkan mengenai 'kerana santan pulut binasa' 'kerana mulut badan binasa'. Apapun tidak tahulah saya, tetapi apa yang saya dapat daripada Yang Berhormat tadi mengenai nisbah guru lelaki dan guru wanita. Itu pun saya telah jawab pada beberapa hari yang lampau di mana Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan kut. Saya sudah berkali-kali bercakap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang ada angka itu daripada jabatan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya sudah sebut berkali-kali kita di kementerian masa ini tidak ada cadangan untuk mengadakan kuota dari segi gandanya. Itu kita pasti, sebab sekiranya kalau kita lakukan demikian bermakna seolah-olah kita memberi satu favouritism kepada pihak wanita sahaja dan kita hendakketepikan pihak lelaki. Ini akan menimbulkan lagi banyak masalah. Kalau kita katakan ada kuota sudah tentu daripada pihak wanita akan bangun mengapa diadakan kuota. Mengapa tidak didasarkan kepada merit, meritkah atau married?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong tadi. Pertama mengenai soalan kuota antara wanita dan lelaki. Saya tertarik juga dengan peribahasa tadi 'sebab santan pulut binasa' 'sebab mulut badan binasa'. [Ketawa] Saya ingat dia itu sebenarnya yang menjadi begitu. Tetapi soalan saya ...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya perbetulkanlah, kerana dia pun tidak betul juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tetapi mulut dia kena jaga Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya

**Dr. Tan Seng Giaw:** 'Sebab pulut santan binasa' 'sebab mulut badan binasa'

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat, dia faham, dia faham. Yang Berhormat Bagan Datoh faham.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Baru sahaja belajar cakap Melayu itu. Tuan Yang di-Pertua tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada membangkitkan tentang soal 80% daripada pengetua-pengetua sekolah menengah terdiri daripada wanita-wanita. Ini merupakan satu pendekatan yang patut dialu-alukan. Soalan saya adakah masalah disiplin yang terlalu rendah sekarang ini disebabkan oleh faktor ramainya pengetua-pengetua wanita itu. Walaupun dari segi prestasi pendidikannya nampak lebih baik daripada yang lalu, atau adakah perlu satu skim khas untuk memperseimbangkan antara ilmu sebagai pendekatan untuk mempertingkatkan tahap pembelajaran dengan pendidikan dalam bentuk bagi mencernakan sahsiah akhlak di kalangan pelajar-pelajar.

Kerana kalau kita tahu bukan sahaja chauvinist lelaki tetapi apabila pengetuanya terdiri daripada orang lelaki biasanya sekolah-sekolah itu mempunyai disiplin yang kuat. Apabila disiplin itu kuat selain daripada prestasinya baik pembentukan akhlak itu dapat dibuat dengan baik. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju masalah gengsterisme dan masalah vandalisme yang berlaku ada kaitannya dengan kelemahan-kelemahan pengetua-pengetua wanita ini di dalam mendisiplinkan pelajar-pelajar di sekolah menengah ini. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan Datoh kerana membangkitkan perkara ini. Pertama mengenai 80% pengetua di seluruh negara adalah terdiri daripada kaum wanita. Saya telah melawat beberapa buah sekolah di mana pengetuanya adalah terdiri daripada wanita. Saya beri jaminan di sini kepada Yang Berhormat misalnya kita ambil contoh apabila sekolah dibakar di Seksyen 19 di Shah Alam. Di situ saya dapati pengetuanya hanyalah seorang perempuan. Dari segi administration saya dapati sekolah itu begitu teratur. Dari segi kebersihannya juga cukup baik dan muridnya adalah seramai hampir 2,700 orang kesemuanya. Tetapi pengetua itu memang berjaya mengetuai sekolah itu sebagai kepala sekolah itu. Ada juga sekolah yang saya pergi yang mana

pengetuannya seorang lelaki, dari segi pengurusannya agak kurang cekap dari segi kebersihan dan sebagainya.

Jadi dalam hal ini saya rasa untuk menjaga ataupun mengepalai sekolah itu kita tidak boleh hubungkan dengan masalah disiplin. Sebab dalam kes disiplin kita mempunyai guru disiplin. Sekarang kita bercakap dua, tiga orang ataupun satu pasukan guru disiplin. Ini untuk menjamin mengenai dengan disiplin di sekolah begitu lancar. Di samping itu juga pengetua-pengetua daripada wanita ini saya rasa kita tidak boleh bandingkan kerana ramainya mereka maka disiplin sekolah begitu menurun. Itu tidak dapat kita terima, begitu juga saya rasa dari segi ilmu dan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lubok Antu bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh saya habis ini dahulu. Mengenai dengan pembelajaran dan pengajaran. Ini juga harus saya tekankan bahawa ini menjadi bases kita dalam Kementerian Pendidikan, di mana dari segi objektif pendidikan negara kita pembentukan akhlak dianggap sebagai satu perkara yang utama. Bukan sahaja kita memberi segala macam ilmu, tetapi juga untuk mendidik seseorang murid itu supaya menjadi sebagai seorang insan yang kamil.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Drs. Abu Bakar bin Othman:** *[Bangun]*

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Jerlun, Shah Alam bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya beri Yang Berhormat bagi Lubok Antu dahulu. Boleh tak kita tumpu yang kita sedang bincang ini lebih baik begitu. Kalau tidak macam-macam dibangkitkan nanti. Saya tidak boleh habis Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya bersetuju juga.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebab kita sudah bincangkan kelmarin cukup banyak. Jadi saya rasa lebih baik kalau soalan itu tumpu kepada kala u minta penjelasan benda yang saya bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Elok juga, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya berikan kepada Yang Berhormat bagi Lubok Antu.

**Tuan Jawah anak Gerang:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan disiplin saya bercadang supaya guru-guru besar atau pengetua sekolah dibolehkan merotan yang dahulunya sangat digeruni oleh murid-murid sekolah. Kenapa kita tidak menggunakan rotan sekarang supaya lebih mendisiplinkan murid-murid. Itulah cadangan saya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya akan ambil itu sebagai cadangan daripada Yang Berhormat bagi Lubok Antu. Tetapi sebenarnya kita ada peraturan-peraturan mengenai dengan disiplin siapa boleh merotan dan siapa tidak boleh merotan. Itu sudah kita pastikan, kita ada peraturan dan semua pengetua dan guru disiplin memang tahu mengenai dengan itu. Ya Yang Berhormat bagi Shah Alam.

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal disiplin, saya tidak nafikan bahawasanya kalau guru besar perempuan atau lelaki masalah disiplin dan untuk mengurus dan mentadbirkan sekolah itu tidak ada masalah. Tetapi Yang Berhormat gunakan example Sekolah Menengah Seksyen 19 Shah Alam yang sekolah famous terbakar itu. Tetapi cuba bayangkan Yang Berhormat, sekolah itu cuma ada 4 orang guru lelaki. Jadi yang hendak kawal anak murid lelaki ini saya rasa guru-guru wanita ini tidak terkawal. Jadi pada saya there is no fatherly figures head di sekolah tersebut. Walaupun daripada segi pengurusan pentadbiran kecemerlangan pelajar tercapai tetapi kalau guru lelaki ada 4 orang. Seorang hendak menjaga disiplin, tidak adakah hendak diadakan restructure balik daripada segi pihak kementerian.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Memang saya rasa sekolah itu ada 4 orang guru lelaki dan saya tidak boleh katakan masalah terbakar itu kerana ada 4 orang guru lelaki. Bagaimana kalau saya katakan di sekolah di kawasan saya di mana guru disiplinnya ialah guru perempuan. Di mana murid-murid begitu takut sekali, begitu gerun dengan guru disiplin. Jadi dalam hal ini....

**Puan Chong Eng:** *[Berkata sesuatu]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kalau hendak bercakap bangun, tidak perlulah komen-komen macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap lagilah kalau hendak bincang, tetapi tidak perlulah tertawa. Ya ini pun macam tidak ada disiplin juga *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ha, tidak apalah Yang Berhormat kena duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, tidak payahlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak payahlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Keputusan saya buat, tidak payahlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ada disiplin sedikit. Kita bercakap mengenai disiplin, tidak ada disiplin *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat Shah Alam saya ucapkan terima kasih dan kalau ini menjadi masalah kita akan lakukan satu kajian adakah penyebab disiplin di kalangan murid-murid disebabkan oleh guru perempuan atau pengetua perempuan. Kita boleh lakukan satu kajian secara rambang dan kemudian kita akan beritahu kepada Dewan ini terima kasih. Saya nampak Yang Berhormat bagi Jerlun tadi lama dia sudah tunggu. Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sekejap.

**Drs. Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Kita berbincang tentang disiplin. Disiplin merupakan sesuatu yang sangat mustahak dalam tata kehidupan insan. Yang Islam memberikan perhatian yang begitu saksama. Dalam hal ini peranan guru-guru, peranan ibu bapa mesti seiring jangan di sekolah lain dan di rumah lain. Ilmu, iman, amal dan takwa integrasi di antara keempat-empat ini dengan ilmu sekular yang kita pelajari insya-Allah akan menjadi insan yang berdisiplin, berakhlak mulia. Kalau tidak akan berlaku seperti mana bekas Menteri Besar menjadi Presiden universiti

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerlun hendak minta penjelasan atau hendak membuat hujah.

**Drs. Abu Bakar bin Othman:** Ada soalan, minta penjelasan sekejap lagi ya, dan yang terbaru Exco, semua orang, ini masalah disiplin. Maka saya tidak nafikan kita semua mengakui masalah disiplin merupakan perkara yang bermula daripada sekolah rendah dan sekolah menengah insya-Allah. Jadi berhubung dengan Presiden sebuah universiti, tumbuk orang, tendang orang ini dan juga Exco pun juga yang terbaru tumbuk orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat cukuplah, cukup.

**Drs. Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih minta penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya memang peka soalan itu, tadi kita buka jalan ingat kawan kita Yang Berhormat bagi Jerlun hendak kemukakan cadangan atau sebagai apakah. Saya terima tiba-tiba dia menyeleweng soalan itu. Inilah pihak PAS, kalau kita beri peluang kepada mereka, mereka suka menyelewengkan cerita. Disiplin, apa kena mengena dengan Exco tumbuk orang dengan soal bekas Menteri Besar tumbuk orang itu sudah didakwa di mahkamah dan sudah mahkamah putuskan. Apa ini Yang Berhormat suka selewengkan benda-benda, kita hendak habiskan benda ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kawan Yang Berhormat bangun. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, saya sebab tadi tanya soalan saya hendak tanya juga. Orang kata bila kita buat itu tengok diri sendiri pun sama. Ini hendak tanya Yang Berhormat ini, kadang-kadang parti pembangkang buat perhimpunan haram ini. Adakah ini merupakan satu pertubuhan yang ada disiplin. Ada pula wakil rakyat sanggup masuk penjara pula, kerana tiada disiplin. Masuk penjara ini bukan kerana dia pejuang, dia penakut. Kalau dia betul-betul pejuang Yang Berhormat hari mula-mula didakwa di mahkamah, dia kena mengaku. Saya mengaku salah Tuan Majistret, kerana saya berhimpun secara haram ini kerana memperjuangkan Islam menentang Israel. Ini tidak, bila mahkamah dapati bersalah barulah hendak gunakan agama sebagai perisai. Jadi adakah parti pembangkang juga mempunyai disiplin yang tinggi dalam mengawal ahli-ahlinya.

**Drs. Abu Bakar bin Othman:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen banyak lagikah?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Panjang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat Jerlun tidak apalah kita boleh bincang di luar. Hari itu pun masa Yang Berhormat berucap Yang Berhormat tidak bagi jalan kepada saya juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tadi saya begitu terbuka saya bagi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dan saya balik kepada apa yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebelum jawab itu bolehkah saya tanya Yang Berhormat. Jawapan panjang lagikah?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Panjang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau panjang banyak lagi terpaksa saya menggunakan kuasa yang diberikan kepada saya di bawah peraturan 37(2) jadi setakat ini buat sementara saya tidak akan membenarkan sesiapa meminta penjelasan daripada Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat. *[Disampuk]*. Buat sementara tetapi lihat keadaan.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun][Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sebelum itu bagi saya tanya sedikit. *[Ketawa]*. Sebelum Tuan Yang di-Pertua buat ruling...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ruling sudah buat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat menyebut fasal 50% pengetua daripada kalangan wanita. Kita terima, kita mengalu-alukan sebab wanita ini kita hendak. Tetapi saya hendak tanya di Kelantan dan Terengganu sama ada pengetua-pengetua wanita ini ada atau tidak di

Kelantan dan Terengganu. Kalau ada macam mana masalah yang mereka hadapi kerana kita tahu Menteri Besar Kelantan menolak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat cukup.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya. Tidak habis lagi. Tergantung Tuan Yang di-Pertua, tergantung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah buat keputusan. Jadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormatlah. Ini di dua negeri ini kerana PAS dia tidak consistent. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Baik terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya masalah disiplin ini tadi saya memang bersetuju seperti mana kata Yang Berhormat bagi Jerlun datang daripa da iman, akhlak. Dalam Islam memang teratur. Seperti apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi mengenai dengan pertunjukan apa itu demonstrasi ...

**Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim:** Perhimpunan haram.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Perhimpunan haram dan sebagainya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada peraturan .

**Tuan Lim Hock Seng:** 36(1) perhimpunan haram bolehkah kita buka untuk berbahas di sini. *[Disampuk]* Kalau boleh buka untuk dibahas ini.

**Puan Chong Eng:** Ini bukan tajuk tidak kena mengena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dia minta penjelasan bukan untuk ...

**Tuan Lim Hock Seng:** Tidak ada kait dengan pendidikan.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan Setiausaha Parlimen memberikan jawapanlah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih. Sebab tadi dibangkit oleh pihak PAS mengenai dengan disiplin. Jadi di sebelah sini telah juga respons mengenai disiplin dan dikaitkan dengan perhimpunan haram dan sebagainya. Sebenarnya saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat bagi Bagan kita tidak akan bincang mengenai dengan perhimpunan haram. Kita akan tumpukan kepada pendidikan. Jadi saya teruskan dengan perbincangan saya.

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Sandakan telah meminta agar dikaji semula peraturan mewajibkan penubuhan PIBG di SJKC khususnya di Sarawak. Perlu ditegaskan bahawa penubuhan PIBG....

**Tuan Madius bin Tangau:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tuan dan Yang Berhormat Bukit Mertajam duduk dulu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** .....termaktub dalam Akta Pendidikan 1996.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sebenarnya saya tadi telah buat satu keputusan jadi tidak payahlah, kedua-dua sila duduk. Teruskan jawapan Setiausaha Parlimen. *[Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam masih berdiri]* . Teruskan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

**Seorang Ahli:** Duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tengok. Nanti, nanti, nanti. Sekarang teruskan. *[Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam masih berdiri]*. Yang Berhormat saya sudah buat keputusan. Saya sudah buat keputusan. *[Disampuk]*. Tidak apa saya sudah buat keputusan. Satu keputusan telah dibuat. Ini berkenaan dengan disiplin juga kena mematuhi keputusan yang dibuat oleh Pengerusi atau Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Penubuhan PIBG banyak mendatangkan manfaat kepada sekolah dan penubuhannya juga sejajar dengan hasrat Kementerian

Pendidikan untuk melibatkan ibu bapa dalam meningkatkan kemajuan murid sama ada dari segi akademik mahupun bukan akademik. Oleh yang demikian, adalah satu kerugian sekiranya PIBG tidak diwujudkan di mana-mana sekolah.

Berhubung dengan masalah kekurangan guru Sains dan Matematik yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Tampin kementerian memang menyedari kekurangan tersebut...

**Tuan Madius bin Tangau:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tuaran sila duduk. Sila duduk. Tengok keadaan nanti.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** ...khususnya dalam pengkhususan fizik. Dari semasa ke semasa Kementerian berusaha mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah menawarkan program kursus lepasan ijazah atau KPLI khususnya dalam bidang fizik di maktab-maktab perguruan mulai tahun 2001. Di samping itu program ijazah pertama sains dengan pendidikan yang dijalankan di universiti-universiti tempatan dapat mengurangkan masalah tersebut. Mengenai saranan Yang Berhormat bagi Tampin agar guru PJJ dinaikkan pangkat ke DG3, sukacita dimaklumkan bahawa kenaikan tersebut adalah berdasarkan kekosongan. Proses perantukan ke jawatan tersebut terpaksa melalui beberapa prosedur yang ditetapkan disebabkan jawatan tersebut merupakan jawatan terbuka guru yang lulus PJJ atau pengajian secara sambilan dan graduan diploma pendidikan dari IPTA turut memohon jawatan yang sama. Memandangkan keperluan guru pada ketika ini lebih tertumpu kepada beberapa mata pelajaran tertentu yang kritikal khususnya Matematik dan Sains mereka yang memiliki kelulusan dalam bidang berkenaan diberikan keutamaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga - Pendidikan teknologi maklumat. Ramai Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan usaha pelaksanaan pendidikan komputer dan teknologi maklumat di sekolah. Antaranya ialah Yang Berhormat bagi Lubok Antu, Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Shah Alam, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Kemaman, Yang Berhormat bagi Sri Aman, Yang Berhormat bagi Sepang dan Yang Berhormat bagi Beluran.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed** Parit Sulong, Parit Sulong.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan pengetahuan teknologi maklumat serta komunikasi atau ICT. Pada masa ini kementerian sedang menyediakan kemudahan komputer multimedia kepada sekolah-sekolah termasuk sekolah-sekolah di kawasan luar bandar melalui projek penyediaan infrastruktur dan teknologi maklumat sekolah menengah dan sekolah rendah. Sekolah-sekolah akan disediakan dengan bangunan makmal komputer dan kemudahan Internet. Memandangkan penyediaan menyeluruh memerlukan peruntukan yang besar pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga semua sekolah dibekalkan dengan kemudahan TM. Fasa pertama program ini dilaksanakan pada tahun ini, 2000 untuk membekalkan makmal komputer kepada 2,200 buah sekolah rendah dan menengah dengan tumpuan khas diberikan kepada sekolah-sekolah di luar bandar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen banyak lagikah?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ada boleh tahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh tahan minta teruskan dulu. Nanti baru benarkan penjelasan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tidak, boleh jadi Yang Berhormat hendak tanya saya mengenai dengan ini. *[Disampuk]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada..ada..

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, kita pun hendak minta penjelasan dari Setiausaha Parlimen. Tidakkah kita tidak boleh bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya cadangkan supaya..

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tahu Yang Berhormat sudah buat ruling, tetapi ada perkara yang kita bangkit langsung tidak dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya minta Yang Berhormat teruskan dulu sebab kata Yang Berhormat banyak lagi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Kalau macam itu tidak apalah, kita keluar semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh kalau ini terpulang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Kalau relevan bolehlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau yang bersangkutan paut dengan benda yang dibangkit saya bersetuju.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, ada bersangkutan paut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu dibenarkan. Tadi sebab saya kena kawal keadaan. Saya kena kawal keadaan tadi dan saya terpaksa sebagaimana yang telah dimaklumkan terpaksa saya gunakan kuasa. Tadi keadaan Yang Berhormat...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Baik, Yang Berhormat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh beri. Jangan Yang Berhormat tolonglah sila benarkan saya habiskan teguran saya dan ada bersangkutan paut saya memang benarkan. Jadi Yang Berhormat boleh kemukakan permintaan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya orang kedua bercakap dalam Dewan mengenai teknologi maklumat. Tetapi Setiausaha Parlimen langsung tidak sebut nama saya. Kalau tidak hendak sebut, tidak usah sebut semua. That is the principle here. Yang keduanya dalam soal teknologi maklumat, saya juga bangkitkan banyak perkara. Contohnya bagaimanakah kita mahu mewujudkan sumber manusia terlatih dalam teknologi maklumat secara cepat dan cekap. Itu yang saya bangun. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya pohon maaf sekiranya tidak disebut Yang Berhormat Parit Sulong. Saya tahu Yang Berhormat Parit Sulong banyak membuat cadangan dan cadangan beliau itu sedang kita ambil perhatian. Misalnya beliau juga yang telah membangkitkan banyak perkara mengenai dengan jurang digital dan itu juga kita beri perhatian sebab itu program-program yang saya nyatakan

tadi mengenai dengan kemudahan IT dan sebagainya itu kita mengambil kira apa pandangan dan pendapat Yang Berhormat bagi Parit Sulong yang telah berkali-kali dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya pohon maaf jika sekiranya nama Yang Berhormat...bukan disengajakan. Bagaimana yang itu drop daripada ini. Minta maaf.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta maaf ya. Saya sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tadi Yang Berhormat bercakap soal ini. Nama saya tidak sebut tetapi tidak payah minta maaf kepada saya. Tetapi yang saya cadangkan lain kali kalau menteri hendak buat kalau banyak sangat orang sebut tidak payah sebut namalah. Sebut nama ahli Parlimen yang menyentuhkan persoalan ini memang banyak. Saya menyebutkan. Saya menyatakan di Sweden, Kerajaan Sweden sudah belanja tahun 1999 dan tahun 2000, RM1.5 bilion untuk beli komputer kepada semua guru-guru dan semua anak-anak. Saya sebut juga 60,000 guru-guru di Sweden yang menerima komputer daripada kerajaan dan ini comprise of 40% of workforce di negara Sweden. Saya sebut semua ini. Jadi saya tanya apa agenda Malaysia. Jadi saya banyak juga menyebut soalan IT dan pembangunan ini. Dan saya juga menyebutkan komputer, telefon di sekolah-sekolah di luar bandar dan masalah electricity dan sebagainya. Ini saya juga menyebut. Jadi persoalan saya Dato' Setiausaha Parlimen ialah di antara apa nama itu tadi...bukan....komputer yang dihantar ke sekolah-sekolah berapa ribu sekolah yang bagi komputer di seluruh negara ini saya hendak bertanya pecahan mengikut negeri dan seberapa banyakkah negeri di luar bandar dan bandar mengikut negeri-negeri yang tertentu. Adakah pecahan daripada Yang Berhormat. Kalau tidak ada minta tolong bagi kepada kami secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebenarnya saya telah pun sedia mengenai dengan komputer. Kita sebenarnya telah saya nyatakan tadi kita ada fasa pertama dan fasa kedua di mana kita juga telah peruntukan. Saya tahu apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat ialah sama ada kita akan membekalkan ini kepada negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak. Kita akan lakukan dan perbelanjaannya

amat begitu besar sekali dan telah kita dalam perancangan kita. Dan di samping itu juga kita...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lalu, khususnya sejak lima enam tahun yang lalu saya bertanya dalam Dewan Rakyat soal computerization di sekolah-sekolah. Saya tanya tempohnya berapa lama? Selalu kita tekankan dalam Dewan Rakyat bahawa di dalam computerization, kita harus mementingkan soal waktu. Kalau tidak, kita akan jadi obsolete, by the time we provide the computer to the rural school waktu itu perkembangan teknologi maklumat telah jauh berkembang. Jadi, saya banyak kali minta penjelasan mengenainya tetapi tidak pernah dijawab. Apakah tempoh kerajaan untuk membekalkan komputer ke sekolah-sekolah. Adakah ia mengikut satu tahun satu ribu komputer? Kalau satu tahun satu ribu komputer, berapa tahun sehingga sekolah di paling jauh dalam negara ini akan dapat komputer. Sebab itu kita harus mencari satu strategi yang lain. Satu pendekatan lain supaya komputer boleh dibekalkan secara serentak dan juga menyelamatkan masa. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Sebenarnya kita mengambil cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang ini Yang Berhormat hendakkan time frame. Bila dapat kita ada kan. Sebab saya kata ini memerlukan satu perancangan yang boleh saya anggapkan raksasa. Boleh dikatakan banyak sekolah-sekolah di bandar terutama sekali sudah pun dilengkapi dengan komputer terutama sekali sebab itu kita bangkitkan sekolah bestari misalnya. Itu sudah dilengkapi dengan komputer. Begitu juga dengan setengah-setengah sekolah menengah termasuk sekolah-sekolah Cina juga dilengkapi dengan makmal komputer.

Hari ini kita bukan bercakap sebiji, dua biji atau sebutir, dua butir mengenai dengan komputer. Kita bercakap hendak wujudkan makmal komputer seperti mana pada satu masa kita bercakap mengenai dengan makmal sains. Hari ini kita bercakap makmal komputer. Dari apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi juga

mengenai dengan sama ada komputer itu *obsolete* ataupun tidak, ini soal kedua. Ini juga diambil kira oleh kementerian. Kita bukan sembarangan mengadakan komputer di sana sini. Begitu juga kita mengambil kira mengenai dengan guru yang terlatih.

Sekarang kita telah mencadangkan supaya ada latihan jangka pendek selama 10 hari. Dan setiap hari selama 4 jam, guru itu akan dilatih menggunakan komputer. Bagaimana dia hendak mengajar murid-murid yang muda itu, termasuk....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Biar saya habis dahulu Yang Berhormat bagi Shah Alam. Begitu juga dengan perisian, harus diambil kira. Ini semuanya kita ambil kira. Dan boleh dikatakan hari ini tumpuan kita, memang saranan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan bukan saya hendak berjanji ataupun tidak, kita akan lakukan dengan sebaik mungkin dan saya bersetuju cara apa Yang Berhormat lakukan pada kawasan Yang Berhormat di mana didermakan komputer yang sudah di *upgrade* dan dihantar ke sekolah. Itu memang kita berterima kasih kepada Yang Berhormat. Sumbangan Yang Berhormat yang begitu prihatin mengenai dengan ICT ini.

Sekarang begitu juga. Kita bercakap mengenai dengan perisian. Itu juga harus diambil kira. Kita tidak boleh hanya mengadakan komputer tanpa perisian. Apa benda yang boleh keluar dari skrin itu...

**Tuan Wilfred Madius Tungau:** [*Bangun*]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada dua bangun. Tuaran dan Shah Ahm.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuaran dahulu lah. Dia sudah lama bangun. Saya bagi Tuaran dulu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [*Menyampuk*]

**Tuan Wilfred Madius Tungau:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen. Saya bangun minta sedikit penjelasan, tadi oleh sebab ada *ruling* tidak ada tetapi ini amat penting saya minta penjelasan sebab semalam sebelum jam 8.00 malam tadi, Yang Berhormat telah menyebut beberapa perkara yang telah saya bangkit dalam perbahasan. Dalam jawapan Yang Berhormat memberi gambaran

seolah-olah saya ini seorang wakil rakyat yang tidak bertanggungjawab, yang hanya membuat perkara-perkara yang remeh dalam soal pendidikan dalam Dewan Rakyat ini dan seolah-olah saya ini wakil rakyat pembangkang.

Saya ini telah menang atas tiket Barisan Nasional dan saya ingin beri jaminan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa saya mempunyai perhubungan yang amat baik dengan dua Jabatan Pendidikan di daerah saya di Tuaran, di daerah Tamparuli dan Tuaran dan kami mempunyai hubungan yang amat baik dalam merancang mempertingkatkan lagi pendidikan di daerah saya. Saya telah membangkitkan tujuh perkara, sembilan perkara sebenarnya dan Yang Berhormat tadi mengatakan Yang Berhormat Tuaran memberi gambaran buruk setakatbegitu sahaja. Perkara-perkara yang saya bangkitkan ini, saya telah bincangkan dengan guru-guru yang terlibat.

Saya juga telah bincangkan dengan graduan yang terlibat dan tidak ada lagi tempat lain yang saya boleh sampaikan perkara ini kecuali dalam Dewan Rakyat ini. Jangan katakan ini wakil rakyat dari Tuaran ini hanya memberi gambaran yang buruk sahaja. Saya ingat kita ini dalam Barisan Nasional memang banyak kejayaan yang telah kita capai. Kita berterima kasih. Di kawasan saya banyak yang kita capai tetapi itu bukan bererti kita tidak ada cacat-celanya. Masih banyak perkara yang perlu dibaiki seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong tadi. Apabila dinyatakan soal komputer misalnya, saya hendak sebut pun susah.

Apabila saya mengatakan di daerah saya ada sekolah yang masih dibina dari bambu itu memang betul. Jadi, jangan katakan memberikan gambaran yang buruk sahaja. Kita ini hendak menyelesaikan masalah dan kita minta yang pembangkang itu jangan politikkan perkara yang bermasalah ini, sebab ini tanggungjawab kita bersama. *[Disampuk]* Jadi, saya minta, kalau pun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak dapat menjawab secara terperinci, saya minta pegawai-pegawai yang memberi jawapan itu, *[Disampuk]* Pergi ke kawasan dan selidiki. Saya minta supaya di selidiki. *[Tepuk]* Saya bagi contoh dalam soalan saya di Parlimen dalam sesi ini, saya tela meminta permohonan APO supaya diminta bahasa Murut diajar di sekolah.

Jawapan yang saya terima ada mengatakan permohonan APO belum diterima. Apabila saya balik dalam minggu yang lepas, dalam Majlis Tertinggi APO, Kami sebenarnya telah pun menerima surat daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan kementerian memang mempertimbangkan. Masalah di sini ialah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, mereka tidak tahu apa yang berlaku di sini. Sebenarnya koordinasi, bukan ada silap dia. Memang kerajaan pun prihatin tetapi koordinasi. Ini yang kita minta, sedikit koordinasi.

Jadi, ini kalau pun saya minta sahaja, jangan beri gambaran yang saya ini hanya seorang wakil rakyat yang tidak bertanggungjawab, yang cuma memberi gambaran buruk apa yang berlaku di negeri Sabah atau di kawasan saya. Semalam saya pun sudah bangkit dalam soal ini tetapi saya tidak sempat sebab semua pun sudah lapar jam 8.00 malam tadi.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tidak tahu Yang Berhormat. Saya tidak pernah kata Yang Berhormat beri gambaran yang buruk. Kita patut beri terima kasih kepada Yang Berhormat kerana banyak perkara yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai kawasan Yang Berhormat. Dan saya tidak tahu apa yang menyebabkan Yang Berhormat tiba-tiba kata kita mengatakan Yang Berhormat dikesampingkan. Kita tidak pernah mengesampingkan mana-mana wakil rakyat dalam Dewan yang mulia ini, sama ada dari pembangkang mahupun daripada Barisan Nasional. Tidak pernah kita lakukan demikian. Ini kita bercakap mengenai dengan soal pendidikan.

Jadi, saya kira Yang Berhormat kalau Yang Berhormat ada apa-apa masalah, sila bangkitkan dan sila berurus dengan saya. Saya senantiasa bersikap terbuka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Shah Alam Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Mengenai dengan ini juga?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang tadi, soalan asal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Parit Sulong membangkitkan adakah *time frame* untuk Kementerian Pendidikan melaksanakan program yang

berhubung kait dengan teknologi maklumat ini kepada generasi muda kerana mengikut *budget location*, dengan izin, *figure* yang saya dapat berjumlah RM18 bilion diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan untuk membangunkan generasi muda yang akan datang. Bolehkah pihak kementerian bagi *assurance* kepada Dewan yang mulia ini bahawasanya dalam RM18 bilion ini, *by the end of the year*, semua duit ini dibelanjakan untuk membangunkan supaya jangan ada program-program yang tertangguh kerana dengan itu kita harapkan bahawa soal kewangan tidak timbul.

Kerana untuk negara menguasai k-ekonomi, sebagaimana Yang Berhormat selalu difahamkan dan disarankan bahawasanya generasi muda ini mesti celik akal dan celik komputer dan dalam perbahasan yang saya bangkitkan dalam dasar, saya juga mencadangkan supaya 2,700 pusat-pusat makmal yang akan dibangunkan di sekolah-sekolah, ianya diperpanjang kepada masyarakat setempat. Jadi, kalau di sekolah tidak disediakan, macam mana dia hendak dijadikan *extension* kepada *the community*? Jadi, ini kita boleh rapatkan lagi jurang digital. Ini jaminan yang kita minta.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa itu cadangan yang baik. Kita akan mengambil kira dan juga mengenai dengan apa yang dikatakan *digital divide* tadi, bukan sahaja kita boleh berikan perkhidmatan itu kepada masyarakat setempat dan juga ini yang kita memikirkan ialah kedudukan luar bandar. Itu harus kita mengambil kira terlebih dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun lagi.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pendidikan menerima peruntukan yang terbesar dalam Belanjawan Negara sejak bertahun-tahun yang lalu. Soalan yang saya tanya tadi pun tidak dijawab. Saya tanya, apa *time frame* pembekalan komputer ke sekolah-sekolah luar bandar? Saya tidak kira sekolah dalam bandar. Masyarakat luar bandar akan menghadapi masalah paling besar sekiranya sehingga sekarang kita masih sambil lewa. Saya tidak kata Kementerian Pendidikan sambil lewa. Saya tanya, berapa tahunkah kerajaan akan selesai membekalkan komputer ke sekolah-sekolah di luar bandar?

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Adakah 1 tahun, 2 tahun atau 100 tahun?

**Beberapa Ahli:** Betul, betul.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya hendak tanya. Mungkin *there is an exact duration*. Kalau tidak ada *time frame*, Tuan Yang di-Pertua, *we defeat our own struggle* dengan izin.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Bertenang, bertenang!

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Ini dalam keadaan tenanglah, saya minta penjelasan oleh kerana saya tidak larat tengok orang luar bandar akan berhadapan dengan satu jurang kemiskinan yang lebih serius daripada hari ini. Itu soalnya.

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih YB.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Jadi, saya hendak minta Kementerian Pendidikan, kalau belum ada *time frame*, cakap belum ada. Kalau belum ada, kita boleh tentukan. Kita harus siapkan satu *time frame* yang munasabah, yang boleh diterima oleh akal. Itu yang saya hendak. Jangan kata orang bandar banyak kemudahan. Itu kita terima hakikatnya. Orang bandar memang orang kaya.

**Beberapa Ahli:** Shah Alam kaya.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tetapi orang Parit Sulong, macam mana.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larut!

**Tuan Moktar bin Radin:** Kinabatangan!

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Ketawa*] Saya pernah memanggil Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ke Parit Sulong. Bagaimana hal anak-anak orang di rumah panjang di Sarawak dan di Sabah umpamanya. [*Tepuk*] Sekolah belum ada *electricity*, belum ada bekalan telefon. Apakah Kementerian Pendidikan akan mendesak kementerian yang lain membekalkan kemudahan asas ini dengan segera?

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju! [*Tepuk*]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Semua pertanyaan ini tidak dijawab. Jadi, apa gunanya kami menyuarakan perkara ini kalau tidak dijawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita minta.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Apa gunanya kami memperjuangkan rakyat kalau tidak dijawab oleh Kementerian?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, kita minta Setiausaha Parlimen jawablah, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan, inilah *frustration* atau kekecewaan kami, rakyat luar bandar, oleh kerana tidak ada satu perancangan yang jelas untuk kami semua. Terima kasih. [*Tepuk*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Sabar Yang Berhormat, sabar. Sebenarnya kita begitu serius dalam soal ICT. Untuk menyatakan sekarang ini sudah bulan November, kita buat setakat ini, kita sudah kenal pasti dan kita sudah adakan sebanyak 2200 sekolah sudah kita kenal pasti. Soalnya sekarang, kalau kita hendak mengadakan makmal komputer ini, macam Yang Berhormat kata tadi, kita harus sediakan infrastruktur tadi. Itu memang kita lakukan. Saya beri jaminan. Kita akan lakukan ini mulai bulan November ini sudah kita jalankan. Di samping sekolah-sekolah bestari yang saya sebutkan. Kita akan memulakan pada 2001 ini dan dijangka dalam masa dua atau tiga tahun, kalau Yang Berhormat tekankan saya juga.

Sebab kita begitu serius dalam soal ini. Bayangkan seperti mana Yang Berhormat beritahu saya tadi, bagaimana dengan keadaan Sabah dan Sarawak yang tidak ada... [*Disampuk*]

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [*Bangun*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh saya habiskan dahulu? Dahulu sudah kita bangkit dalam perbincangan mengenai *gen. set.* Kemudian, kita bangkit juga dengan menggunakan komputer yang berbentuk *wireless* sebab kita sudah ada perpustakaan bergerak yang menggunakan jenis komputer itu dan kita sudah adakan di Perpustakaan Negara. Saya berharap seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam dan juga Parit Sulong, kita memang ada *target* kita, perancangan kita untuk saya nyatakan bahawa *by the year*, dengan izin, 2001 akhirnya kita akan selesai. [*Tepuk*] Kita tidak boleh lakukan itu sebab itu kita ada peringkat-peringkat. Sebab itu, jaminan kita ada, kita katakan kita begitu serius dalam soal ini.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [*Bangun*]

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada tiga orang bangun. Bandau.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Selandar.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya juga sebenarnya dalam ucapan perbahasan saya menyentuh perkara ini iaitu soal jurang digital dan saya sendiri pun seperti yang diujahkan oleh Parit Sulong dan yang lain, bahawa jika perbezaan dan jurang yang ada itu di antara sekolah di bandar dan sekolah di luar bandar, tidak diberi tumpuan khusus, maka para pelajar, penduduk dan bumiputera kita di luar bandar tetap...., perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tetap ketinggalan.

Asasnya di sana ialah infrastruktur asas, bekalan elektrik dan saya sentuh berkenaan solar, kalau boleh dibekalkan. Kalau tidak ada bekalan elektrik, bagaimana ada komputer? Dan kalau tidak ada perbekalan komputer, jangan ceritalah bagi bumiputera dan masyarakat luar bandar untuk dapat menikmati *e-commerce* lah, *kekonian* lah, *global village* lah dan seterusnya. Jadi, dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah *time frame* sangat penting sekali. Saya rasa pihak kementerian boleh menentukan sasaran. Kalau kita bilang kita tidak boleh capai tahun 2000 boleh dicapai, saya rasa, dengan izin, *this is useless*.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita mesti menentukan sasaran. Kalau tidak ada sasaran, bagaimana kita boleh sampai ke target tersebut. Kalau kita bilang tahun 2001, semua sekolah akan dibekalkan dengan komputer. *You miss the point*, barangkali 50% *you are there*. Tetapi kalau kita bilang susah mahu capai bila, saya rasa dalam soal perancangan masalah besar, Tuan Yang di-Pertua. Maka, dalam perkara ini sekali lagi saya minta pihak kementerian, adakah beliau sanggup memberi jaminan – perkataan yang selalu digunakan, bahawa ada satu *time frame*. Kita katakan 2000 sekolah yang telah pun dikenal pasti tetapi 2000 sekolah daripada 5 juta pelajar yang disebut oleh Timbalan Menteri, *this is just a drop in the whole ocean* dengan izin.

Boleh kah Yang Berhormat dan kementerian menentukan matlamat-matlamat tertentu? Adakah cadangan mengadakan *master plan* (pelan induk) untuk membekal komputer dan memberi *computer literacy*, dengan izin, kepada pelajar-pelajar dan sekolah di luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampaknya dalam soal pendidikan sama ada Barisan Nasional mahupun daripada pembangkang [*Sorak*] kita sama-sama sehati sejiwa untuk anak-anak muda kita. [*Tepuk*] Oleh itu, daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi juga kita memang ada Master Plan, sebab itu saya sebutkan tadi kita ada Fasa 1, Fasa 2 di mana Fasa 2 Sabah dan Sarawak dimasukkan sekali.

Mengenai dengan infrastruktur lain, kemudahan asas seperti kuasa elektrik, itu dahulu saya telah sebutkan bahawa kita akan kerjasama dengan pihak-pihak Tenaga Nasional untuk membekalkan kuasa elektrik di samping kita memikirkan, menggunakan *genset-genset* tadi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun itu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya harap saya sudah beri penjelasan dan saya beri jaminan bahawa kita akan .....[*disampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak ini? Yang Berhormat, senang sahaja, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kita tetap bagi jaminan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat? Beritahulah, hendak beri jalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, tetapi jangan panjanglah. Mengenai perkara yang sama?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan buat syarat pula. [*Ketawa*] Jika tidak bagi, tidak bagilah, jangan .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit hendak beri.....[*Disampuk*]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan dulu.

**Tuan Mokhtar bin Radin:** Kinabatangan. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Sebetulnya saya turut terpanggil dalam membincangkan masalah jurang digital di antara masyarakat pelajar-pelajar sekolah bandar dan luar bandar. Daripada saya, memang masalah dihadapi adalah prasarana atau kemudahan asas itu sendiri. Di kawasan saya khasnya di Kinabatangan, selaku wakil rakyat saya sudah menderma dalam setahun ini menderma 28 *genset* kepada sekolah-sekolah *[Tepuk]* tetapi kemampuan kita terhad. Jadi apakah kementerian ada perancangan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, kementerian-kementerian yang lain. Kalau betul-betul serius peruntukan diberi beribu-ribu bilion ini, kenapa tidak duduk bincang sekali dengan kementerian-kementerian yang lain, selesai perkara ini sekali terus jangan banyak berfikir, sekali jalan *once and for all* jangan lagi toleh belakang kerana kalau kita tidak menyelesaikan masalah ini bila akan selesai. Itu sahaja, Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, panjangkah lagi Yang Berhormat? Yang Berhormat telah berucap dekat 2 jam.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dekatlah, Tuan Yang di-Pertua, sebab kita beri peluang, ramai yang ada anak, cucu pergi sekolah, jadi mereka memang prihatin mengenai dengan pendidikan. Jadi, kita beri peluanglah Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang datang dari jauh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, beri peluang itu tidak apa, soalnya kita tidak ada masa.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 14 kementerian lagi yang belum jawab ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya ambil kira itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh minta sedikit penjelasan, sedikit sahaja.

**Tuan Mokhtar bin Radin:** Belum jawab tadi.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua,.....*[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit sahaja, jawab sekali.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Dalam hal ini memang kita serius. Macam Yang Berhormat bagi Bandau tadi, suaranya ada baiknya dia di sebelah sini. *[Ketawa]* Penjelasan saya Yang Berhormat, dalam usaha kita hendak mencapai hasrat kita berhubung IT ini, selain daripada prasarana yang disebutkan oleh ramai rakan-rakan tadi, satu persoalan saya berhubung dengan bahasa Inggeris ini, kita bimbang ada sesetengah sekolah, guru-guru, ini ada kaitan juga sebab saya hendak ambil peluang ini untuk membolehkan Yang Berhormat memberi penjelasan kerana memang perkara ini cukup serius terutama di kawasan-kawasan luar bandar seperti kawasan saya sendiri. Saya tidak mahulah memanjangkan lebih jauh, cuma kalau dapat Yang Berhormat merumuskan terus kepada perkara ini supaya hasrat kita tercapai kerana saya bimbang pembangkang akan mengambil segala peluang kelemahan-kelemahan yang ada pada pihak kerajaan apabila mereka beri ceramah di kampung-kampung. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Pertama, jawapan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan saya mengalu-alukan semangatnya yang begitu gigih dan kuat bukan sahaja menderma tetapi juga mahukan supaya perkara-perkara mengenai dengan infrastruktur tadi diselesaikan *once and for all*, dengan izin, itu sudah kita lakukan berkali-kali, Yang Berhormat. Saya beri jaminan Yang Berhormat, saya memang sealiran dengan Yang Berhormat dan menyokong penuh dengan Yang Berhormat, kita juga mahu selesai. Apa sebab kita tidak mahu selesai di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional kita tetap memberi perhatian kepada rakyat kita.

Begitu juga dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi berkenaan dengan bahasa Inggeris, ingin saya nyatakan di sini, pengajaran bahasa Inggeris tidak akan menjejaskan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tetap akan menjadi bahasa penghantar di semua sekolah kebangsaan, itu tidak akan berganjak cuma keberkesanan pengajaran

bahasa Inggeris dari segi pembelajaran dan pengajaran itu yang kita sedang bercakap hal ini. Bukan hendak menidakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Boleh saya teruskan, kemudian berkaitan yang lain.

**Tuan Kerk Kim Hock:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya tidak bagi jalan dah, sekejap sahaja. Saya hendak teruskan ini dahulu. Minta saya habiskan dan Yang Berhormat boleh bangkit semasa *injury* timelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekalian, nanti sekejap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Oleh sebab sudah terlampau ramai yang bangun minta penjelasan, semalam pun saya juga yang mempengerusikan Mesyuarat sampai pukul 8.00 malam, jadi saya lihat terlalu banyaklah yang bangun meminta penjelasan, oleh yang demikian, sekarang saya menggunakan kuasa saya di bawah 27(3) tidak membenarkan Ahli-ahli bangun meminta penjelasan dengan kerana kesuntukan masa.

Yang Berhormat, sila teruskan ucapan. Minta pendekkan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Selangau, dari segi latihan guru, maktab-maktab perguruan telah menawarkan kursus IT dalam Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM), Kursus Sijil Perguruan Khas (KSPK) dan kursus empat belas minggu. Dari masa ke semasa maktab-maktab perguruan juga menawarkan pelbagai jenis kursus dalam perkhidmatan dalam bidang IT dengan melibatkan syarikat-syarikat IT terkemuka seramai lebih kurang 58,000 orang guru telah dilatih melalui kursus jangka panjang dan jangka pendek.

Yang Berhormat bagi Pendang pula, telah membangkitkan isu wakil rakyat pembangkang yang berhasrat untuk mendermakan komputer kepada sekolah di Kuala Kedah telah dihalang oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah. Berdasarkan Peraturan 53 dan 54, dengan izin, Schools in General Regulations 1951, dengan izin, jelas dinyatakan bahawa kebenaran bertulis terlebih dahulu hendaklah diperolehi daripada Pendaftar sebelum mana-mana orang awam boleh membuat apa-apa lawatan ke sekolah. Premis sekolah tidak boleh digunakan bagi maksud-maksud antara lain

dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “*for the purpose of political propaganda aims at or lightly to affect the pupils of such school*”.

**Tuan Saupi bin Daud:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya sudah buat *ruling* tadi tidak ada penjelasan lagi, ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Perkara 4, pendidikan swasta. Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan isu pengiktirafan terhadap ijazah dari universiti-universiti di Taiwan.

Saya ingin menyangkal dakwaan bahawa kerajaan tidak mengiktiraf ijazah dari negara tersebut kerana setakat ini kerajaan telah mengiktiraf lapan ijazah perubatan, tujuh ijazah pergigian dan satu ijazah farmasi dari universiti-universiti di Taiwan. Berkaitan dengan beberapa banyak perjanjian persefahaman atau MoU dalam bidang pendidikan yang telah ditandatangani dengan negara-negara luar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong sejak tahun 1992, sebanyak sembilan MoU telah ditandatangani. Negara-negara tersebut ialah Brunei Darussalam, Jordan, Australia, Canada, New Zealand, Republik Rakyat China, Indonesia, Republik Guinea dan Republik Yemen

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong agar ditubuhkan dana pendidikan untuk pelajar-pelajar bumiputera di IPTS, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah memberi peruntukan khusus untuk menggalakkan bumiputera memasuki IPTS.

Mengenai pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar IPTS sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, pada masa ini terdapat badan-badan berkanun syarikat-syarikat swasta selain daripada pihak IPTS di negeri yang menyediakan kemudahan tersebut. Dasar kerajaan ialah memberikan pinjaman supaya dapat mewujudkan dana pusingan yang akan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar mendapat pembiayaan di peringkat tinggi.

Kementerian Pendidikan juga amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat bagi Shah Alam agar IPTS lebih pentingkan dengan izin, *social obligation* dan bukan semata-mata sebagai, dengan izin, *business entity* dan motif keuntungan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman.

Yang Berhormat bagi Batang Lular telah menyarankan agar Lembaga Akreditasi Negara (LAN) mengklasifikasikan akreditasi IPTS supaya matlamat kerajaan untuk menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia tidak terjejas. Untuk makluman, fungsi LAN bukannya mengakreditasi IPTS tetapi sebaliknya mengakreditasi kursus-kursus yang dijalankan di IPTS. Dalam menentukan pengakreditasi ini, perkara-perkara seperti kelayakan tenaga pengajar, nisbah tenaga pengajar kepada pelajar, kesesuaian kurikulum serta kesesuaian prasarana pengajaran serta penyelidikan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara 5, isu-isu pendidikan tinggi. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai kedudukan atau taraf universiti-universiti tempatan di negara ini. Yang Berhormat bagi Lanang telah mempersoalkan kedudukan prestasi Universiti Malaya yang semakin merosot khususnya di Fakulti Perubatan. Dakwaan ini berdasarkan kepada kajian tahunan sebuah majalah yang diterbitkan di luar negara iaitu, *Asiaweek*.

Kementerian Pendidikan berpendapat kajian majalah tersebut tidak menyeluruh kerana tidak menilai aspek-aspek kualiti pensyarah, kualiti program dan juga proses pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh universiti. Sebaliknya kriteria yang digunakan lebih menjurus kepada faktor kewangan, bilangan kajian yang diterbitkan, tangga gaji pensyarah dan akses kepada kemudahan Internet. Oleh yang demikian, senarai kedudukan atau *ranking*, dengan izin, universiti itu hasil kajian tersebut tidak mencerminkan kualiti program yang ditawarkan.

Dalam hubungan di atas, kementerian memang bersetuju dengan saranan Yang Berhormat bagi Tambun dan Yang Berhormat bagi Kepong untuk memastikan kedudukan universiti-universiti di negara mampu bersaing di peringkat antarabangsa sejajar dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Bagi memastikan kecemerlangan universiti-universiti tempatan berterusan, beberapa strategi telah dirancang. Antaranya meningkatkan program-program penyelidikan dan pembangunan (R&D), memperbaiki nisbah staf akademik kepada pelajar, meningkatkan program ijazah tinggi, memantapkan kurikulum pengajian dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Mengenai permintaan Yang Berhormat bagi Sandakan agar ditubuhkan sebuah cawangan IPT di Sandakan, beberapa aspek perlu diambil kira sebagai asas pertimbangan untuk menubuhkan sebuah kampus cawangan. Ia bergantung kepada keperluan sesebuah IPT untuk berkembang dalam bidang-bidang yang ditawarkan dan juga bidang kepakaran yang ingin hendak dimajukan oleh IPT.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membangkitkan soal Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang didakwa mengongkong kebebasan bersuara dan mengongkong hak mahasiswa. Seperti mana yang pernah dijelaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut tidak menghalang para pelajar daripada bergerak aktif di kampus terutama bagi aktiviti yang dapat memanfaatkan para pelajar.

Ini adalah bertujuan untuk memupuk sifat kepemimpinan dan keperibadian pelajar sesuai dengan kedudukan mereka sebagai bakal pemimpin pada masa hadapan. Peruntukan-peruntukan dalam Akta tersebut juga adalah bagi memastikan pelajar-pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran dan mengambil peluang sepenuhnya untuk menimba pengalaman dan meningkatkan pengetahuan.

Kementerian Pendidikan juga berpandangan buat masa ini belum ada keperluan untuk membuat pindaan-pindaan dalam beberapa seksyen AUKU seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kluang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu polarisasi kaum yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan di IPTA telah melaksanakan beberapa dasar yang menetapkan supaya berlakunya interaksi maksimum sesama pelajar berbilang kaum. Antaranya ialah menggalakkan aktiviti kurikulum yang disertai oleh pelajar dari pelbagai keturunan mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan sosial yang melibatkan penyertaan pelajar pelbagai kaum serta latar belakang, menggalakkan aktiviti kemasyarakatan di luar kampus dan sebagainya.

Yang Berhormat Gelang Patah telah membangkitkan isu perayaan kuih bulan atau dengan izin, *moon cake festival* di Universiti Malaya (UM) dan sambutan perayaan Tionghua di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang tidak diluluskan. Pihak pengurusan universiti tidak menghalang sebarang perayaan oleh pelajar di

kampus universiti jika mengikut peraturan hal-ehwal pelajar universiti. Sebagai contoh pihak UM meluluskan permohonan pelajar mengadakan malam tanglung di peringkat kolej kediaman pada tahun 1999.

Permohonan yang tidak diluluskan adalah kerana ianya dianjurkan oleh badan yang tidak diiktiraf kewujudannya dalam senarai badan pelajar yang berdaftar di bawah hal-ehwal pelajar dan diadakan tiga hari berturut-turut melibatkan tenaga pelajar. Isu mengenai lulusan pusat-pusat pengajian Islam tidak dapat melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pendang.

Satu perjanjian persefahaman akademik dan kebudayaan telah ditandatangani pada 18 November 1999 di mana, Universiti Al-Azhar hanya menerima pemegang Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mulai tahun pengajian 2001-2002.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Setiausaha Parlimen, soalan itu telah dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sudah cukup Yang Berhormat

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sudah cukup. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu-isu pembangunan institusi pengajian pendidikan, Yang Berhormat Pendang, telah membangkitkan terdapat sekolah-sekolah di daerah Pendang, Dun Sungai Tiang tidak mempunyai bekalan air bersih mengikut siasatan Kementerian Pendidikan, daripada 36 buah sekolah rendah yang terdapat di daerah tersebut, 35 daripadanya telah mendapat bekalan air paip dan hanya terdapat sebuah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Ujung Ketun yang menggunakan air perigi kerana kawasan sekitarnya belum menerima bekalan air paip.

Sekolah tersebut mempunyai 46 orang murid. Adalah tidak benar untuk Yang Berhormat bagi Pendang mengatakan bahawa apabila dipam melalui tiub, dalam telaga itu bangkai tikus. Itu tidak benar Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh bangkai tikus masuk melalui tiub yang kita pamkan itu. Saya rasa ini adalah satu *exaggeration*. Begitu juga mengenai dengan air telaga ini, kita memang di Kelantan kita dapati banyak lagi sekolah lebih kurang 273 buah sekolah masih menggunakan telaga. Sekolah Rendah sebanyak 178 buah dan Sekolah Menengah sebanyak 95 buah.

*[Seorang Ahli Pembangkang bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat, tidak boleh.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Bandau dan Yang Berhormat bagi Pasir Mas telah membangkitkan masalah bekalan elektrik di sekolah. Kementerian Pendidikan memang peka terhadap permasalahan ini lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk meluaskan pengetahuan IT di kalangan pelajar luar bandar khususnya. Yang Berhormat bagi Bandau juga telah membangkitkan mengenai perkara tersebut. Sehingga 31 Januari 2000, bilangan sekolah yang tiada bekalan elektrik di seluruh negara adalah sebanyak 483 buah.

Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah yang tiada bekalan elektrik melalui pencawang menggunakan tenaga, kita gunakan tenaga suria, janakuasa dan dalam kes-kes tertentu mendapat bekalan elektrik daripada pihak swasta. Mengenai sekolah berpusat di Sabah dan Sarawak yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sri Aman, Kementerian Pendidikan sedang melaksanakan sekolah pusat rintis di Sabah dan Sarawak. Dua buah sekolah projek rintis telah dipilih iaitu Sekolah Kebangsaan Bombom, Semporna, Sabah dan SRK Mata Parang Samarahan, Sarawak. Kementerian akan memperluaskan projek tersebut ke 19 buah kawasan lagi di kedua-dua buah negeri tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bentong pula yang menggesa agar bilangan sekolah-sekolah khas ditambah pada masa ini, terdapat 555 buah sekolah yang melaksanakan program percantuman pendidikan khas dan 31 buah sekolah pendidikan khas. Kerajaan merancang untuk membina 4 buah sekolah pendidikan khas vokasional berasrama dalam Rancangan Malaysia Ke-8 di empat Zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur dan Zon Sabah Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Teberau, yang menggesa agar elaun tambahan diberikan kepada guru-guru yang mengajar kanak-kanak kumpulan khas. Pada masa ini, mereka mendapat elaun sebanyak RM60 sebulan dan sebarang peningkatan mungkin boleh dipertimbangkan.

Isu-isu lain mengenai pembangunan dan kemudahan prasarana untuk sekolah-sekolah khususnya di Sabah dan Sarawak akan diberi perhatian oleh Kementerian Pendidikan. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara tersebut, ialah seperti Yang Berhormat bagi Kapit, Yang Berhormat bagi Ulu Rejang, Yang

Berhormat bagi Batang Lupar, Yang Berhormat bagi Sibul, Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Beluran.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali ialah kurikulum. Yang Berhormat bagi Sri Aman dan Yang Berhormat bagi Lubok Antu telah membangkitkan beberapa perkara mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban. Mengenai buku teks bahasa Iban, Kementerian sedang menguruskan penerbitan buku teks mata pelajaran tersebut di sekolah rendah bagi tahun 3, 4, 5 dan 6 dan akan mula digunakan pada tahun 2001. Bagi sekolah menengah pula, ia telah disediakan untuk Tingkatan 1, 2 dan 3 serta dibekalkan di sekolah di bawah skim pinjaman buku teks.

Isu mengenai penekanan terhadap bahasa Inggeris telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Antaranya ialah Yang Berhormat bagi Batang Sadong, Yang Berhormat bagi Temerloh, Yang Berhormat bagi Kapit, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Penampang dan Yang Berhormat bagi Jelutong. Itu pun telah saya jawab tadi Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara untuk menjadikan Bahasa Cina mata pelajaran teras, ingin dimaklumkan bahawa sekiranya sesuatu subjek itu dijadikan mata pelajaran teras, ia mesti diikuti oleh semua pelajar. Buat masa ini tiada keperluan untuk berbuat demikian dan oleh itu Kementerian Pendidikan tidak bercadang menjadikan bahasa Cina sebagai mata pelajaran teras. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar digalakkan mendaftar subjek ini dalam peperiksaan jika berminat.

Mengenai Yang Berhormat bagi Batu, agar mata pelajaran Sains diperkenalkan di Tahun 1 bukan di Tahun 4, Kementerian buat masa ini, berpendapat ia tidak sesuai kerana tahap 1 merupakan tahap penguasaan 3 M.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya kemukakan. Pendidikan adalah keutamaan negara. Oleh itu, pihak kerajaan dengan perbelanjaan yang begitu besar tetap akan memikul tanggungjawab ini dengan sebaik-baiknya. Kita berharap benar pendidikan tidak seharusnya dipolitikkan. Kalau ia dipolitikkan, nescaya anak-anak muda generasi kita akan terima akibatnya. Marilah Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini tanpa mengira daripada mana pihak kita datang kita harus berhitung.

Akhir kata, perkara-perkara yang tidak sempat saya jelaskan kali ini akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan berterusan, teguran dan pandangan positif kepada Kementerian Pendidikan. Sebagai mengakhirinya saya buat satu pantun. *[Disampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** "Di atas robohan Kota Melaka." Apasal Tun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila...sila...teruskan.

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat Pembangkang bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Apa .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ya, sila teruskan Yang Berhormat .

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya teruskanlah. *[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat Kota Melaka.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya baca pantun ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ya, , sila, sila teruskan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:**

*Di atas robohan Kota Melaka,*

*Kita dirikan negara merdeka;*

*Kalau sungguh bagai dikata,*

*Sama-samalah kita bangunkan anak wawasan merdeka.*

*Merdeka!*

Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, usul, minta kemukakan usul ya.

### USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai jawapan menggulung oleh semua Menteri berkenaan dasar Belanjawan atau pada pukul 5.30 petang yang mana yang kemudian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul berbunyi:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Dewan Rakyat tidak akan ditangguhkan pada hari ini sehingga selesai jawapan menggulung oleh semua Menteri berkenaan dasar Belanjawan atau pada pukul 5.30 petang yang mana yang terkemudian,

hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diiputuskan, dan disetujui.

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

**12.30 tgh.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng. Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada perbahasan Yang Berhormat-Yang Berhormat Dewan yang mulia ini yang telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Semasa perbahasan pada 1 November, Yang Berhormat Sandakan telah mencadangkan supaya kerajaan memberikan bantuan kewangan yang lebih untuk membangunkan sektor pelancongan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sememangnya memberikan bantuan kewangan untuk membangunkan industri pelancongan di Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-7, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM11.1 juta untuk projek-projek pembangunan di negeri Sabah. Projek-projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan dan juga Jabatan Muzium dan Antikuiti. Antara projek-projek tersebut adalah seperti pembangunan century hidupan liar, Hilir Kinabatangan, pembinaan jalan masuk ke kawasan Taman Bukit Tawau, peningkatan

kemudahan pelancongan jeti dan tempat letak kereta di Sandakan, tapak arkeologi di Gua Batu Putih, Kinabatangan.

Bagi RMK-8 pula, permohonan untuk projek-projek baru bagi negeri Sabah telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi dan perkara ini masih di dalam pertimbangan pihak berkenaan. Di antara projek yang dicadangkan ialah pembangunan perlindungan hidupan liar bagi century hidupan liar Hilir Kinabatangan Fasa 2, meningkatkan kemudahan pelancongan di taman-taman Sabah, pembangunan pelancongan Long Pasir, Ulu Pemas, Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya semua negeri adalah bertanggungjawab dalam perancangan pembangunan produk-produk pelancongan negeri masing-masing. Setiap kali sebelum melaksanakan Rancangan Malaysia lima tahun dilaksanakan, kementerian meminta setiap negeri mengemukakan cadangan projek-projek pembangunan pelancongan dengan anggaran perbelanjaan untuk dikaji, dinilai dan diperakukan oleh kementerian bagi kelulusan seterusnya.

Rancangan-rancangan produk pelancongan tersebut hendaklah menarik dan mempunyai nilai tambahan yang tinggi dalam sumbangannya kepada perkembangan ekonomi negeri. Di samping itu produk-produk tersebut dapat merealisasikan untuk memenuhi keperluan-keperluan setiap negeri. Sebagai contoh, sukacita diucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak yang berjaya membangunkan Kompleks Sejarah Pasir Salak yang dapat memberi erti yang tinggi kepada setiap pelancong terutama mengenali Perak dalam masa yang singkat.

Kementerian ini sentiasa mempromosikan produk-produk pelancongan yang telah dibangunkan untuk digunakan oleh pelancong-pelancong tempat yang luar. Namun begitu, sukacita saya mengingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat wakil Parlimen supaya memantau keadaan setiap projek pelancongan yang dibangunkan di kawasan-kawasan Yang Berhormat supaya produk-produk pelancongan tersebut kekal cantik, menarik dan bersih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Pilah pada 9 haribulan November telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan penjagaan alam sekitar untuk tujuan pembangunan eko-pelancongan. Eko-pelancongan adalah suatu produk pelancongan kursus yang baru bagi negara kita. Buat masa ini, tenaga kepakaran

untuk memelihara alam sekitar bagi tujuan membangunkan aktiviti eko-pelancongan melalui penjagaan alam sekitar ini masih sedang diperbanyakkan melalui program kursus dan latihan kemahiran. Kerajaan maklum bahawa penjagaan alam sekitar amatlah penting untuk tujuan membangunkan eko-pelancongan demi kepentingan generasi akan datang. Ianya adalah tanggungjawab semua pihak termasuklah kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Selain daripada itu, berbagai agensi kerajaan juga terlibat dalam penjagaan alam sekitar ini. Di antara agensi kerajaan yang membantu usaha ini melalui penguatkuasaan adalah Jabatan Perhutanan, Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut. Agensi-agensi ini terutamanya kerajaan-kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk menjadikan EIA, dengan izin, *Environmental Impact Assessment* sebagai panduan untuk penjagaan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga telah menggubal pelan induk Eko-Pelancongan Kebangsaan pada tahun 1995 yang bertujuan untuk membantu semua pihak dalam membangunkan dan mempromosikan eko-pelancongan di Malaysia melalui usaha pembangunan yang mampan. Ini adalah untuk mengekalkan warisan alam semula jadi, sosiobudaya dan sejarah negara. Pelan ini boleh diguna pakai sebagai panduan kepada pembangunan eko-pelancongan untuk tempoh 10 tahun iaitu merangkumi tempoh RMK-7 dan RMK-8. Ianya mempunyai 25 garis panduan yang menjadi asas kepada pihak perancang membuat keputusan, pihak kerajaan, pentadbir, pengusaha, NGOs dan individu dalam membangunkan produk dan aktiviti-aktiviti eko-pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya bagi pihak kementerian....

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [Bangun]

**Dato' Dr. Ng. Yen Yen:** Dari mana ya?

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Bandau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri selesai, dikatakan tadi pelan induk eko-pelancongan ini. Kita perhatikan daripada pelan induk tersebut bahawa ia satu pelan yang sekadar memberi tumpuan kepada peranan swasta sebenarnya dan begitu kecil sekali peranan kerajaan. Saya ingin bertanya dalam soal melaksanakan pelan induk eko-pelancongan ini, sememangnya masalah infrastruktur itu adalah satu masalah

pokok di mana tempat-tempat yang begitu indah untuk dilawati tetapi jalan raya tidak mencukupi ataupun tandas-tandas tidak ada. Kadang-kadang pelawat asing itu, Tuan Yang di-Pertua, selepas bertolak dari tempat pelancongan itu tidak ada tandas di tengah jalan yang bersih untuk disinggah.

Jadi, itu satu pelan induk yang baik, tetapi dari segi pelaksanaan nampaknya kerajaan punya peranan adalah sekadar menggalakkan dan tidak membekalkan. Adakah pihak kerajaan ingin meningkatkan peranan untuk membekalkan infrastruktur-infrastruktur asas khusus dalam tempat di mana ada potensi pelancongan kerana swasta tidak mampu sering kali untuk memainkan peranan utama. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bandau. Saya akan ambil maklum atas cadangan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali akhirnya saya bagi pihak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Malaysia memang mempunyai daya tarikan kepada pelancong-pelancong. Kita ada gunung, kita ada hutan, kita ada pulau, kita ada sungai, kita ada laut, kita ada pantai, orangnya pun peramah, makanan pun sedap, kemudahan asas pun membanggakan. Industri pelancongan sebuah industri yang baru, dan sebenarnya industri ini akan menguntungkan negara kalau dijalankan secara bersungguh-sungguh. Saya ingin bertanya, sejauh mana setakat ini promosi pelancongan ini disebarkan kepada Timur Tengah, orang-orang Arab. Saya berjumpa dengan beberapa orang Arab, dia mengatakan bahawa Malaysia memang sebuah negara yang patut dikunjungi. Saudara-mara saya pun amat suka datang ke Malaysia ini. *[Disampuk]* Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, sejauh mana dan bagaimana pertambahan bilangan orang-orang Arab daripada Timur Tengah mengunjungi negara kita Malaysia?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat ada datang dari....

**Tuan Yang di-Pertua:** Timur Tengah.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Okay. Memang Timur Tengah adalah satu pasaran baru untuk industri pelancongan Malaysia. Jadi, untuk tahun ini kita fokus kepada tiga negara, pertama, India; kedua, Cina; dan ketiga, Timur Tengah. Jikalau Yang Berhormat pada bulan Mei, Jun, Julai dan Ogos ada jalan di Bukit Bintang Walk, di mana-mana hotel, Yang Berhormat akan dengar, wah! begitu ramai pelancong datang dari Timur Tengah. Jadi, sekarang data itu sudah naik. Jadi, pada akhir tahun ini kita akan boleh beri data yang teliti. Sekian.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** *[Bangun]*

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada ramai ini. Yang Berhormat hendak beri yang mana satu, ada tiga, pilihlah. *[Ketawa]* Pilihlah yang mana satu.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Saya pilih itu. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana. Ya, Sri Aman.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memilih Sri Aman. *[Ketawa]* Mungkin handsome. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pernah meminta, menyarankan diwujudkan kerjasama di antara kementerian Yang Berhormat dan Kementerian Pengangkutan supaya penerbangan yang selalu diadakan dari Eropah kah, Australia dan New Zealand berhenti di Sarawak untuk *refuelling stop* mereka, untuk mengambil minyak atau mendarat sekejap supaya ada *eco-tourism* di Sarawak. Jadi, apakah rancangan-rancangan kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang cadangan ini?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman, memang handsome, semua handsome *[Ketawa]* Termasuk pembangkang juga. Tidak ada orang tidak handsome, perempuan pun tidak ada perempuan yang tidak cantik. Macam Tok Guru kata ada wanita tidak cantik. Tidak, semua wanita cantik. Okay. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedia maklum bahawa kejayaan aktiviti pelancongan di sesuatu tempat itu adalah bergantung kepada *accessibility*, . lebih-lebih lagi bagi kes Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, kementerian

sentiasa berbincang dengan syarikat-syarikat penerbangan tempatan, MAS, Air Asia, Transmail dan juga antarabangsa, Dragon Air, EVA, South China Airline, dengan izin, untuk mena mbahkan bilangan penerbangan dan tempat duduk serta tambang yang berpatutan.

Pada masa ini, pada bulan September, Oktober semasa saya pergi China kita sudah cadang dengan Dragon Air dan South China jikalau tidak ada syarikat-syarikat penerbangan tempatan yang tidak mahu *access* kepada Sarawak, kita cadang melebihi dengan *charter flight*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Habiskah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah habiskah ucapan ya.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sudah habis jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Dia sudah habis. Dia tidak kata pun jika yang mana yang tidak dijawab boleh diambil tindakan. Dia tidak kata yang itu. Kementerian Sumber Manusia.

**12.42 tgh.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Empat Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia iaitu Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Yang Berhormat bagi Bentong, Yang Berhormat bagi Bagan dan Yang Berhormat bagi Rasah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Sulong telah membangkitkan isu mengenai latihan bagi memenuhi kehendak ekonomi digital. Sukacita dinyatakan bahawa kementerian ini melalui Jabatan Tenaga Rakyat (JTR) telah menyediakan prasarana di institut latihan, iaitu Institut Latihan Perindustrian yang mana telah dilengkapi dengan peralatan yang memenuhi kehendak ekonomi digital. Di samping itu, Jabatan Tenaga Rakyat juga telah merancang untuk membentuk sistem latihan menggunakan Internet dan *computer base training* (CBT) di masa akan datang. Contoh CBT yang telah siap dan sedang dibangunkan adalah

teknologi plastik dan automatif. JTR juga sedang melaksanakan *training come production* yang bertujuan untuk bekerjasama dengan pihak swasta di dalam gunasama kemudahan latihan di Institut Latihan Kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga telah membangunkan sumber tenaga manusia menerusi latihan kemahiran. Antaranya adalah meningkatkan kapasiti kursus yang ditawarkan melalui menaik taraf semula institusi sedia ada dan penubuhan empat buah *Advance Technology Center* (Adtec), dengan izin, serta lima buah ILP baru generasi kedua. Ini menjadikan kapasiti latihan meningkatkan daripada 4000 pelatih kepada 17000 pelatih mulai tahun hadapan. Selain itu, beberapa kursus baru telah diperkenalkan bersesuaian perkembangan teknologi serta keperluan pasaran industri semasa seperti teknologi kejuruteraan jaminan mutu, teknologi kejuruteraan komunikasi, teknologi maklumat dan teknologi pemprosesan data.

Pada masa ini sebanyak 59 kursus ditawarkan oleh kementerian di bawah JTR. Kursus-kursus ini adalah merangkumi bidang-bidang yang sudah *establish*, dengan izin, seperti mekanik industri, teknologi *foundry*, juruelektrik, teknologi kejuruteraan. Di samping itu, ada beberapa kursus baru seperti penyelenggaraan *electromechanical*, automasi industri, teknologi maklumat dan pemprosesan data, teknologi kejuruteraan komputer, teknologi kejuruteraan jamin mutu. Di samping itu juga, institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat turut menjalankan kursus jangka pendek seperti kursus asas pertukangan, kursus skim perantisan, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), kursus modulasi separuh masa dan kursus *computer application* serta kursus tidak formal seperti latihan di tapak kerja (*on job training*). Ini merupakan salah satu usaha membantu pembangunan sumber tenaga manusia menerusi latihan tidak formal.

Pada tahun 1999 sahaja sebanyak 267 kursus jangka pendek telah dijalankan di semua ILP yang melibatkan 473 pelatih. Sistem latihan berasaskan Internet (e-latihan) telah pun diluluskan oleh Lembaga Pengurusan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) sebagai layak mendapat bantuan kewangan mulai 1 Ogos 2000. Antara faedah yang boleh diperolehi melalui e-latihan adalah latihan yang fleksibel, latihan mengikut kemampuan pekerja, kos latihan yang lebih efektif dan juga kualiti latihan yang konsisten.

Untuk menggalakkan lagi penawaran program-program latihan secara e-latihan ini, Majlis Pembangunan Sumber Manusia sedang bekerjasama dengan United Multimedia Malaysia iaitu sebuah anak Syarikat UNITAR untuk membangunkan program-program latihan yang boleh ditawarkan melalui Internet kepada majikan-majikan dan pekerja-pekerja.

Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia yang dilaksanakan mulai tahun 1993 adalah bertujuan menggalakkan majikan melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja supaya dapat meningkatkan daya saing majikan dan negara. Semenjak dilaksanakan sehingga 31 Oktober 2000, sebanyak 257 tempat latihan telah diluluskan bagi melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja dengan bantuan kewangan berjumlah RM789 juta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Gading bangun.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya tak bagi, nanti selepas ini. Abang Yang Berhormat Sri Gading selepas inilah. Nanti saya tersasul, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk meningkatkan lagi penawaran pekerja mahir, Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah melaksanakan beberapa skim perantisan dalam bidang mecha-ronik, industri perhotelan, pemesinan industri dan persediaan teknologi maklumat. Manakala Skim Perantisan Operator, pengangkutan multi modulasi juga telah diluluskan untuk dilaksanakan. Di bawah skim ini, lepasan sekolah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Menengah Rendah (PMR) dilatih mengikut konsep dwi-latihan, *dual system*, iaitu latihan formal di institusi dan latihan praktikal di premis majikan penaja. Pada masa ini terdapat 3,008 orang perintis telah dan sedang mengikuti latihan di bawah skim-skim perantisan tersebut.

Di samping itu, Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga ingin mengetahui mengenai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Sukacita dimaklumkan bahawa proses penggubalan Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan kini berada di peringkat terakhir dan dijangka dapat dibentangkan pada Dewan yang mulia ini di persidangan yang terdekat. Kelewatan ini tidak dapat dielakkan kerana perbincangan yang teliti perlu diadakan untuk mengelakkan pertindihan di antara latihan kemahiran dan pendidikan khususnya di dalam usaha

kerajaan membangunkan satu 'menara' kelayakan kemahiran yang baru untuk negara ini. Silakan Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di kawasan saya ada tiga kawasan perindustrian yang besar iaitu Tongkang Pecah, Sri Gading dan Parit Raja. Ada beratus-ratus kilang yang menawarkan berpuluh-puluh ribu pekerja. Yang menjadi perbualan dan persoalan pekerja-pekerja ini ialah..... – dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian dasar kementerian tentang komposisi kaum dalam menawarkan jawatan-jawatan di dalam kilang-kilang termasuk jawatan-jawatan pengurusan. Kerana didapati sesetengah kilang mengamalkan diskriminasi kepada setengah kaum, tidak mencerminkan bilangan pekerja-pekerja yang bekerja di kilang masing-masing. Jadi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan, apakah ada satu peraturan yang dimestikan bagi pihak kilang-kilang, bagi menawarkan jawatan-jawatan pengurusan kepada semua kaum yang bekerja dan berkeelayakan dalam kilang-kilang. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin bertanya pihak kementerian, sedar atau tidak, ada industri ataupun kilang-kilang yang begitu tidak menyenangkan dalam soal solat Jumaat kepada pekerja-pekerjanya yang beragama Islam, terutama penindasan ataupun satu sekatan atau seolah-olah ada satu sekatan kepada pekerja-pekerja Islam walaupun bukan warganegara kita tetapi dia Islam seperti Bangladesh umpamanya, seperti tidak begitu disenangi menyempurnakan fardu Jumaat. Jadi, ini menjadi salah satu tuntutan agama dan sepatutnya tuan-tuan punya kilang harus peka dengan satu keperluan asas bagi orang-orang Islam. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Sri Gading. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dasar pengambilan pekerja ini memang ada dasar, sewaktu mereka memohon untuk diluluskan lesen mereka oleh MIDA memang ada dasar peratusan pekerja-pekerja yang patut mereka penuhi, tetapi masalahnya mungkin dari sudut pemantauan tetapi jika Yang Berhormat bagi Sri Gading mempunyai contoh-contoh yang tertentu di mana pekerja-pekerja dilihat pengambilannya adalah berasaskan kepada sentimen ras dan kaum atau dibuang kerja oleh kerana berasaskan kepada ras kaum, boleh melaporkan kepada saya selepas ini.

Mengenai solat Jumaat ...

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, dia belum habis menjawab itu.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Belum habis, Kinabatangan. Duduklah. Solat Jumaat ini, memang tidak ada undang-undang yang tertera dalam Akta Pekerjaan, tetapi kementerian melalui Jabatan Buruh memang sentiasa mengadakan rundingan-rundingan dengan pegawai-pegawai pengurusan sumber manusia untuk memberi ruang dan peluang kepada umat Islam untuk menunaikan solat Jumaat supaya selain daripada kita mengejarkan produktiviti, tugas dan amanat kita kepada Allah S.W.T. tidak kita abaikan.

Kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading mempunyai contoh-contoh yang tertentu di mana pengurusan tidak membenarkan pekerja-pekerja umat Islam menunaikan solat Jumaat, boleh rujuk kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kinabatangan.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya sambung dahulu. Sambung dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian ini juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan-cadangan Yang Berhormat bagi Bentong. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, semua rakyat Malaysia yang bekerja secara sah di Singapura adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang Singapura khususnya Employment Act Republic of Singapore, dengan izin.

Pekerja yang menghadapi masalah berkenaan dengan pekerjaan seperti gaji, terma dan syarat perkhidmatan, perhubungan perusahaan, keselamatan industri dan bayaran pampasan pekerjaan boleh membuat aduan kepada Labour Relations Department, Ministry of Manpower di 18, Havelot Road, Singapura.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kementerian memang menyedari akan beban tugas yang dihadapi dan ditanggung oleh Labour Attache di Geneva, Switzerland yang menjalankan tugas harian beliau. Baru-baru ini pihak Kementerian Kewangan telah pun bersetuju supaya kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N9 diisi oleh kakitanganambilan tempatan dalam usaha membantu meringankan beban tugas beliau.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat untuk menambahkan satu lagi Labour Attache di Geneva dan mewujudkan jawatan Labour Attache di Singapura, kerajaan akan menjalankan kajian terperinci mengenainya.

Bagi makluman Yang Berhormat, semua pekerja yang bekerja di luar negara adalah tertakluk kepada undang-undang negara di mana mereka bekerja dan Kerajaan Malaysia tidak boleh campur tangan di dalam hal perundangan negara asing atau meminta mereka memberi perlindungan tambahan kepada rakyat Malaysia.

Di samping itu, warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri. Oleh yang demikian, KDN atau kementerian tidak mempunyai rekod yang terperinci mengenai warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara termasuk di Singapura.

Walau bagaimanapun, dianggarkan kira-kira 20,000 orang warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura, yang berulang alik dengan menggunakan motosikal. Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor sudah pun membentuk satu jawatankuasa pemandu bagi membincangkan dan mendapatkan maklumat-maklumat yang mutakhir tentang bilangan, *data base* mereka yang menjadi rakyat kita tetapi cari makan di seberang tambak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bentong juga membangkitkan isu mengenai gangguan seksual di tempat kerja. Pada masa ini negara telah mempunyai undang-undang yang mencukupi bagi menangani masalah gangguan seksual seperti mana yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tidak beri. Walau bagaimanapun, usaha sedang dibuat oleh kementerian dengan mengadakan sesi percambahan fikiran (*brainstorming*) untuk melibatkan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan sama ada perlu atau tidak diwujudkan satu undang-undang khas bagi tujuan mengatasi gangguan seksual di tempat kerja.

Adalah dijangkakan pada akhir tahun ini, satu ketetapan akan dibuat mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal bulan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Hm, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Belum, belum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** Tadi cakap sekejap sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tunggu habiskan gangguan seksual.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Pada bulan-bulan lepas, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pun mengadakan satu sesi percambahan fikiran dengan agensi-agensi kerajaan mengenai kedudukan dari sudut undang-undang mengenai isu gangguan seksual dan pada bulan ini kita akan mengadakan satu lagi sesi percambahan fikiran dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Jadi, macam biasa kita di Malaysia sesuatu undang-undang itu kita sentiasa melakukan musyawarah, berbincang untuk menjadikan keputusan-keputusan itu adalah keputusan bersama.

Pada masa yang sama juga, pegawai-pegawai buruh telah diberi kuasa di bawah Akta Kerja 1955 untuk menjalankan siasatan ke atas apa juga aduan yang berkaitan dengan pekerjaan termasuklah aduan gangguan seksual. Namun demikian, ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tiga orang yang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Belum, belum. Namun demikian, kementerian ini sedang mengkaji keperluan untuk .....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Jangan ganggu sayalah. .... untuk meminda akta tersebut untuk menjelaskan lagi keberkesanannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup, pukul 1.00 dah. Ya, boleh sambung ataupun ada satu, dua ayat lagikah?

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Sedikit sahaja lagi, seminit lagi, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat bagi Bagan, saya hendak respons Yang Berhormat bagi Bagan, lepas itu saya boleh tutup, Tuan Yang di-Pertua. Pembiayaan skim .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pun sudah lepas pukul 1.00, Yang Berhormat. Saya minta sambung di sebelah petang ya.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa dan ruang untuk berbincang masih terbuka luas dalam peringkat Jawatankuasa. Jadi, saya dengan ini segala respons yang tidak sempat saya komen, saya akan ambil perhatian dan saya sudahi dengan sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya persilakan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**2.31 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu yang melibatkan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar semasa membahaskan Rang undang-undang Belanjawan 2001 di peringkat dasar di Dewan yang mulia ini. Di antaranya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mambong, Bandau, Sibul dan Kota Belud yang telah menyentuh beberapa perkara yang saya anggap lebih khusus mengenai tanggungjawab kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Pertama, Yang Berhormat bagi Mambong dalam perbahasannya ada membangkitkan isu bio-politik. Ini satu istilah

baru yang diperkenalkan kerana kita biasa memperkatakan tentang bio-diversity, bio-piracy, bio-safety dan sebagainya. Beliau telah menyeru kerajaan supaya meneliti dan mengkaji isu paten dan intellectual property rights, dengan izin. Dalam bidang bio-teknologi supaya negara mendapat manfaat sepenuhnya daripada sumber asli dan *bio-diversity* yang dimiliki oleh negara ini. Bagi perkara ini, Yang Berhormat berkenaan membangkitkan isu, bilakah kerajaan akan menggubal akta untuk mengawal kajian dan penggunaan sumber asli negara melalui aktiviti *bio-piracy*, dengan izin. Dan, bagi mengatasi masalah ini, Yang Berhormat berkenaan telah menyarankan juga supaya kerajaan menggubal undang-undang yang sesuai bagi mengawal ketat *geneplasma* dan *bio-piracy* di negara ini agar tidak dibawa keluar dan diubahsuai di negara lain dengan tidak memberikan sebarang manfaat dan faedah kepada kita.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Mambong, sebagai salah seorang ahli Parlimen yang saya ketahui begitu arif dalam bidang biologi ini. Bagi isu paten dan *Intellectual Property Rights (IPR)*, dengan izin, suka saya maklumkan bahawa sebagai salah sebuah daripada 12 negara yang terletak dalam kawasan mega *bio-diversity*, Malaysia memang mempunyai banyak kepentingan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Dalam hubungan ini, di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi, telah memperuntukkan bahawa negara-negara yang mempunyai kepelbagaian biologi, mempunyai hak mutlak atau *sovereign right*, dengan izin, ke atas kepelbagaian biologi tersebut. Dan, negara berkenaan berhak untuk menentukan syarat-syarat bagi akses kepada sumber itu mengikut kehendak negara itu sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengawal aktiviti *bio-piracy* seperti ini maka Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar kini sedang menggubal tiga undang-undang yang penting iaitu:

- (i) Akta Keselamatan Bio atau Bio-Safety Act;
- (ii) Akta Access to Biological Resources and Benefit Sharing; dan
- (iii) National Bio-Diversity Council Act.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, penggubalan Akta Keselamatan Bio atau *Bio-Safety Act* ini, bertujuan untuk mengawal dan mengurus pengimportan pelepasan secara sengaja ataupun, dengan izin, *deliberate release* kepada alam sekitar. Keluaran di pasaran dan juga

penggunaan organisma-organisma yang diubahsuai secara genetic ataupun *genetically modified organism* (GMO). Manakala penggubalan Akta *Access to Biological Resources and Benefit Sharing* pula bertujuan melaksanakan artikel 15 dan artikel 8(j) Konvensyen Kepelbagaian Biologi iaitu mengawal akses kepada sumber-sumber kepelbagaian biologi negara serta memelihara atau *preserving* pengetahuan inovasi dan amalan masyarakat *indigenous* dan tempatan.

Seterusnya untuk makluman Yang Berhormat sekalian, suka saya memaklumkan bahawa kementerian ini juga sedang bercadang menggubal sebuah akta lagi iaitu Akta Majlis Kepelbagaian Biologi bertujuan mewujudkan rangka kerja institusi bagi pelaksanaan kedua-dua akta iaitu Akta Keselamatan Bio atau *Bio-Safety Act* dan Akta *Access to Biological Resources and Benefit Sharing*. Pada masa ini, ketiga-tiga akta berkenaan dalam peringkat terakhir penggubalan sebelum satu *consultative workshop* diadakan dengan semua pihak yang berkaitan khususnya dengan pihak- kerajaan negeri yang dijangka diadakan pada awal tahun 2001 ini. Kementerian berharap dengan adanya rangka kerja institusi ini kelak maka penyelarasan dan penyeragaman dalam pelaksanaan untuk mengawal dan mengurus sumber-sumber kepelbagaian biologi di negara kita akan menjadi lebih cekap dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Bandau dalam perbahasannya pula ada menyentuh soal kegiatan pembalakan yang sedang dilakukan di kawasan Kalabakan di Sabah dan inginkan kepastian sejauh mana peranan Akta Kualiti Alam Sekeliling Kerajaan Persekutuan berbanding dengan kuasa yang terkandung di dalam Akta Alam Sekitar Negeri, khususnya di negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat bagi Bandau juga meminta penjelasan kementerian berhubung kelulusan projek usaha sama antara *Inoprice Corporation Sendirian Berhad (ICSB)* iaitu anak syarikat Yayasan Sabah dan Kerajaan Negara China yang menyebabkan penebangan hutan seluas lebih kurang 3,000 hektar tanpa kelulusan EIA.

Untuk penjelasan mengenai perkara ini, suka saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Bandau, Negeri Sabah telah menggubal satu enakmen iaitu Enakmen Konservasi Alam Sekitar pada tahun 1996 dan dikuatkuasakan pada Ogos

1998. Dan, Perintah Konservasi Alam Sekitar (Aktiviti-aktiviti yang ditetapkan) 1999 yang berkuat kuasa pada September 1999. Mengenai perkara ini kita telah mendapat pandangan daripada Jabatan Peguam Negara yang berpendapat bagi tujuan untuk menghindar sebarang pertindihan kuasa perundangan yang terpakai untuk perkara berkaitan, maka dengan ini Inoprice Corporation, mengenai kegiatan ini adalah Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996. Berdasarkan kepada nasihat Jabatan Peguam Negara maka kementerian ini akan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya pemegang lesen mengambil langkah-langkah untuk memastikan aktiviti-aktiviti pembalakan tidak mengakibatkan pencemaran selaras dengan Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996.

Oleh kerana dalam isu ini, apabila wujudnya enakmen seperti ini di Sabah dan mengetahui bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan perhutanan dan juga tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, maka pihak Peguam Negara berpendapat berdasarkan kepada kes yang telah berlaku iaitu kes di Bakun maka nampaknya Enakmen Konservasi Alam Sekitar 1996 adalah terpakai untuk perkara ini.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Bandau berdiri. Sila.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu pembetulan, sebenarnya kawasan itu yang telah pun atau sedang dibotakkan, di mana kayu-kayu dibersihkan ialah 30,000 hektar, bukan 3,000 dan difahamkan sudah 16,000 hektar telah pun dibersihkan walaupun mereka menjawab di Dewan Undangan Negeri sekadar 700 ekar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini di mana kuasa nampaknya kelihatan bertindih tetapi keputusan pihak kementerian bahawa kuasa adalah terletak kepada Enakmen Konservasi Alam Sekitar Negeri. Maka, adakah ini bererti bahawa soal *environment assessment* (EIA) itu sama sekali tidak diperlukan untuk tujuan membersihkan, dengan izin, *clear faling*, membotakkan kawasan tersebut. Adakah

ini bererti tidak perlu mendapatkan EIA - kelulusan yang diperolehi dari pihak Kementerian Persekutuan.

Kedua, adakah benar, pandangan kerajaan negeri bahawa perkara alam sekitar ini walaupun dia berkaitan dengan tanah dan hutan, adalah kuasa negeri dan sama sekali kuasa Persekutuan tidak wujud. Kita berpendapat ini salah, sebab mengikut peraturan itu dan pengertian kita apabila ia timbul dalam *concurrent list* dan pihak kerajaan negeri mengatakan ini pun bukan dalam *concurrent list, so silent and therefore it state power*, dengan izin, tetapi kita berpendapat bahawa ini mesti di bawah kuasa pihak kerajaan Persekutuan. Jadi, adakah EIA itu dikecualikan dan apa tindakan kementerian memastikan supaya kalau EIA tidak diperlukan, supaya tindakan-tindakan, langkah-langkah yang perlu itu dijalankan, memastikan supaya pihak kerajaan negeri tidak sewenang-wenangnya khususnya ICSB membuat apa yang dia suka sahaja dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bandau. Saya minta maaf tadi pasal *acreage* tadi saya tersilap. Yang sebenarnya Inoprice Corporation Sendirian Berhad (ICSB) adalah anak syarikat penuh Yayasan Sabah dan dengan usaha sama Kerajaan Negara China. Pembalakan dan pembersihan tanah yang sedang dilakukan di kawasan seluas 33,000 hektar, minta maaf, yang 16,000 telah pun dibersihkan. Sementara kawasan keseluruhan yang diluluskan untuk pembalakan ialah sekitar 240,000 hektar. Jadi, mengenai perkara yang dibangkitkan tadi bahawa di bawah peraturan ataupun Enakmen Konservasi Alam Sekitar Sabah 1996 bahawa perkara EIA itu masih diperlukan. Jadi, sebenarnya setelah kita mendapatkan nasihat daripada pihak Peguam Negara bahawa itulah kuasa terletak di bawah undang-undang ataupun Enakmen Konservasi Alam Sekitar Sabah. Dan, bagaimanapun di bawah perkara yang berkaitan bahawa peruntukan ataupun keperluan untuk mengadakan laporan EIA juga diperlukan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia berdiri lagi, Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Bersandar kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa EIA diperlukan, maka apakah tindakan khusus yang perlu

dibuat oleh pihak kementerian, memandangkan pembalakan itu dan pembersihan botak itu sudah berleluasa, ada sekadar 16,000 hektar sudah diperlakukan dan tanpa EIA. Jadi, apa susulan, adakah pihak kementerian memberi syarat supaya dihentikan sampai EIA diperolehi atau bagaimana. Sebab hal ini kalau tidak diurus, dilaksanakan dengan betul memberi contoh yang buruk sekali kepada syarikat-syarikat lain, di mana mereka kata, ini syarikat kerajaan negeri boleh buat apa-apa, syarikat lain bilang mahu kena denda. Jadi, apakah tindakan seterusnya, susulan pihak kementerian memandangkan EIA itu diperlukan. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kita ada membincangkan perkara ini dengan pihak negeri Sabah dan sekiranya dapat diberhentikan dulu pembalakan ini sementara EIA itu disediakan. Jadi itu yang dapat kita nasihatkan. Terima kasih. Memanglah kita mungkin kerana kita ada masalah misinterpretation dari segi undang-undang tadi yang menyebabkan perkara ini berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Temerloh berdiri.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak menyentuh perkara yang sama jugalah iaitu Akta Kualiti Alam ini. Pertindihan kuasa ini bukan sahaja kita nampak berlaku sebagaimana disebut oleh Timbalan Menteri di Sabah. Tetapi di negeri-negeri lain pun berlaku juga. Saya sedar bahawa kuasa, soal tanah, ini di bawah kawalan kuasa kerajaan negeri tetapi pertindihan kuasa ini menyebabkan penguatkuasaan terhadap penjagaan alam sekitar begitu menghadapi masalah. Saya kira perkara ini perlu diatasi dan saya nampak Tuan Yang di-Pertua, kesungguhan kita untuk menjaga alam sekitar ini seharusnya menjadi agenda utama kementerian bukan sahaja dari segi penguatkuasaan tetapi dari segi pendidikan. Saya faham kalau pendidikan di peringkat sekolah itu tanggungjawab Kementerian Pendidikan tetapi mendidik masyarakat dalam bidang alam sekitar ini penting sangat dan saya nampak kita kurang memberikan penekanan kepada aspek ini. Saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh. Saya memang sangat bersetuju bahawa di antara perkara-perkara yang kadangkala menyebabkan kurang berkesannya tindakan-tindakan penguatkuasaan ialah kerana adanya beberapa jabatan ataupun agensi dan beberapa peraturan yang kadangkala agak bertindih. Saya bagi contoh misalnya dalam perkara pembangunan yang berlaku di Cameron Highlands. Di bawah peraturan kita, pembangunan-pembangunan misalnya yang melibatkan penebangan hutan melebihi 500 hektar ataupun pembangunan tanah yang melebihi 50 hektar perlu kepada report EIA tetapi dalam hal di Cameron Highlands, ini melibatkan pula pihak authority yang lain umpamanya majlis daerah sendiri ataupun kerajaan tempatan, pihak berkuasa tempatan yang berkaitan juga melibatkan mungkin jabatan di bawah Kementerian Pertanian sendiri yang mempunyai beberapa peraturan ataupun di bawah Kementerian Kerja Raya yang berkaitan dengan jalan dan sebagainya.

Jadi kerana itu khusus misalnya mengenai perkara pembangunan yang berkaitan dengan Cameron Highlands, satu jawatankuasa kebangsaan telah ditubuhkan atas keputusan Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar bersama-sama dengan beberapa kementerian seperti Kementerian Pertanian, pihak berkuasa negeri untuk membincangkan dan mengawasi serta memantau pembangunan di Cameron Highlands.

Selain daripada itu dari segi aspek penjagaan alam sekitar, memanglah kita mengambil pandangan yang serius mengenai perkara ini. Perkara pencemaran yang berlaku dalam negara kita ini sama ada air, udara dan sebagainya. Semakin hari nampaknya semakin membimbangkan walaupun berbagai usaha menerusi tindakan-tindakan penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya terus dijalankan, dipantau. Namun begitu kita sangat bersetuju bahawa program pendidikan ini sangat perlu diberikan kepada seluruh golongan masyarakat khususnya bermula daripada anak-anak sekolah kita. Kerana itu kementerian telah menjalankan beberapa program permulaan yang akan disusuli termasuklah menubuhkan kelab-kelab alam sekitar dan menubuhkan apa yang disebutkan sebagai kegiatan Kelab-kelab Wira Alam di sekolah-sekolah yang dipilih di beberapa negeri untuk kita memberikan satu kesedaran yang lebih meluas lagi tentang alam sekitar dan untuk masyarakat juga kita

memang mengadakan beberapa program pendidikan termasuklah sambutan-sambutan minggu alam sekitar di peringkat negeri dan kebangsaan supaya masalah berkenaan dengan penjagaan alam sekitar ini diberikan perhatian yang serius oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan penggulangan ini iaitu dengan menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sibru dalam perbahasannya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta sedikit sahaja

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batang Lupa ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini soalan alam sekitar Datuk. Saya telah mendengar penjelasan yang telah Datuk beri tadi. Masalahnya kita mempunyai dua overlapping authority ataupun relation state dengan Federal di Sarawak dan juga Sabah. Dulu kita pernah berdebat panjang lebar di sini oleh kerana Bakun dan masalah ini mungkin akan berlaku sekali lagi dan akan seterusnya berlaku satu-satu mekanisme tidak diwujudkan supaya overlapping authority ini tidak diatasi buat masa sekarang. Kerana masalahnya sebagaimana yang telah Datuk jelaskan tadi, di mana satu federal authority di mana satu pula state authority dan di mana pengurusan di antara dua ini supaya mendatangkan kesan yang lebih baik untuk menguruskan alam sekitar yang kita hadapi kerana kalau kita lihat daripada segi setup negara kita iaitu federal setup memang ada undang-undang kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat terutama sekali daripada Sarawak dan Sabah, benda ini lebih menyerlah lagi oleh kerana keadaan undang-undang kita dan authority berlandaskan perkara-perkara yang tertentu tetapi saya ingin bertanya dengan Datuk sama ada kita ingin mewujudkan satu badan yang khususnya untuk menyelaraskan pelaksanaan yang mana authority yang bertindih ini supaya kalau kita lihat dulu banyak persoalan-persoalan dan bantahan-bantahan daripada luar negara apabila Bakun dilaksanakan yakni Kerajaan Malaysia bertanggungjawab, dipandang daripada luar, Malaysia lah bertanggungjawab tetapi kalau kita sekarang berbincang dalam Dewan ini pada masa sekarang kita melihat benda itu *dipass* balik kepada kerajaan negeri jadi persoalannya kita tidak boleh lari daripada persoalan yang Kerajaan Malaysia itu dilihat sebagai bertanggungjawab kepada soalan alam sekitar di negara ini. Jadi kalau ini telah

berlaku dan undang-undang sedia ada jadi kita berkehendakkan satu mekanisme bagaimana mengurus overlapping undang-undang dan authority yang berkenaan dan apakah cadangan kementerian, terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang kita setuju bahawa soal pertindihan ataupun overlapping undang-undang ini kadangkala menjadi penghalang tetapi dalam hal berkaitan dengan pengelolaan mengenai alam sekitar bahawa kita mempunyai matlamat yang sama dan tanggungjawab yang sama. Suka saya menyebutkan sedikit di sini mengenai perkara yang dibangkitkan tadi. Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkaitan termasuk Enakmen Hutan 1998 negeri Sabah telah diteliti sebenarnya dan ini ada kaitannya dengan – saya sebut tadi soal di Bakun, hasil daripada kajian Jabatan Peguam Negara sendiri berpendapat bahawa pada keseluruhannya aktiviti-aktiviti pembalakan dan pembersihan tanah menyentuh perkara mengenai tanah dan pertanian dan dengan itu termasuk di bawah perkara yang disenaraikan di bawah bidang kuasa ataupun competence badan kerajaan negeri untuk membuat perundangan mengenainya. Jadi ini yang timbul berkaitan dengan isu pembalakan di Sabah tadi.

Jadi saya setuju bahawa seharusnya wujud satu kaedah bagaimana penyelarasan mengenai penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang ini harus ada dan dari segi kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan penjagaan dan juga penguatkuasaan perkara-perkara yang berkaitan dengan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sibru dalam perbahasannya ada menyentuh tentang isu mendapatkan pertimbangan sewajarnya dari pihak kementerian terhadap permohonan untuk mengawal pembakaran terbuka oleh estet-estet ataupun ladang-ladang. Yang Berhormat turut menyatakan pembakaran terbuka yang terkawal ialah cara terbaik bagi menghapus lalang dan serangan-serangan serangga perosak. Dalam hal ini saya suka menjelaskan bahawa di bawah perintah Kualiti Alam Sekitar, aktiviti yang ditetapkan, pembakaran terbuka tahun 2000 memang membenarkan pembakaran terbuka secara terkawal bagi tumbuh-tumbuhan berpenyakit dan berbahaya. Perkara boleh dilakukan di estet-estet dan ladang mengikut kaedah-kaedah tertentu yang ditetapkan melalui perintah tersebut.

Pembakaran terbuka secara lazim ataupun tidak terkawal tidak lagi dibenarkan oleh undang-undang demi untuk mengelakkan pencemaran dan kacau ganggu kepada orang ramai. Pembakaran terbuka oleh estet dan ladang-ladang hanya boleh dibenarkan atas pertimbangan tertentu berasaskan kes demi kes.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud. Dalam perbahasan telah membangkitkan tentang hala tuju serta polisi kerajaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke arah menuju era k-ekonomi. Yang Berhormat turut mencadangkan satu dana pendidikan berbentuk pinjaman kepada pasca siswazah diwujudkan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, saya menyentuh perkara ini khususnya berkaitan dengan bidang yang ada kaitan secara langsung dengan kementerian kerana bidang R&D ini sebenarnya adalah satu bidang yang sangat luas dan mungkin juga dimasukkan ataupun terdapat di dalam aktiviti-aktiviti jabatan-jabatan ataupun kementerian-kementerian yang lain. Jadi mengenai perkara ini sukalah saya nyatakan bahawa kementerian memang sedar bahawa keupayaan R&D di negara kita jika dilihat dari segi petunjuk nisbah perbelanjaan kasar ke atas R&D berbanding dengan KDNK adalah masih rendah bila dibandingkan dengan negara-negara maju.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kota Belud pelbagai rancangan telah diperkenalkan oleh kerajaan khususnya kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sejak RMK-5 bagi meningkatkan keupayaan R&D dan S&T pada amnya di negara ini. Sejak tahun 1988 sejumlah lebih kurang RM1.9 bilion telah disediakan oleh kerajaan bagi tujuan membiayai usaha R&D oleh institusi pendidikan tinggi awam dan industri. Beberapa skim R&D tertentu telah diwujudkan bagi membantu usaha industri dalam bidang tersebut.

Di samping menyediakan peruntukan kewangan bagi membiayai aktiviti R&D kementerian juga telah memperkenalkan program pembangunan tenaga manusia khusus dalam bidang penyelidikan, sains dan teknologi di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang mana sejumlah lebih kurang RM300 juta telah diperuntukkan. Program ini bertujuan menambahkan bilangan tenaga manusia dalam bidang-bidang teknologi terpilih. Sebagai usaha meningkat bilangan tenaga manusia di peringkat siswazah, kementerian telah memperkenalkan sistem pasca siswazah dan doctoral dan skim

nasional science fellowship sejak tahun 1996 di bawah program pembangunan tenaga manusia bagi menggalakkan penuntut dan yang memperolehi keputusan cemerlang di peringkat ijazah pertama untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan doctorate. Skim ini memberi tumpuan kepada bidang penyelidikan dan ini adalah selaras usaha kementerian bagi meningkat lagi bilangan tenaga manusia yang terlibat dalam R&D di negara ini.

Aktiviti R&D hendaklah menyumbang kepada pembangunan sistem ekonomi negara dalam pada itu kementerian sedang merancang mewujudkan sebuah unit perniagaan bagi meningkatkan usaha memperdagangkan hasil penyelidikan oleh institusi penyelidikan awam dan institusi pengajian tinggi awam. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Belud bahawa mereka yang terlibat dengan kegiatan penyelidikan dan sebagainya untuk dipertimbangkan bagi mendapatkan pinjaman atau bantuan untuk mengkomersialkan penyelidikan dan kajian-kajian yang telah mereka lakukan dan ini akan diambil perhatian. Iaitu dengan penumpuan kepada aktiviti komersialisasi ini adalah diharapkan lebih ramai lagi usahawan di kalangan penyelidik akan diwujudkan. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kadangkadangkang panjang Yang Berhormat, sikit-sikit betul.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini R&D, saya sebenarnya panjang Datuk, 10 muka persoalan R&D tetapi tidak boleh disampaikan oleh kerana masa diberi kepada saya dalam setengah jam. Jadi masalah R&D di Malaysia ialah satu tadi sebagaimana yang Datuk sebut iaitu sumber kewangan diberi kepada pihak-pihak R&D ini tidak mencukupi kalau dibanding kepada negara-negara maju yang lain umpamanya di Taiwan, di Jepun, di Amerika dan sebagainya.

Satu lagi pihak yang diberi kuasa untuk mengawal selia R&D ini, kadangkadangkang dia berperangai macam Sarjan Mejar. Dalam bidang penyelidikan Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh berperangai macam Regimental Sarjan Mejar, tidak boleh kerana dia memakan masa yang panjang untuk mengambil keputusan-

keputusan yang tertentu, maknanya pelaburan yang kita keluarkan itu tidak boleh dipandang dari segi tahun ini kita beri, tahun hadapan kita akan mendapat keputusannya. Tidak boleh dilihat begitu, kalau kita lihat Profesor Carlson yang baru dapat Nobel Prize itu, tahun 1950 penemuan dia, tahun 2000 baru diberi penghormatan.

Jadi maknanya keputusan amat panjang sekali. Jadi pihak yang mengawal selia ini kena dikawal selia oleh pihak kementerian supaya jangan berperangai macam beri duit mesti dapat keputusan. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, macam mana boleh digalakkan pihak syarikat-syarikat yang besar, bergabung dengan universiti yang mempunyai guna tenaga yang banyak *research and development* supaya pihak korporat yang besar ini banyak duit dia boleh membantu pihak universiti. Pihak universiti membuat research yang baik dan mendapat penemuan yang mungkin boleh dikomersialkan pada satu masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Seperti yang saya sebut pada awal-awal tadi bahawa yang saya sentuh di sini ialah khususnya dalam bidang R&D yang terlibat secara langsung di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya percaya bahawa terdapat juga peruntukan di bawah R&D ini diletakkan di bawah lain-lain kementerian. Jadi dalam perkara yang saya jelaskan tadi ialah kita menyedari bahawa bidang ini agak berkurangan atau bilangannya masih kecil jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Oleh itu usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian adalah untuk mewujudkan lebih banyak lagi program-program seperti pasca siswazah dan juga *national science fellowship* yang saya sebutkan tadi adalah untuk menggalakkan lebih ramai lagi siswazah-siswazah yang layak untuk melanjutkan bidang pengajian mereka dalam bidang penyelidikan. Ini di antara program yang dijalankan oleh kementerian supaya lebih ramai lagi mereka yang terlibat dalam bidang ini.

Selain daripada itu saya sangat setuju bahawa bidang R&D ini tidaklah boleh ditentukan kepada satu jangka masa yang mungkin pendek, setahun misalnya. Ini bergantung kepada jenis penyelidikan yang dijalankan. Sebenarnya di bawah kementerian ini juga terdapat peruntukan yang berkaitan khusus dengan program

penyelidikan dan pembangunan, R&D umpamanya untuk tahun 2001 sejumlah RM335 juta lebih diperuntukkan.

Jadi ini terpaksa di bawah program 'IRPA', IGS dan sebagainya yang mana telah pun dilaksanakan beberapa tahun sebelum ini dan masih lagi diteruskan dan kita memang banyak mendapatkan ataupun memberikan peruntukan ini kepada institusi-institusi penyelidikan termasuk institusi pengajian tinggi.

Perkara yang dibangkitkan oleh Kota Belud ialah bagaimanakah supaya *finding* ataupun hasil daripada penyelidikan ini dapat *dicommercialize* kan. Kerana kita pun tidak mahu bahawa hanya research ataupun kajian, penyelidikan sahaja dibuat selepas itu ditinggalkan sebagai satu laporan tetapi hasilnya tidak dapat dimanfaatkan.

Jadi saya mengambil perhatian di atas perkara ini dan kita akan meneruskan usaha-usaha ini dan kita akan mempertingkatkan lagi, bagaimana perkara yang berkaitan dengan program penyelidikan dan pembangunan ini akan dapat dipertingkatkan dan menggunakan sebaik mungkin peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar secara khusus.

Jadi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh soal-soal yang berkaitan dengan kementerian ini dan mana-mana mungkin yang tidak tersentuh, saya minta maaf kerana sebahagian itu ada kaitannya dengan jabatan atau kementerian lain yang berkaitan dengan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**3.08 ptg.**

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]:**  
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Jerlun, Larut, Bukit Mertajam, Bukit Bintang, Marang,

Petaling Jaya Utara dan Batu Gajah kerana telah menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian saya semasa perbahasan Belanjawan 2001 peringkat dasar di Dewan Yang Berhormat mulia ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun, sebenarnya kerajaan tidak pernah menaikkan harga rumah kos rendah sehingga kepada RM60,000 di luar bandar. Kenaikan harga rumah kos rendah yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1998 adalah berdasarkan kepada lokasi di mana harganya dalam lingkungan antara RM25,000 hingga RM42,000 seunit.

Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan pemaju-pemaju perumahan swasta membina lebih banyak rumah kos rendah memandangkan peningkatan kos tanah dan bahan-bahan binaan. Bagaimanapun kerajaan masih mementingkan ciri-ciri keselesaan dan menetapkan spesifikasi minimum rumah kos rendah yang mengandungi 3 bilik, 2 bilik air yang berasingan dan sebagainya. Kedudukan harga baru rumah kos rendah yang telah diluluskan oleh jemaah menteri pada tahun 1998 adalah saya ingin jelaskan di Dewan yang mulia ini sekali lagi iaitu seperti berikut:-

- (i) bagi harga rumah seunit di luar bandar di mana harga tanah semeter perseginya kurang daripada RM10.00 adalah masih RM25,000 dan mereka yang layak untuk golongan sasarannya ialah mereka yang berpendapatan RM750.00 hingga RM1,000.00. Jenis rumah yang sesuai dibina di luar bandar ialah teres dan juga berkelompok;
- (ii) bagi pekan kecil dan pinggir-pinggir bandar pula yang mana harga tanah dianggarkan di antara RM10.00 hingga RM14.00, harga rumah kos rendah seunit adalah RM30,000 dan golongan sasar ialah berpendapatan RM850.00 hingga RM1,200.00 dan jenis rumah yang sesuai dibina ialah teres dan kelompok;
- (iii) bagi bandar-bandar besar dan pinggir bandar besar pula di mana harga tanah RM15.00 hingga RM44.00 semeter persegi, harga rumah ialah RM35,000 seunit dan golongan sasar pendapatan bulanan di antara RM1,000.00 hingga RM1,350.00

dan jenis rumah yang sesuai dibina ialah rumah pangsa lima tingkat; dan

- (iv) bagi bandar raya dan bandar-bandar besar di mana harga tanah se meter persegi telah meningkat ke RM45.00 semeter persegi ke atas baharulah mereka boleh menggunakan harga rumah seunit RM42,000 dan golongan sasar adalah RM1,200.00 hingga RM1,500.00 sebulan pendapatannya. Jenis rumah yang sesuai dibina di situ adalah rumah pangsa yang melebihi lima tingkat.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah menyentuh mengenai kemudahan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan memang memandang berat mengenai keperluan rumah untuk rakyat, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan golongan miskin. Oleh yang demikian selain daripada menggalakkan pembangunan rumah kos rendah oleh pemaju-pemaju swasta dan syarikat-syarikat agensi kerajaan, kerajaan sendiri juga meneruskan pembinaan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah ataupun PAKR dengan memberi kemudahan pinjaman kepada kerajaan-kerajaan negeri dan selain daripada itu bagi menjamin golongan miskin yang tidak mampu membeli rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan meneruskan pembinaan rumah-rumah untuk disewakan di bawah Program Perumahan Rakyat atau PPR.

PPR dijalankan secara bersepadu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan mengadakan peruntukan bagi membina 35,000 unit rumah untuk disewakan. Program ini juga diteruskan di bandar-bandar utama di seluruh negara. Dengan pelaksanaan program ini masalah perumahan yang dihadapi oleh penduduk setinggan dan keluarga miskin akan dapat diselesaikan dengan berkesan, mudah-mudahan menjelang tahun 2005.

Di samping itu kerajaan juga sentiasa memberi perhatian yang khusus bagi memastikan kemudahan perumahan yang mencukupi dan selesa bagi dapat disediakan bagi keperluan golongan berpendapatan rendah dan miskin.

Salah satu program yang dibuat di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ialah menyediakan kemudahan perumahan rumah kos rendah di bawah Program Perumahan Rakyat. Dengan langkah ini masalah perumahan akan dapat diatasi khususnya bagi kawasan-kawasan setinggan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya hendak lengkapkan ayat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, dia hendak melengkapkan ayatnya dahulu.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Golongan yang tidak mampu membeli rumah dan dijangkakan menjelang tahun 2005, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur akan dapat mengatasi masalah setinggan dengan pelaksanaan program PPR sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada satu program PPR di Taman Seri Rambai, Bukit Mertajam. Projek ini disediakan dan sudah siap satu tahun dapat OC selepas satu tahun barulah dia diberi peruntukan tetapi dikatakan oleh kerajaan negeri bahawa kerana tidak ada orang hendak sewa, tidak dapat penyewa. Projek ini seharusnya untuk mereka yang termiskin, untuk disewakan. RM100.00 sebulan dan dikatakan tidak ada orang hendak sewa. Maka dicadangkan supaya dijual dengan harga RM25,000 tetapi pada fahaman saya sekarang ramai penduduk di dalam projek PPR ini, mereka mempunyai kereta besar. Saya berpendapat bahawa ini telah gagal dalam tujuannya.

Yang pertama, mengapa mengadakan projek, projek itu ada 3 blok, kalau tidak salah saya ada 900 unit. Mengapa diadakan projek ini di tempat yang tidak ada keperluan. Yang kedua, adakah kementerian akan menjalankan siasatan bahawa adakah benar mereka yang tinggal di projek PPR ini yang hanya untuk mereka yang berpendapatan kalau tidak salah saya ialah RM500.00 sebulan, bagaimana mereka boleh mempunyai kereta besar kalau pendapatannya hanya RM500.00 sebulan. Apakah sekiranya ini adakah benar berlaku, apakah langkah-langkah yang akan

diambil supaya projek-projek ini akan berfaedah kepada mereka yang betul-betul memerlukan. Terima kasih.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya dan juga Kerajaan Persekutuan memang bertanggungjawab untuk mencari peruntukan dan juga membina rumah-rumah itu. Sebelum kita laksanakan projek itu selalunya kita berbincang dengan kerajaan negeri dan kerajaan negerilah yang mencadangkan tapak yang mereka rasa sesuai. Mereka akan menjadi pihak berkuasa yang mengagihkan rumah itu selepas rumah itu siap. Jadi kalau sekiranya terdapat apa-apa kelemahan ataupun yang dikatakan apa yang sudah lari daripada tujuan asal, kementerian saya memang berminat untuk mendapat maklumat yang betul-betul, kalau ada orang yang membawa kereta besar. Kita pun berminat, bagaimana mereka boleh mendapat rumah yang sepatutnya untuk orang miskin.

Tetapi ada satu masalah saya rasa kita semua tahu. Apabila kita hendak pindahkan mereka daripada setinggan katakan di Kuala Lumpur. Setinggan kita tahu ada yang dikatakan setinggan dia membawa kereta besar. Kadang kala susah sangat untuk kita pastikan sama ada seseorang itu *genuine* atau tidak apabila kita hendak pindahkan mereka, mereka tetap tinggal kerana sudah lama tinggal di situ. Saya bukan berniat untuk mengatakan mereka ada kereta besar itu boleh diberi rumah. Pada saya tidak sepatutnya, tetapi kalau di Bukit Mertajam ada hal sebegini, saya minat juga kalau boleh beri beberapa contoh, saya hendak siasat apa sudah jadi. Saya pun hendak dapatkan jawapan. Kerana kita susah payah di sini hendak membantu rakyat miskin, kita tidak mahu *on the ground* sudah jadi lain. Itu memang hasrat yang jujur daripada saya.

Mengenai pengagihan rumah kos rendah dan rumah-rumah untuk disewakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Dungun berdiri, Yang Berhormat hendak beri?

**Tuan Mustafa bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum dan sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa soal perumahan dan khususnya rumah kos rendah ini suatu yang sangat mendesak yang diperlukan oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada

Yang Berhormat Menteri, kenapakah 13 projek rumah kos rendah yang telah pun diberikan komitmen oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu ditarik balik. Saya suka mendapat penjelasan, apa alasannya. Sedangkan keperluan rumah memang mendesak.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan projek-projek yang telah dilulus atau disetujui adalah di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri yang dahulu. Masa itu kita berdasarkan rekomendasi mereka. Dan sekarang kerajaan seperti di negeri lain bila dia ada ubah pentadbir mereka akan tetap cadangkan semula. Dan kita tengok buat masa kini bagi negeri Terengganu saya rasa terus terang saya kata kita tidak berapa yakin kalau kita serah bulat-bulat kasi Kerajaan Negeri Terengganu di bawah PAS ini untuk gunakan caranya laksanakan sebab mereka sudah mempolitikkan banyak isu.

Jadi tetap ini tidak bermakna Kerajaan Persekutuan tidak akan bantu orang Terengganu tetapi dengan cara yang kita rasa lebih sesuai dan kita rasa lebih yakin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tiga orang berdiri Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Tuan Mustafa bin Ali:** *[Bangun]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larutkah, Menteri?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak.. Tambun.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Larut ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang berdiri Yang Berhormat. Saya terpaksa buat begitu ya.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tambun, Tambun

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambun ya. Sila, sila.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai dengan harga rumah kos rendah tadi dengan syarat gaji maksimum. Saya cuba untuk melihat kembali kepada harga rumah yang ditetapkan di mana Yang Berhormat

nyatakan di kawasan luar bandar RM30,000 harga rumah. Dan syarat gaji maksimum adalah RM800.00.

Apa yang ingin saya tanya adakah syarat gaji maksimum ini berteepatan dengan kehendak pihak bank. Maksud saya, saya ambil contoh rumah berharga RM30,000. Pembeli akan membayar 10%. Jadi dia perlu meminjam daripada bank sebanyak RM27,000 lebih kurang dia akan membayar RM320.00 sebulan dan gaji dia RM800.00. Biasanya pihak bank dalam pemberian pinjaman hanya memberi 40% daripada gaji iaitu RM320.00. RM320.00 ini termasuk kalau dia buat pinjaman-pinjaman lain, katakanlah motosikal dan sebagainya. Kalau dia ambil hutang motosikal dia bayar RM100 lebih bermakna tinggal lagi RM200 lebih.

Jadi bermakna rumah yang berharga RM30,000 ini bagi orang yang berpendapatan RM800.00 tidak dapat membeli kerana tidak dapat mengambil pinjaman bank. Ini dihadapi oleh pekerja-pekerja sektor swasta. Di samping itu kalau kita ambil dari segi tenure, dengan izin, tenure pinjaman, Kalau umur dia 40 dia ambil 15 tahun, bayaran dia lebih lagi, RM400 lebih sebulan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucap kepada Yang Berhormat bagi Tambun. Saya hendak betulkan sedikit tadi yang saya sebut RM30,000 seunit itu bukan di luar bandar. Itu adalah di pekan kecil dan pinggir bandar-bandar besar dan dia punya julat atau range pendapatan bulanan adalah antara RM850.00 hingga RM1,200.00. Walau bagaimanapun, saya akur ada masalah pinjaman ini. Itu salah satu sebabnya di bawah projek PPR kita tidak hendak jual kepada mereka yang dikatakan dia punya gaji begitu kurang sekali sehingga mereka hendak pinjam bank hendak bayar pun tidak mampu. Itu sebabnya PPR adalah untuk golongan ini. Kita sewa bagi dia.

Sebagai contoh tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam kata RM100 sewa. Inilah maksudnya bagi orang hendak pinjam bank pun tidak boleh dapat. Di Kuala Lumpur setinganlah yang jadikan kita punya sasaran. Tetapi saya tahu ada pembeli-pembeli *genuine* yang miskin tetapi dia hadapi masalah bank. Ini saya rasa kementerian saya dan Kementerian Kewangan kena sama-sama cari jalan. Memang saya sudah dengar ada aduan daripada rakyat kita.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut berdiri.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sedia faham bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat kebajikan rakyat berpendapatan rendah terutama buruh-buruh. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat kerana setengah rumah-rumah awam murah yang dibina kemudian tidak diduduki oleh kerana mungkin tempat-tempat yang dilaksanakan program ini tidak strategik. Mungkin kurang kemudahan-kemudahan ataupun jauh daripada pekan, sekolah, kemudahan-kemudahan sukan yang tidak ada, setengah itu sambil lepas batuk di tangga sahaja, terutama sekali berhubung dengan program IT yang sedang kita bangkitkan pada hari ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, untuk mengelakkan rumah-rumah ini tinggal kosong, setengah itu disewa kepada orang lain, ini berlaku dan kita tidak nafikan. Saya tidak tahulah pembangkang kata kereta besar itu mungkin orang-orang pembangkang, saya tidak tahulah.

Jadi, mungkin kementerian boleh menimbang supaya diadakan satu unit khas supaya kawasan-kawasan yang didirikan rumah ini dikenal pasti terlebih dahulu supaya tidak merugikan kerajaan. Setengahnya telah pun dibina rumah, pinjaman telah pun diperolehi tetapi rumah tidak ada. Kakitangan kerajaan terutamanya yang terlibat terpaksa bayar hutang pinjaman. Jadi mungkin di masa akan datang, sebagai contoh, boleh dirunding dengan wakil rakyat yang lebih tahu di kawasan masing-masing. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormatlah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, ini pun satu pandangan yang benar-benar mencerminkan apa yang dihadapi oleh rakyat di akar umbi. Sebenarnya dalam beberapa bulan ini saya sendiri telah mempengerusikan beberapa mesyuarat berbincang dengan ahli-ahli Exco perumahan daripada beberapa negeri yang menunjuk minat hendak bina rumah dan kami telah bincang mengenai lokasi. Memang lokasi ini kalau tidak strategik, kalau kerajaan negeri masing-masing sudah membina banyak melebihi kuota tetapi rumah itu diletakkan di tempat yang tidak strategik, maka ia tidak akan betul-betul memanfaatkan rakyat.

Kementerian saya pada masa kini sedang mencadang supaya satu cara yang baru kalau ekonomi baik dan kedudukan kewangan kerajaan pun mampu, saya cadangkan supaya tanah yang strategik di bandar di mana ramai pekerja hendakkan rumah di situ, kita bantu untuk membayar sebahagian kos tanah itu supaya kita tetap dapat lokasi strategik dengan kerjasama kerajaan negeri.

Jadi, ini memang satu perspektif yang baru kita cuba walaupun belum disetujui, belum konkrit lagi tetapi memang saya setuju kita kena ada satu *break through*. Kalau tidak banyak sangat rumah-rumah kos rendah dibina tetapi tempat tidak betul pun tidak boleh selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Shah Alam berdiri Yang Berhormat. Shah Alam ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed :** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan banyak terima kasihlah atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri bagaimana prihatin kerajaan untuk menyelesaikan masalah perumahan terutama kepada rumah-rumah murah. Cuma saya ingin berkongsi pandangan sedikit dengan Yang Berhormat Menteri bahawasanya daripada segi dasar mengikut dasar segala plan pembangunan *the layout plan* yang diluluskan ada polisinya 30% mesti ada rumah murah, kemudian ada rumah murah sederhana. Dan apabila perintah pembangunan dikeluarkan untuk melaksanakan projek itu dan projek ini berasaskan kepada commercial value. Selalunya yang income generator kepada developer ini adalah komersial dan juga housing yang tinggi supaya dia punya pengaliran kewangan lebih deras. Jadi yang ini dia tertinggal di belakang.

Dalam ekonomi yang baik benda itu boleh selesai dalam tempoh empat lima tahun tetapi dalam ekonomi yang tidak baik banyak projek terbengkalai. Dan yang terbengkalai ini selalunya rumah yang berhubung kait dengan rumah-rumah murah. Walaupun daripada segi perancangan asal kalau kata dalam tempoh tiga tahun rumah murah disediakan untuk 100,000 unit tetapi oleh kerana projek terbengkalai 100,000 itu dia tinggal jadi 20,000. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat ada atau tidak *mechanism* yang boleh dikeluarkan daripada pihak pemaju atas perintah pembangunan (*the development order*) yang akan dikeluarkan bahawa kalau

infrastrukturnya berjalan sekali berjalan dengan rumah murah supaya tidak ada implikasi daripada segi kegagalan membina rumah murah ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang pelaksanaan dari segi *development order* dan *layout plan* semua ini di bawah pemantauan kerajaan negeri. Dan saya tahu kerajaan negeri memang sudah cuba sedaya-upaya untuk pastikan perumahan kos rendah ini mencukupi. Saya rasa kerajaan negeri semua sudah sedar masalah ini. Kadangkala walau macam mana kita ketat dan kita cuba hendak pasti wajibkan developer kalau ekonomi itu ada krisis atau apa tetap sesuatu adalah di luar daripada kawalan mereka.

Itu sebab saya kata tadi kementerian saya cuba hendak cadangkan satu *modus operandi* yang baru di mana kalau di bandar kita cuba bayar dia punya acquisition atau apa, kita bayar kos tanah di mana kita rasa betul ambil tanah itu kemudian kita bangukan rumah kos rendah. Jadi, ini tetap pasti tidak akan jadi terbengkalai dan saya akan cuba bentang kertas ini kalau semua agensi sudah setuju, saya cuba bawa pergi Kabinet. Ini belum dibincang. Itu sebab saya tidak boleh buat komitmen hari ini. Dan lain-lain itu memang kerajaan ...

**Tuan Mustafa bin Ali:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Dungun bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa tidak cukup.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Satu sahaja, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya sudah bagi peluang tadi.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Satu sahaja, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Last sekali ya.

**Tuan Mustafa bin Ali:** Ya, last, tidak apa. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasihlah kepada Menteri yang telah menjelaskan sikap sebenar kerajaan berhubung soal pusat dan negeri. Dan hari ini kita ada satu kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa pusat tidak ada satu dendam terhadap negeri.

Saya hendak minta daripada Yang Berhormat Menteri kerana perjanjian yang dibuat itu tidak ada satu pun yang berubah, tetap kekal sebagaimana kerajaan dulu

dengan kerajaan sekarang. Sebab perjanjian adalah suatu yang kita terima dan apa yang telah dijelaskan tadi semata-mata kerana perubahan kerajaan. Saya minta Menteri supaya jawab cara profesional sikitlah, bukan kerana semata-mata perubahan kerajaan, apakah sebenarnya yang menyebabkan ini ditarik balik supaya kita rakyat yang terpaksa menunggu ini tidak dikorbankan semata-mata kerana politik dendam daripada pusat. Saya sebut 'dendam'lah kerana itu tidak ada satu jawapan, alasan yang jelas berhubung dengan perkara ini.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang saya cakap tadi dia tidak bercanggah dengan apa yang Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah nyatakan. Saya rasa apa-apa projek sahaja kita boleh bincang di antara kerajaan negeri yang dahulu atau sekarang. Tetapi tidak boleh kita kata janji kalau projek itu belum pun dilulus oleh Kementerian Kewangan di bawah belanjawan. Jadi banyak negeri lain, saya tahu Sabah pun minta banyak. Hari ini mereka tidak tuntutan kata ini janji. Kita kata kita cuba di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 kalau ada peruntukan kita buat. Kelulusan itu tidak boleh kita bagi awal-awal sekali, kita kena tengok budget dapat wang berapa.

Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bagi Dungun kata kita sudah janji 13 projek kemudian kita tarik balik. Saya rasa kita tidak tarik balik. Projek yang diminta itu kita kaji setahun ke setahun. Jadi tahun depan punya kita belum lulus pun mana-mana satu negeri cuma secara prinsip kita hendak kaji. Saya rasa itu bukan janji. Tidak boleh kita pegang saya kata itu janji.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okay, cukuplah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, cukup, cukup.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Kemaman, Kemaman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Cukuplah, cukuplah. Masa sudah banyak sudah bagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Kemaman pula ini. Tadi Dungun, ini Kemaman.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Cukuplah, cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya hendak teruskan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Satu sahaja.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Cukup, cukup. Nanti semua pun satu, satu, sampai pukul lapun pun tidak boleh habis. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Mengenai pengagihan rumah kos rendah dan rumah-rumah untuk sewa di bawah PPR, sebenarnya Kementerian telah menyediakan garis panduan bagi memastikan rumah-rumah dapat diagih kepada golongan sasar secara adil menerusi satu sistem pemilihan di bawah sistem pendaftaran terbuka berkomputer. Dan sistem ini sedang dikemaskan oleh kementerian ini dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Larut telah mencadangkan supaya semua projek perumahan menyediakan padang permainan untuk rakyat beriadah dan bersukan. Beliau juga berharap agar semua projek perumahan rakyat termiskin atau PPRT diagih dengan adil kepada rakyat miskin.

Dalam hubungan ini, kerajaan telah mensyaratkan setiap pemaju perumahan menyediakan sebanyak 10% daripada jumlah kawasan pembangunan perumahan sebagai kawasan lapang di bawah standard industri pembinaan ataupun CIS 1. Standard ini mensyaratkan penyediaan kawasan rekreasi, taman permainan kanak-kanak, padang bola dan gelanggang rekreasi terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah menyentuh pembangunan perumahan kos rendah dengan mengaitkan projek-projek perumahan yang terbengkalai dengan merujuk kepada projek Plaza Rakyat dan CN Gallery di Jalan Imbi, Kuala Lumpur yang terbengkalai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya projek Plaza Rakyat dan CN Gallery di Jalan Imbi, Kuala

Lumpur adalah merupakan projek-projek pembangunan komersial. Projek-projek ini tidak dapat dikawal di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Dalam hal demikian, pembeli yang terlibat nampaknya mereka kena bawa kes tersebut ke mahkamah untuk pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengawal projek-projek perumahan daripada terbelengalai seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kementerian saya sentiasa memantau dengan rapi semua projek perumahan dan pegawai-pegawai kementerian juga mengadakan lawatan tapak, semak laporan projek yang wajib dihantar oleh pemaju dua kali setahun atau berdasarkan kes atau aduan pembeli yang diterima. Selain itu, kementerian juga telah menubuhkan Jawatankuasa Aduan Perumahan mulai tahun 1999 dan bermesyuarat tiap-tiap dua minggu untuk mengatasi masalah pembangunan perumahan secara keseluruhannya dan masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyentuh isu penarikan balik jempunan kepada kerajaan negeri.....

**Puan Chong Eng:** Penjelasan.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya rasa cukuplah.

**Puan Chong Eng:** Sedikit sahaja.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ada peluang lagi nanti dalam Jawatankuasa.

**Puan Chong Eng:** Semalam saya ada tanya soalan tentang Majesty Heights, saya belum menerima jawapan lagi. Bolehkah Yang Berhormat tolong beri jawapan?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Majesty Heights, saya sendiri telah melawati tapak itu. Selepas itu saya bagi satu amaran kepada pemaju, mengatakan dalam 30 hari kalau saya tidak nampak projek ini dimulakan, ada kegiatan untuk meneruskan pembangunannya, saya akan ambil tindakan ikut akta. Selepas itu saya terima satu surat dari pemaju dan memberi janji mereka akan tetap teruskan usaha kerjanya dan selepas itu, saya telah minta wakil kerajaan negeri, Ahli Exco di situ untuk memantau dan mereka sudah beritahu saya memang ada kerja dimulakan tetapi mungkin belum sampai tahap secepat yang kita jangka ataupun sepuas hati yang kita hendak.

Tetapi walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya kita nampak Majesty Heights ini telah pun ada harapan untuk dipulihkan. Jadi, bukan macam projek langsung tidak ada apa-apa perkembangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri....

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Jadi, elok kita bagi peluanglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Tebrau bangun.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Sedikit boleh, Yang Berhormat?

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sedikit sahaja.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha, kita sahabat dari Johor.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Sama-sama Johor.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ha, okay. Johor sama Johor, okaylah. [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua pun sudah bertukar, okay. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih. Sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh berhubung dengan disyaratkan ialah minta pemaju menyediakan tempat riadah sukan. Bolehkah dikenakan syarat? Maksudnya, pemaju ini kadang-kadang dia minta tukar syarat tanah pertanian ke industri atau perumahan dan dia bawa balik atau serah balik, kurnia semula. Dia tukar milik ini beribu ekar, maksudnya tanah pertanian. Boleh atau tidak disyaratkan terus bahawa pemaju itu dikenakan membina sebuah dewan raya yang dewan itu dilengkapi dengan permainan sukan dan juga bilik komputer.

Saya ingat, pemaju kalau kita kenakan syarat, dia beri sebab dia tukar itu daripada murah tanah pertanian kepada yang tinggi harganya. Jadi, kita minta dia disyaratkan sebelum lulus. Kalau dia tidak hendak, jangan luluskan. Yang Berhormat setuju atau tidak? Ini untuk orang ramai.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya memang setuju. Tetapi ini kuasa kerajaan negeri. Saya kebetulan juga telah panggil satu dialog pada hari Isnin akan datang iaitu 20 haribulan di mana Persatuan Pemaju Malaysia (REDA) akan panggil ahli-ahlinya dan saya akan mempengerusikan dialog itu dan juga kita memang hendak bincang pasal ini iaitu kemudahan sosial, terutamanya kemudahan sosial yang begitu penting memandangkan kita menghadapi macam-macam masalah sosial. Lagipun,

kita haramkan banyak aktiviti perjudian, ecstasy, dadah dan semua itu. Jadi, itu sebab satu dialog khas untuk penyediaan itu. Memang telah dirancang pada hari Isnin akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Marang telah menyentuh isu penarikan balik jemputan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Terengganu, dari menghadiri Majlis Perumahan Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Majlis Perumahan Negara adalah merupakan satu forum yang diinisiatif oleh kementerian saya, bertujuan untuk menyelaraskan isu-isu tertentu mengenai pembangunan perumahan dengan pihak kerajaan negeri. Memandangkan mesyuarat yang diadakan pada 20 Ogos lalu, bertujuan membincang projek-projek perumahan yang berkaitan yang akan kita jalankan setelah meneliti perkara ini dan kementerian saya berpendapat pada masa itu, kedua-dua negeri ini tidak terlibat dalam projek-projek yang kita akan bincang. Jadi, tidak ada gunanya kalau kita jemput mereka tetapi apa yang kita bincang tetap tidak melibatkan mereka. Jadi, saya terus terang di sini, harap mereka kena itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara membangkitkan isu kekurangan kemudahan awam untuk orang kurang upaya. Beliau juga mencadangkan supaya pihak-pihak berkuasa tempatan mengkhaskan sekurang-kurangnya satu lot gerai dan lesen untuk memberi peluang kepada golongan peniaga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, piawai kod amalan kemudahan akses bagi orang kurang upaya dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk golongan kurang upaya di dalam bangunan bagi tujuan supaya orang kurang upaya boleh bergerak bebas, keluar masuk ke bangunan awam tanpa halangan ataupun *barrier free*, adalah termaktub dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (Pindaan) 1990 (UKBS) melalui pemantauan kementerian ini bagi mengesan prestasi pelaksanaan UKBS 1984 (Pindaan) 1990 oleh pihak berkuasa tempatan.

Bilangan bangunan awam yang telah dilengkapi dengan kemudahan orang kurang berupaya adalah memuaskan. Sebagai contoh, pemantauan pada tahun 1998, menunjukkan 84% daripada projek pembangunan baru yang dibina telah dilengkapi dengan kemudahan untuk golongan orang kurang upaya. Di samping itu, bagi mempertingkatkan lagi penyediaan kemudahan untuk orang kurang upaya,

kementerian saya juga telah menyediakan dan mengedarkan satu garis panduan kemudahan untuk orang kurang berupaya sebagai rujukan pihak berkuasa tempatan dan semua pihak yang terbabit dengan industri supaya kemudahan orang kurang berupaya disediakan dengan mencukupi.

Pihak berkuasa tempatan juga telah dimaklumkan supaya membuat pemeriksaan yang lebih ketat terhadap bangunan awam lama supaya pemilik memastikan bangunan tersebut dilengkapi dengan kemudahan orang kurang berupaya.. Di samping bangunan awam yang dibina oleh pemaju, pihak berkuasa tempatan juga sedang dalam perancangan untuk menyediakan kemudahan dan akses untuk orang kurang berupaya kepada bangunan-bangunan awam milik pihak berkuasa tempatan seperti pasar-pasar awam, tandas awam, dewan orang ramai, perhentian bas dan sebagainya. Keperluan mematuhi *Code of Practice* MS 1183 dan 1184 bagi kemudahan akses untuk orang kurang upaya dalam bangunan telah disebutkan di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam.

Memandangkan peruntukan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 tidak menyebut dengan jelas jenis dan komponen kelengkapan OKU yang diperlukan, satu garis panduan bertajuk, dengan izin, *Guidelines on Building Requirements For Disabled Person* telah disediakan oleh kementerian untuk digunakan oleh pihak berkuasa dalam merujuk syarat keperluan orang kurang berupaya dalam bangunan semasa memproses permohonan kelulusan pelan bangunan dari pemaju. Di samping itu, bagi mengesan pelaksanaan akta yang mewajibkan bangunan-bangunan dilengkapi dengan akses kemudahan yang saya sebut tadi, prestasi pelaksanaan didapati seperti berikut:

Tahun 1997 – pencapaian adalah 98%;

Tahun 1998 – seperti yang saya sebut tadi, 84% .

Tuan Yang di-Pertua, isu pembinaan rumah di lereng-lereng bukit telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Kementerian saya difahamkan bahawa isu yang dibangkitkan ini sedang diuruskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan beliau sendiri adalah prihatin tentang isu ini. Jadi, oleh kerana ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kementerian saya sedang

memberi perhatian yang sewajarnya dan biasanya kementerian saya akan buat semakan lanjut dengan kerajaan negeri ....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Batu Gajah bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** .....dan pihak berkuasa yang berkenaan memandangkan sesuatu kelulusan mengenai projek berkenaan adalah diletak di bawah kuasa mereka dan kementerian saya akan dapat maklum balas kemudian.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjalankan tanggungjawab. *[Disampuk]* Kerana mengikut objektif kementerian adalah “Untuk melaksanakan perancangan yang setara dan memperkukuhkan dan mempergiatkan alam sekitar di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar”.

Saya hendak tanya Menteri, mengapakah projek perumahan ini diluluskan yang terletak di lereng bukit? Kalau kata ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, saya rasa itu tidak bertanggungjawab langsung kerana kelulusan projek perumahan adalah diberi oleh pihak berkuasa tempatan. Tambahan pula, mengatakan bahawa semua peraturan telah diikuti. Akan tetapi, kita tahu pemaju ini telah mengelakkan pemakaian EIA Report dengan memecah-belahkan tanah itu untuk kurang daripada 50 ekar untuk elak, untuk keperluan EIA Report.

Kalau saya boleh membantu Yang Berhormat Menteri, tengoklah gambar-gambar akibat projek perumahan. Inilah akibatnya. Abang Yang Berhormat telah diberi tanggungjawab untuk monitor projek perumahan ini. Menteri Besar langsung tidak prihatin. Abang Yang Berhormat telah diberi tanggungjawab. Abang Yang Berhormat selalu pergi mendaki bukit tetapi semua orang boleh nampak pemusnahan alam sekitar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Puan Fong Po Kuan:** ....Tetapi abang Yang Berhormat tidak langsung bertanggungjawab. Saya harap Yang Amat Berhormat boleh tolong. Kita tidak mahu berlaku lagi perkara seperti di Highland Towers dan yang berlaku di Tanah Tinggi Cameron pada hari ini. Saya ada gambar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Puan Fong Po Kuan:** Jangan hanya dengar sebelah sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan:** Tengok gambar-gambar projek perumahan ini [Menunjukkan gambar kawasan perumahan yang terlibat] Mengancam keselamatan penduduk sekitar. Saya jemput Yang Berhormat pergi sana tengok dengan mata sendiri. Jangan hanya dengar sebelah sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Jadi, saya hendak tahu apakah tindakan yang paling segera sebab sudah satu tahun berlalu. Saya pernah bangkitkan ini, sudah satu tahun berlalu kita sudah tengok akibatnya. [Tepuk]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh marah. Dia Ahli Yang Berhormat yang muda. Saya kena lemah-lembutlah ya. [Disampuk] Saya kena betulkan Ahli Yang Berhormat tentang apa yang Ahli Yang Berhormat telah dapat fahaman dari segi bidang kuasa semua ini. Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak sampai setahun pun jadi Ahli Parlimen [Disampuk] Jadi, tahukah Yang Berhormat selama ini kita punya bidang kuasa undang-undang lapisan kerajaan yang tiga lapis ini – kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan di bawah sekali ialah kerajaan tempatan iaitu pihak berkuasa tempatan di mana semua pihak berkuasa tempatan adalah dia punya pihak atasan adalah kerajaan negeri dan dia bukan terus sampai kementerian saya. You semak Akta Kerajaan Tempatan dan semak enakmen semua, you akan tahu pihak berkuasa tempatan, dengan izin, directly under the state government.

Jadi, sejak awal tahun sampai sekarang, saya tidak dengar cakap orang lain. Saya dengar Yang Berhormat sahaja cakap pasal ini. *Right from beginning, you talk about it*, dengan izin dan hari ini Yang Berhormat sahaja yang cakap. Saya belum dengar apa-apa dari Perak. Tetapi setahu saya, perkara ini di bawah pemantauan Kerajaan Negeri Perak. Jadi, jangan cuba hendak kelirukan Dewan dengan katakan abang saya pula. Apa kaitan abang itu? Kalau hendak kata ada kaitan, saya tanya ini

Dapsy punya National Youth Chairman, dia abang adik dengan gerakan Bayu Chairman, bolehkah seorang buat sesuatu orang lain kerana tanggungjawab?

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Menteri ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ini pasal abang dengan adik ....

**Puan Fong Po Kuan:** ... ini berkaitan dengan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** . [Menyampuk]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Don't confuse the issue .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tunggu sampai jawapan habis dijawab.

**Puan Fong Po Kuan:** . [Menyampuk][Menunjukkan buku Belanjawan 2001]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Itu belanjawan. Itu buku belanjawan, bukan enakmen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ikut sedikit peraturan. Biar menteri jawab.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okay, okaylah. Saya bagi *chance*lah. Saya tidak hendak attact you lah. Tidak apa. Maksud saya, jangan bagi satu gambaran yang tidak betul di sini bahawa nampak macam abang saya ada hubung kait dengan projek. Yang dikatakan abang saya itu cuma dia seorang ahli Exco Kerajaan Negeri Perak dan seperti biasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah minta dia untuk buat cadangan untuk siasat dan saya tidak boleh pakai pertalian ini. Saya kena profesional. Saya menjalankan tugas sebagai Menteri Perumahan. Tidak boleh kata sebab dia abang saya, saya suruh "Abang, you buat ini, buat itu". Ha, itulah profesionalisme.

**Puan Fong Po Kuan:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ha, okay. Tidak apalah. It's all right. Saya hendak beritahu perkara ini masih di tahap bidang kuasa kerajaan negeri dan saya kena hormati kerajaan negeri. Ini adalah satu constitutional punya bidang kuasa. Tidak boleh you....

**Puan Fong Po Kuan:** [Menyampuk]

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okaylah. Lagipun EIA Report itu di bawah Kementerian Sains dan Environment...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kalau EIA, ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Puan Fong Po Kuan:** .....Alam Sekitar .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan, bukan....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Fong Po Kuan:** Baru-baru ini ..... sebut.

*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Kerajaan tempatan .....tidak tahu.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Okay lah, okay!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat bagi Batu Gajah. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak payah saya jawab pun. Semua Ahli Yang Berhormat sini, semua kawan-kawan dari media massa tahu .....

**Seorang Ahli:** Betul, betul.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Alam sekitar itu di bawah Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bukan saya. Jadi, nampak dia sudah *confused* sedikit tidak apalah, *I can.....[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri beritahu dia tanam pokok ini untuk tujuan mengindahkan bandar.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ah. Itu adalah satu *[Ketawa]* Ya, Tuan Yang di-Pertua sudah jawab. *[Ketawa]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk] [Pembesar suara tidak dihidupkan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Boleh tolong kawankah ini, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu peraturan yang kata saya salah.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka pun kawan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, peraturan ada. Yang Berhormat bagi Kota Melaka, peraturan ada.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Tidak apalah. Sudah tidak ada apa-apa problem. Tetapi macam mana pun, Yang Berhormat bagi Batu Gajah sudah bangkitkan apa yang dia katakan bimbang kalau dia ada masalah pada rakyat dari segi lereng bukit atau apa, itu saya sudah kata kementerian saya akan siasat. Saya tidak kata kementerian saya tutup mata, tidak mahu tengok. Saya kata di mana kementerian saya boleh buat sesuatu, kita akan buat sesuatu. Pada masa yang sama kerajaan negeri itu kita kena hormati. Itu sahaja jawapan saya. Jangan cepat mahu tembak sayalah.  
*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, last sekali .....*[Disampuk]*

**Tuan Mokhtar bin Radin:** Tembak! .....

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Saya hendak beritahu baru sahaja - inilah menunjukkan keprihatinan saya baru-baru sahaja saya kemukakan satu kertas kepada Mesyuarat Menteri-Menteri Besar supaya adakan satu prosedur, ketinggian bagi semua tanah yang lebih tinggi daripada 150 meter, kecerunannya lebih cerun daripada 25 darjah. Mulai sekarang kita ada peraturan dan prosedur diikuti, EIA Report, pandangan pakar dan Kerajaan Pusat kena dirujuk dahulu. Prosedur ini, sebelum ini tidak ada. Jadi, hari ini saya hendak buat sesuatu untuk memantau semua projek pada masa yang akan datang kalau ia benar-benar di tanah tinggi. Ini menunjukkan kita prihatin, ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab perkara-perkara yang berbangkit. Kalau ada .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

**Dato' Seri Ong Ka Ting:** Ada yang saya tidak sempat jawab, saya janji kementerian saya akan beri perhatian, lagi pun kita ada banyak lagi peluang lagi untuk berbahas. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun][Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Sulong ada peraturan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Peraturan Mesyuarat 35(4) Atas Peraturan Mesyuarat ini saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, mengapakah perkara-perkara yang dibangkitkan di bawah Kementerian Penerangan tidak dijawab langsung oleh pihak Kementerian Penerangan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tadi kata, soalan yang dikemukakan.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tertunggu-tunggu Kementerian Penerangan menjawab di peringkat dasar. Saya telah membangkitkan dua perkara khusus di bawah Kementerian Penerangan tetapi saya tidak tahu kenapa Kementerian Penerangan pula tidak menjawab hari ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, perkara ini saya akan rujuk baliklah. Tetapi sebenarnya dimaklumkan, Kementerian Penerangan memang tidak ada masalah untuk dijawab di peringkat dasar ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya rasa tidak betul perkara ini. Saya minta perkara ini dibawa kepada pihak kementerian yang berkenaan kerana saya membangkitkan dua perkara khusus. Saya ingat sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bagan Datoh pun ada membangkitkan perkara khusus mengenai Kementerian Penerangan. Yang Berhormat bagi Sri Gading pun ada membangkitkan perkara khusus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, saya akan rujuk balik perkara ini.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**3.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan

terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan yang telah mengambil bahagian di dalam Perbahasan Belanjawan tahun 2001 yang mana ada menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Ucapan-ucapan Yang Berhormat bagi Kepong, Bandau, Beluran, Kinabatangan, Pokok Sena dan Gelang Patah menunjukkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat begitu mengambil berat dan prihatin di atas perkara-perkara keselamatan dan pertahanan negara serta hal kebajikan dan masalah yang dihadapi oleh anggota ATM. Pihak kementerian sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan bersedia mendengar segala teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meningkatkan keupayaan dan menaikkan imej kementerian amnya dan ATM pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Kepong supaya kementerian menggunakan peruntukan sebanyak RM7 bilion bagi membaiki sistem pertahanan dan keselamatan negara dari ancaman musuh, sukalah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pertahanan akan terus berusaha untuk meningkatkan aset-asetnya dengan memberi penekanan kepada keadaan dan kesiapsiagaan peralatan di tahap yang tinggi. Untuk mencapai hasrat tersebut, rancangan peningkatan dan pemodenan peralatan merupakan sebahagian daripada rancangan ATM yang mendapat keutamaan yang paling utama. Berikutan dengan beberapa insiden yang tidak diingini dan melanda negara akhir-akhir ini, kementerian amat peka dan serius dalam usaha untuk mempertahankan kedaulatan negara dan kewibawaan anggota tentera. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian juga telah merangka dan menyediakan satu garis panduan dasar pertahanan negara di alaf baru bagi memastikan ketiga-tiga perkhidmatan iaitu darat, laut dan udara dapat digerakkan dengan lebih sistematik dan dilengkapi dengan segala peralatan dan kelengkapan yang canggih lagi berkuasa tinggi.

Dalam usaha menjadikan ATM sebagai angkatan yang mantap, seimbang dan *credible*, beberapa pendekatan telah dibuat dalam rancangan membangun dan menyusun semula ATM. Dalam rancangan ini bilangan keanggotaan ATM .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Bagan Datok bangun.

**Dato' Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membangkitkan soal dasar pertahanan negara yang sedang dirangka dan juga Kementerian Pertahanan sedang dalam usaha mempertingkatkan rancangan peningkatan dan pemodenan ATM. Saya ingin tahu, apakah rancangan Kementerian Pertahanan apabila Singapura telah membeli peluru berpandu. Adakah ini merupakan ancaman kepada Malaysia atau adakah Kementerian Pertahanan berhajat untuk membeli peluru berpandu yang lebih canggih berbanding dengan Singapura demi mempertahankan kedaulatan negara kita.

**Seorang Ahli:** DAP?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, saya ucapkan terima kasih di atas beberapa soalan yang beliau bangkitkan. Tidak tahu beliau dengar tidak dengarkah ini [*Yang Berhormat bagi Bagan Datok sedang berkata sesuatu dengan Yang Berhormat bagi Rompin*] Dia tengah sembang ini [*Ketawa*].

Beliau membangkitkan dasar-dasar yang sedang kita gubal dan juga pembelian peralatan daripada negara jiran kita. Setiap pembelian peralatan daripada mana-mana negara pun sama ada negara jiran ataupun negara lain bukanlah kita anggap sebagai satu *aggression* daripada mereka terhadap kita. Kemungkinan itu adalah tujuan untuk memperlempangkan negara mereka daripada cuba di~~att~~*ack* dengan izin, oleh mana-mana pihak. Walaupun mereka kita tahu telah membeli peralatan yang begitu canggih tetapi dasar kita tidaklah membeli peralatan secanggih itu semata-mata untuk membeli oleh kerana ada negara-negara jiran kita membeli peralatan-peralatan yang canggih. Peralatan kita ialah untuk membeli peralatan ini sebagai satu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sekejap belum selesai lagi. Konsep kita, pendekatan kita ialah kita beli peralatan ini semata-mata sebagai satu dasar *form of deterrent not aggression* dengan izin. Bila mana kita beli peralatan ini semata-mata untuk ingin mempertahankan dengan kehadiran peralatan boleh menokok tambah keanggotaan yang begitu besar. Mungkin itu boleh dilihat sebagai satu

pertahanan yang begitu besar dan kemungkinan tidak akan ada hasrat yang jahat daripada mana-mana pihak walaupun kita tahu bila mana kita membeli satu, dua kapal yang begitu besar dan ada juga negara-negara jiran yang agak bimbang dan mereka tahu bahawa pembelian kapal ini adalah semata-mata untuk mempertahankan negara kita di mana sempadannya agak luas dan keperluan ini amat mendesak. Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulong, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Datuk Timbalan Menteri. Ada satu konsep yang dipkenali sebagai *revolution in military affairs* iaitu, satu konsep pertahanan yang total dengan mengambil kira perkembangan-perkembangan persenjataan yang baru, umpamanya akibat daripada Perang Teluk di Iraq pada tahun 90'an, maka beberapa kekuasaan tentera dunia telah pun mengkaji bagaimanakah penggunaan senjata-senjata canggih itu dapat mempengaruhi soal-soal pembelian senjata yang baru, *approach* pertempuran yang baru dan psikologi ketenteraan yang baru. Adakah Malaysia juga mengkaji hal-hal ini supaya satu hari nanti kita tidak terperangkap dengan satu perkembangan yang kita rasa kita amat selamat, tetapi tiba-tiba kita dapati bahawa kita tidak selamat.

Yang keduanya, adakah pihak kementerian mengambil kira bahawa *air defence capability* adalah satu perkara yang penting bagi menjamin keselamatan negara.

Memang *defen se strategy* kita adalah *defensive*. Tetapi saya hendak bertanya kelihatannya seolah-olah kita ini mengambil ringan soal-soal perkembangan di sekeliling kita. Oleh itu, kami minta Kementerian Pertahanan diberi *budget* yang lebih tinggi daripada pendidikan. Ini kerana dunia sekarang ini berhadapan dengan bentuk peperangan yang baru, peralatan dan persenjataan yang baru dan psikologi peperangan yang baru. Saya harap pihak Yang Berhormat Dato' memberi penjelasan mengenai hal ini. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong, dua persoalan beliau bangkitkan. Yang pertama mengenai dengan konsep *revolution in military* dan seperti yang saya sebutkan tadi, sememangnya itulah sebahagian daripada perkara-perkara yang akan menjadi perhitungan kepada kementerian bila mana kita menggubal dasar pertahanan negara seperti yang sebutkan

pada peringkat awal tadi. Kita akan menggubal dasar yang baru ini dan semua aspek kita akan ambil kira.

Yang kedua, mengenai dengan *air defence system* kita dan saya suka menyatakan bahawa setiap perkembangan di negara jiran kita, kita tidak ambil ringan. Kalau sekiranya berlaku sesuatu perkara, kita tahu pada pencerobohan udara berlaku yang dilakukan oleh negara jiran kita tetapi kita menggunakan pendekatan diplomatik dan juga pendekatan di level-level yang tertentu seperti kita menghantar bantahan dan kita menghantar pegawai-pegawai kanan kementerian kita untuk cuba menyelesaikan kerana penyelesaian ini amat penting. Adakah dengan penyelesaian untuk kita rundingkan itu akan membawa banyak manfaat kepada negara kita ataupun kita adakan satu keadaan yang boleh membimbangkan, menimbulkan huru-hara kepada negara kita.

Saya agak memilih suatu langkah di mana kita akan buat perundingan di peringkat awal dan kita buat bantahan demi bantahan seperti berlaku di negara jiran kita di Filipina, bila berlaku sesuatu kejadian, kerjasama yang kita lakukan di antara Kerajaan Filipina sehingga membuahkan hasil yang begitu baik sekali. Kalau dahulu tebusan kita tidak dapat peroleh, pada hari ini semua tebusan dapat kita selesaikan dan rondaan di antara kedua-dua pihak perairan di antara Filipina dengan.....

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Mokhtar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi saya peluang sedikit nanti soalan ini tidak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada empat Yang Berhormat bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ....Begitu juga dengan negara jiran kita. Kalau setiap perkara yang negara jiran kita khususnya Singapura bangkitkan maka kita *react* dengan izin, reaksi kita dengan agak *aggression* maka akan berlaku keadaan yang kemungkinan *beyond our control*. Apa yang penting kepada kita, kita boleh selesaikan masalah ini secara praktikal, secara rasional dan secara diplomatik

dan Insya-Allah ia akan membuahakan hasil yang baik. Yang penting kepada kita bila kita melihat bahawa sistem pertahanan negara jiran kita dapat dilengkapi begitu juga dengan cita-cita kita.

Kita memang mempunyai rancangan untuk melengkapkan sistem pertahanan negara kita. Tetapi kita tahu dalam pada itu, negara-negara memerlukan sektor-sektor yang lain, pertanian di peringkat luar bandar memerlukan orang-orang nelayan contohnya di tempat saya sendiri mati sampai tua orang cakap *dying of old age*. Jadi, itu yang membimbangkan. Kita kena ada keseimbangan di mana kita tahu keperluan untuk melengkapkan kementerian ini dengan peralatan maka dengan itu saya bersetuju bahawa kalau sekiranya banyak peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini sedikit sebanyak akan dapat membantu kita untuk melengkapkan persenjataan kementerian ini kepada satu tahap yang baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada enam Ahli Yang Berhormat yang bangun.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Mokhtar bin Radin:** [*Bangun*]

**Tuan Ronald Kiandee:** [*Bangun*]

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi peluang?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya memberi peluang kepada Shah Alam. Yang Berhormat bagi Parit Sulong saya sudah bagi tadi.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Sebelum Yang Berhormat pergi lebih jauh kerana sekarang ini kita membincangkan tentang soal dasar pertahanan negara. Tadi Yang Berhormat sebut bahawa pendekakatan hala cara baru dalam pertahanan negara ialah berasaskan kepada dengan izin, *integrated approach of our total defense* maknanya merangkumi daripada udara, darat dan laut. Tapi, apapun bentuk *game plan* dengan izin, *operation*

*manual* yang ada, tapi kalau ada *basic prerequisite*, kita tidak ada *backbone* dia, kalau equipment dia tidak ada.

Contoh, kalau kita bercakap tentang *total defense*, kita tidak dapat tidak kita mesti buat *comparative study* antara kita dengan negara-negara yang berjiran dengan kita, kalau ditakdirkan keadaan negara kita memerlukan satu tuntutan untuk kita mempertahankan diri kerana *the right to defend is always our obeisance*. Jadi, kalau kita tidak ada *backbone* ini, tidak ada dia punya logistik, macam mana kita hendak mengadakan *total defense*? Jadi saya menyokong saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, kalau perlu satu peruntukan melalui Dewan yang mulia ini boleh diusahakan, insya -Allah *we will support*.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas sokongan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi tentang beliau juga bersetuju kalau dapat diberikan banyak peruntukan kepada Kementerian Pertahanan untuk melengkapkan. Cuma, saya tidak bersetuju bahawa beliau menyatakan asasnya dari segi *backbone* sistem pertahanan kita tidak ada. Sebetulnya, kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, sistem pertahanan negara adalah agak boleh kita nyatakan *is not in the lowest of neighbour's country*.

Dalam usaha untuk menjadikan ATM sebagai angkatan yang mantap, seimbang dan credible.....[Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila duduk.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Beberapa pendekatan telah dibuat dalam rancangan pembangunan dan menyusun semula ATM. Dalam rancangan ini, bilangan keanggotaan ATM perlu diseimbangkan dengan peningkatan usaha tempur dan mobiliti. Usaha-usaha sedang dan akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan kemampuan tempur serta mobiliti, pasukan-pasukan medan dengan kelengkapan peralatan yang berkuasa tinggi dan canggih. Gabungan anggota-anggota yang terlatih dan peralatan yang canggih akan mampu menjamin keselamatan negara dengan lebih mantap dan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TUDM khasnya telah dilengkapkan dengan sistem pertahanan udara yang berkesan seperti pesawat pejuang *MiG-29* dan

sistem pengawasan pengurusan ruang udara yang terdiri daripada radar dan pertahanan udara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Sedikit penjelasan Dato'. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Antara kekuatan tentera mempertahankan sesebuah negara, ialah tentang mengetahui kerahsiaan negaranya sendiri. Kekuatan tentera kita untuk mempertahankan negara kita, tentera kita mesti mengetahui tentang kerahsiaan setiap inci negara kita. Ingin saya hendak bertanya, apa untungnya dan apa sebenarnya matlamat latihan tentera bersama yang dibuat di bumi kita ini, latihan bersama tentera Singapura umpamanya.

Tidakkah ini mendedahkan tentera luar negara mengetahui tentang negara kita. Latihan bersama dengan tentera Indonesia, dengan Australia, dengan New Zealand dan yang terbaru dengan Amerika Syarikat. Tidakkah ini, latihan dengan tentera-tentera negara lain di negara kita, mendedahkan kerahsiaan negara kita dan kalau berlaku sesuatu, mudah-mudahan Allah jauhkan segala bala, tidakkah ini memberikan ruang kepada mereka?

Jadi, apa sebenarnya keuntungan dan apakah tentera kita pula diberikan peluang berlatih bersama-sama dengan tentera-tentera yang lain? Ini diharapkan dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading. Langkah-langkah latihan bersama ini sudah pun lama kita amalkan. Tujuannya bukanlah untuk mendedahkan rahsia-rahsia yang terperinci yang lebih agak *secret*, dengan izin, untuk didedahkan kepada negara-negara jiran kita. Latihan-latihan ini diadakan bersama, contohnya kalau dengan negara Filipina pada dua minggu yang mendatang, satu latihan di perairan negara kita.

Ini untuk membantu agar kerjasama yang rapat di antara negara-negara jiran kita sedikit sebanyak mereka ini dapat kita rapatkan hubungan di antara pasukan tentera-tentera sama ada di peringkat laut ataupun udara. Bukan hanya diadakan negara kita, latihan ini juga diadakan di negara-negara jiran sama ada di Filipina

mahupun di Singapura, mahupun di Indonesia, ataupun di negara-negara jiran seperti yang jauh sedikit iaitu Australia.

Kita ada Five Power Defence Arrangements (FPDA) dengan Britain, dengan New Zealand, dengan Australia, dengan Singapura dan juga Malaysia. Baru-baru ini kita adakan perundingan dengan mereka dan latihan diadakan bukan hanya di negara kita, kerana perjanjian yang ada, bila sesuatu berlaku kepada negara-negara ini, contohnya, kalaulah negara-negara kita dicerobohi oleh mana-mana pihak, anasir-anasir yang cuba hendak *attack* kita, dengan izin, maka negara-negara Five Power Defence Arrangements yang kita sudah buat perjanjian, mereka ini akan membantu kita dengan bukan hanya kemungkinan bala-bala tentera mereka bahkan juga peralatan.

Ini sebahagian daripada arrangement yang kita buat perjanjian di antara Menteri-menteri Pertahanan di Five Power Defence yang ada di antara New Zealand, Singapura, Australia dan juga Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Bagi Kepong dulu. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya saya tunggu dia jawab soalan saya dengan sepenuh tetapi, ....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tak habis lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak apalah. Saya setuju kita mesti ada latihan dengan jiran-jiran kita . Itu satu keperluan dari segi ketenteraan, tidak boleh elakkan. Daripada pelbagai segi, kita mesti adakan latihan itu. Itu saya bersetuju. Walau bagaimanapun, memandangkan Semenanjung kita ialah satu Peninsular yang boleh dikatakan satu *‘guerrilla country’*, memang kita perlukan kelengkapan yang cukup untuk menahan diri, tidak boleh dipertikaikan. Tetapi dengan *trend* kita di Malaysia ini, apakah dasar baru yang bakal diadakan, kerana kita tidak boleh tumpukan kepada apa yang disebutkan oleh kawan-kawan tadi mengenai *Awacs*, dengan kapal terbang yang canggih yang dapat merisik dan sebagainya. Kita tidak boleh tumpukan setakat itu sahaja, dengan *guerrilla country* kita memang ada taktik sendiri untuk Malaysia. Apakah dasar sekarang ini?

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil dalam keadaan-keadaan trend yang begitu agak, kita lihat di negara kita kehadirannya, maka dengan itu kita melengkapkan peralatan persenjataan seperti pembelian tank yang agak bilangannya kemungkinan, Insya-Allah, sedikit masa lagi akan diumumkan untuk dilengkapi ke sistem pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia kita sedikit sebanyak untuk membolehkan pertahanan dapat dibendung.

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasan, penjelasan.

**Seorang Ahli:** Tidak sabar-sabar.

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, terima kasih. Saya ingin membawa Timbalan Datuk Menteri kepada soal pokok tadi, sudah terlari sedikit. Ini soal dasar pertahanan negara. Jadi sedarkan kementerian Yang Berhormat Datuk atau Kementerian Pertahanan bahawa dengan dasar bersifat diplomatik dengan negara jiran terutama sekali Singapore ini telah banyak merugikan kita di mana negara kita selalu diancam oleh negara kecil seumpama ini. Jadi tidakkah ada pendekatan yang lain apabila mereka menunjuk-nunjukkan kekuatan maka kita hendak menunjukkan bahawa kita lagi kuat daripada mereka dan kita tidak boleh diancam dengan sewenang-wenangnya.

Berhubung dengan pencerobohan ruang udara negara kita, apa pendirian kementerian ini? Kenapa kita masih berlembut dalam soal ini? Dan kalau boleh saya meminta, saya tetap tegas dengan pendirian saya putus hubungan dua hala dengan Singapura. Apa mahu biar dia menentukan keselamatan negara kita dan saya ingin mengulas sedikit pendirian Yang Berhormat Kepong, dulu saya cakap tambah peruntukan untuk kementerian, dia kata tidak perlu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Moktar bin Radin:** ...mahu peruntukan daripada kementerian-kementerian yang lain. Ini Kepong *double standard*lah. Sekarang dia setuju pula. Saya kalau boleh meminta Dewan ini meluluskan peruntukan tambahan untuk Kementerian Pertahanan untuk mempertahankan negara kita, memastikan negara-negara jiran kita menghormati negara berdaulat ini. [*Tepuk*] Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat rakan daripada Kinabatangan yang bersemangat berucap mempersoalkan dua perkara iaitu satu, ancaman daripada negara jiran. Yang kedua itu mengenai dengan bantahan dan saya rasa pendekatan yang pada hari ini kita laksanakan adalah satu pendekatan yang baik. Kita sudah hantar surat bantahan demi bantahan.....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ....dan telah pun membuah hasil yang baik kerana kita tahu kalau pertempuran, pergaduhan berlaku tidak akan sesiapa untung. Walaupun kita dengar bahawa negara kecil ini menyatakan mereka lebih kuat, Insya-Allah, dengan kehendak Allah S.W.T. dengan kudratNya, kita dapat mempertahankan negara kita dengan secara baik walaupun ada ancaman kerana kita tahu negara kecil ini kalau berhadapan dengan sesuatu kejadian mereka akan lebih banyak menghadapi kerugian daripada keuntungan kerana keadaan negara itu adalah bergantung kepada *service industry* dan *service industry* pula banyak bergantung kepada pelaburan. Kalau keadaan negara kucar-kacir, berperang, sudah pasti tidak akan ada ketenteraman. Bila tidak ada ketenteraman, ekonomi akan merosot, bila ekonomi merosot, rakyat akan memberontak dan akhirnya tidak akan membawa apa manfaat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Maka hala tuju yang kita.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit Sulong tunggu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...amalkan ini adalah satu langkah yang baik. Saya bagi last kepada Parit Sulong. Sudah banyaksangat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih Datuk. Cetusan daripada Kinabatangan mungkin merupakan cetusan seluruh rakyat jelata. Tetapi saya minta penjelasan Yang Berhormat Datuk. Tadi Yang Berhormat Datuk kata, kita mempunyai persenjataan yang canggih dan sebagainya. Tetapi *advance warning*

*satellite* pun kita tidak ada, Singapore ada. AWACS di Asia ada dua sahaja, satu di Tokyo, satu lagi di Singapore, kita tidak ada. Kapal selam kita belum ada, Singapore sudah ada empat biji. Singapore mempunyai kereta kebal yang boleh menyeberang Selat Teberau. Kita orang Johor, Datuk, kita takut dengan psikologi peperangan negara jiran kita, di mana *'the front line is your enemy is country'*, maksudnya bukan Singapur yang jadi *front line*, negeri Johor jadi *front line*.

Jadi saya hendak tanya Datuk, dengan perkembangan *military* yang canggih, khususnya selepas Perang Teluk di mana kita melihat persenjataan yang canggih, adakah kita mempunyai satu pasukan petugas khas penyelidikan mengenai perkembangan teknologi persenjataan, mengenai perkembangan taktik persenjataan dan mengenai *defence capability* khususnya di kalangan negara jiran kita. Kalau kita tidak ada, apa yang harus kita buat. Saya minta sekurang-kurangnya, kalau kita tidak mampu beli pun, sekurang-kurangnya kita ada satu *military research* untuk mengkaji perkembangan *defence capabilities* di antara wilayah kita, kalau tidak di seluruh dunia. Adakah kita mempunyai badan seperti ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan sama ada badan *research*, di peringkat kementerian memang ada. Kita mempunyai badan itu untuk mengenal pasti bukan hanya dari segi kuasa-kuasa yang ada kepada peralatan yang canggih, yang moden bahkan juga bilangan-bilangan yang diperolehi negara-negara jiran kita untuk mengenal pasti untuk melengkapkan pemodenan negara kita.

Bagi TLDM pula, peralatan pertahanan seperti kapal-kapal ronda laut pantai Friget Cove dan sebagainya akan membantu mengatasi masalah pencerobohan perairan negara. Demikian juga dengan perancangan pembinaan projek pengkalan TLDM di Teluk Sepang, Sabah yang mana merangkumi kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di sebuah pengkalan TLDM dengan mengambil kira kemudahan infrastruktur kapal selam sebagai perancangan TLDM di masa hadapan. *This will be the base for the submarine in our country*, dengan izin, dan ia akan berjalan lancar, mudah-mudahan.

Jawapan yang lebih terperinci berhubung dengan langkah-langkah keselamatan yang lebih agresif dan tindakan komprehensif kementerian dalam

menangani isu pembolosan dan pencerobohan perairan negara di Sabah telah pun saya jawab dalam Pertanyaan Lisan pada 25 Oktober 2000 tempoh hari. Manakala langkah-langkah keselamatan berhubung dengan insiden Sauk telah juga saya perelaskan dalam Pertanyaan Lisan di Dewan pada 9 November 2000 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kepong juga ada membangkitkan penyediaan kertas putih berhubung dengan insiden Sauk. Di sini suka saya menjelaskan bahawa memandangkan kes tersebut sedang dibicarakan dan akan mengambil masa, maka adalah wajar kes ini ditangani secara arif dan mengikut lunas undang-undang terlebih dahulu dan ianya tidak dihebahkan sebelum mahkamah membuat keputusannya. Kerajaan mengakui insiden berkenaan merupakan satu teladan yang harus dipandang berat....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Batang Lupar dan juga Kuala Terengganu.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Let me finish this. Kerajaan mengakui insiden yang berkenaan merupakan satu teladan yang harus dipandang berat untuk tindakan di masa depan. Ia juga semestinyalah satu perkara yang menjadi minat umum untuk mengetahui dengan lebih jelas berhubung kejadian berkenaan. Namun demikian, saya amat kesal dengan tindakan pihak tertentu terutamanya pihak pembangkang yang seolah-olah mahu mengambil kesempatan dengan menanggung di air keruh ekoran daripada insiden ini untuk memburuk-burukkan kerajaan amnya dan Angkatan Tentera Malaysia khasnya menerusi dakwah mereka kononnya insiden di Sauk ini adalah satu sandiwara semata-mata.

Seperkara yang harus saya tegaskan di sini ialah tindakan mereka yang bermotif politik itu secara langsung merobekkan moral dan maruah anggota tentera kita dan sekali gus memperkecil-kecilkan peranan Angkatan Tentera Malaysia sebagai sebuah organisasi penting dalam menjamin dan mempertahankan keselamatan negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Apa yang lebih menyedihkan saya ialah oleh kerana dakyah, sekejap nanti saya beri, oleh kerana dakyah pembangkang dan pihak tidak bertanggungjawab ini dilaung-laungkan di seluruh pelboks negara. Terdapat segelintir di kalangan rakyat negara ini mempercayai dakwaan berkenaan sekalipun ianya hanya berbentuk tohmahan kosong semata-mata. Saya sekali lagi ingin melahirkan kekesalan saya di pihak Kementerian Pertahanan berhubung tindakan berkenaan yang saya sifatkan sebagai satu pembohongan besar yang tidak seharusnya dilakukan.

Bagi memperlengkapkan lagi sistem pertahanan negara dalam jangka masa yang panjang, kementerian dengan mendapatkan kelulusan Kabinet telah pun meluluskan pembelian kapal selam bagi memastikan keperluan peralatan keselamatan dipenuhi. Walau bagaimanapun, urusan pembelian mengenai peralatan tersebut masih lagi dalam peringkat perundingan oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Beluran ada menyentuh....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...isu pendatang asing tanpa izin yang membawa masalah besar....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada.....

**Seorang Ahli:** Kuala Terengganu

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Okay.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Mengenai isu Sauk ini, sebenarnya apa yang dilakukan kalau melihat kepada laporan-laporan akhbar, saya mengambil laporan akhbar yang dibuat oleh akhbar-akhbar perdana di negara kita. Ada terdapat 15 percanggahan yang jelas mengenai cara pemberitaan kes Sauk. Saya ambil contoh yang jelas, akhbar *Utusan Malaysia* pada hari Sabtu, 7 Julai dulu [*sambil menunjukkan akhbar Utusan Malaysia*] akhbar gambar colour, seorang penjenayah yang bernama Jaafar ditangkap sebagai seorang penjenayah. Gambar colour, 7 haribulan akhbar *Utusan Malaysia*. Besoknya gambar yang sama dalam akhbar *Utusan Malaysia*, 8 haribulan, Tuhan yang panjangkan umur saya, Jaafar yang 7 haribulan ditangkap sebagai seorang

penjenayah, 8 haribulan Jaafar adalah salah seorang yang dikatakan diculik. Ini adalah suatu yang amat mengelirukan. Gambar colour, dua-dua gambar colour yang gambarnya sama, 7 dan 8 haribulan. Begitu juga dari segi pemberitaan akhbar-akhbar di negara kita, saya rasa amat sedih dan pilu apabila Perdana Menteri sendiri dalam akhbar *Berita Harian* menyatakan Al-Ma'unah terpengaruh dengan dakwah PAS. Simbol PAS pada kereta perompak yang dibuat oleh Menteri dan Timbalan Menteri sendiri.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tebrau, apa ada?

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tebrau, atas apa? Apa peraturan?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Ini masih lagi dalam mahkamah, dia tidak boleh menyebutkan nama-nama yang masih dalam perbicaraan, ini melanggar peraturan perlembagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia hanya sebut perkara itu.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ini surat khabar, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Oh, boleh mengelirukan dia benda yang berlainan boleh dibangkitkan dalam mahkamah. Ini ikut peraturan, Yang Berhormat, tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila duduk.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Yang lebih kartun lagi apabila akhbar perdana, saya baca mengenai lagu P. Ramlee. *New Straits Times*, 9 Julai 2000, saya baca, sebab ini terlalu banyak kekeliruan yang dikatakan di kalangan masyarakat kita. *New Straits Times*, 9 Julai 2000, muka surat 4, dengan izin, "*Commandos also used a rather of bit psychological tactics. P. Ramlee songs were played and shot fired repeatedly into the sky at the warning to the criminal that they were no way out.*"

Star, 6 Julai, muka 1 - *"The army carry out sporadic firing at 12.50 am, but the divisionist replied with a P.Ramlee songs..."*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ....*believed to be played on a cassette player from about four or three minutes"*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, apa tujuan Yang Berhormat kemukakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tujuan saya menimbulkan ini kerana terlalu banyak percanggahan. Dalam akhbar perdana sendiri, kalau kita ambil dalam isu lagu P. Ramlee ini sendiri....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dari itu....

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** ...*New Straits Times* kata komando yang mainkan lagu P.Ramlee.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Surat khabar *Star* kata Al-Ma'unah yang mainkan lagu P.Ramlee. Ini bukan surat khabar 'cokia' tepi jalan, tetapi surat khabar perdana yang ada di negara kita....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah soalan?

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Persoalannya, apakah pihak kerajaan sedar bahawa yang mengelirukan persoalan ini adalah akhbar perdana, UMNO dan Barisan Nasional sendiri dan tujuan utama dilakukan oleh akhbar perdana ini adalah untuk memberikan kepuasan kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang pada awal lagi Perdana Menteri sendiri cuba menuding jari kepada PAS dan pembangkang dalam isu Al-Ma'unah ini sedangkan itu adalah suatu fitnah yang besar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okay, cukup Yang Berhormat. Sila Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya amat kesal dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang mengatakan fitnah yang didukung oleh pimpinan UMNO dan kerajaan. Sebetulnya, kalau kita melihat perkara ini setelah ia berlaku tidak sepele pun yang saya dengar ada di antara pihak-pihak ini menidakkan ataupun criticize, dengan izin, hentam pihak-pihak Al-Ma'unah ini. Malahan kita lihat

ada yang mereka menyatakan setengah-setengah pihak itu ini adalah satu sandiwara dan itu yang kita kesalkan seperti yang saya nyatakan. Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan, insya-Allah, saya berdoa kita serahkan dengan Allah S.W.T. dan saya tuntutan di akhirat tentang kebenaran.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Menyampuk]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nyatakan.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Menunjukkan keratan akhbar]*  
Gambar colour...

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya sudah beri peluang.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Ini jelas, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** 7 haribulan ditangkap sebagai penjenayah.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya tidak ada.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Apa yang didedahkan di surat khabar bukan di bawah kuasa Kementerian Pertahanan untuk buat sandiwara dan bukanlah untuk kita hendak program yang keluar gambar siapa. Tetapi hakikat yang ada berlaku kebaikan sudah pun menjelma. Kita dapat mengatasi masalah ini dengan kehendak Allah S.W.T. dan keadaan sudah pun diredakan dan kita berharap perkara ini tidak akan berlaku di masa yang akan datang, kerana setengah-setengah pihak boleh terpesong, boleh terpe daya oleh kerana hasutan setengah-setengah pihak, kemungkinan terdesak mengikut emosi masing-masing.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** *[Menyampuk]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kadang-kadang kita bimbang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila.  
Yang Berhormat...

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tak apa you duduklah, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Peraturan. Shah Alam.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, kita ikut peraturan. You bangun saya bagi peluang, saya bangun bagilah peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri, ada peraturan dikemukakan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya hendak baca 37(1) "seseorang Ahli tidak boleh mengganggu Ahli-ahli yang sedang bercakap kecuali dengan diberi izin." Tak izin daripada Tuan Yang di-Pertua, Kuala Terengganu ini mengganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tak ikut peraturan, please abide to regulation, you are an educated person.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Shah Alam, cukup.  
Timbalan Menteri, ada seorang bangun daripada kawasan Batang Lupar.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya teruskan dahulu Yang Berhormat, nanti dahulu ya kerana masa tak mengizinkan sebetulnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran ada menyentuh isu pendatang asing tanpa izin yang membawa masalah besar dan menggugat keselamatan negara terutama di pulau-pulau perairan Sabah. Suka saya jelaskan bahawa peranan yang diberikan oleh Kementerian Pertahanan dalam usaha membanteras kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negeri Sabah tersebut hanyalah merupakan bantuan kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara khusus untuk menangkap dan menghantar pulang pendatang asing tanpa izin berkenaan. Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sebarang bidang kuasa sama ada untuk menangkap atau menghantar pulang pendatang asing tanpa izin tersebut. Bantuan yang diberikan oleh anggota ATM berkenaan sebenarnya hanyalah merupakan tugas tambahan yang dilaksanakan, dengan izin, on opportunity bases tanpa menjelaskan core business ATM.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena saya harap semakan gaji dengan elaun anggota tentera perlu dibuat, sesungguhnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi berkenaan keprihatinan beliau kepada perkara gaji dan elaun anggota tentera ini. Bagaimana saya berharap keprihatinan beliau itu tidaklah ditunjukkan secara bermusim di mana tatkala berlaku sesuatu insiden membabitkan pasukan tentera kita, Ahli Yang Berhormat bagi berkenaan akan pula mengambil ruang dan kesempatan untuk menidakkan keupayaan angkatan tentera Malaysia serta menafikan sumbangan kerajaan dalam membantu menjamin keselamatan negara kita yang berdaulat ini.

Sememangnya kementerian saya amat prihatin terhadap pembangunan Angkatan Tentera Malaysia....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ....dan sentiasa menganggap pembelian terhadap kebajikan anggota tentera sebagai satu priority yang perlu diambil berat kepada setiap masa. Saya bagi kepada Batang Lumar, selepas itu saya beri kepada Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya sebenarnya sudah terkebelakangan Tuan Yang di-Pertua. Tadi soal latihan kepada tentera.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Walau bagaimanapun, saya hendak tanya juga....Yang Berhormat diamlah saya tak ganggu tadi. Saya mendengar ucapan-ucapan di sini dikatakan berperang dan sebagainya. Saya tidak berminat mendengar cerita macam ini. Sebab barangkali saya dalam Dewan ini tiada orang yang pernah melawan dengan komunis, saya pernah duduk dalam hutan lawan komunis empat tahun. *[Menyampuk]* Saya merasa bagaimana resah, takutnya bila kita berhadapan dengan orang bawa senjata. Jangan bercakap bergegar di sini, nanti tahi tersangkut di gelegar. Jadi, berperang jangan disebut. Kita jangan cari masalah. Saya

ingat di antara orang-orang yang takut berperang ialah askar dan polis dalam hutan itu. Sebab mereka tahu macam mana pedihnya berperang.

Jadi, kita mesti mengatakan masalah, pertahankan diri kita sendiri, perkukuhkan tentera kita. Tetapi soal berperang kalau trouble come then see who is a real man and who is not a man, dengan izin. Kita sudah pernah tengok orang lari dengan senjata ini. Saya pernah tengok, saya boleh sebut nama orang yang lari oleh kerana dengar peluru bunyi macam hujan. Tetapi ini Tuan Yang di-Pertua, pernah dalam hutan dahulu. [*Tepuk*]

Jadi, saya hendak tanya, pa da tahun 1962 apabila green jacket datang ke sini mempunyai pelajaran, conventional warfare berlawan di Hulu Tiris di Bahagian Keempat, Miri, banyak yang mati oleh kerana mahir dalam latihan conventional warfare. Tetapi pada pertengahan tahun 1960an baru kita menerima pelajaran baru, iaitu gorila warfare dilatih ala SAS, iaitu yang kita pelajari daripada Chendid di Burma pada ketika itu. Selepas itu berlawan dengan pihak komunis ini lebih baik dan lebih mendatangkan hasil lagi.

Jadi, persoalan saya dalam latihan askar macam mana sama ada kita melatih secara conventional warfare sahajakah ataupun kita dalam terrain kita macam mana disebut oleh Kepong tadi dalam keadaan kita melatih orang dalam conventional warfare, dalam masa yang sama kita jangan lupa kan gorila warfare. Adakah agenda atau latihan ini kita lakukan secara serentak dan juga senjatanya, conventional warfare punya weapon dan juga gorila warfare punya weaponry, kedua art of war ini mesti tidak boleh dilupakan. Macam mana tindakan kementerian.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Saya memang setuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar tentang pendekatan yang beliau sebutkan conventional dan gorila warfare yang kita buat pendekatan tentang melatih pasukan anggota tentera kita.

Di samping itu juga, kita dedahkan dengan praktikal yang agak realistic, dengan izin. Kita menghantar pasukan angkatan tentera ini kepada negara-negara yang berhadapan dengan peperangan. Contohnya di Bosnia, kita hantar mereka ke Bosnia di mana is a real war happening. Begitu juga kita hantar mereka di tempat-tempat yang ada pertempuran, ada pergaduhan, perbalahan seperti di Afrika, di

negara-negara di Benua Afrika sehingga pada satu ketika pasukan anggota tentera negara kita telah dapat menyelamatkan satu pasukan tentera Amerika Syarikat. Walaupun negara kecil, tetapi ini tidak dihebohkan tentang kemahiran dan keberanian pasukan tentera kita dalam menyelamatkan pasukan tentera Amerika, mereka terkepong oleh pihak lawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Bagi peluang dia tanyakan saya.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di sudut pertahanan, semangat itu perlu dipelihara. Kem Majide misalnya adalah kem yang berdepan dengan Singapura. Tentera ini selalulah tentulah berulang-alik ke Singapura dan tentera Singapura berulang-alik hari cuti dan sebagainya. Mereka selalu berbincang hal perbandingan gaji, elaun dan sebagainya. Satu division di Singapura berbelanja dengan tentera kita berbelanja tiga division. Begitu juga gaji mereka tiga kali ganda dengan tentera kita yang sempadan itu satu pertiga daripada gaji mereka. Jadi, kalaulah kita jadi tentera pun kita berasa lemah, inferiority complex berlaku. Jadi, perkara ini bagaimana kita hendak baiki. Sebab ada kalangan tentera kita merungut, rungutan mereka itu bergantung juga kepada semangat mereka. Sebab satu division tentera Singapura berbelanja, kita berbelanja tiga division. Jadi, tidakkah mahu minta belanjawan yang lebih sikit. Ini dok buat benda-benda merapu lebih baik bagi kepada tentera. *[Ketawa]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dia memang memberi sokongan Kementerian Pertahanan dengan memberi peruntukan yang besar. Saya amat setuju sekali kalau peruntukan lebih banyak diberikan. Memang saya akui peruntukan yang diberikan oleh pihak Singapura adalah lebih daripada 10% daripada GDP dia, dan kalau dibanding dengan negara kita agak kecil sedikit, jumlah RM7 bilion tak mencukupi hendak buat sektor perumahan, hendak buat peralatan. Satu frigate contohnya RM1.3 bilion, dan dua kapal laut is RM2.6 bilion dan tak mencukupi. Dengan itu saya amat setuju sekali kalau sekiranya di masa akan datang peruntukan yang lebih diberikan

kepada Kementerian Pertahanan. Dan memang setiap masa pun kita ajukan belanjawan yang agak besar. Walaupun demikian, kita tahu bahawa keseimbangan dalam pemberian peruntukan ini haruslah menjadi perhitungan negara kerana ada rakyat di peringkat akar umbi memerlukan peruntukan pendidikan, pertanian dan sebagainya seperti yang saya sebutkan.

Ingin dinyatakan bahawa kementerian saya dari masa ke semasa mengkaji pelbagai elaun dan kemudahan bagi menentukan ianya memenuhi keperluan dan kehendak semasa serta keutamaannya dengan melihat dari beberapa aspek berhubung dengan semakan gaji dan elaun bagi ATM termasuk 40 jenis elaun yang sedang dalam kajian. Sukalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah meluluskan pekrasan gaji sektor awam termasuk ATM sebanyak 10% mulai Januari 2000.

Berhubung dengan 44 jenis elaun dan kemudahan ATM termasuk cadangan menaikkan kadar bayaran insentif, mewujudkan bayaran insentif baru, pewujudan semula bayaran insentif yang telah dimansuhkan dan di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) dan juga mewujudkan kemudahan-kemudahan baru, sebanyak 30 jenis daripada elaun dan kemudahan tersebut telah pun dimajukan kepada agensi-agensi pusat untuk pertimbangan dan kelulusan. Melalui ucapan Belanjawan 2001 kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar sajian tunai bagi angkatan tetap, elaun latihan tempatan dan elaun pakaian seragam, penyelenggaraan pakaian seragam bagi angkatan sukarela. Dari penguatkuasaan bagi kesemua elaun di atas adalah mulai 1 November 2000.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan kemudahan baru anggota sukarela iaitu elaun pakaian istiadat, kadar elaun bulanan untuk putera Maktab Tentera Diraja juga telah dinaikkan kepada RM70 sebulan dan untuk perintis putera sekolah peruntukan perintis tentera dapat dinaikkan kepada RM110 sebulan. Kerajaan juga bersetuju memberi elaun pakaian atas kadar RM200 sekali sepanjang tempoh pengajian. Sementara itu, mengenai cadangan supaya pencen anggota tentera dibayar 70% dari gaji akhir, izinkan saya menyatakan ATM adalah sebahagian daripada perkhidmatan awam atau public service seperti yang telah ditetapkan dalam Fasal 132 Perlembagaan Malaysia. Walaupun kerajaan sedar bahawa wujudnya keanehan perkhidmatan atau 'pecuniary' of service dalam ATM yang mana telah pun

diambil kira dalam peruntukan Sistem Saraan Baru, ATM atau remuneration dalam sebarang kajian mengenai saraan termasuk hal-hal berkaitan dengan faedah-faedah persaraan perlu dikaji secara menyeluruh dengan mengambil kira perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah juga mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk mewajibkan semua remaja lelaki menyertai perkhidmatan nasional dengan menjalankan latihan ketenteraan selama dua tahun. Untuk menjawab cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah, ingin saya menjelaskan bahawa Kementerian Pertahanan belum lagi bercadang untuk mengadakan perkhidmatan negara atau nasional ataupun kerahan tenaga kerana keperluan ke arah itu belum lagi mendesak.

Apa yang dikesali ialah wujudnya usaha-usaha pihak tertentu dalam negara kita ini yang menjelajah ke luar negara untuk meminta bantuan kuasa asing dengan memburuk-burukkan pentadbiran negara kita yang tercinta ini. Tindakan golongan yang tidak bertanggungjawab ini adalah satu perbuatan sabotaj terhadap negara sendiri di mana mereka bolehlah dianggap sebagai pengkhianat negara kerana bertujuan untuk memberikan tekanan terhadap kestabilan politik, ekonomi dan menjual maruah bangsa, agama dan negara sendiri kepada negara asing. Agak malang kerana tindakan mereka itu hanyalah semata-mata sebagai jalan terakhir untuk mereka meraih keuntungan politik bagi pihak mereka sendiri selepas pelbagai usaha mewujudkan huru-hara di dalam negara tidak kesampaian.

Perbuatan mereka ini amat tidak bijak kerana kuasa asing sentiasa menunggu peluang untuk menindas kita yang sedang berusaha menuju ke tahap sebuah negara maju. Jika sekatan ekonomi dan penindasan kuasa asing ini berlaku, ditambah dengan bantuan oleh petualang-petualang di negara kita sendiri, nescaya rakyat yang akan menerima padahnya. Perbuatan ini hendaklah dikutuk dan tidak seharusnya diberi sokongan oleh mana-mana pihak mahupun rakyat jelata.

Usaha melobi mereka ini, agak menyebabkan pelaburan asing mula menjauhi negara kita dan sedikit demi sedikit ekonomi kita akan hancur akhirnya ia akan turut memberi kesan kepada rakyat kerana tanpa ekonomi yang kukuh, selain daripada

peluang perniagaan, peluang untuk rakyat mendapat pekerjaan juga akan turut tersekat.

Namun demikian, buat ketika ini keadaan keselamatan negara memang dalam keadaan terkawal dengan wujudnya kestabilan politik dan keamanan serantau. Tambahan pula setakat ini, Kementerian tidak menghadapi kesukaran untuk mengambil rekrut baru untuk perkhidmatan-perkhidmatan angkatan tentera walaupun bersaing hebat dengan sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan di atas beberapa isu yang menyentuh bidang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kepong bangun ya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, Kepong, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Banyak perkara yang telah saya bangkitkan, salah satunya ialah cara-cara untuk melindungi pesawat-pesawat yang canggih seperti MiG-29, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi semua pesawat dan alat kelengkapan yang canggih supaya tidak akan berlakunya masalah yang tidak diinginkan.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Ya, Yang Berhormat Ahli bagi Kepong memang saya maklum tentang perkara itu dibangkitkan. Memang kita ambil perhatian tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan di atas beberapa isu yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertahanan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Sekiranya terdapat cadangan-cadangan atau kenyataan secara langsung ataupun tidak oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang tidak sempat disentuh oleh saya, para pegawai kementerian yang berada dalam Dewan pada hari ini akan mengambil maklum dan menentukan supaya perkara-perkara yang dibangkitkan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya akan disusuli jika difikirkan perlu.

Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**4.40 ptg.**

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:**

Assalamuala ikum warahmatullah. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perbincangan dasar mengenai Belanjawan 2001.

Isu-isu mengenai KEMAS telah dibangkitkan oleh empat orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat bagi Dungun, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Batang Sadong dan Yang Berhormat bagi Hulu Rajang.

Yang Berhormat bagi Dungun telah menyatakan Kerajaan Negeri Terengganu telah masih membenarkan Kerajaan Persekutuan menggunakan bangunan mereka berjumlah 501 buah untuk Tabika KEMAS dan balai raya. 90% darinya adalah untuk KEMAS. Kata beliau, kerajaan negeri tidak mengamalkan diskriminasi demi untuk kepentingan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bangunan kerajaan negeri yang digunakan oleh KEMAS ialah 415 buah dan bukan 501 buah. Dari segi diskriminasi atau tidak, itu kata Yang Berhormat bagi Dungun, tetapi dari pengalaman KEMAS setakat ini, sudah 29 bangunan yang terpaksa berpindah kerana diarah keluar oleh kerajaan negeri, dua buah diceroboh, satu ditutup dan satu dibakar. Kita tidak tahu berapa banyak lagi selepas ini yang akan menerima nasib yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Kerajaan Pusat melalui KEMAS telah memperuntukkan RM19.6 juta bagi program-program KEMAS di Terengganu.

Yang Berhormat bagi Batang Sadong telah membangkitkan Tabika KEMAS di Sarawak dipandang rendah walaupun pada hakikatnya ianya penting. Keadaan Tabika KEMAS adalah daif kerana sebilangan tabika terpaksa menumpang di rumah-rumah orang kampung dan di masjid. Katanya terdapat juga tabika yang dibina atas ehsan ahli-ahli politik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Sekejap, saya habiskan ya. Yang Berhormat bagi Batang Sadong mencadangkan supaya martabat Tabika KEMAS dipertingkatkan melalui beberapa cara. Ya, sila.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Penjelasan. Cara Yang Berhormat sebut tadi macam hendak mengaitkan pembakaran dan pencerobohan kelas KEMAS tadi dengan Kerajaan Terengganu. Saya fahamlah, minta maaf kalau orang lain faham cara lain. Adakah bermakna Kerajaan Negeri Terengganu yang bakar kelas KEMAS itu? Dan setakat ini, adakah KEMAS telah buat laporan polis dan apakah hasil siasatan polis dan Yang Berhormat sebut tadi ada 29 KEMAS telah terpaksa keluar dan ada 400 lebih KEMAS masih lagi menggunakan bangunan kerajaan negeri. Adakah Yang Berhormat tidak hendak ucap terima kasih atas 400 lebih itu?

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Terima kasih atas soalan. Soalan Yang Berhormat sama ada yang membakar dan menceroboh itu adakah itu saranan atau galakan kerajaan negeri, itu tidak timbul, yang timbul ialah sebelum ini tidak berlaku perkara-perkara begini. Yang selalu saya sebutkan ialah oleh kerana perasaan terlalu meluap-luap selepas pilihan raya yang lalu, maka perkara-perkara ini berlaku dan diharapkan .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Sekejap ya. Dan saya amat berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Dari segi bahawa lebih dari 400 yang telah digunakan dan 29 yang diarah pindah, saya hanya berkata, kita tidak tahu berapa lagi nasib yang sama yang akan diterima oleh Tadika-tadika KEMAS yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Yang belakang dahulu, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hulu Terengganu, ya.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa sungguh kesal apabila menteri sendiri bercakap, sama ada maklumat yang tidak tepat ataupun sekali lagi cuba mengelirukan Dewan ini, apabila mengatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri telah membakar bangunan KEMAS tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak kata Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Saya suka memberi penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu, dia tidak kata begitu.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Ya, saya suka memberi penjelasan bahawa perkara ini telah disiasat oleh pihak polis dan pihak polis telah membuat kenyataan dalam akhbar bahawa apa yang berlaku itu ialah akibat daripada litar pintas yang berlaku di bangunan itu. Sebab itu saya rasa ini satu kalau saya kata pembbohongan, seorang menteri boleh bercakap begini di Dewan ini. Ini ada kenyataan akhbar bahawa telah dibuat siasatan polis dan kebakaran diakibatkan oleh litar pintas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebelah sana tadi tidak faham siapa yang memberi penjelasan, siapa yang bertanya soalan. Yang memberi penjelasan saya. Kalau hendak tanya, tanyalah soalan.

Sebagaimana yang saya sebut tadi, tidak pernah berlaku semasa Terengganu berada di bawah BN, semasa Terengganu berada di bawah BN tidak pernah berlaku, tetapi perkara ini berlaku sekarang, itu sahaja.

Yang kedua, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Batang Sadong telah membangkitkan Tabika KEMAS Sarawak, bahawa tadi saya sebutkan tadi, .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Nanti, tak payah lagi, saya jawab yang ini dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri dah.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Program Tabika KEMAS berkembang dengan pesatnya dari tahun ke tahun. Sehingga September 2000, terdapat 7,765 buah kelas tabika di seluruh negara dengan bilangan kanak-kanak seramai 207,517 orang dan

7,666 orang pemaju masyarakat atau guru tabika. Program Tabika KEMAS mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari ibu bapa dan masyarakat.

Walaupun begitu, kerajaan mengakui ada banyak perkara yang perlu diperbaiki demi untuk mempertingkatkan perkhidmatan KEMAS sebagai penggerak masyarakat. Perkara-perkara ini adalah seperti berikut:-

Pertama, bangunan tabika dan peralatan – Dari segi bangunan, Tabika KEMAS sedang meningkatkan program membina bangunan baru dan membaik pulih bangunan Tabika sedia ada termasuk bangunan awam.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, pendekatan baru KEMAS ialah menyediakan kemudahan setempat dikenali sebagai pusat pendidikan awal kanak-kanak, yang mengandungi ruang untuk program tabika, taska dan pendidikan keibubapaan.

Dalam tempoh lima tahun ini, sebanyak 5,500 buah pusat pendidikan awal kanak-kanak akan dibina lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas dan peralatan. KEMAS juga membekalkan peralatan kepada tabika. Mulai 1998 hingga 2000 sebanyak 196 buah tabika telah mendapat bekalan komputer, 2,577 kelas menerima bekalan TV, video dan peti sejuk dan 3,936 buah mendapat bekalan perabot dan .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, dia membangkitkan point of order.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Peraturan Mesyuarat 35(10)(b) – perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa kerajaan. Dalam kes yang telah secara *implicate in wander* dengan tujuan supaya Kerajaan Terengganu dianggap sebagai telah membakar dua kelas KEMAS yang tidak berlaku sebelum daripada perubahan peralihan kerajaan. Dan rakan saya telah membawa satu keratan akhbar, pihak polis telah pun menjalankan siasatan dan polis mendapati bahawa ini adalah hasil daripada lintasan pintas.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Gading, Sri Gading, dia mengemukakan berkenaan dengan peraturan mesyuarat Yang Berhormat ya. Ya, sila teruskan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, saya berharap kita lebih bertanggungjawab Yang Berhormat dan saya harap bahawa kenyataan itu diperbetulkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Setahu saya apa yang saya dengar tadi, dia tidak sebut pun kata kerajaan negeri.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tak, tak yang pertama tadi Tuan Yang di-Pertua. Semua orang faham macam itu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak faham begitulah, saya faham kata, dia tidak menuduhkan Kerajaan Terengganu.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tak saya berharap menteri dapat mengelakkan kekeliruan ini, bahawa dua kejadian kebakaran ini tidak diasaskan, tadi dia sebut, mungkin telah diarahkan ataupun di *inspired* oleh kerajaan negeri.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya tidak kata. Tuan Yang di-Pertua, inilah .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *Hansard* akan membuktikan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, inilah cara 'KEMAS', benda yang..., dia suka mengelirukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat, sila teruskan ucapan ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kalau menteri tidak boleh menunjukkan contoh teladan yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukuplah. Ya, dia hendak sambung ucapan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Ya, terima kasih. Inilah cara pembangkang, suka mengelirukan, benda yang kita tak kata, dia kata kita kata. Dia makan cabai, dia berasa pedas, itu hak dia.

Peralatan ini membantu meningkatkan kualiti seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sri Gading bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Okay, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dunia semua tahu, bukan menjadi rahsia lagi, bahawa antara agensi kerajaan yang paling didendam oleh PAS ialah KEMAS.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Menyampuk*] [*Memegang buku Peraturan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia tu? Yang Berhormat Sri Gading, dia kata apa tu?

**Seorang Ahli:** Peraturan apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, beritahu apa yang dia kata, yang Yang Berhormat hendak mengeluarkan .....[*Disampuk*] Benda ini jikalau sekiranya dikatakan kepada parti tidak mengapa. Selalunya kita mengatakan di antara pelbagai .....[*Disampuk*] Tidak ada satu pelanggaran peraturan mesyuarat dalam perkara itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dunia semua tahu dan bukan menjadi rahsia [*Disampuk*] bahawa antara agensi kerajaan yang paling didendam oleh PAS ialah KEMAS. [*Disampuk*] Oleh yang demikian, apa yang berlaku di negeri Terengganu, apa yang berlaku kepada KEMAS di negeri Terengganu walaupun kita tidak tuduh Kerajaan PAS yang melakukannya tetapi rakyat umumnya menyatakan bahawa ini ada unsur-unsur dendam kepartian. Jadi, apa jaminan kerajaan agaknya atas perjalanan KEMAS di negeri Terengganu. Saya minta penjelasan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Menyampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan cabar di sini, Yang Berhormat Sila. [*Disampuk*] Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri, *out of order*, bangun tidak minta kebenaran. [*Sorak*] Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalaulah itu anggapan masyarakat, saya tidak boleh buat apa-apa kerana itu sememangnya anggapan masyarakat.

Latihan pemaju masyarakat guru tabika. Setiap pemaju masyarakat atau guru tabika dikehendaki mengikuti kursus selama 6 bulan di lima buah institusi pusat latihan KEMAS sebelum dilantik mengajar di tabika. Bagi meningkatkan kualiti program dan profesionalisme seramai 1,172 orang pemaju masyarakat atau guru

tabika telah dan sedang mengikuti Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak dengan kerjasama antara swasta, Universiti Malaya dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pada tahun 1999 hingga 2000, KEMAS telah melatih seramai 200 orang *master trainers* dan pemaju masyarakat tabika dalam bidang Bahasa Inggeris dan seramai 500 orang akan dilatih dalam tahun 2001. Latihan ini bertujuan mempertingkatkan pembelajaran Bahasa Inggeris di tabika-tabika di luar bandar.

Menyentuh tabika KEMAS Sarawak. Memang tidak dapat dinafikan terdapat tabika di Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman yang keadaannya kurang memuaskan iaitu dari segi bangunan dan kemudahan-kemudahan asas. Bagaimanapun, perkara ini diambil perhatian oleh pihak KEMAS dan dimasukkan dalam perancangan-perancangan yang akan datang. Pada masa kini, Sarawak mempunyai 597 kelas tabika, pemaju masyarakat 571 orang dan 15,320 orang kanak-kanak.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang membangkitkan sistem pembelajaran Al-Qiraati, tidak akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya di tabika-tabika KEMAS oleh guru-guru tabika KEMAS, oleh kerana guru-guru tabika KEMAS dikatakan buta Al-Quran. Untuk menjawabnya, untuk makluman Yang Berhormat, sistem tabika KEMAS adalah untuk membentuk insan secara *total* yang memberi tekanan kepada nilai-nilai Islam dalam segala amalan harian.

Dalam sistem mempelajari bacaan Al-Quran, KEMAS tidak menggunakan sistem pembelajaran Al-Qiraati, sebaliknya tabika KEMAS memperkenalkan resam Al-Quran Resam Al-Usmaniah yang menggunakan kaedah Iqra'. Kaedah ini adalah sama dengan kaedah yang diguna pakai oleh Kementerian Pendidikan. Pemaju masyarakat atau guru tabika KEMAS juga telah didedahkan dengan kaedah Iqra' dan bidang pendidikan Islam yang lain, yang telah ditetapkan dalam garis panduan kurikulum pendidikan pra-sekolah. Kementerian Pendidikan semasa mengikuti kursus asas pendidikan pra-sekolah, selain dibimbing oleh PM tabika KEMAS, kakitangan lain KEMAS seperti pemaju masyarakat Bina Insan Agama yang berkelulusan 4 Thanawi juga turut membantu mengajar asas Al-Quran di tabika KEMAS tiga kali seminggu dan satu jam setiap kali mengajar.

Yang Berhormat bagi Ulu Rejang mencadangkan program pendidikan proses-sekolah hendaklah dijalankan di seluruh rumah panjang dan dicadangkan menggunakan bahasa Ibunda kanak-kanak supaya mereka lebih berkemampuan mengikuti kelas dengan lebih berkesan sebelum menjejak kaki di sekolah rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai penggunaan bahasa, pemaju masyarakat KEMAS atau guru tabika menggunakan bahasa Ibunda di dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya di awal penggal persekolahan. Walau bagaimanapun, secara beransur-ansur penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar akan digunakan. Di samping itu, tabika KEMAS juga mengajar Bahasa Inggeris sebagai pendedahan untuk kemahiran lisan.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu mengenai infrastruktur, tiga Ahli Yang Berhormat telah menyentuh iaitu Yang Berhormat bagi Sibul, Yang Berhormat bagi Saratok dan Yang Berhormat bagi Bandau....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya membangkitkan satu isu mengenai KEMAS, iaitu untuk menjadikan pegawai KEMAS sebagai salah satu agen literasi komputer. Pada waktu yang sama saya juga meminta supaya pusat-pusat KEMAS mewujudkan pusat literasi komputer. Saya tahu Yang Berhormat Menteri telah pun menjawab satu aspek hal ini semalam, iaitu mengenai kewujudan pusat-pusat literasi komputer oleh pihak KEMAS. Tetapi, bagaimanakah pihak kementerian mahu menjadikan pegawai KEMAS yang amat rapat dengan masyarakat akar umbi supaya dijadikan sebagai penggerak perubahan ke arah membina masyarakat maklumat di masa akan datang. Saya hairan kenapa pihak kementerian ataupun pegawai tidak mengambil ingatan mengenai apa yang saya sebutkan mengenai perkara itu. Terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kala u pegawai tidak menulis perkara itu, saya akan meninjaunya. Tetapi dari segi apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi, memang saya pernah memberi jawapannya di dalam sesi soal jawab Parlimen. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, KEMAS sememangnya memberi tekanan kepada celik komputer dan tiap minggu, tiap bulan kita mengadakan kelas-kelas yang secara tersusun yang dilaksanakan di peringkat pusat latihan INFRA dan dilaksanakan di peringkat-peringkat yang lain untuk membolehkan anggota KEMAS mengenali komputer, bukan sahaja mengenali bahkan menyampaikan maklumat ini dan untuk mengajar masyarakat luar bandar. Mereka juga akan menjadi daya penggerak di peringkat-peringkat Gerak Desa Wawasan yang akan diperkenalkan peringkat demi peringkat di seluruh kampung dalam negara.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula, Yang Berhormat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya ucapkan syabas, Tuan Yang di-Pertua kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang mengambil langkah yang *very much forward*, dengan izin. Semalam pihak Menteri ada menjelaskan bahawa telah diwujudkan pusat-pusat Internet atau komputer desa dan bercadang untuk mewujudkan di majoriti kawasan Parlimen. Bolehkah pihak Menteri atau kementerian memberi satu gagasan yang lebih jelas mengenai bagaimanakah perkara ini hendak dibuat.

Saya tahu setiap pusat komputer itu ada 10 buah komputer dan sekarang kementerian telah pun mengeluarkan 170 komputer, bermakna ada 17 pusat komputer KEMAS yang telah diwujudkan. Di manakah pusat-pusat yang telah pun diwujudkan? Terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada senarai semua negeri di manakah pusat-pusat yang telah diwujudkan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, untuk mewujudkan pusat-pusat komputer di tiap-tiap negeri di setiap kawasan Parlimen; pertama, perlulah ada tempatnya ataupun tapak ataupun bangunan, jadi kuasa jentera penggeraknya diserahkan kepada ahli Parlimen sendiri. Semua ahli Parlimen diminta mengemukakan cadangan kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar supaya di peringkat Menteri, saya akan mengarahkan supaya pelaksanaan program ini dilaksanakan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Aman bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Boleh saya habiskan yang ini sekejap? Sedikit sahaja. Isu mengenai infrastruktur, tiga ahli Yang Berhormat telah menyentuh iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Sibul, Yang Berhormat bagi Saratok dan Yang Berhormat bagi Bandau. Yang Berhormat bagi Sibul telah membangkitkan mengenai pelaksanaan konsep payung, di mana projek jalan hanya membangkitkan masalah. Kontraktor program ini kurang berkesan, kata beliau. Okay, teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidak mahu menyala api ini. *[sambil menekan butang pembesar suara]* Sebelum Yang Berhormat Menteri meninggalkan KEMAS ini, saya ada berjumpa dengan satu masalah iaitu di beberapa kawasan kita cukup bilangan budak-budak untuk menubuhkan kelas KEMAS tetapi begitu sukar untuk KEMAS mendapat bilik atau bangunan untuk mengadakan kelas ini. Jadi, kadang-kadang kita meletakkan tanggungjawab ini kepada pegawai KEMAS yang bertugas di kawasan itu. Tetapi mereka ini adalah *junior officer* dan kadang-kadang tidak cukup *weightage* untuk berunding dengan pihak atasan. Jadi, bolehkah ini dibuat daripada pihak KEMAS, kementerian dengan kerajaan negeri untuk mencari tapak yang sesuai untuk mengadakan kelas ataupun sekolah KEMAS kerana kadang-kadang mereka letakkan di sekolah rendah yang berdekatan tetapi guru besar kadang-kadang tidak begitu *friendly*.

Yang kedua, semasa kita menunggu ini dapat kita buat, bolehkah kita menyewa mungkin sebuah bilik di rumah panjang untuk mengadakan kelas KEMAS ini? *[Disampuk]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah sebut, saya tidak dapat bergantung kepada kakitangan KEMAS yang dikatakan ada di antara mereka yang terlalu *junior* di kawasan-kawasan. Jadi, saya memberi mandat kepada ahli-ahli Parlimen untuk membantu mendapatkan tapak bangunan ataupun tanah dan sebagainya. Ini satu perkara yang positif, diharap pihak-pihak Yang Berhormat semua dapat membantu, walaupun hendak mendapat tempat di rumah-rumah panjang, Insya-Allah, kita akan membantu.

**Tuan Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, dia belum habis lagi menjawab soalan itu.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Okay.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Yang Berhormat Kinabatangan, jangan besarkan suara terlampau tinggi.

**Tuan Moktar bin Radin:** Kadang-kadang tersasul, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan marah-marahkan kami semua. *[Ketawa]*  
*[Disampuk]*

**Tuan Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Ini rasa saya tidak keterlaluan kalau saya mengatakan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini telah diberi pertanggungjawaban yang besar oleh kerajaan untuk melaksanakan dan memastikan bahawa belanjawan k-ekonomi dapat kita rasa bersama dengan masyarakat luar bandar.

Persoalan yang kita hadapi, sebentar tadi kita berbincang, berdebat dengan meminta Kementerian Pendidikan, persoalan yang kita hadapi, keekonomi tidak akan dapat diterjemahkan sekiranya tidak ada komitmen. Pertama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar; kedua, agensi-agensi kerajaan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air dan juga Tenaga Nasional. Komputer ada, jalan raya tidak ada, air tidak ada, tenaga elektrik tidak ada, komputer akan menjadi habuk. *[Ketawa]* Persoalan yang kita hadapi, kita mesti selesaikan permasalahan ini dahulu.

Saya berkeyakinan dengan budget berbilion ringgit ini kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk memastikan bahawa k-ekonomi dapat diterjemahkan bersama, mesti duduk satu meja selepas sahaja ataupun sebelum sesi Parlimen ini, panggil agensi-agensi yang berkenaan, bincang secara serius, jangan seperti melepas batuk di tangga sahaja kerana kalau ini tidak kita tangani, saya percaya mungkin 10 tahun yang lalu perkara ini sudah dibincang. Saya tidak menuduh kerajaan tidak bertanggungjawab, dengan Menteri yang ada rasa saya perkara ini akan dapat kita selesaikan. Insya-Allah, kalau boleh RMK-8 ini, masalah luar bandar dapat kita selesaikan, sekali jalan sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya bantah, suara dia tinggilah, [*Ketawa*] tetapi memang loud speaker dia kuat, hendak buat macam mana.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi sememangnya di kawasan-kawasan pedalaman di mana tidak ada bekalan elektrik amat susah untuk kita memperkenalkan sistem komputer atau yang lain. Inilah yang sedang diusahakan, oleh kerana itulah pada tahun 2000 ini jumlah untuk pembangunan bekalan elektrik di kawasan Sarawak, khasnya di negeri Sarawak dipertingkatkan daripada RM30 juta tahun 2000 kepada RM80 juta tahun 2001 di Sarawak. Di Sabah tidak ada di sini, saya akan maklumkan. Begitu juga banyaknya di Sarawak sama dengan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memantau dan meneliti setiap program yang dilaksanakan dari segi program pembinaan jalan-jalan kampung, begitu juga konsep payung yang diperkenalkan pada tahun 1997. Program ini telah memberi kesan yang positif. Sejak tahun 1997, jumlahnya berlainan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sepanjang 10,031 km jalan-jalan kampung telah dapat dibina berbanding dengan 12,000 km yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Ini adalah satu pencapaian yang terbaik dalam sejarah Kementerian Pembangunan Luar Bandar maka kejayaan ini telah dikatakan kejayaan yang dihasilkan oleh sistem konsep payung yang digunakan. Namun begitu, apabila program ini dilaksanakan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mendapat banyak teguran dan ketidakpuasan daripada pelbagai pihak. Oleh kerana itu, beberapa perubahan telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan di mana ciri-ciri yang baik di dalam konsep payung akan diteruskan dan ciri-ciri yang tidak baik akan digugurkan. Sistem baru ini akan dikenali sebagai Sistem Jalan Kampung Bersepadu untuk menggantikan Sistem Konsep Payung.

Yang Berhormat bagi Saratok telah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sibulah bangun.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Okay.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri. Saya ingin mengucap setinggi-tinggi tahniah

kerana di bawah kepimpinan Menteri Luar Bandar, saya telah menyaksikan ini attitude sekarang telah berubah kepada lebih baik tetapi bolehkah saya mencadangkan di sini kepada Yang Berhormat Datuk Menteri ialah saya tahu ini ada ciri-ciri yang baik di dalam .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta mengeluarkan pertanyaan, jangan mencadangkan ya.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Ya, ya sikit sahaja. Minta penjelasan, bolehkah Yang Berhormat Menteri timbang kemungkinan-kemungkinan kontrak-kontrak contohnya jalan kampung dan lain-lainnya agensi untuk implementasi consider termasuk contohnya Majlis Luar Bandar seperti di Sibu, Rural District Council atau JKR dan lain-lain, semua campur, jangan hanya melalui sistem payung atau satu kontraktor. Itu saya fikir walaupun ini ciri-ciri kurang baik, ini boleh ditimbang supaya JKR dan Majlis Luar Bandar boleh terlibat di dalam melaksanakan projek itu. Sekian.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lebih baik saya berbincang dengan Yang Berhormat dari Sibu di luar. Oleh kerana kalau saya hendak menceritakan bagaimana sistem ini berjalan, mungkin memakan masa yang panjang. Minta maaf Yang Berhormat sebab saya telah pun memberi penerangan kepada ahli-ahli Parlimen kebanyakannya, jadi saya akan memberi penerangan khusus kepada Yang Berhormat selepas ini, terima kasih.

Yang Berhormat bagi Saratok telah membanding Belanjawan tahun 2001 dengan Belanjawan tahun 2000 di mana beliau mengatakan bekalan elektrik luar bandar Sarawak diperuntukkan RM80 juta berbanding dengan tahun 2000 sebanyak RM20 juta. Untuk menjawabnya, kerajaan sedar bahawa liputan kemudahan bekalan elektrik di negeri Sarawak adalah masih rendah berbanding dengan Semenanjung. Sehubungan itu kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan tahap liputan bekalan elektrik di negeri tersebut. Antaranya ialah memperuntukkan RM252.55 juta atau 53.8% daripada keseluruhan peruntukan bekalan elektrik luar bandar, Rancangan Malaysia Ketujuh bagi melaksanakan 802 projek untuk memberi manfaat kepada 44,681 buah keluarga di Sarawak.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan akan terus berusaha mempertingkatkan liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak. Untuk tujuan ini, bagi projek bekalan elektrik tahun 2000, RM80 juta telah diperakukan berbanding dengan RM34.6 juta pada tahun 2000, bukan RM20 juta seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Saratok dahulu.

Yang Berhormat bagi Julau telah membangkitkan tentang terdapatnya banyak kekurangan kemudahan infrastruktur asas dan sungai-sungai yang sangat kotor. Kekurangan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air bersih, elektrik dan telekomunikasi serta bekalan loji rawatan air luar bandar amat berkurangan. Menurut beliau, jalan-jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar adalah melalui jalan-jalan balak yang hanya sesuai untuk kereta pacuan empat roda.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Beliau meminta kerajaan membina jalan raya dan lain-lain kemudahan asas di kawasannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Mengetuk pembesar suara]*  
Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Menteri.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan ketuk, Yang Berhormat ya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Saya ingin mendapat penjelasan sedikit berhubung dengan beberapa projek bekalan air yang melibatkan rakyat bawahan di negeri Terengganu di mana pada tahun ini tahun 2000 projek yang sepatutnya 12 buah projek bekalan air rakyat melibatkan perbelanjaan RM135 juta lebih telah dibatalkan. Adakah ini betul ataupun dibatalkan sementara sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 17(2), hanya pertanyaan-pertanyaan ataupun penjelasan boleh dibuat di atas apa yang telah pun diucapkan ya.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Ya, bekalan air - infrastruktur...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bukanlah, dia berucap berkenaan di Sarawak, Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu menjawab tetapi oleh kerana saya tidak mempunyai maklumat, kalau hendak menjawab pun saya akan beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat tadi, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Sri Aman bangun pula, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Sri Aman pula. Ini panjang ini, saya minta maaf, lepas ini saya tidak izin ya, terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Last one, Dato'. Terima kasih Tuan Speaker. Di kawasan saya yang sepanjang Pan-Borneo Highway itu beberapa buah kampung yang penduduknya juga cukup ramai tetapi hingga hari ini belum ada bekalan elektrik, dua pekan juga belum ada bekalan elektrik, jadi pelancong dari luar negeri, 24 jam berhenti di sana, mereka nampak gambaran yang begitu negatif. Jadi saya telah memperjuangkan isu ini selama enam tahun ini tetapi belum ada pembelaan. Jadi, pada masa sekarang, satu sahaja syarikat yang dibenarkan, syarikat payung yang bernama Shore Field, bolehkah kementerian menimbang melantik syarikat yang lain untuk menambah dan membantu mereka supaya program electrification of rural areas ini, dengan izin, dapat dipercepatkan oleh kerana kadang-kadang saya sudah takut masuk ke rumah panjang oleh kerana satu sahaja isu, isu api, api, api dan jalan raya, jalan kampung, jalan kampung. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, pelantikan kontraktor adalah tanggungjawab dan bidang kuasa Kementerian Kewangan. Jadi pelantikan mana-mana yang baru perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Keduanya jika terdapat kawasan-kawasan yang masih belum mendapat, memang di Sabah dan Sarawak banyak lagi tempat-tempat yang terkebelakang. Oleh kerana itulah yang saya sebut tadi peruntukan yang lebih banyak diluluskan bagi cuba mengatasi masalah ini di kedua-dua negeri dengan secepat mungkin.

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia kata last tadi *[Ketawa]*

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Saya ingat cukuplah. Minta maaf, *I am sorry* banyak lagi kementerian lain. Kalau ada benda baru, *kalau the same subject I have already spoken ....*

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Mengenai jalan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Ya, sama juga jalan pun sama, jalan dengan elektrik, dengan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat bagi Baram, jangan tawar-menawar. Cukuplah dia tidak beri. Ya sudahlah.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Okaylah kasihan dekat dia. [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Pulak!. [*Ketawa*]

**Tuan Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri, kerana memberi peluang kepada saya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini terlibat dengan jalan kampung kerana kita di kampung yang jauh di pedalaman ini. Mereka sentiasa menggunakan jalan-jalan kayu balak untuk berhubung dengan bandar-bandar kecil ataupun bandar-bandar yang besar. Jadi penjelasan yang saya minta ialah adakah kementerian boleh memberi peruntukan ataupun memberi bantuan untuk membantu mereka ini khasnya bagi memperbaiki jalan dari kampung sampai ke jalan kayu balak yang besar yang mana mereka boleh berhubung dengan bandar-bandar yang lain. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan sebelum ini memang kita ketahui bahawa Sabah dan Sarawak memang terkebelakang dari segi pembangunan asas. Oleh kerana itu kerajaan memberi peruntukan yang lebih daripada tahun-tahun yang lalu untuk membolehkan keseluruhannya dapat diatasi. Tetapi untuk diatasi segera, saya rasa ini adalah satu perkara yang tidak dapat saya berjanji di sini. Tetapi bergantung kepada keutamaan yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Itulah jalan-jalan, bekalan-bekalan yang kita dapat usahakan berpandu juga kepada peruntukan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Julau tadi, usaha-usaha pembangunan luar bandar adalah tanggungjawab yang berterusan. Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa memberi perhatian untuk mempertingkatkan dan mempercepatkan liputan kemudahan infrastruktur dan

utility di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam urusan ini, Sarawak adalah negeri yang diperuntukkan sejumlah peruntukan yang tertinggi dalam negara berbanding dengan negeri-negeri lain bagi pelaksanaan program kemudahan-kemudahan asas. Namun memandangkan sumber kewangan kerajaan adalah terhad dan wajar diagihkan mengikut sektor dan priority, khusus untuk menghasilkan pembangunan yang seimbang maka pelaksanaan projek infrastruktur dan utility yang diperlukan oleh penduduk luar bandar terpaksa dilaksanakan berperingkat-peringkat, berdasarkan keutamaan yang ditetapkan oleh pihak negeri.

Yang Berhormat bagi Selangau telah membangkitkan bagi Rancangan Malaysia Kelapan hendaklah dijalankan kajian ke atas 5,000 perkampungan rumah panjang untuk mengetahui peratusan kemudahan asas yang sedia ada.

Untuk menjawab soalan itu, Yang Berhormat, tujuan perancangan maklumat lengkap mengenai keperluan asas bagi kampung-kampung di seluruh negara termasuk rumah-rumah panjang di Sarawak dan Sabah amat diperlukan. Sehubungan ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang berusaha untuk menyediakan senarai induk keperluan infrastruktur bagi kawasan luar bandar di seluruh negara. Dalam hubungan ini wakil-wakil rakyat yang sememangnya sentiasa berdamping dengan penduduk juga boleh membantu kementerian untuk mengemukakan cadangan projek-projek yang diperlukan bagi kawasan masing-masing.

Yang Berhormat bagi Kapit telah menyarankan supaya jalan raya yang menghubungkan bandar Kapit dengan bandar-bandar sekitarnya dibina oleh kerajaan bagi memudahkan perhubungan jalan darat yang selama ini hanya menggunakan sungai.

Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan sentiasa memberi perhatian bagi meningkatkan kemudahan perhubungan seperti jalan raya untuk menghubungkan kawasan-kawasan luar bandar dengan bandar-bandar dan pusat-pusat pertumbuhan. Mengenai cadangan membina jalan raya bagi menghubungkan Kapit dengan bandar-bandar lain, ia memerlukan satu kajian yang terperinci Insya-Allah cadangan Yang Berhormat ini akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu mengenai kemiskinan. Terdapat tiga Ahli Yang Berhormat yang menyentuhnya iaitu Yang Berhormat bagi Kemaman, Yang

Berhormat bagi Kota Belud, dan Yang Berhormat bagi Bandau. Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman ialah Belanjawan 2001 kurang jelas bagi menitik beratkan program-program yang berbentuk pembelaan terhadap golongan PPRT dan pekebun-pekebun kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai isu program dalam Belanjawan 2001, agenda meningkatkan kualiti hidup rakyat akan terus dipertingkatkan sejajar dengan pembangunan negara. Bagi membantu rakyat termiskin, peruntukan RM132 juta telah diwujudkan. Adalah diharapkan paras kemiskinan negara dapat diturunkan kepada 5.4% pada akhir tahun 2001.

Melalui pelbagai program yang diperkenalkan bukan sahaja Kementerian Pembangunan Luar Bandar malah oleh banyak kementerian lain. Dalam usaha membantu pekebun-pekebun kecil getah, peruntukan dalam tahun 2001 ialah RM90 juta iaitu khusus untuk dana tanaman semula yang disalurkan melalui RISDA. Di samping itu kerajaan telah mewujudkan tabung RM100 juta mulai tahun 2000 untuk pinjaman mudah kepada pekebun-pekebun kecil bagi aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan khasnya bagi mereka yang menunggu hasil daripada pokok-pokok yang ditanam semula.

Yang Berhormat bagi Bandau, meminta kerajaan membuat pemantauan supaya semua program PPRT sampai kepada kumpulan sasaran tanpa dipolitikkan dan meminta kementerian menyemak senarai nama PPRT yang didapati di dalamnya agar tidak terdapat nama-nama orang yang kaya. Senarai nama-nama PPRT yang telah disahkan dipamerkan kepada umum untuk dipastikan kesahihannya.

Untuk makluman Yang Berhormat penyelarasan pelaksanaan dan pemantauan program PPRT termasuk bantuan rumah di seluruh negara dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Penyelarasan PPRT di pelbagai peringkat, iaitu di peringkat negeri dan daerah. Setakat ini mekanisme tersebut berjalan dengan baik dan berkesan. Oleh itu soal program ini dipolitikkan tidak timbul kerana kumpulan sasaran program ini terdiri daripada golongan PPRT golongan miskin, iaitu mereka yang layak mendapat bantuan daripada kerajaan. Oleh kerana itu semua pejabat daerah dalam negara, kerajaan telah mewujudkan sistem senarai terbuka untuk membantu kerajaan agar sentiasa mengemaskinikan senarai dan profil PPRT. Sekiranya Yang

Berhormat mendapat tahu adanya orang kaya yang mengambil kesempatan sebagai penerima bantuan PPRT ini adalah menjadi tanggungjawab Yang Berhormat untuk memaklumkan kepada kementerian ini atau kepada saya sendiri atau kepada pejabat daerah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kota Belud juga membangkitkan isu yang sama berkaitan dengan PPRT dan telah pun saya jawab bersama dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandau.

Yang Berhormat bagi Kota Belud juga mencadangkan supaya peruntukan PPRT ini diserahkan kepada kerajaan negeri. Untuk makluman Yang Berhormat, program PPRT dilaksanakan oleh pelbagai jabatan. Bagi negeri Sabah dan Sarawak agensi utama yang digunakan ialah JPPS (Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah) tetapi pelaksanaannya dibuat oleh pejabat-pejabat daerah di negeri masing-masing dan diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan di Sabah dan begitu juga Kementerian Luar Bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kluang menyatakan tanaman getah digalakkan adalah untuk mendapatkan hasil kayu yang akan dinikmati oleh golongan lain, bukan untuk kepentingan pekebun kecil getah, kementerian hendaklah memberikan perhatian terhadap perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, tanaman getah digalakkan untuk mencapai dua objektif iaitu memenuhi keperluan bahan mentah untuk industri berasaskan getah dan kayu getah. Dua...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed :** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun ya. Shah Alam ya.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Duduk sekejap Dua, meningkatkan pendapatan penanam getah termasuk pekebun kecil getah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed :** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang kemiskinan. Dalam ucapan dasar pembentangan belanjawan baru-baru ini saya menyebut perlu pihak kementerian membuat 'reklasifikasi' tentang kemiskinan kerana sekarang ini kemiskinan bukan hanya wujud di luar bandar tetapi ia juga berlaku di dalam bandar dan cabaran masalah kemiskinan di bandar dijangka semakin mencabar kerana ka dar perbandaran pada abad ini tahun 2000 dijangka meningkat kepada 58.88%. Justeru

kerana itu, saya fikir bahawa soal membasmi kemiskinan ini penumpuan bukan hanya khusus dibuat di luar bandar tetapi di bandar juga harus dipertingkatkan kerana kategori termiskin, miskin dan hampir miskin.

Saya juga ingin menyarankan adakah pihak kementerian bercadang iaitu program Amanah Ikhtiar yang dibuat mengambil contoh The Grahmin Bank of Bangladesh untuk memberi mikro kredit kepada golongan-golongan rakyat termiskin kerana angka yang terakhir ada pada saya sejumlah RM18 juta sahaja yang diperuntukkan untuk membuat pinjaman tanpa faedah ini supaya program ini saya difahamkan diberhentikan dapat dihidupkan balik kerana dalam belanjawan ini sejumlah RM3.08 bilion diperuntukkan untuk membaiki standard dan, dengan izin, *quality of life* untuk rural community terhadap projek-projek yang dikhususkan kepada kementerian ini. Jadi apalah RM3.08 bilion dengan peruntukan RM18 juta atau RM50 juta untuk program mikro kredit sebagaimana yang diambil oleh Grahmin. Dan sebagai contoh, memang telah pun dilaksanakan melalui NGO Amanah Ikhtiar ini.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai mikro kredit, Yang Berhormat sudah pun menjawab bahkan Kementerian Luar Bandar juga ada mewujudkan dana yang disebutkan Dana Ekonomi Luar Bandar bagi membolehkan mereka yang memerlukan pinjaman, bantuan secara mudah untuk mengendalikan usaha-usaha perniagaan sama ada perniagaan itu berunsurkan perkilangan ataupun berunsurkan pertanian atau sebagainya boleh diberi pertimbangan.

Yang lagi satu yang disoalkan oleh Yang Berhormat sama ada paras kemiskinan dikaji semula, saya rasa ini juga saranan yang dibuat oleh MAPEN II yang perlu dikaji oleh kerajaan dan saya tidak dapat beri jawapannya pada hari ini. Namun demikian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga memberi perhatian kepada kemiskinan dalam bandar. Dan satu *pilot project* telah pun diwujudkan iaitu satu projek dikatakan Pusat Rahmat yang diwujudkan di Kuala Lumpur sebagai perintis bagi kita mencari jalan membantu masyarakat golongan yang miskin dalam bandar untuk membantu mengatasi masalah-masalah mereka.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Dalam hubungan ini, ini menjawab soalan daripada Kluang tadi, kerajaan memang sedar satu daripada masalah yang

dihadapi oleh penanam getah selain daripada harga getah yang rendah ialah harga kayu getah yang berbeza-beza. Dalam melaksanakan program tanam semula getah sebanyak 15% daripada kontrak pembelian kayu getah dibeli oleh Risda manakala 85% lagi dibeli oleh pihak swasta. Purata harga kayu getah semasa ialah antara RM500 hingga RM1,400 sehektar. Penentuan harga kayu getah adalah bergantung kepada lokasi kebun-kebun sama ada di kawasan pedalaman yang sukar dari segi logistik dan kualiti kayu yang kecil. Begitu juga harga getah bergantung kepada kepadatan pokok pada tiap satu ekar atau hektar. Harga kayu adalah rendah jika kebun getah terlalu jauh dan terpencil dan kepadatan pokok yang rendah.

Bagaimanapun, Risda pada ketika ini sedang mengkaji kaedah yang lebih menarik pada keseluruhannya bagi pekebun-pekebun kecil. Namun demikian, keputusan terakhir adalah keputusan tuan tanah sama ada hendak menjualkan kayunya kepada RISDA atau kepada pihak-pihak swasta.

Yang Berhormat bagi Baram telah mencadangkan agar kerajaan menyediakan peruntukan pembangunan yang lebih besar untuk negeri Sarawak bagi menaikkan taraf hidup penduduk desa bagi mengelakkan wujudnya *regional disparity* ....

**Tuan Shahziman bin Abu Mansor:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat. Tampin.

**Tuan Shahziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan tentang keputusan terakhir untuk menjual kayu getah ini terletak di tangan pekebun sendiri, tuan milik tanah. Saya juga mengucapkan tahniah kepada usaha-usaha pihak Menteri yang berusaha untuk membantu pekebun kecil. Tetapi malangnya kadang-kadang berlaku seolah-olah macam ugutan walaupun usaha Menteri itu begitu baik pada hari ini kadang-kadang agensi di bawah kementerian itu sendiri.

Sebagaimana RISDA pada hari ini berlaku di tempat saya sendiri di mana kadang-kadang apabila pemilik-pemilik tanah ini tidak mahu menjual kayu getah ini kepada anak syarikat RISDA seperti Swing yang harganya terlalu rendah maka sesudah itu untuk mendapat pinjaman ataupun bantuan tanaman semula getah itu

begitu sukar. Jadi kadang-kadang alasan diberikan dia kata dia tidak nampak tebang kayu getah itu. Jadi, apakah garis panduan yang membolehkan orang ramai pekebun-pekebun kecil ini layak untuk mendapat pinjaman ataupun bantuan tanam semula ini.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah kepada Menteri kerana telah mengambil berat berhubung perkara ini. Baru-baru ini pembantu Yang Berhormat Menteri sendiri telah hadir di kawasan saya untuk menjelaskan kepada pekebun-pekebun kecil. Tetapi perkara ini masih berpanjangan dan berlaku dan saya mengharapkan kerjasama daripada pihak Menteri. Terima kasih.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah antara satu masalah-masalah khusus yang wujud dari semasa ke semasa. Jadi saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang telah membawa terus kepada saya dan saya memberi jaminan untuk membuat pemantauan yang rapi bagi tiap-tiap satu kes dan di mana boleh menyelesaikan masalah. Tetapi bagi jangka panjang, saya telah mengarahkan RISDA membuat satu pendekatan yang lebih menyeluruh agar masalah ini tidak berbangkit di mana-mana.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Baram, kerajaan memang memberi perhatian yang lebih kepada Sarawak dan Sabah khususnya dalam pembangunan kemudahan-kemudahan asas memandangkan negeri ini masih terkebelakang berbanding dengan negeri di Semenanjung. Namun demikian, oleh kerana taburan penduduk di negeri-negeri Sabah dan Sarawak berselerak dan bertompok-tompok dan jumlah penduduk di setiap perkampungannya adalah kecil maka usaha untuk menyampaikan kemudahan asas melibatkan kos yang tinggi kalau diambil secara per kapita.

Oleh kerana itu, sebagai contoh, Kerajaan Negeri Sarawak telah pun memperkenalkan konsep pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa ataupun Regional Growth Centre yang mana setakat tahun 2000 ini lima buah Pusat Pertumbuhan Desa telah pun diwujudkan. Dalam tiap kawasan Pusat Pertumbuhan Desa, jumlah penduduk yang dirancangkan ialah 5,000 orang. Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang memberi sokongan dari segi peruntukan untuk membangunkan Pusat

Pertumbuhan Desa dan menjalinkan hubungan rapat dengan kerajaan negeri bagi menjayakan program ini.

Yang Berhormat bagi Peringat telah meminta agihan peruntukan luar bandar kawasannya, kawasan Peringat ditambah. Beliau membangkitkan bahawa ketika Dato' Annuar Musa menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar, peruntukan bagi kawasan ini begitu banyak berbanding dengan sekarang. Untuk menjawabnya, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Itulah baiknya kalau Menteri itu datang dari kawasan Yang Berhormat tetapi sekarang sudah tidak ada Menteri. Maka, orang Padang Besar, orang Perlis pula yang menikmatinya. Bagaimanapun.....  
[Ketawa] Mana dia? [Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat bagi Peringat] Tidak ada. Bagaimanapun, kementerian akan mengambil maklum dan menimbangakan sekiranya terdapat permohonan-permohonan dan keperluan.

Yang Berhormat bagi Tampin menyatakan bahawa RISDA dan FELCRA telah lari dari tujuan asal. Ianya ditubuhkan kerana pelaksanaan lebih kepada untuk mencapai tujuan korporat. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini kerajaan telah mengarahkan satu kajian dibuat mengenai prestasi badan-badan atau agensi-agensi yang ditubuhkan di seluruh negara, khasnya yang bertujuan membantu rakyat yang berpendapatan rendah. Saranan ini dibuat oleh kerana wujudnya rungutan dari sesetengah pihak sepertimana yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi. Pada ketika ini, hasil kajian telah diserahkan untuk diteliti di peringkat pegawai sebelum dikemukakan ke Kabinet untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah sampai kepada .....

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Sedikit sahaja.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Habis dah ini.

**Tuan Shaziman bin Abu Mansor:** Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan tadi gambaran keseluruhan. Saya juga difahamkan kewujudan agensi-agensi kerajaan seperti RISDA ini, dia punya *reserve* kewangan, kalau tidak silap saya, RISDA ada RM1 bilion lebih dan FELDA ada RM4 bilion lebih. Tetapi mereka bangga dengan keadaan kewangan mereka yang begitu banyak tetapi secara keseluruhan, apakah agensi-agensi ini berjaya menjalankan tanggungjawab mereka dan secara keseluruhan, wang yang

begitu banyak itu melambangkan kejayaan keseluruhan mereka yang layak untuk mendapat kebaikan daripada agensi-agensi yang ditubuhkan ini. Itu saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya katakan tadi. Arahan telah diberi kepada Kementerian Kewangan untuk mengkaji apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi dan hasilnya masih dalam kajian.

Sekiranya terdapat isu-isu yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak sempat saya jawab, kementerian saya akan mengambil perhatian yang sewajarnya dan mengambil tindakan di mana perlu. Ini adalah untuk tujuan bersama bagi kita berusaha membangun dan menentukan kemajuan penduduk-penduduk luar bandar di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. Kementerian Luar Negeri.

### **5.39 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 2001 di peringkat dasar di Dewan yang mulia ini yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di antara isu-isu yang telah disentuh atau dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah seperti penculikan di Pulau Sipadan dan Padanan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Beluran, Yang Berhormat bagi Tawau dan Yang Berhormat bagi Libaran mengenai pendirian dan tindakan yang telah diambil dengan Kerajaan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, penculikan merupakan satu jenayah yang tidak boleh diterima oleh mana-mana masyarakat di dunia ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia menyifatkan penculikan di Pulau Sipadan dan Pulau Padanan sebagai pencabulan ke atas kedaulatan Malaysia. Penculikan tersebut juga merupakan satu jenayah rentas sempadan yang jika tidak dibanteras, boleh terus menggugat kestabilan dan keselamatan di kawasan sempadan maritim Malaysia-Filipina. Jadi, bagi menangani pencabulan ini, Malaysia telah mengambil langkah tegas bagi

meningkatkan keselamatan wilayah Malaysia. Malaysia juga menganggap bahawa soal keselamatan dan kestabilan di kawasan sempadan maritim bersama Malaysia-Filipina sebagai tanggungjawab bersama kedua-dua Malaysia -Filipina iaitu mempunyai mekanisme kerjasama sempadan yang telah kita tubuhkan pada tahun 1994.

Kerjasama ini boleh dipertingkatkan dan diperluaskan bagi menangani aktiviti-aktiviti jenayah seperti penculikan, pencerobohan, rompakan laut dan kemasukan pendatang tanpa izin. Apalagi yang Malaysia boleh lakukan ialah untuk kita meningkatkan lagi kerjasama dua hala dalam jangka panjang mengikut lunas-lunas hubungan diplomatik kita serta melalui mekanisme yang sedia ada bagi mengatasi aktiviti jenayah rentas sempadan termasuk penculikan.

Isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beluran juga, Yang Berhormat bagi Bandau dan Yang Berhormat bagi Gaya mengenai isu pelarian Filipina. Semua Yang Berhormat ini ingin tahu kedudukan pelarian Filipina di bawah UNHCR di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Malaysia bukanlah negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Taraf Pelarian 1951 atau Protokol 1967 berkaitan dengannya. Justeru itu, Malaysia tidak mengiktiraf warganegara asing yang melarikan diri ke negara ini atas apa jua alasan sekalipun sebagai pelarian.

Namun begitu di mana wajar, Kerajaan Malaysia telah dan akan terus bekerjasama dengan UNHCR dalam membantu...

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** ....pendatang-pendatang ini atas prinsip-prinsip kemanusiaan. Biar saya habiskan dahulu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada sikit lagi ya.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Buat masa ini, pihak UNHCR tidak lagi memberi bantuan dari segi kewangan ataupun kebendaan kepada pendatang-pendatang ini di Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Memang Dewan telah dimaklumkan bahawa kerajaan tidak ada hubungan, tidak ada perjanjian dengan UNHCR. Tetapi kedudukannya sekarang ini, pelarian-pelarian yang dikategorikan sebagai pelarian perang di bawah UNHCR, masih berada di Negeri Sabah sehingga masa kini. Walaupun mereka tiba pada awal tahun 1970-an yang lalu dan ada sebuah penempatan, pelarian-pelarian ini masih lagi dikategorikan sebagai pelarian UNHCR di kawasan Kinarut, Papar di Negeri Sabah.

Jadi, perlu ada satu tindakan yang lebih jelas di antara kerajaan dengan UNHCR ini, sama ada kerajaan harus menempatkan mereka ini secara kekal di bawah UNHCR ataupun satu usaha atau tindakan yang lebih drastik perlu diambil untuk memulangkan mereka ke negeri asal mereka. Saya kira ini perlu satu penjelasan dan pendirian oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat. Sepertimana yang saya jelaskan tadi, bahawa kita terus memberi bantuan ataupun kepada pendatang-pendatang ini menerusi UNHCR. Walau bagaimanapun, bantuan kemanusiaan masih disampaikan dalam bentuk perkhidmatan seperti mengadakan mesyuarat serta perbincangan dengan pendatang-pendatang ini tentang suasana kehidupan dan kebajikan sosial mereka. Kerajaan kita masih berusaha terus menggalakkan pendatang-pendatang ini pulang semula ke negara asal mereka dan usaha-usaha kita berbincang dengan UNHCR ini...

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** ...masih dalam perjalanan dan pendirian kita atas pendatang ini masih tidak berubah sama sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tuan. Ya, sila.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merasa hairan dan terkejut sebenarnya apabila mendengar Timbalan Menteri mengatakan tidak ada pelarian di Sabah, da lam daerah yang berstatus pelarian, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi.

Saya ingat dalam persidangan Parlimen yang lepas, bulan Februari saya telah membuat soalan di Dewan yang mulia ini dan saya telah mendapat jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan menyatakan dengan jelas bahawa bilangan pelarian Filipina di Sabah ialah 53,000 dan juga dalam jawapan itu dinyatakan bilangan pendatang tanpa izin Filipina di Sabah ialah 500,000.

Ini bererti bahawa sebenarnya masih ada 53,000 yang berstatus pelarian di negeri Sabah dan apabila jawapan itu dicetak dalam media massa di negeri Sabah, seorang bekas pegawai di Jabatan Ketua Menteri negeri Sabah menyatakan bahawa memang benar di bawah Jabatan Ketua Menteri negeri Sabah ada satu unit iaitu, Unit Penyelidikan dan Hal Ehwal Keselamatan Negeri Sabah menyatakan bahawa sememangnya memang ada yang berstatus pelarian di kalangan Filipina ini tetapi beliau tidak menyataka n sama ada 53,000 dan beliau menjelaskan bahawa mereka ini adalah orang-orang Filipina yang datang ke Sabah dalam tahun 1970-an dan *cut off point*, dengan izin, ialah tahun 1979.

Menurut definisi 'pelarian' United Nations iaitu, dengan izin, "*these peoples went to a second country because they have a reasonable fear of being prosecuted by virtue of religion or race.*". Pada ketika itu sememangnya ialah orang-orang Filipina yang lari ini adalah oleh kerana peperangan saudara di Filipina. Sebab itu kita menyatakan juga dalam perbahasan bahawa sememangnya wujud yang 53,000 ini, persoalannya sekarang ialah masa hadapan mereka. Ini bukan pendatang tanpa izin. Jadi, kita jangan *confuse* malah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan kepada saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Persoalannya Yang Berhormat?

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Persoalan saya ialah seolah-olah kerajaan tidak jelas dalam kedudukannya sama ada ia adalah pelarian yang berstatus ‘pelarian’ dan berstatus ‘pendatang tanpa izin’, ini kita kena *separate*. Kalau ‘pelarian’ ini dia punya tindakan saya rasa dalam fikiran saya tindakannya berlainan dan ‘pendatang tanpa izin’ memang berlainan. Persoalannya sekarang ialah sama ada kerajaan masih lagi dapat mengenal pasti siapa yang pelarian dan siapa yang tidak pelarian. Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi, masih ada penempatannya di Kinaro, Sabah. Persoalannya sekarang seolah-olah tidak ada tindakan, kita tidak tahu lagi statusnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Saya minta penjelasan dalam Dewan ini sebab rakyat Malaysia di Sabah ini tertanya-tanya ini dan kita semua keliru yang mana ‘pelarian’, yang mana ‘pendatang tanpa izin’. Jadi, saya perlu minta penjelasan sedikitlah daripada Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Yang saya jawab tadi saya tidak menyatakan tidak ada pelarian, tiada saya sebut itu. Kita tidak memberi pengiktirafan sebagai pelarian atau *refugees* under UNHCR kerana itu maknanya dari segi antarabangsa adalah hin maknanya. Yang penting ini ialah kita mengatakan bahawa mereka ini tidak diberi pengiktirafan sebagai *refugee* dan usaha-usaha akan terus dijalankan untuk mengenal pasti mereka ini dan angka-angka yang telah disebut oleh Yang Berhormat itu memang termasuk juga dalam perangkaan itu.

Yang pentingnya ialah tujuan kita masih berunding secara dua hala dan juga secara *multilateral* dan juga menerusi untuk menggalakkan yang di bawah exclusive UNHCR ini untuk terus berusaha menguruskan mereka ini, memindahkan mereka ini balik atau *repatriate or to another third country*.

Dalam dasar kita yang jelas ini kita telah berusaha seperti ramai pelarian-pelarian atau yang dikatakan ‘pelarian’ itu yang kita tidak beri pengiktirafan sebagai *refugees* tetapi di bawah UNHCR diusahakan oleh mereka dan menerusi sokongan kita menerusi bantuan kemanusiaan kita telah berjaya untuk memindahkan ramai

*refugees* dari negara-negara Indo-China, Vietnam dan Bosnia dan sebagainya dan banyak lagi program-program di bawah UNHCR ini. Usaha untuk yang di Sabah ini kita ada jelas jalannya dan terus berusaha untuk mengenal pasti mereka ini tetapi mereka tidak diiktiraf sebagai pelarian under *refugees*.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memberi penjelasan terhadap persoalan saya. Pelarian dahulu yang 53,000 ini memang UNHCR telah berbuat sesuatu. Di bandaraya Kota Kinabalu sudah ada dia punya pasar, diberikan kepada pelarian ini dahulu. Hari ini kalau kita pergi ke pasar yang di Kota Kinabalu ini bukan lagi pelarian, ada orang tempatan, yang dari sini pun saya dengar ada orang berjual di pasar itu. Itu bererti bahawa tidak ada apa-apa yang telah dibuat tentang pelarian 53,000 itu, dibiarkan begitu sahaja. Ini di bandaraya Kota Kinabalu masih berada di sana.

Jadi, sebab itu saya mengatakan bahawa kalau kita mengatakan, dengan izin, *if you want to repatriate to the third country*, okay, siapa itu yang mahu di *repatriate* itu, di mana mereka? Sebab itu kalau pelarian-pelarian yang lain itu, dahulu kita ada Pulau Bidong diletak di sana pelarian Vietnam tetapi pelarian Filipina itu tidak ada. Sebab itu kita minta penjelasan, yang mahu di *repatriate to a third country* itu siapa, sama ada kerajaan masih kenal siapa orang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini Yang Berhormat telah menyentuh secara spesifik perkara yang 53,000 ini dan saya ingin nyatakan di sini saya tidak ada maklumat-maklumat mengenai yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya telah menjawabkan dari segi dasar. Dari segi spesifik, walaupun dalam masa ini kita tidak dapat membincangkan apa sebenarnya kerana Yang Berhormat menumpukan secara spesifik, saya minta izin saya akan merujuk kembali dan memberikan jawapan yang lebih tepat kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sambungkan lagi mengenai peranan SUHAKAM. Yang Berhormat bagi Pokok Sena dan juga Yang Berhormat bagi Bagan yang telah menyentuh mengenai peranan SUHAKAM, mempersoalkan perlantikan semula ahli-ahli SUHAKAM dan peranan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 memperuntukkan ahli-ahli SUHAKAM dilantik untuk tempoh masa dua tahun. Jadi, selepas dua tahun itu mereka boleh dilantik semula atau orang-orang baru dilantik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Tuaran bangun lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih. Memandangkan ada beberapa perkara yang spesifik yang disebut tadi, Yang Berhormat mengatakan tidak mempunyai maklumat. Tetapi cadangan rakan saya Yang Berhormat bagi Libaran yang mencadangkan supaya diadakan cawangan Kementerian Luar Negeri di negeri Sabah untuk memantau perkara-perkara seperti ini, Yang Berhormat belum menjawab lagi. Saya berharap dalam penggulungan nanti menjawab sama ada kerajaan mahu menubuhkan cawangan Kementerian Luar Negeri di negeri Sabah seperti mana MITI menubuhkan cawangan di negeri Sabah sebab ini spesifik. Perkara-perkara dari segi .di antarabangsa di Sabah itu banyak persoalan-persoalan yang khusus bagi Sabah.

Sebab itu saya mahu tanya jika sekiranya tidak ada cawangan, dahulu saya bangkitkan di Dewan ini mengatakan ini tidak perlu, dari KL kita boleh teropong kita boleh tengok. Tetapi masalah seperti ini jelas nampak bahawa kita tidak nampak ada masalah tetapi ini besar ertinya bagi rakyat kita di negeri Sabah. Jadi, saya mahu tanya sama ada kementerian bercadang, kerajaan bercadang untuk mengadakan cawangan Kementerian Luar Negeri di negeri Sabah untuk memantau perkara-perkara seperti ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat itu dan saya tidak dapat seterusnya menjawab di sini tetapi cadangan Yang Berhormat itu boleh juga menolong dalam usaha kita menelitikan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada Akta Hak Asasi Manusia 1999, SUHAKAM juga berkuasa untuk menyiasat pelanggaran hak asasi manusia seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 12 Akta tersebut. Jadi, berdasarkan peraturan ini,

barang siapa yang dilantik menjadi Ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia adalah diwajibkan menjalankan fungsi dan kuasa yang lebih kepada Suruhanjaya ini. Tambahan lagi, Suruhanjaya ini hendaklah mengemukakan satu laporan tahunan kepada Parlimen dan bukan kepada mana-mana pihak lain mengenai segala aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun. SUHAKAM dan ahli-ahlinya adalah bertanggungjawab terus kepada Parlimen dan atas kedudukan ini SUHAKAM boleh menjalankan tugas-tugas mereka tanpa was-was.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong, Yang Berhormat bagi Arau, Yang Berhormat bagi Batang Lupar ingin tahu sama ada perkara mengenai kegiatan melobi ahli Kongres Amerika Syarikat supaya menekan Malaysia untuk pembebasan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dilaporkan bahawa penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan Janus Merrits Strategies atau JMS dengan tujuan untuk melobikan Kongres Amerika Syarikat supaya mengenakan tekanan terhadap Malaysia sehingga akhirnya kerajaan akan membebaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim. JMS adalah sebuah firma perhubungan awam yang khusus menjalankan kerja-kerja melobi, membaik pulih dan meningkatkan imej pelanggannya dalam isu-isu politik, ekonomi dan saintifik supaya Kongres Amerika Syarikat akan meluluskan resolusi-resolusi yang akan memberi manfaat kepada pelanggannya atau Kongres Amerika tidak akan meluluskan resolusi yang boleh memberi kesan buruk terhadap pelanggannya.

Jadi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, JMS ini diketuai oleh dua orang Pengarah bersama iaitu Mark J. Robertson dan juga Scott Hoffman. Manakala seorang bangsa Palestin, Omar Nashahibi adalah seorang penyelidik dengan JMS dan beliau ini dilaporkan aktif dalam menganjurkan beberapa tunjuk perasaan menentang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Chicago baru-baru ini dan dilaporkan juga bahawa seorang raja, Raja Putra Kamarudin juga bekerja dengan JMS ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dilaporkan bahawa penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim telah bersetuju dengan cadangan JMS yang bertarikh 24 Ogos 2000 di mana JMS akan mengadakan program-program yang telah memberikan

tekanan politik dan ekonomi ke atas Malaysia dengan tujuan untuk mendapatkan pembebasan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Jadi, ke arah ini JMS akan menyelaraskan tindakan-tindakan dalam usaha mengecilkan Malaysia termasuk menimbulkan kemarahan antarabangsa terhadap Malaysia, dan berusaha melobi Kongres Amerika Syarikat supaya menggantung bantuan ketenteraan dan memboikot barangan Malaysia, mewujudkan kesedaran rakyat Amerika mengenai kes Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan mengadakan perbincangan panel dan kerjasama dengan pemimpin-pemimpin Islam di Amerika Syarikat yang cenderung menyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri memang memandang serius kegiatan seperti ini kerana ia tidak memberi manfaat kepada negara khususnya. Usaha-usaha yang dilakukan oleh JMS boleh menjejaskan imej Malaysia jika tidak di counter secara berkesan. Ianya juga boleh menjejaskan hubungan dua hala antara Malaysia dengan Amerika Syarikat sekiranya ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat yang seramai 535 orang itu boleh dipengaruhi oleh JMS supaya memperkenalkan resolusi yang boleh mendatangkan kesan buruk kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, atas kedudukan ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Tuan Moktar bin Radin :** Terima kasih Dato' Timbalan Menteri. Pertanyaan saya, apakah implikasi negatif yang telah melanda negara kita ekoran daripada perbuatan-perbuatan sumbang yang telah dilakukan oleh beberapa kumpulan daripada negara kita bersama-sama dengan JMS ini dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memberhentikan perbuatan-perbuatan aniaya kepada negara kita ini dan mensabotaj pembangunan ekonomi negara kita.

Saya ingin tahu apa langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil untuk memberhentikan serta merta. Adakah kumpulan-kumpulan daripada negara ini dan daripada negara luar itu akan boleh diambil tindakan oleh kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, izinkan saya nyatakan bahawa kita masa kini belum nampak apa-apa kesan yang buruk terhadap negara kita, tapi kita

telah dapat mengesan usaha-usaha mereka ini dan atas kedudukan ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa memantau dengan teliti kegiatan kumpulan ini.

Namun begitu, dalam masa terdekat ini, Kementerian Luar Negeri tidak memikirkan JMS melalui usaha-usaha melobi Ahli Kongres Amerika Syarikat, dapat memberi tekanan politik atau ekonomi secara berkesan sehingga Malaysia terpaksa menurut kehendak mereka. Ini kerana, terdapat ramai juga ahli-ahli Kongres Amerika Syarikat yang menyokong Malaysia dan percaya mereka akan terus menyokong Malaysia atas dorongan syarikat-syarikat gergasi dari kawasan pilihan raya mereka yang mempunyai pelaburan dan perniagaan yang besar di Malaysia dan yang sememangnya berkeyakinan terhadap pembangunan dan pertumbuhan ekonomi di rantau ini dan Malaysia khususnya.

Jadi, pihak ini lebih mementingkan kestabilan politik [*Disampuk*] dari segi keselamatan dalam meningkatkan pelaburan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Larut

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh tanya sikit? Yang pertama, saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri sama ada di masa-masa akan datang kita kenakan syarat kepada setiap warganegara Malaysia yang ke luar negara supaya kita ikuti segala aktiviti mereka dimaklumkan kepada setiap kedutaan atau suruhanjaya yang ada di luar negara.

Yang kedua, adakah langkah tindakan buruk yang diambil oleh kumpulan yang memburukkan pemimpin negara kita ini menyebabkan *British Airline* seumpamanya untuk tidak lagi mengadakan penerbangannya ke negara kita ini ataupun mungkin perkara-perkara lain yang belum didedahkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat itu memang luas dan tidak ada dalam cadangan kita untuk mengekori semua rakyat kita yang ke luar negeri. Rakyat kita ini bebas. Kita memang sebuah negara demokratik dan rakyat kita bebas keluar dan masuk ke dalam negara kita dan melancong ke luar negeri tetapi, yang baiknya kalau kita tidak ada niat yang jahat. Apa yang buruk kita tetap mengesan baunya dan dengan itu saya katakan itulah sebabnya apa-apa yang tidak sihat untuk kita, kita memang sentiasa dapat mengesan

dengan baiknya, dengan cepatnya dan kita dapat terus mengenal pasti sumber atau tempat yang wujudnya perkara-perkara yang tidak sihat terhadap negara kita itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua orang berdiri Yang Berhormat. Tumpat dan Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Batang Lupar Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Datuk. Saya mengucapkan terima kasihlah kerana laporan yang telah dibuat Datuk di dalam Dewan ini berhubung dengan tindakan-tindakan pihak Kementerian di luar negara. Tetapi, bagi saya Datuk, ini adalah kali pertama saya mendengar laporan yang lebih komprehensif daripada apa yang kita baca dalam surat khabar. Apakah tindakan kerajaan untuk mendedahkan perkara ini, aktiviti mereka ini, bahkan daripada parti KeADILan ini, ke seluruh negara, diperkenalkan di dalam surat khabar, televisyen dan sebagainya supaya semua masyarakat tahu apa sebenarnya Parti KeADILan ini hendak, apa yang mereka buat, kerana saya menerima politik negara Datuk'.

Dalam negara ini, kalau kita berpolitik, saya terima sebagai aktiviti demokrasi. Tetapi apabila seseorang itu mengambil satu tindakan untuk menjejaskan ekonomi dan keselamatan negara ini, dia bukan lagi menjalankan aktiviti demokrasi tetapi menjadi pengkhianat negara ini. Jadi, apakah pendedahan yang akan dibuat supaya semua masyarakat bahkan mungkin pihak PAS mengetahui apa rakan kongsi mereka buat di luar negara.

Soalan yang kedua Datuk, saya hendak tanya juga. Dahulu apabila negara kita berhadapan dengan masalah minyak *soya bean* yang bertelagah dengan minyak sawit kita, kita melantik seorang ahli kongres di Amerika untuk melaporkan apa sebenarnya minyak kelapa sawit ini dan banyak tindakan kita. Mengikut laporan menteri, 119 buah universiti kita gunakan untuk membuat *research* di luar negara supaya mengetengahkan, apakah pendapat kita berhubung dengan kelapa sawit. Ini telah dapat diatasi dan *soya bean* diam tetapi sebelum perkara KeADILan ini menjadi satu perkara yang dihebohkan di luar negara, sepatutnya kita mengambil tindakan yang sama sebelum biji ini menjadi tumbuhan yang besar Datuk. Terima kasih

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar atas cadangan dan pandangan beliau dan kita akan mengambil kira keperluan dan tindakan selanjutnya dan juga langkah-langkah yang kita akan ambil untuk *counter*kan apa yang saya sebutkan tadi dalam menangani perkara-perkara yang seperti ini, usaha-usaha seperti ini yang memburuk-burukkan kerajaan dan negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan yang ringkas sahaja. Pertamanya, berkaitan dengan perbuatan menjatuhkan imej negara di luar negara. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri akan mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah memberi interview kepada radio di Australia yang mengkritik kehakiman negara kita dan menyentuh secara khusus Ketua Hakim Negara kita yang sudah bersara ataupun akan bersara beberapa minggu lagi.

Kedua, oleh kerana perbuatan orang yang menjatuhkan nama baik negara ini, adakah ini sebabnya kita gagal untuk menjadi tuan rumah Asian Game 2006 kepada sebuah kota yang amat kecil 100,000 orang sahaja penduduknya yang belum ada stadium dan sebagainya iaitu Kota Doha. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyoalkan, pertamanya mengenai tindakan kerajaan, nampaknya kedua-dua soalan Yang Berhormat ini adalah untuk memindahkan fokus kita dari perkara yang pokok asal yang kita bincang di sini....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Kerana dalam perkara ini kita lihat bahawa tujuan-tujuannya tidak sama. Kalau kita bandingkan niat dan tujuan dalam kita berusaha itu mengkritikkan kerana kalau tidak silap saya, dalam ucapan Yang Berhormat menyatakan bahawa tidak salahnya mengkritik, dan memang baik juga kalau kita mengkritik. Memang betul saya pun percaya kita mengkritikkan. Dalam parti Barisan Nasional kita mengkritikkan, tetapi tujuan dan niat kita untuk mengkritik itu, itulah asalnya dalam perbincangan kita pada hari ini.

Di sini saya telah menyatakan pengkritik atau usaha untuk menjatuhkan atau membangkitkan perasaan kekeliruan di kalangan antarabangsa terhadap negara kita, dasar-dasar atas sebab untuk menekankan supaya masyarakat antarabangsa bersama mereka untuk membebaskan seorang yang telah dijatuh hukuman menerusi justice system yang sedia wujud dalam negara kita. Haruslah kita juga melihat di sini bahawa mereka memperjuangkan atas satu kes sahaja dan terus menyatakan justice system kita perlu dikaji semula dan tidak dapat diterima. Kerana sejak kita merdeka kita telah menjalankan justice system yang sama, sama cara kita mengendalikan mahkamah kita, dan adakah atas satu perkara seperti ini kita terus berusaha untuk menjatuhkan imej kita dan menyoalkan sistem kita, bukan di dalam rumah kita, tetapi di rumah-rumah atau dewan orang lain, yang asing.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin melayan soalan seperti ini kerana ini tidak ada bandingan dengan apa yang dikatakan kritik yang positif, inilah kritik yang negatif. Saya katakan bahawa saya menjelaskan di sini kritikan ini adalah satu kritikan yang tidak manfaat kepada negara kita. Sebenarnya kritikan yang pernah kita sebut yang membina ialah satu kritikan yang memperjuangkan perjuangan untuk rakyat yang bukan untuk membebaskan satu orang sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Shah Alam berdiri, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam ucapan dasar Belanjawan saya juga membangkitkan perlunya ada tindakan proaktif yang harus diambil oleh Kementerian Luar Negeri. Pertama, untuk memperkuat dan mempertingkatkan gerakan penerangan yang boleh dimainkan oleh mission-mission kita di luar negara bagi memberikan penerangan yang lebih tepat dan meyakinkan kepada kumpulan sasaran, bukan hanya isu yang berhubung kait dengan tohmahan, dakwah, fitnah yang dibuat oleh setengah golongan. Tetapi juga perkara yang berhubung kait tentang pembangunan ekonomi dan pengurusan dan pentadbiran negara kita. Kerana dalam cabaran dunia globalisasi ini dan dengan agreement WTO pada 2005, perdagangan ini akan menjadi lebih dua hala. Justeru itu, saya fikir peranan Kementerian Luar Negeri bukan sahaja akan menguruskan rakyat Malaysia di luar tetapi boleh dijadikan

sebagai pusat untuk memangkinkan cabaran Malaysia untuk menghadapi dunia globalisasi dan k-ekonomi. Ini saya tengok....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan, Yang Berhormat?

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ya, penjelasan. Saya minta maaf kalau saya keterlaluhan. Ini hendak tunggu Perdana Menteri pergi tiap-tiap seminar sana baru hendak pergi jawab. Sepatutnya tak payah Perdana Menteri buat penerangan, ini semua agensi luar yang sepatutnya beri gambaran yang lebih tepat, yang lebih cepat bagi menangani masalah ini. Kalau tidak, tidaklah ada kumpulan-kumpulan ini bermaharajalela yang bukan-bukan.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat itu. Ingin saya jelaskan di sini kita memang tidak menunggu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja untuk memberi maklumat. Kita ada Menteri-menteri dalam Jabatan Perdana Menteri, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Menteri Kewangan sentiasa keluar negeri untuk memberikan gambaran yang positif, yang benar, yang wujud dasar-dasar kita di negara kita ini bagaimana kita memulihkan ekonomi kita, cara kita mengendalikan undang-undang kita dan sebagainya yang secara positif. Kita tidak semata-mata boleh dikatakan menumpukan tenaga kita atau menangani tohmah-tohmah ini sahaja.

Misalnya, mereka ini memang dengan cara-cara tersendiri juga cuba untuk mematahkan usaha kita dalam kita mempromosikan dagangan kita di luar negara dan juga usaha-usaha kita untuk menarik pelaburan. Tetapi setakat ini kita dapat mengesan tindak-tanduk mereka ini dalam mengendalikan cara-cara untuk mensabotajkan usaha-usaha kita ini, sampaikan dalam program-program tertentu mereka dapat menyelitkan, dan selamatnya kita juga dapat mengesan dengan baiknya.

Jadi, saya menyatakan kepada Dewan yang mulia ini kita akan terus berusaha dan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk menangani cabaran-cabaran khususnya dalam era globalisasi ini di mana kita dapat berjaya lagi akan bertambahnya cabaran-cabaran bukan sahaja dari pihak tertentu seperti ini, tetapi juga dalam persaingan untuk kita....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Shah Alam berdiri lagi, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Sebentar ya....membangunkan atau mendapatkan peranan bersama dalam peringkat globalisasi dan ekonomi.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam ucapan dasar saya, saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya untuk menubuhkan satu mekanisme khas bagi memberikan penerangan yang lebih terperinci, dan saya mencadangkan supaya mekanisme khas ini diwujudkan secara berterusan supaya kalau apa-apa masalah dan isu yang dibangkitkan, kerana kita sedar bahawa bagaimana negara ini ditadbirkan dengan begitu baik kita membebaskan diri kita dari cengkaman maut ekonomi ini. Yang baik-baik ini nampaknya masyarakat yang membuat reporting ini, dengan izin, very bad reporting tentang kita, tetapi yang buruk itu dihebah-hebahkan.

Jadi, kalau ada mekanisme khas ini tak payah nak tunggu Menteri Luar Negeri, Timbalan Menteri Luar Negeri pergi keluar negeri. Saya cadangkan macam Batang Lupar ini kalau dijemput untuk beri penerangan ke Scandinavian country pun boleh, hebat ni. Kalau Kinabatangan dihantar ke Mouri, di Southern New Zealand pun dia boleh juga. *[Ketawa]* Kalau Bukit Mertajam dia boleh bercakap tentang soal dasar yang baik tentang kerajaan buat, yang itu pun boleh buat. Tetapi yang Tumpat itu tak payahlah, nanti jadi rosak. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat ini memang benar, tetapi ingin saya jelaskan di sini kerana Yang Berhormat telah menimbulkan perkara ini, memang ada satu mekanisme yang kita telah mulakan sejak awal lagi dan telah dipertingkatkan di bawah bahagian penerangan dan international bahagian multilateral dan sebagainya di mana kita sentiasa meneliti dan juga memantau perkembangan-perkembangan antarabangsa dan juga media-media antarabangsa menerusi agensi kita yang ada di luar negara dan menerusi misi-misi kita dan kedutaan-kedutaan kita di luar negara.

Pada hari ini, izinkan saya nyatakan bahawa untuk menguruskan perkara ini  
....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Sebentar ya.

Kita telah membuat hubungan secara teknologi komunikasi antara kedutaan dan agensi-agensi Kementerian Luar Negeri yang telah semua kita tingkatkan supaya ia dapat berjalan dengan cepat dan licin. Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tokoh parti pembangkang ini selalu dikritik bahawa kami mencaci nama negara di luar negara. Jadi, saya ada satu soalan yang saya tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selepas beliau dipecat daripada UMNO dan kerajaan, beliau pernah mengkritik Allahyarham Tunku Abdul Rahman di Melbourne dan juga di Filipina. Dan saya tahu teks ucapannya yang dibuat oleh beliau di Filipina juga disiarkan dalam sebuah majalah di Filipina.

Jadi, saya hendak tahu apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mungkin Yang Berhormat tadi tidak ada di sini dan mungkin saya perlu layan sedikitlah. Saya telah jawabkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tadi bahawa ini adalah satu soalan yang tidak setanding dan saya katakan tadi telah saya terangkan, sila baca *Hansard* selepas ini, untuk jawapan kepada Ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan di mana saya tidak dapat menjawab pada hari ini, saya harap kita akan memberikan jawapan secara bertulis dan .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, tak apa.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, lagi pun kita bersedia sampai pukul 12.00 malam ini, tetapi bahasan kita kena rapi. Saya banyak membangkitkan soalan apa yang disebut oleh Shah Alam tadi bahkan saya sebutkan persoalan kemudahan-kemudahan pegawai-pegawai luar negeri, ada tertulis

dalam *Hansard* Tuan Yang di-Pertua, saya disebut oleh Shah Alam tadi melantik saya, insya -Allah saya boleh pergi.

Dahulu saya pergi dengan Bukit Gantang pergi ke Australia. Ya, pernah, kami pergi ke lima buah cities di Australia atas jemputan Kerajaan Australia dan kami memberi penjelasan soalan-soalan justice system dan kehakiman di negara ini bahkan kita oleh kerana lepas penjelasan kita beri tour free lagi ke Fremantle kerana mereka tertarik mendengar penjelasan yang sebenarnya kita buat.

Jadi, Datuk, memang saya bersetuju kalau kita boleh lantikkan banyak orang. Tetapi masalahnya Datuk, saya hendak sebutkan di sini, saya telah catat tiga perkara untuk ditanyakan, oleh kerana saya bangkit soalan ini, tidak ada dijawab, soalan harta benda pejabat dan rumah kediaman duta -duta dan pegawai luar negara.

Dahulu dasar kerajaan ialah kita tidak boleh membeli, hanya boleh menyewa harta di luar negara. Tetapi saya mengatakan dalam perbahasan saya iaitu tiadalah lebih mahal menyewa daripada membeli. Kalau kita beli gunakan pinjaman daripada pihak bank dan bayaran itu sama banyak dengan sewa. Jadi, kalau habis dalam sepuluh tahun lepas itu bayaran harta benda itu kita sudah punya. Jadi, sepatutnya dasar ini patut dilaksanakan secepat mungkin.

Macam umpamanya di Poland, di Warsaw, kita lihat rumah kediaman itu kecil dan penyewaan, sudah *dheck* dengan pihak bank dan bank mengatakan sewa itu lebih tinggi daripada bayaran balik dengan pihak bank kalau kita hendak beli.

Jadi, satu lagi kemudahan-kemudahan, kereta-kereta dan sebagainya. Kereta umpamanya, Datuk, kita lihat kadang-kadang di negara-negara yang canggih, di Jepun, di Scandinavian countries, dengan izin, yang mana kereta lama tidak boleh pakai lagi dah, kena dibuang, tetapi oleh kerana kereta ini kepunyaan duta-duta kita, tidak boleh dibuang, kerajaan di negara itu tidak boleh mengganggu kereta ini, tiada kuasa mereka hendak mengganggu, tetapi dia biar sahaja. Tetapi gambaran kepada luar, yang kita tidak mampu. Dalam masa yang sama, Indonesia, Brunei baru beli enam biji kereta *S class*, tengoklah keadaan Indonesia, bermakna *managing success and sustaining success* kita ini ada sedikit masalah.

Jadi, yang kedua, soalan pengurusan hendak memberi penjelasan dan sebagainya. Sumber kewangan mesti kena beri, Datuk. Kita tidak boleh measure apa

yang diperuntukkan pada tahun 1985 ataupun 1995 mencukupi untuk tahun 2000. Itu saya tidak setuju. Kementerian Luar Negeri mesti berusaha meminta pihak Kementerian Kewangan untuk mengagihkan sumbangan kewangan yang mencukupi.

Di Poland, apabila duta hendak mengadakan keramaian untuk meraikan 31 Ogos yang lalu, tidak boleh mengadakan *function* itu di hotel, saya bertanya sendiri, “cukupkah duit”, kata dia “tidak cukup, Yang Berhormat, duit tak cukup.” Jadi, terpaksa diadakan di rumah dia sendiri.

Saya kata: “Rumah yang sebesar ini macam mana hendak jemput orang, berapa orang sahaja yang hendak dijemput?” katanya: “Oh, itulah kadar yang kita boleh, kita buat macam itu sahaja. Yang Berhormat jangan cakap balik dengan Malaysia, nanti susah saya” kata dia. Saya kata: “Saya akan cakap.”

Jadi, Datuk, kita kena ingat ini, sumber peruntukan ini tahun 1995 berlainan dengan peruntukan tahun 2000. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat keadaan peruntukan-peruntukan, rumah-rumah, pejabat, kereta-kereta, fax machine, typewriter, kita tidak hendaklah guna typewriter apa yang manual ini saya *punch* pun tak kena, kerana kita biasa gunakan *laptop*, sedikit macam ini sahaja, benda itu sudah berjalan dah. Ini kena buat macam ini [*sambil menunjukkan dengan tangannya*] baru dia mahu. Jadi, pegawai-pegawai kerajaan ini perlu pertolonganlah Datuk.

Jadi, saya menyarankan kepada kementerian Datuk, supaya dilihat semula peruntukan dan kemudahan yang diberi kepada pihak duta-duta di luar negara kita, sama ada di Rusia ataupun di Amerika, sama ada di Scandinavian ataupun di China, Datuk. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sungguh rancak Yang Berhormat kita dari Batang Lupar dengan cadangan-cadangan, saya terima kasihlah. Tetapi izinkan saya, saya tidak mahu ingin Dewan ini dapat gambaran bahawa kita tidak teliti dan tidak peka kepada perkembangan semasa di kedutaan-kedutaan kita di luar negara. Sebenarnya, izinkan saya menyatakan bahawa dari segi pemindahan atau perhubungan maklumat, kita boleh katakan cukup kemas kini dari segi gunaan e-mail, fax dan *encrypted message* menerusi kedutaan-kedutaan kita di luar negara.

Dan keduanya, peruntukan untuk seperti bahagian penerangan, bahagian pelbagai yang perlu untuk mendekati pihak luar negara, kita tidak ada masalah mendapatkan peruntukan dari Kementerian Kewangan selama ini iaitu dalam dua, tiga tahun ini. Walaupun dalam kita menghadapi krisis, kita juga telah mendapatkannya dengan menumpukan priority kita dan keutamaan kita.

Kemungkinan kalau saya silap mohon maaf, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, kemungkinannya pejabat di Polland itu mungkin tersilap dari segi peruntukan atau tidak memohon atau tidak sampai peruntukannya. Kita telah mengarahkan semua kedutaan kita memberikan keperluan peruntukan dan kita tidak harus mengabaikan untuk meraikan Hari Kebangsaan kita di luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun ini juga Duta di Chile telah mengadakan di Amerika Latin, Hari Kemerdekaan kita di hotel empat atau lima bintang. Itulah saya ingin nyatakan bahawa jangan salah anggapkan bahawa semua gambarannya tidak baik tetapi izinkan saya nyatakan, kalau ada masalah, terima kasihlah kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan masalah ini kepada kita, dan kita akan meneliti perkara yang dibangkitkan itu, kita akan usaha kita dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini dan juga yang akan datang. Kita telah membuat dasar di mana kita dapat membeli bangunan kedutaan kita dan kediaman kedutaan kita dan yang kita akan mengambil alih untuk mengurangkan kehilangan pertukaran wang dari segi sewanya.

Dan begitu juga, kebanyakan kedutaan, kalau tidak silap saya, tidak kurang dari 10 pejabat kedutaan yang sudah dimiliki oleh Malaysia di luar negara. Kita masih dalam usaha untuk menambahkan lagi di negara-negara yang kita ada kedutaan pada masa ini.

Sekian sahaja yang dapat saya berikan jawapan atas perkara-perkara yang dibangkitkan dan pandangan-pandangan bernas Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ucapkan terima kasih, dan kita akan ambil kira dari masa ke semasa dan Kementerian Luar Negeri akan mengambil perhatian dalam kita meneliti dan mengkaji semula dasar luar negara kita.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

**6.27 ptg.**

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan penghargaan dan juga terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2001, peringkat dasar yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam telah membangkitkan, adakah pembangunan dan pengurusan koperasi pada hari ini mampu menjalankan tanggungjawab memperkukuh ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam keadaan ekonomi masa kini, negara sangat prihatin tentang peningkatan aktiviti ekonomi terutama aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh gerakan koperasi terutamanya dalam sektor pertanian secara komersial. Melalui penglibatan aktif dalam koperasi, rakyat telah dipupuk dan dididik bekerjasama secara berkumpulan untuk berdikari dalam memperbaiki taraf hidup mereka.

Sesungguhnya kejayaan dan pembangunan yang dicapai oleh gerakan koperasi sehingga hari ini adalah hasil daripada usaha dan sokongan kerajaan dan pimpinan yang berwibawa anggota lembaga koperasi. Koperasi akan terus menjadi agen pembangunan pada masa akan datang. Kementerian sentiasa memberi bimbingan dan khidmat nasihat mengenai tindakan-tindakan yang patut diambil oleh gerakan koperasi dalam meningkatkan pendapatan rakyat khususnya rakyat di luar bandar. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kementerian ialah menggalakkan perniagaan secara penggabungan misalnya perniagaan pasar raya dan konsortium pengguna di samping mengadakan seminar, kursus dan bengkel untuk koperasi-koperasi tersebut bagi meningkatkan kefahaman perniagaan mereka.

Aktiviti yang dijalankan merupakan aktiviti perniagaan yang melibatkan penyertaan semua anggota-anggotanya iaitu:

- (i) melalui aktiviti yang dijalankan oleh koperasi itu sendiri – projek-projek yang dijalankan oleh koperasi boleh diagihkan dalam bentuk kerja-kerja untuk dijalankan oleh anggota-anggota;
- (ii) melalui aktiviti yang dijalankan oleh anak-anak syarikat milik koperasi, projek-projek yang ddapati boleh diagihkan kepada ahli-ahli atau kepada usahawan lain. Dalam hal ini, ianya bergantung kepada banyak projek yang didapati kerana bila banyak projek maka banyak kerja yang boleh diagihkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, dari dua keadaan yang di atas, didapati masih ada ruang lagi bagi meluaskan skop bidang perniagaan yang boleh diceburi oleh koperasi dalam usaha menjadikannya sebagai satu badan perniagaan yang lebih dinamik dan mampu bersaing dengan entiti perniagaan yang lain. Dengan lain perkataan koperasi mampu menceburi apa jua bentuk aktiviti perniagaan jika dilihat kepada syarat-syarat asas atau *prerequisite* yang sedia ada, seperti sumber manusia, pengetahuan teknikal, teknologi maklumat dan juga sumber kewangan. Bahkan dalam Akta Koperasi sendiri terdapat ruang untuk koperasi menukarkan entitinya menjadi sebuah badan korporat.

Oleh itu satu rangka kerja yang lebih terancang telah diadakan sebagai panduan dan disokong dengan kenyataan dasar yang lebih berani dan jelas bagi menjamin keberkesanan gerakan koperasi dalam melahirkan usahawan khususnya bumiputera yang berjaya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batang Lupar.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Nanti saya habis dulu. Di samping mengukuhkan lagi gerakan koperasi itu sendiri. Sila.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kerana tindakan kementerian dan juga saya mengucap

tahniah undang-undang itu, pindaan yang terakhir sekali, saya ingat tahun 1998, mendatangkan kesan kepada pergerakan-pergerakan koperasi seluruh negara. Saya ingat tindakan jabatan-jabatan kementerian di negeri-negeri pun mendatangkan kesan. Tetapi saya ingin membawa ke perhatian Yang Berhormat iaitu di Sarawak, dalam konteks Sarawak mungkin juga berlaku di Sabah, iaitu peruntukan untuk pegawai ini. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan seminar, bengkel dan sebagainya. Memang saya tahu. Kementerian banyak membuat bengkel dan seminar untuk mengajar ahli-ahli jawatankuasa koperasi ini mentadbirkan koperasi mereka. Kerana kita tidak boleh menafikan bahawa banyak koperasi yang bermasalah.

Di Sarawak, saya boleh sebut nama koperasi yang bermasalah. Jadi, tindakan jabatan itu adalah baik dan wajar tetapi malangnya ialah peruntukan diberi kepada jabatan ini untuk *transport and traveling*, dengan izin, adalah tidak mencukupi. Bulan enam sahaja sudah habis duit. Jadi, dia menggunakan peruntukan yang sedia ada tetapi bengkel dan seminar ini tidak ada di *budget* kan untuk tahun yang tertentu.

Jadi, dia gunakanlah duit T&T untuk biasa itu, rutin tahunan untuk menganjurkan seminar dan bengkel. Dalam konteks Sarawak, kita kata bengkel di Kapit, bengkel di Kanowit, bengkel di Miri, bengkel di Lawas, bengkel di Sibul, bengkel di Kuching, bengkel di Serian, sebelum habis pun percakapan saya, duit mereka sudah habis sudah. Jadi, saya berharap pihak kementerian apabila..., ini boleh tanya sendiri dengan pegawai sebab saya berbincang sebelum saya bercakap di sini. Tanya sendiri dengan pegawai di Sarawak yang mengatakan, duit memang tidak mencukupi untuk *transport and traveling*. Pegawai bersedia bila-bila masa pergi supaya koperasi-koperasi ini boleh diperbaiki lagi prestasi mereka. Terima kasih.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar atas komen-komen tindakan atau peranan koperasi di Sarawak. Kita di kementerian mengakui Sarawak sebuah negeri luas dan mungkin peruntukan untuk transport dan travelling tidak cukup. Mungkin pada masa hadapan kita boleh bagi peruntukan yang lebih lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat bagi Baling telah membangkitkan bahawa kerajaan belum lagi memperkemaskan secara menyeluruh sistem koperasi secara Islam. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah mengambil

langkah-langkah memperkenalkan sistem yang berlandaskan Islam dalam gerakan koperasi. Usaha-usaha yang berterusan ini terbukti apabila koperasi yang berasaskan kewangan telah berubah dari sistem berkonsepkan pembiayaan secara konvensional kepada secara sistem Islam. Ini jelas dilihat diamalkan oleh Bank Kerjasama Rakyat, Koperasi Kakitangan FELDA, Koperasi Belia Islam dan beberapa koperasi yang menjalankan aktiviti berkonsepkan Islam. Kerajaan dari masa ke semasa menggalakkan koperasi menguruskan aktiviti-aktiviti mereka secara sistem berkonsepkan Islam misalnya aktiviti kredit, perumahan bahkan beberapa siri seminar dan bengkel kerjasama koperasi berasaskan sistem pengurusan Islam dianjurkan dari masa ke semasa. Langkah-langkah ini akan diperhebatkan untuk mendukung cita-cita ke arah suatu rangkaian kerjasama yang lebih berkesan bagi manfaat anggota-anggota khususnya dan masyarakat amnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Yan membangkitkan cadangan supaya peneroka-peneroka rancangan-rancangan sawit FELDA dimansuhkan bayaran kos pembangunan kepada Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat kos pembangunan kawasan pertanian di tanah rancangan FELDA dibiayai daripada peruntukan pinjaman Kerajaan Persekutuan. Oleh itu kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan kos pembangunan tersebut. Peneroka yang menduduki kawasan berkenaan dikehendaki membayar balik kos ini daripada hasil ladang dalam tempoh 15 tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran kembali pinjaman ini tidak dikutip sekiranya pendapatan hasil ladang peneroka kurang daripada RM600 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tampin yang membangkitkan persoalan mengenai usaha pihak pengurusan FELDA dalam mencapai matlamat penubuhannya terutamanya meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, adalah dimaklumkan bahawa setiap peneroka diberikan kawasan kebun kelapa sawit atau getah seluas 10 ekar. Pengurus rancangan sentiasa memberikan khidmat nasihat dan bantuan kepada peneroka yang menguruskan kebun mereka. Peneroka digalakkan mengusahakan kebun secara bersungguh-sungguh dengan amalan agronomi yang baik supaya dapat mengeluarkan hasil yang maksimum dan pendapatan yang baik.

Segala hasil kebun dinikmati oleh peneroka dan FELDA tidak membuat sebarang keuntungan daripadanya. Dengan pendapatan itu dapatlah peneroka menyara perbelanjaan hidup keluarga, membiayai kos pendidikan dan mengadakan simpanan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Dr. Tan Kee Kwong:** Sila.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, saya minta penjelasan sikit daripada Timbalan Menteri. Berhubung dengan keadaan peneroka FELDA pada hari ini, kita tidak nafikan sewaktu kita menghadapi krisis ekonomi, pendapatan peneroka FELDA mencecah hingga ke RM400 bagi satu tan kelapa sawit yang diperolehi pada ketika itu tetapi pada ketika ini harga kelapa sawit telah jatuh mungkin kurang daripada RM100. Setengah daripada peneroka telah pun keluar daripada FELDA, tempat mereka bekerja untuk mencari mata pencarian yang lain seperti menjadi driver bas, berniaga kecil-kecilan untuk menokok tambah hasil pendapatan mereka termasuklah buka warung, kita harap mereka tidaklah terbabit dengan demonstrasi mudah-mudahan *[Ketawa]* cuma kita tahu bahawa FELDA dari segi pengurusannya begitu baik, wang yang terkumpul banyak, mencecah berbilion ringgit. Jadi saya ingin tanya kepada Timbalan Menteri ataupun Kementerian sama ada mungkin langkah-langkah tindakan jangka pendek atau jangka panjang sementara kita menunggu harga kelapa sawit ini khususnya getah dapat distabilkan. Terima kasih.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Terima kasih Yang Berhormat Larut. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut dan juga Dewan yang mulia ini, tahun ini FELDA sudah, minta izin, write off RM89 juta loan dari peneroka dan kita sentiasa bincang perkara ini dan kalau kita boleh ambil langkah yang lebih tepat atau minat kita cari satu tindakan yang lebih sesuai. Saya sambung ya. Koperasi Permodalan FELDA (KPF), ya...

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sikit sahaja. Saya kalau bolehlah tindakan berhubung dengan kebajikan anak-anak peneroka ini berhubung dengan pelajar, pendidikan kerana kita tahu setengahnya berpeluang melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti, setengah itu belum dapat pinjaman

ataupun biasiswa, setengah itu anak ramai, jadi saya mintalah sedikit penjelasan daripada Timbalan Menteri langkah jangka pendek di dalam menghadapi kestabilan harga kelapa sawit terutamanya.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Larut. Di FELDA ada satu tabung sosial ekonomi peneroka dan untuk jawapan ringkas, kegunaan Tabung TSEP ataupun Tabung Sosial Ekonomi Peneroka. TSEP boleh digunakan khususnya untuk membiayai pinjaman bantuan dan aktiviti-aktiviti seperti berikut;

- (i) menyediakan kemudahan pinjaman bagi aktiviti-aktiviti ekonomi peneroka melalui pinjaman ekonomi kecil, pinjaman perniagaan dan juga pinjaman koperasi
- (ii) pinjaman pelajaran tinggi untuk anak-anak peneroka melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi
- (iii) membaik pulih kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah agama, tadika, balai raya dan juga masjid.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut, kita prihatin tentang perkara ini dan kalau ada apa-apa kes spesifik, tolong kemukakan kepada kementerian kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sungai Benut.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Minta penjelasan sedikit berhubung dengan tabung yang diadakan oleh FELDA untuk membangunkan kemudahan-kemudahan asas. Jadi saya ingin tahu berapa jumlah saiz tabung yang ada sampai hari ini kerana kebanyakannya rancangan FELDA masih banyak kekurangan dalam bentuk kemudahan-kemudahan asas dan kadang-kadang kemudahan-kemudahan asas ini pun kebanyakannya sudah lama dan tidak dapat digunakan lagi apatah lagi sekarang ini masyarakat kedua iaitu generasi kedua di FELDA banyak kekurangan tempat-tempat kemudahan seperti riadah, Dewan orang ramai dan sebagainya jadi saya dapat tahu berhubung dengan tabung ini yang mana FELDA mempunyai satu tabung yang agak besar hasil daripada ekonomi yang begitu baik hasil daripada kenaikan harga kelapa sawit baru-baru ini, jadi bagaimana supaya

tabung itu dipergunakan waktu sekarang daripada mengharapkan peruntukan-peruntukan daripada kementerian-kementerian yang lain. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat Sungai Benut dan cadangan beliau kita boleh kemukakan kepada pihak FELDA dan kalau Tabung Sosial Ekonomi Peneroka ini tidak cukup, kita boleh memperluaskan skop atau peruntukannya

Koperasi Permodalan Felda atau KPF ditubuhkan bagi membolehkan peneroka melaburkan sebahagian daripada pendapatan mereka. Pengurus rancangan juga menjalankan usaha dalam penyediaan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, elektrik, sekolah dan sebagainya bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat rancangan. Selain bidang kebun, pengurus rancangan juga terlibat menjalankan kegiatan pembangunan masyarakat bagi memastikan pembangunan sosial berjalan selari dengan pembangunan fizikal.

Saya di sini sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan memberikan pandangan-pandangan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Segala pandangan-pandangan tersebut akan diambil tindakan sewajarnya. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Sila.

**6.40 ptg.**

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang undang-undang Perbekalan 2001 yang menyentuh hal-hal dan perkara yang berkaitan yang jatuh di bawah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, golongan belia merupakan kumpulan sumber manusia yang terbesar dalam negara iaitu lebih kurang seramai 9.8 juta orang atau mewakili 43% jumlah penduduk. Bagi tujuan menghadapi cabaran alaf baru, para belia harus diperlengkapkan dengan semangat jati diri yang unggul, yang kreatif,

bertanggungjawab, berilmu, berakhlak dan juga bertakwa. Sehubungan dengan itu, peruntukan yang mencukupi adalah dipohon bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan termasuk Rakan Muda yang diberi nafas, imej dan juga pendekatan baru dengan pengisian aktiviti yang lebih serasi dengan keperluan semasa yang menekankan semangat kesukarelaan, semangat kerakanan tulen, pengupayaan para remaja menurut cita rasa generasi muda, aktiviti berbentuk pertandingan dan program-program sehinggalah ke peringkat akar umbi.

Kita harap program-program ini dapat diperbanyakkan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin pelapis yang bukan sahaja bersemangat waja tetapi bertanggungjawab, berkualiti dinamik dan boleh menjadi penggerak kepada kemajuan serta kemakmuran nusa dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian turut merasa kecewa dengan prestasi kontinjen sukan negara di kejohanan Sukan Olimpik di Sydney baru-baru ini. Walau bagaimanapun, kita perlulah realistik dalam mengharapakan kejayaan atlet-atlet kita di peringkat sukan Olimpik. Setakat ini hanya sukan badminton sahaja yang mampu bersaing dan memenangi pingat. Sukan-sukan lain dianggap sudah berjaya sekiranya mereka melepasi kelayakan ataupun memperbaiki rekod-rekod kebangsaan ataupun layak bertanding di pusingan-pusingan yang selanjutnya.

Berkaitan dengan penyediaan infrastruktur sukan dan rekreasi, cadangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah supaya lebih banyak kemudahan sukan dan rekreasi seperti kolam renang, pusat gimnasium, padang memanah disediakan kepada anggota masyarakat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** .....terutama golongan belia dan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Larut supaya kelab-kelab eksklusif mengenakan bayaran yang minimum ke atas penggunaan kemudahan sukan yang disediakan adalah dialu-alukan. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, bukan berkaitan dengan Doha, berkaitan dengan Sukan Olimpik di Sydney. Saya fikir dalam sejarah negara kita jarang kita terdengar teguran secara terbuka bukan oleh

kami pembangkang, bukan oleh sahabat-sahabat saya di penjurusan tetapi oleh Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan menyentuh berkaitan dengan prestasi yang amat tidak memuaskan oleh pasukan kita di Sydney baru-baru ini. Begitu juga tidak pernah saya ingat ada pengurus pasukan yang merupakan Timbalan Menteri Penerangan. Di Sydney sendiri dalam masa kita sedang berlawanan, bertanding, mengkritik akan sikap pegawai dan sebagainya dalam bidang kesukanan. Oleh kerana suasana yang begitu amat serius begini tidakkah kementerian berfikir baik jika diadakan perbincangan yang lebih menyeluruh dengan peminat-peminat sukan dan sebagainya dan mungkin menuju ke arah menyediakan dan membentangkan sebuah kertas putih untuk memberikan suatu garis panduan dasar dan sebagainya, bagaimana hendak menaikkan kembali nama negara kita dalam bidang kesukanan. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat, sememangnya seperti yang saya sebutkan tadi, kita kecewa dengan prestasi atlet-atlet kita. Tetapi pada masa yang sama saya minta kita realistik dengan pencapaian yang kita harapkan. Pertama, daripada 8 jenis sukan di mana atlet-atlet kita telah menyertai, tiga sukan adalah merupakan penyertaan pertama kali negara dalam sejarah Sukan Olimpik, Taekwondo, gimnastik artistik wanita dan juga terjun. Atlet-atlet negara yang telah melayakkan diri berada di dalam peringkat usia yang masih muda, sekitar 17 hingga 20 tahun. Pada masa yang sama dalam sukan aquatik, daripada 13 negara seramai 8 daripadanya adalah merupakan atlet muda yang berumur di bawah 17 tahun dan ini merupakan penyertaan pertama mereka di temasya Olimpik kita.

Sebanyak 3 rekod kebangsaan telah berjaya diperbaiki oleh atlet renang kita. Pada masa yang sama hampir semua perenang, penerjun negara berjaya mengatasi pencapaian atlet-atlet daripada negara Asia Tenggara yang lain. Bagi sukan olahraga, Wong Yu Fong untuk acara 20 kilometer telah mendapat tempat ke-15 di dunia, berbanding dengan prestasi terbaik beliau di tempat ke-29 di Normandy. Atlet tunggal kapal layar kita Calvin Lin berjaya mengekalkan penguasaannya di kalangan peserta di negara-negara.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar :** *[Bangun]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sekejap Yang Berhormat. ....daripada negara-negara Asia. Pasukan Hoki negara telah menunjukkan prestasi yang membanggakan, walaupun nasib tidak menyebelahi mereka.

Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat bahawa kita perlu memikirkan bagaimana kita dapat meningkatkan lagi prestasi atlet-atlet kita khususnya di persada antarabangsa. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa sekiranya kita ingin bertanding di peringkat yang tertinggi, kita harus memastikan bahawa atlet-atlet kita mempunyai kekuatan dalaman dan luaran supaya mereka dapat bersaing dengan sesiapa sahaja di peringkat yang paling tertinggi. Tetapi apa yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini, ianya bukanlah suatu perkara yang mudah, kita harus realistik sebelum ini kalau kita dapat melayakkan diri ke sukan Olimpik telah merupakan satu kejayaan. Kita menang pingat di beberapa Olimpik berkaitan dengan sukan badminton. Kali ini mereka yang telah melayakkan diri merupakan rombongan dan kontinjen yang teramai dalam sejarah Olimpik negara.

Bagi saya, bila saya menyentuh bahawa saya agak puas hati dengan pencapaian atlet-atlet kita ialah dalam konteks dan pendekatan realistik tadi. Kita dan kementerian sedar bahawa kita memerlukan tapak penyertaan yang luas serta tempoh masa yang lama. Sila Yang Berhormat bagi Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya pun hendak ucapkan tahniah juga kepada kementerian kerana bola sepak pekak telah mencatat sejarah memasuki pertandingan bola sepak dunia kali pertama. Kita kena akui, ya pasukan bola sepak pekak Malaysia, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong telah mencatat sejarah pada hari ini untuk....

**Seorang Ahli:** Cacat bukan pekak.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah cacat, peka k serupalah [*Ketawa*]. Jadi kita kena ucapkan tahniah juga kepada kementerian kerana telah dapat menjadikan di antara pasukan bola sepak bertanding di peringkat piala dunia untuk orang-orang pekak, untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong. Satu kejayaan, syabas. Begitu pun Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut berhubung

dengan sukan Olimpik. Kita telah beberapa kali bercakap berhubung dengan penyertaan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Saya hendak tanya, pertama sekali sebelum itu, saya ucapkan terima kasih kerana respons daripada Yang Berhormat berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas yang perlu dipertingkatkan lagi di kawasan luar bandar. Kerana kita jangan lupa atlet-atlet yang pernah mengharumkan nama negara kita daripada luar bandar seperti Junaidah Aman, tidak silap saya, M. Dataya, ramailah yang boleh saya sebut. Kita tidak boleh menafikan bakat-bakat yang tersembunyi memang banyak berselerak di kawasan-kawasan luar bandar.

Namun begitu, saya hendak menyentuh berhubung dengan takraw yang sering kali diperjuangkan oleh Malaysia, oleh kementerian di kalangan pencinta sepak takraw, bila lagi sepak takraw ini hendak dimasukkan di dalam sukan Olimpik. Kerana sekurang-kurangnya kita dapat lihat kilauan pingat, kalau tidak emas, sekurang-kurangnya perak. Ini kita terima hakikat kerana tadi Yang Berhormat telah sebut badminton yang pernah mengharumkan nama negara, kita pernah menang pingat perak.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini menteri, bukan Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yalah, ini penjelasanlah. Jadi saya minta kepada menteri penjelasan bila lagi takraw, kerana takraw ini ada kaitan dengan sejarah daripada Melaka lagi. Jadi sekurang-kurangnya kita hendak tahu bila kerana kita tidak mahu selama-lamanya kita terus dipermain-mainkan oleh negara-negara lain, di depan lain di belakang lain. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya berkaitan dengan infrastruktur sebenarnya saya belum habis jawapan lagi tetapi kalau Yang Berhormat sudah puas hati dengan jawapan tadi Alhamdulillah.

Keduanya berkaitan dengan prestasi pasukan bola orang pekak kita pun sekarang ini selaku Menteri Belia dan Sukan kalau orang pekak dan cacat dapat pingat pun Alhamdulillah syukur, saya tidak akan tolak. Dan sebenarnya saya lihat semangat dan komitmen mereka dan kesungguhan mereka untuk betul-betul mewakili negara cukup luar biasa. Dan saya harap janganlah sesiapa di dalam Dewan yang mulia ini memperkecil-kecil kemampuan atlet-atlet cacat kita.

Ketiganya, Yang Berhormat saya bersetuju sangat dan sedang pun memikirkan bagaimana kita dapat cuba memastikan bahawa sukan sepak takraw dapat merupakan 'satu-satunya' sukan di dalam Sukan Olimpik. Ini bukan merupakan satu perkara yang mudah kerana ia seperti Yang Berhormat sendiri tahu memerlukan banyak lobi dan minta sokongan daripada rakan-rakan kita dalam Olympic Counsel dan hari ini saya agak serik jugalah bab lobi-melobi dan meminta sokongan ini tetapi percayalah kementerian sedar kemampuan kita di dalam sukan olahraga takraw dan ini merupakan satu saranan dan harapan kita untuk masa-masa akan datang.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Cuma saya hendak sambung sedikit berhubung dengan Sukan Olimpik, dan pepatah mengatakan malu bertanya sesat jalan. Kita lihat negara-negara kecil seperti Euthopia, Sri Langka, Bahamas dan beberapa negara lagilah yang kita tidak terfikir boleh menang, dapat pingat. Sebagai contoh Bahamas. Skuad atlet 4 x 100 meter pasukan wanitanya mengalahkan gergasi olahraga Amerika Syarikat. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat sama ada kita ingin, saya pun tidak tahulah sama ada pergi menghantar rombongan ke negara berkenaan kerana kalau dibandingkan dengan negara kita, kita lebih banyak kelebihan daripada negara tersebut. Jadi adakah pihak kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk melihat kemajuan, perkembangan dengan negara-negara tersebut sebagaimana saya katakan tadi, pepatah ada mengatakan tidak rugi. Biar kita malu tetapi kita beruntung. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat dalam perbahasan telah pun menyentuh kepada usaha supaya kita memberi tumpuan kepada sukan-sukan yang boleh mendapatkan pingat kepada negara. Dan ini saya akan sentuh di dalam jawapan saya nanti. Tetapi pada masa yang sama ada saranan bahawa sukan..

**Tuan Moktar bin Radin:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, apa minta penjelasan?

**Tuan Moktar bin Radin:** Ya, ini penjelasan sama pertanyaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Adakah berkaitan dengan apa yang sedang di...

**Tuan Moktar bin Radin:** Semua berkaitan. [*Ketawa*]. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dato' Menteri ini rakan saya tetapi, pada saya, satu ratus kali Dato' Menteri kecewa, rakyat Malaysia seribu kali kecewa dengan keadaan perkembangan sukan dalam negara kita. Pada suatu ketika negara Malaysia boleh berbangga dengan kaliber ahli-ahli sukan negara kita. Tetapi apabila berlaku malapetaka dalam persatuan-persatuan sukan boling, badminton, bola sepak dan sebagainya maka segala-galanya apa yang dibina berpuluh-puluh tahun seperti mimpi semalam sahaja, *nightmare*, sudah berlaku sesuatu. [*Ketawa*]. Yang mengecewakan kita pula Menteri Belia dan Sukan itu sendiri seolah-olah berlembut dalam keadaan ini. Sebagai tenaga muda orang muda kita kena ada ketegasan...

**Seorang Ahli:** Keras sikit.

**Tuan Moktar bin Radin:** Keras, mesti keras. Bagi mereka pengajaran. Persatuan-persatuan sukan harus dirombak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Moktar bin Radin:** ..dilakukan revolusi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak beri hujah.

**Tuan Moktar bin Radin:** Bukan berhujah, bercakap. [*Ketawa*] Hujah di kawasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Minta penjelasan boleh.

**Tuan Moktar bin Radin:** Penjelasanlah ini. Saya punya penjelasan, kenapa tidak diubah diadakan satu revolusi sukan itu sendiri supaya persatuan-persatuan sukan harus ada komited, harus ada hati untuk memimpin sukan itu macam boling, kita punya *bowling star* bertaraf dunia tetapi apabila ada kemelut, menteri campur pun 50-50. Cuba panggil Persatuan Boling kamu tidak boleh tadbir kita tadbir. Begitu

cara dia. *[Sorak]* Jadi disebabkan kelembutan ini orang lain menggunakan kesempatan ini untuk mencari helah. Yang rugi anak bangsa kita dan negara kita sedangkan industri sukan luar negara seperti Australia 18 juta penduduk tetapi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah makan masa dua minit.

**Tuan Moktar bin Radin:** Kita ini dalam Dewan berbincang. Kalau tidak boleh bincang kita tidak payah ada dewanlah. Kita keluar sahaja biar Menteri cakap *[Disampuk]* Ini tolonglah ya Tuan Yang di-Pertua kita mahu bercakap bukan senang hendak jumpa menteri ini. Dia sibuk bukan tidak mahu datang, dia banyak kerja di luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang bukan untuk Yang Berhormat berucap.

**Tuan Moktar bin Radin:** Bukan berucap saya hendak minta penjelasan. Kerana kalau tidak ada penjelasan ini sukan tidak boleh bincang. Menteri sahaja bincang dengan pegawai-pegawai dia. Kita kena bincang. Betulkah Shah Alam?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, menteri faham, menteri faham. Sekarang menteri boleh jawab.

**Tuan Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, ini sikit lagilah. Kalau boleh untuk menyelesaikan kemelut sukan ini untuk menjadikan negara Malaysia sebagai satu industri sukan yang maju dibandingkan dengan Australia 18 juta tetapi boleh maju dalam sukan. Kenapa kita tidak boleh maju? Apa sebabnya? Apa puncanya? Kita kaji. Adakah kita salah makan, salah ubat ataupun strategi kita tidak mengena. Kalau tidak mengena kita ubah supaya strategi kita. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat yang saya sudah kenal begitu lama. Bila dia kata rakan, tetapi ada 'tetapi' di hujungnya memang aniaya saya. *[Ketawa]*

Yang Berhormat sebenarnya bukan saya tidak mahu mela kukan revolusi tetapi cara bagaimana kita membangunkan sukan selama ini di mana kita boleh banggakan mungkin ada pasang surutnya, ada masanya kita dapat mengecap kecemerlangan, ada masanya kita tidak. Kali ini nasib saya kita dalam keadaan di mana kita harus melihat

dan merancang untuk masa depan. Revolusi tidak, evolusi ya. Dan cara kita melakukannya ialah mengikut kaedah dan cadangan yang sedia ada.

Yang Berhormat harus faham bahawa persatuan-persatuan sukan ada autonomi mereka. Ini merupakan sejarah dan fakta. Menteri Belia dan Sukan walaupun minat menjadi diktator tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu tidak mungkin saya boleh ambil alih sebegitu rupa kerana sedikit sebanyak walaupun kita kecewa dengan keadaan bowling sebagai contoh, dengan kemelutnya kita lihat, yang saya hendak menyelamatkan ialah atlit-atlit kita dan persatuan institusi itu sendiri kerana suatu hari dahulu persatuan itu juga yang telah membangunkan Shalin dan rakan-rakan.

Jadi jangan kita lupa kejayaan yang telah dicatat dan dicatatkan sebelum ini, dalam kita begitu ghairah dengan kritik-kritik kekecewaan kita dalam keadaan sukan sekarang. Sebab itu saya lebih minat bukan saya berlembut, bukan kurang tegas tetapi dengan keadaan yang sedia ada ini lebih baik kita lihat jauh ke hadapan. Apa yang saya sebutkan tadi keutamaan yang kita hendak berikan sekarang mungkin daripada cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat. Dan saya baca dan saya dengar apa yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Dan kita rangkumkan dalam dasar-dasar kita. Tetapi dalam pada masa yang sama Yang Berhormat harus peka, prihatin berkaitan dengan had batasan yang ada.

Saya bimbang kadangkalanya bila rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini berjumpa dengan pihak persatuan sukan, lagu dan rentaknya agak berbeza dengan apa yang dibangkitkan dalam Dewan. Ini menyukarkan kedudukan kita. Sebab itu, kalau kita betul-betul hendak lakukan satu revolusi, kalau betul-betul kita hendak menyemarakkan semangat, kita harus lihat kepada satu dasar yang lebih agresif dan satu perancangan yang lebih jauh. Australia, walaupun jumlah penduduknya kurang daripada negara kita....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sekejap lagi. Saya pun tunggu juga bila Kepong hendak bangun. Australia, walaupun jumlah penduduknya kurang daripada kita, tahukah Yang Berhormat bahawa jumlah peruntukan yang telah diletakkan untuk membangunkan atlet kita 10-20 kali ganda daripada apa yang

diperuntukkan oleh kita di sini. Perancangan mereka untuk mendapat pingat untuk sukan di Australia baru-baru ini, merupakan satu jangka masa 7 tahun. Pingat di China, 26 pingat emas, dalam keadaan di man atlet mereka diletakkan dalam satu perkampungan untuk tiga tahun tidak balik kampung, tidak jumpa keluarga.

Saya hendak tanya sama ada atlet-atlet kita mampu atau tidak? Ini bukan *rhetoric* kerana dari segi apa yang saya difahamkan daripada rakan-rakan sejawat saya di China dan di Australia, inilah komitmen kesungguhan daripada semua pihak dan saya harap sekarang ini dengan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat, lebih ramai akan tampil ke hadapan dan membantu saya dengan semangat yang sama melakukan satu evolusi kepada pembangunan sukan. Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bercakap*][*Pembesar suara tidak berfungsi*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu *mike* pun letihlah. [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya sangat tertarik kepada jawapan daripada Yang Berhormat tadi, nampaknya sungguh hendak memperbaiki keadaan. Hendak menghalang semua orang termasuk Yang Berhormat bagi Larut untuk mempengaruhi badan-badan sukan di negara ini. [*Ketawa*] Patut mereka dipecatkan sama sekali. Yang Berhormat, saya tidak menyalahkan, misalnya, pemain-pemain badminton di Sukan Olimpik sebab saya nampak mereka bermain dengan bersungguh-sungguh. Saya tidak salahkan sesiapa sekarang kerana lawan kita lebih baik.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat, dengan semangat dan keazaman komitmen yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat tadi, misalnya, badminton. Saya nampak pemain itu lebih moden daripada ahli-ahli Lembaga, misalnya. Apakah Yang Berhormat boleh buat untuk menukarkan ahli-ahli dan pengurus-pengurus di dalam badminton yang tidak profesional supaya mereka setaraf dengan pemain-pemain profesional? Apakah boleh dibuat, ada banyak masalah yang timbul, saya tidak tahu. Cuma, macam mana kita boleh menaikkan taraf profesionalisme di dalam pengurusan, misalnya dalam bidang badminton dan semua bidang sukan di negara ini.

Saya berminat dengan pandangan Yang Berhormat tadi mengenai Australia. Saya pun setuju kalau kita memberi peruntukan yang lebih untuk sukan negara ini.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kalau kita kasi peruntukan lebih, kata banyak sangat pula!

**Dr.Tan Seng Giaw:** Bukan sukan, bukan sukan, pertahanan yang kita mesti bagi lebih. *[Ketawa]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** *[Ketawa]* Yang Berhormat, kalau kita tumpukan khusus kepada badminton, daripada perkembangan dan kemelut yang kita lihat selepas pertandingan Thomas Cup baru-baru ini, sememangnya Persatuan Badminton sendiri telah pun cuba merobah dan memikirkan pegawai-pegawai baru. Ada yang telah letak jawatan, ada yang diminta letak jawatan dan ada yang dipaksa letak jawatan.

Sekarang ini mereka sedang memikirkan Presiden baru untuk BAM dan mereka juga telah mewujudkan satu jawatankuasa untuk memikirkan pembangunan sukan badminton yang merangkumi dan dianggotai bukan sahaja oleh ahli-ahli persatuan tetapi saya sendiri telah minta bahawa pakar-pakar rujuk badminton daripada pihak media dan juga daripada orang ramai untuk disertakan di dalam jawatankuasa ini supaya sukan badminton yang kita tahu diikuti oleh sebahagian besar rakyat Malaysia dapat juga memberi sumbangan kepada pembangunan dan perancangan yang akan diketengahkan oleh persatuan itu sendiri.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kadangkalanya ada hikmah di dalam satu kegagalan dan kita lihat daripada kegagalan kita semasa Thomas Cup, saya tengok ada perubahan dan sedang dirancangan dan kita ikuti bersamalah, Yang Berhormat bagi Kepong, bagaimana cerita dan senario ini akan berubah pada masa-masa yang akan datang. Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya ramai ahli-ahli yang ingin memberi training kepada Yang Berhormat Dato' supaya bersedia dalam perdebatan dengan Yang Berhormat bagi Pokok Sena apabila ditentukan nanti. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sikap yang diambil oleh Yang Berhormat iaitu kita mesti merobah sikap ahli-ahli sukan kita. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan dalam masa yang sama, saya kurang bersetuju dengan sahabat saya dari Larut yang mengutamakan sukan-sukan baru untuk mencari pingat, misalnya, sepak takraw.

Pendekatan ini, dengan izin, *escapees* kita hendak lari daripada sukan yang kita kalah kepada sukan yang kita anggap kita ada *advantage* tetapi kalau misalnya, sepak takraw dianggap sebagai kita ada *advantage* dan mungkin menang pingat, *advantagenya* paling lama satu tahun.

Orang Amerika jauh lebih tinggi daripada kita. Mereka dari segi sepak takraw nanti akan *service* sahaja macam bola tampar, sekarang *smash* terus dan saya fikir keuntungan atau *advantage* bagi pihak kita, walaupun dalam bidang sepak takraw tidaklah akan berpanjangan kalau sikap kita itu tidak betul. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sebenarnya ini bukan penjelasan dan bukan minta pandangan. Pandangannya datang dari Yang Berhormat sendiri dan saya akan ambil maklum apa yang dibangkitkan tadi.

Kalau diizinkan, Tuan Yang di-Pertua, biar saya teruskan dengan penggulungan dan apa sahaja yang dibangkitkan biarlah kita hadkan kepada penjelasan yang diperlukan kepada apa yang dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, lebih elok.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab ada empat kementerian lagi, kita perlu habis.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Berkaitan dengan infrastruktur, Yang Berhormat bagi Larut, sukacita saya memaklumkan bahawa usaha-usaha penyediaan kemudahan dan kelengkapan sukan dan rekreasi secara lebih tersusun dan teratur untuk menjana pembangunan sukan yang menyeluruh, memerlukan penglibatan dan kerjasama serta komitmen semua pihak, bukan sahaja kementerian, kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pendidikan, pihak

swasta juga harus dilibatkan dalam perancangan pembangunan kemudahan sukan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Pada masa ini, Kementerian Belia dan Sukan sudah mempunyai 13 buah Kompleks Belia dan Sukan dan kompleks ini disediakan dengan kemudahan seperti asrama, dewan tertutup, padang gelanggang takraw, tenis, bola tampar, surau dan juga kolam renang. Manakala semasa persediaan Sukan Komanwel 1998 pula, Kementerian Belia dan Sukan berserta Majlis Sukan Negara (MSN) telah membina 5 buah padang latihan sintetik hoki, 5 buah pusat latihan gimnastik, 5 buah lapang sasaran latihan menembak, 11 padang *lawn bowls* dan 5 dewan latihan terjun di beberapa buah negeri.

Jelas daripada peningkatan ini, maka kita dapat tonjolkan atlet-atlet yang boleh melayakkan diri ke peringkat Olimpik tadi dan kalau kita kaitkan kemudahan yang sedia ada dengan sukan yang berkaitan, jelas bahawa kemudahan yang kita telah bekalkan telah pun melahirkan atlet-atlet yang mampu melayakkan diri ke tahap ini tetapi belumlah sampai ke peringkat di mana mereka boleh memenangi pingat.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan rancangan untuk membina 19 buah pusat Rakan Muda yang mengandungi kemudahan sukan asas dan lapan buah Pusat Pertandingan Rakan Sukan untuk dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan berserta Majlis Sukan Negara yang sedang dalam peringkat pelaksanaan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan yang bermula pada tahun 2001....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** *Sekejap. Just let me finish this one,* dengan izin. Kementerian bercadang untuk menyediakan lebih banyak kemudahan sukan dan rekreasi. Pembinaan kompleks belia dan sukan daerah yang mengandungi komponen sukan dan rekreasi dijangkakan akan dapat memberi manfaat kepada anggota masyarakat setempat sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, adakah kompleks-kompleks sukan ini digunakan dengan maksimum pada waktu tidak bertanding. Ini kerana nampaknya kompleks sukan ini hanya bertujuan untuk menjalankan pertandingan, dan bagaimana ia hendak digunakan pada masa tiada pertandingan. Adakah kita ada rancangan untuk mengumpulkan atlet-atlet kita untuk latihan sepanjang tahun.

Pada pendapat saya walaupun kita sekarang ada banyak fasiliti untuk bertanding, tetapi kita kurang fasiliti di komuniti. Umpamanya kita kekurangan gelanggang di taman-taman kediaman. Kita kekurangan kolam renang. Di *whole* Butterworth, Seberang Prai hanya ada satu kolam renang. *Whole* Bukit Mertajam tak ada kolam renang. Kalau begini, bagaimana kita hendak mendapat ramai atlet. Maka adakah rancangan untuk menambahkan fasiliti-fasiliti ini? Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Memang ada perancangan. Seperti saya sebutkan tadi bahawa prasarana, kemudahan dan infrastruktur yang diharapkan oleh Yang Berhormat sememangnya memerlukan kerjasama dari kerajaan-kerajaan negeri seperti saya sebutkan tadi, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pendidikan dan pihak swasta. Untuk pengetahuan Yang Berhormat berkaitan dengan padang, saya baru sahaja dapat maklum daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahawa esok beliau akan berjumpa dengan *developers*, dengan izin, pemaju-pemaju harus memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur-infrastruktur asas tadi.

Keduanya, dalam Jemaah Menteri pagi tadi kita bincangkan berkaitan dengan kemudahan padang di sekolah-sekolah dan ini di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Menteri Pendidikan, dan keputusan Jemaah Menteri tadi ialah satu kertas akan dibentangkan bersama oleh Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pendidikan berkaitan dengan pembangunan sukan di peringkat sekolah, di peringkat universiti dan di peringkat sekolah berasrama.

Jadi, memang perkara-perkara ini kita bincangkan berterusan. Tetapi sesungguhnya seperti apa yang saya sebutkan tadi beberapa banyak kewangan dan peruntukan yang sedia ada tak mungkin kita boleh menyediakan kolam renang di setiap daerah dan sebagainya. Tetapi saya setujulah dengan saranan Yang Berhormat

tadi berkaitan dengan kegunaan kemudahan-kemudahan yang sedia ada, dan saya harap dengan Rakan Muda Alaf Baru ini, dengan pendekatan di mana kita hendak anak-anak muda kita sendiri terlibat secara langsung dalam pengendalian aktiviti-aktiviti mereka, saya harap ini mungkin jadi satu pendekatan baru di mana semangat sukarelawan melalui kesukarelaan kita boleh menjadi tenaga kerja, pemangkin dan juga menyediakan satu suasana di mana kemudahan-kemudahan yang sedia ada ini bukan hanya digunakan untuk pertandingan-pertandingan, tetapi keseluruhannya saya lihat di mana ada gelanggang, di mana ada padang, di mana ada kolam renang sememangnya ianya digunakan. Tetapi sama ada ianya digunakan untuk manfaat yang berkesan, saya akui bahawa tidak ada kerangka atau angka-angka yang boleh saya bentangkan kepada Yang Berhormat pada hari ini. Sila.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang saya lihat memang sungguh bersemangat dan komited di dalam Kementerian Belia dan Sukan ini. Saya amat menghargai apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, dalam usaha untuk kita melengkapkan infrastruktur di mana ada jawatankuasa-jawatankuasa yang bukan sahaja dalam kementerian tetapi melibatkan kementerian-kementerian yang lain termasuk Kementerian Pendidikan dan juga kementerian-kementerian lain.

Yang Berhormat, masalah kita sekarang ini saya hendak merujuk kepada luar bandar dan juga masalah-masalah belia-belia. Bagi saya sukan bukan sahaja untuk dipertandingkan tetapi ia adalah merupakan sebahagian daripada kehidupan kita, kerana negara yang sihat itu daripada rakyat yang sihat.

Buat masa sekarang ini kita dapati kemudahan sukan di luar bandar khususnya dan juga di bandar pun begitu kurang. Saya merasakan bahawa para belia yang terlibat dalam kegiatan judi haram dan sebagainya kemungkinan tidak ada tempat untuk mereka berekreasi, mereka menuju ke arah aktiviti sosial yang tidak sihat ini. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagaimana kita dapat memenuhi permohonan ataupun permintaan daripada belia-belia kita, banyak sungutan yang saya dapati daripada belia-belia, mereka tidak ada tempat untuk berekreasi. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Satu soalan yang penting untuk kita jawab. Sememangnya ini telah pun kita beri tumpuan dan sekejap lagi dalam jawapan saya berkaitan dengan Rakan Muda Alaf Baru yang kita hendak ketengahkan. Saya harap ini dapat menepati kebimbangan dan apa kah cabaran yang dihadapi oleh anak-anak muda kita khususnya di luar bandar dan di peringkat akar umbi. Saya harap Yang Berhormat dapat sabar sikit. Sila Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak menafikan bahawa kemudahan kalau dibandingkan dahulu dengan sekarang memang banyak. Cuma saya hendak mengingatkan di sini, kalau kita ambil contoh, keluar sikit dari dasar. Nurul Huda Abdullah memang tak ada persaingan di peringkat Sukan SEA pada satu ketika. Tetapi apabila pergi agak jauh, di peringkat Sukan Asia, kita menghadapi persaingan yang begitu hebat. Maknanya tenggelam terus kalau dibandingkan dengan perenang-perenang Yang Berhormat sebut tadi di Sukan Olimpik di Sydney baru-baru ini.

Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat adakah dengan saranan, desakan supaya seseorang itu meletakkan jawatan, sebagai contoh, Persatuan Badminton Malaysia, apabila sahabat saya daripada Bukit Gantang meletakkan jawatan, badminton tidak ada ke mana-mana pun. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada satu *postmortem* telah dibuat dengan pengambilan, sebagai contoh Pasukan Badminton Negara, jurulatih Pak Ju Bong yang memang hebat dari segi regu tetapi mungkin dia tidak sehebat sebagai jurulatih kalau dibandingkan dengan Morten Frost sewaktu dia menjadi jurulatih kepada pasukan badminton. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. Saya rasa hendak jawab soalan itu terlalu luas. Kalau kita hendak jawab secara tepat kita harus melihat setiap sukan yang berkaitan. Menyentuh kepada sukan badminton, sememangnya masa harus diberikan kepada jawatankuasa yang baru diwujudkan, dan jawatankuasa ini merangkumi dan dianggotai oleh setiap lapisan masyarakat dan ini adalah usaha kementerian sendiri. Tetapi hendak ubah lebih daripada itu bergantung kepada keahlian dan perlembagaan setiap persatuan sukan yang sedia ada.

Kalau hendak buat bandingan daripada sukan badminton dan skuasy, Nurul Huda satu cerita tetapi skuasy tanpa sokongan kerajaan yang begitu ketara, tanpa heboh dan kemelut, tetapi pemain-pemain skuasy di peringkat antarabangsa telah mencatatkan kejayaan yang cukup mengagumkan. Jadi, hendak kata ada satu resipi, satu formula, satu rumusan di mana kalau kita ikut rumusan ini kita akan pasti mampu mengetengahkan atlet-atlet yang peringkat tertinggi dan mampu memenangi pingat emas, saya tidak berani beri jaminan kepada Dewan ini pada hari ini. Ya, sila.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, teirma kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita membuat pemantauan bahawa Nurul Huda, dia dilatih oleh ibunya, Nicos, dia dilatih oleh bapanya, even our bowling queen, she was trained by the parents not by the kerajaan. Dahulu kita punya badminton, jaguh badminton Eddy Chong pun dia latihan sendiri. Maka selepas kita memberi peruntukan untuk badminton kita tidak nampak prestasinya naik. Selepas kita menjadikan football pro, kita pun tidak nampak prestasinya meningkat, maka apakah sebabnya? Saya rasa sistem kita, kita perlu buat satu kajian, sistem kita tidak betul dan adakah ini kerana terlalu banyak campuran politik di dalam sukan.

Kita ambil contoh SUKMA 2000 yang dijalankan di Pulau Pinang, mistake yang dia buat itu menciptakan sejarah kerana pada fahaman saya kerana terlalu ramai ahli politik di dalamnya dan bukan orang yang tahu sukan membuat keputusan, jadi apakah kementerian akan buat untuk mengurangkan ahli politik di dalam sukan Itu yang pertama.

Yang kedua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Kalau kita mantaukan di Pulau Pinang, Penang International Sport Arena (PISA) dan juga sekarang stadium ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang bukan masa untuk berucap.

**Puan Chong Eng:** Bukan, ini yang penting, stadium di Batu Kawan, selepas pertandingan, kedua-dua ini tidak diguna, adakah kementerian bercadang. Saya akan mencadangkan iaitu dekat stadium ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh mencadang lain kalilah.

**Puan Chong Eng:** Di stadium Batu Kawan ini, mengadakan satu sekolah, sekolah yang berasrama khas untuk atlet sahaja, maka mereka boleh belajar di sana dan juga menggunakan stadium untuk latihan. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri.....

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, ini penggulungan dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin membangkitkan perkara itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya, banyakkah lagi ucapan?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya belum start lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab, saya ingin maklumkan 40 minit kita telah gunakan untuk membahaskan masalah sukan. Kita perlu jumpa belia lagi. Belia belum sampai lagi.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ya, kita akan jumpa belia sekejap lagi, kalau Yang Berhormat benarkan, tetapi banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya sudah jawab tadi dan saya harap bahawa perkara-perkara seperti itu kalau Yang Berhormat bangkitkan dalam perbahasan, senang saya gulung, tetapi dalam keadaan penggulungan sekarang ini tidak wajar untuk perkara-perkara seperti itu dibangkitkan.

Saya beri ruang peringkat awal, tetapi banyak perkara yang saya sudah bangkitkan dari segi dasar tadi dan saya tidak ingin untuk mengulanginya.

Kembali kepada prasarana tadi, selain daripada sukan-sukan tradisional yang saya sebutkan tadi, badminton, takraw, ping pong dan sebagainya, sukan-sukan baru di mana kecenderungan atau minat golongan remaja dan belia di negara ini semakin meningkat merupakan aktiviti-aktiviti rekreasi sukan lasak atau extreme games, dengan izin, sukan bermotor, sukan mendaki gunung, mountain biking, soccer, skate-ball dan go-cart, semuanya kita sedang mengkaji dan meneliti.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sememangnya bidang untuk menarik penglibatan anak muda kita dan memastikan masa lapang mereka diisi dengan aktiviti-aktiviti yang boleh memanfaatkan mereka merupakan satu tugas yang sedang dilihat oleh kementerian sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi atau tidak?

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Oh, Tan Sri, saya rasa 15 minit lagi, Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** 15 minit? Oh!

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** 15 minit, kalau tidak diganggu. Tan Sri Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Rakan Muda.....

**Beberapa Ahli:** Tun, Tun Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, nama apa pun jika ros itu, dia bau, bau jugalah. *[Ketawa]*

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kenyataan oleh Yang Berhormat bagi Penampang bahawa program Rakan Muda gagal menepati objektifnya, saya rasa tidak tepat. Kita tahu bahawa program Rakan Muda telah berjaya mendampingi lebih daripada 2.3 juta anak muda Malaysia melalui kira-kira 261,000 aktiviti gaya hidup di pelbagai peringkat. Walaupun kita menghadapi pelbagai rintangan termasuk kekangan dari segi kakitangan dan peruntukan semasa krisis ekonomi, saya ingin merakamkan di sini bahawa kementerian serta penggerak-penggerak program ini, telah bertungkus lumus bekerja mempertahankan program rakan muda ini terus hidup.

Tetapi saya sedar, bahawa kelemahan dan kekurangan terdapat dari segi pelaksanaannya. Kita bersetuju pelaksanaan program Rakan Muda perlu diperbaiki tetapi pada masa yang sama ini tidak bermakna bahawa objektif konsep falsafah dan wawasan rakan muda itu tidak relevan.

Sebab itu, saya dan rakan-rakan telah pun membuat keputusan bahawa kita tidak akan mengetengahkan program baru. Kita akan mempertahankan objektif wawasan dan juga matlamat Rakan Muda itu tetapi dengan semangat baru, dengan

imej baru, dengan pendekatan baru dan kita harap bahawa Rakan Muda alaf baru ini dapat dilancarkan pada bulan Januari tahun depan dan ini dapat diisi melalui input daripada golongan muda itu sendiri dapat dilaksanakan oleh generasi muda itu sendiri dan untuk orang-orang muda itu sendiri.

Dan saya harap kita dapat memastikan kali ini program Rakan Muda ini dapat sampailah ke peringkat akar umbi. Ya, sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Fasal Tun kata pesan tak boleh ketuk ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan ketuk ya, ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya pun tak tahu macam mana dalam Dewan ini, ini barang import ya Tun ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya barang import.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tak ada barang tempatkan Tun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak ada.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Oh, lain kali cadangkan dapatkan barang tempatan Tun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sesiapa hendak buka kedai, bolehlah.  
[Ketawa]

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dalam Rakan Muda ini Yang Berhormat kata hendak buat hala baru, pendekatan baru, new directions, buatlah cepat-cepat, cuma satu sahaja yang saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri ini, bahawa pada 11 haribulan yang lepas, hari Sabtu, malam minggu yang lalu, di depan mata saya, saya lihat sendiri di depan Bintang Walk, ada masa sedikit duduk itu, pertembungan dua kumpulan anak muda ini Melayu, satu dia panggil the underground ini – yang botak kepala ini, satu the punk, the skin ini. Dalam 400 orang, 200 orang dalam keadaan yang itu dan saya lihat bahawa ini become a real track to the society, dengan izin.

Jadi, saya rasa bahawa apa pun bentuklah, abad baru ini seslesaikanlah cepat masalah Rakan Muda ini supaya kumpulan the skin and the punk ini boleh dihapuskan dalam budaya anak-anak Melayu ini.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tun Yang di-Pertua, saya minta maaf tadi, panggil gelaran Tan Sri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tak apalah.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat, sememangnya cara bagaimana untuk menyelesaikannya ialah untuk kita mendampingi kumpulan ini sama ada botak, skin, punk atau apa, yang paling penting ialah kita memahami apa sebenarnya dan mendampingi mereka supaya ianya dapat diselesaikan. Sebab itu saya sentuh berkaitan dengan aktiviti-aktiviti baru, mereka ini mungkin tidak minat dengan aktiviti lapuk, program-program yang mungkin tidak sesuai dengan suasana tuntutan semasa dan saya lihat sebagai contoh, extreme sports di mana ini merupakan input baru, di situlah kita lihat anak-anak muda kita sama ada botak, dengan subangkah, dengan cara gaya mereka pun tetapi saya mendapati kalau kita dampingi mereka, Rakan Muda ini mampu mengetengahkan bukan sahaja aktiviti untuk mengisi kekosongan dalam kehidupan mereka tetapi pada masa yang sama menyuntik nilai-nilai murni.

Tetapi supaya kita tidak jatuh dalam perangkap semasa Rakan Muda dilancarkan awal-awal dahulu, bahawa kita lihat Rakan Muda ini sebagai satu formula atau satu pendekatan yang boleh menyelesaikan semua gejala sosial – mustahil. Dan program Rakan Muda dirangka sebagai satu instrumen yang bersifat penghindaran bagi mengalih penglibatan golongan remaja dan belia menyertai kegiatan yang tidak sihat. Sesungguhnya itulah tugas kita dan pendekatan dan juga sumbangan untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam tadi memerlukan penggemblengan daripada institusi terutamanya institusi keluarga dan masyarakat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi yang menyatakan bahawa peranan ibu bapa dalam membantu atlet-atlet kita mencapai kecemerlangan ialah merupakan satu faktor yang begitu penting sekali. Sila.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Rakan Muda yang dilancarkan, yang sedang berjalan sekarang ini, banyak diperkatakan bahawa terdapat program-program yang tidak menepati kehendak, semangat anak-anak muda itu sendiri. Saya ucapkan tahniah

kerana satu bentuk Rakan Muda Alaf Baru akan dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Saya ingin tahu penjelasan daripada Menteri, sejauh mana penglibatan persatuan-persatuan anak-anak muda ini, belia-belia ini dilibatkan dalam merancang aktiviti-aktiviti baru dalam Rakan Muda Alaf Baru ini. Kerana saya yakin bahawa sebilangan besar masyarakat, rakyat Malaysia ini tidak ingin melihat pencapaian impak kepada belia terhadap program-program Rakan Muda Alaf Baru ini, tidak mencapai kepada sasaran yang kita kehendaki. Sejauh mana mereka ini dilibatkan dalam perancangan oleh kementerian. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Itulah satu-satunya sebab kerana Rakan Muda ini mengambil masa sedikit untuk kita lancarkan dengan pendekatan baru. Saya dan rakan-rakan dalam kementerian telah membuat keputusan bahawa Rakan Muda Alaf Baru ini harus mengambil kira pandangan generasi muda. Satu-satu kaedah rasmi yang telah kita wujudkan ialah melalui majlis-majlis perundingan belia, di mana kita telah wujudkan di peringkat pusat dengan penglibatan persatuan-persatuan belia, majlis ini telah pun bersidang dua kali dan pandangan-pandangan persatuan-persatuan belia dalam pengisian Rakan Muda Alaf Baru ini telah pun diambil kira.

Di peringkat negeri juga, Majlis-majlis Perundingan Belia telah pun diwujudkan dan telah pun bersidang. Saya harap dengan pelancaran bulan Januari tahun depan ini, ianya dapat digerakkan oleh persatuan-persatuan dan majlis secara rasmi. Secara tidak rasmi, *website* yang telah dilancarkan bulan lepas, sekarang ini *head* yang kita sudah ditunjukkan tidak kurang dari 800,000 *heads* di atas website Rakan Muda Alaf Baru. Pada masa yang sama, sukarelawan-sukarelawan berjumlah setakat hari ini yang baru, yang telah berdaftar melalui *online* berjumlah 1,800 sukarelawan baru, tidak kira 5,000 yang ada dalam Rakan Muda dahulu.

Jadi, harapan saya dengan kaedah baru ini ialah suatu pendekatan di mana sukarelawan-sukarelawan kita merupakan pemangkin. NGO, pihak swasta dan juga kementerian-kementerian yang berkaitan dengan pembangunan belia, dapat digembleng tenaganya sebagai rakan-rakan tulen kepada pembangunan anak-anak muda kita melalui program Rakan Muda. Insya-Allah, dengan pendekatan itu kita

dapat mendengar pandangan dan *feedback*. *Extreme sports* tidak mungkin dapat kita ketengahkan sekiranya ianya tidak disuarakan oleh anak-anak muda sendiri dan kita memikirkan bahawa *extreme sports* ini merupakan satu aktiviti sukan yang boleh mengisi masa lapang anak-anak muda kita khususnya di bandar-bandar.

Dengan pendekatan kita dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai contoh, tapak-tapak tempat untuk mengadakan lokasi-lokasi sukan ekstrem ini telah pun dikenal pasti, syarikat swasta untuk membantu aktiviti ini telah pun tampil ke hadapan dan pada masa yang sama sukarelawan-sukarelawan yang berminat dengan sukan ekstrem sports ini pun telah kita kenal pasti. Ini satu aktiviti, sebagai satu contoh.

Saya harap idea-idea lain yang datangnya dari generasi muda memanglah merupakan satu faktor yang begitu penting. Saya telahpun menyediakan ruang saluran, rangkaian secukupnya supaya golongan muda dapat tampil ke hadapan memberitahu kepada kita, kehendak mereka dan program-program yang mereka ingin kita laksanakan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya lebih banyak peruntukan di salurkan kepada badan-badan bukan kerajaan yang mampu menyumbang ke arah mewujudkan masyarakat penyayang, sukacita saya memaklumkan bahawa perkara tersebut sememangnya dalam perancangan yang disusun dalam program Rakan Muda Alaf Baru di mana rakan tulen NGO merupakan sebuah komponen penting di dalam program ini. Peruntukan kepada badan-badan bukan kerajaan akan disalurkan melalui program Rakan Muda ini dan jumlahnya akan tertakluk kepada kesesuaian dan sumbangan NGO ini berikan kepada masyarakat dan juga generasi muda.

Kementerian menyeru badan-badan yang berkaitan untuk tampil ke hadapan menjadi rakan tulen NGO dalam program Rakan Muda Alaf Baru ini – ada masa lagi dan saya rasa kalau program ini dapat kita teruskan secara berterusan, bermakna banyak ruang untuk mereka yang betul-betul ingin berbakti untuk bersama-sama dalam usaha kita untuk menjayakan program Rakan Muda itu.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Kapar supaya risalah-risalah program Rakan Muda dicetak dalam Bahasa Tamil dan diedarkan kepada persatuan-

persatuan belia Tamil di seluruh negara telah pun dilakukan dan kita beri pertimbangan yang sewajarnya cadangan Yang Berhormat supaya penganjuran aktiviti Rakan Muda diperluaskan seperti di estet-estet telah pun dilancarkan melalui program Rakan Muda sektor Lembaga Kemajuan Tanah pada bulan Jun tahun 1999 di negeri Pahang.

Pada masa yang sama, di bawah Program Rakan Muda Alaf Baru ini, sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian sememangnya akan mempertingkatkan penganjuran aktiviti-aktiviti Rakan Muda di estet-estet, di Lembaga Kemajuan Tanah, kawasan perumahan, pusat membeli-belah, di kilang-kilang, di kawasan-kawasan tumpuan golongan remaja.

Saya harap golongan-golongan sasar telah pun kita kenal pasti dan sekiranya kita hendak bawa program ini ke peringkat akar umbi, kita kena pastikan unit-unit Rakan Muda yang akan dianggotai dan dilaksanakan oleh sukarelawan-sukarelawan anak-anak muda itu sendiri dapat diwujudkan di setiap daerah, di setiap kilang, di setiap sekolah. Dan, sekiranya ini berlaku dengan sokongan, bantuan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa kita dapat bantu dalam usaha kita semua mengatasi gejala-gejala sosial yang menimpa dan menular pada masyarakat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat bagi Gelang Patah supaya satu kajian dibuat untuk mewajibkan semua remaja dalam lingkungan 18 ke-20 tahun mengikuti program National Service, kita telah pun memberi perhatian. Tetapi pada ketika ini kerajaan belum melaksanakan Program National Service kerana pada pandangan kementerian, pendekatan tersebut tidak begitu sesuai dengan suasana politik negara dan juga pelaksanaannya melibatkan kos yang besar kerana tidak semua sebenarnya golongan remaja berpotensi menimbulkan masalah sosial.

Sebagai alternatif, kementerian telah melaksanakan program Khidmat Sosial Negara semenjak tahun 1998 lagi. Ianya merupakan satu program printis di mana kita khususkan dan beri tumpuan kepada remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan program ini bertujuan untuk menanamkan sifat jati diri dan nilai-nilai mulia kepada remaja yang sedang menunggu keputusan SPM mereka.

Sebagai *pilot program* atau program perintis saya percaya program khidmat sosial ini telah pun berjaya tetapi jumlah yang kita mampu membiayai melalui

program ini begitu kecil sekali, 1000 orang setiap tahun dengan aktiviti daripada *experimental module* dan 20% daripada bersifat ceramah, saya rasa ini harus diperhebatkan lagi. Daripada *feedback* yang kita terima, maklum balas yang kita terima dan kementerian bercadang untuk meningkatkan penyertaan kepada semua pelajar lepasan SPM di seluruh negara untuk mencintai program ini dan inilah yang dekat sekali dengan cadangan Yang Berhormat tadi untuk mengadakan satu *national service program*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Arau bangun.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, sekarang ini ada satu sindrom yang membimbangkan kita. Kita dapati bahawa anak-anak muda kita kaum lelaki dari segi pelajarannya, dari segi sikapnya harus satu tindakan diambil kerana mereka yang lepasan SPM disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tergolong daripada golongan-golongan yang saya sebutkan tadi dan kita merasakan kebimbangan kepada jati diri dan kekuatan mereka sebagai anak muda dalam negara kita. Apakah program yang dibuat oleh kementerian bagi melakukan *correction*, dengan izin bagi generasi yang ada ini dan mungkin bagi anak-anak kecil, tanggungjawab kita bersama ibu bapa untuk melihat isu ini tetapi bagi pelajar-pelajar yang lepasan SPM yang kita sudah lihat sekarang ini bahawa sikap mereka, tanggungjawab mereka, pencapaian mereka agak membimbangkan. Apakah satu tindakan yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Golongan ini yang lepasan SPM jatuh di bawah golongan mereka yang terlibat di dalam program Rakan Muda dan sebelum kita memikirkan khusus kepada golongan ini, saya harap kita dapat jayakan program Rakan Muda Alaf Baru ini dulu dan setakat ini Program Khidmat Sosial ini sahaja yang sedia ada yang boleh membantu khusus kepada golongan seperti yang saya sebutkan tadi, jumlahnya begitu kecil sekali.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Minta maaf Tun. Saya hendak mencelah, yang saya sebutkan tadi anak muda lelaki. Apa program khusus untuk anak-anak muda remaja lelaki yang kita dapati sekarang ini begitu menurun dari segi

prestasi dan amat membimbangkan. Satu *correction*, dengan izin perlu dilakukan supaya keadaan sekarang ini di mana Yang Berhormat kita tahu dari segi pendidikan nampaknya remaja lelaki kita tidak begitu baik dari segi keputusan peperiksaan, dari segi jati diri, kesungguhan, ini memang banyak diperkatakan. Saya bukan mengatakan perkara ini kerana saya wanita sebenarnya sebagai wanita saya juga bimbang keadaan ini.

Jadi apakah tindakan ataupun langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian untuk kita mengatasi masalah ini supaya remaja lelaki kita terutama lelaki Melayu kita menjadi sebagai warganegara yang benar-benar teguh dan ada kekuatan untuk menghadapi alaf baru ini. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya rasa program-program kementerian setakat hari ini tidak membezakan dari segi jantina dan pandangan Yang Berhormat akan saya ambil maklum dan cuba memikirkan penekanan dan kebimbangan Yang Berhormat tetapi tugas saya selaku Menteri Belia dan Sukan dan tugas Kementerian untuk mengatasi gejala sosial sebenarnya terhadap kepada umur dan golongan-golongan generasi muda yang jatuh di bawah golongan had umur ini, tidak bergantung kepada jantainya tetapi saya ambil maklumlah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Pembangunan badan bukan kerajaan (NGO). Teguran Yang Berhormat bagi Gelang Patah bahawa proses pemberian bantuan kewangan kepada badan-badan bukan kerajaan, NGO agak lambat akan diteliti. Sukacita saya memaklumkan bahawa proses pemberian bantuan kewangan kepada badan-badan NGO ini perlu mematuhi syarat dan peraturan tertentu. Di antara syarat yang perlu dipatuhi bagi pemberian bantuan pentadbiran, pihak NGO diminta terlebih dahulu mengemukakan laporan kewangan pertubuhan bagi tahun sebelumnya.

Kementerian mendapati kelewatan urusan proses bantuan kewangan ini sebahagian besarnya disebabkan kegagalan pihak NGO menyediakan laporan kewangan pertubuhan masing-masing.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena mencadangkan supaya kementerian mengkaji semula Dasar Sukan Negara dalam usaha meningkatkan penglibatan pelajar-pelajar sekolah.

Sukacita saya nyatakan di sini bahawa Dasar Sukan Negara telah pun merangkumi keperluan dan usaha untuk meningkatkan penglibatan pelajar-pelajar sekolah dan IPT dalam acara-acara sukan dan kementerian sedang memikirkan cara bagaimana pendekatan yang sedia ada ini dapat dipertingkatkan lagi seperti saya sebutkan berkaitan dengan keputusan Jemaah Menteri pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Larut supaya kementerian menilai semula perbelanjaan untuk melatih atlet dengan memberi tumpuan kepada sukan-sukan yang berupaya meraih pingat walaupun Yang Berhormat bagi Tumpat tidak bersetuju, sukacita saya menjelaskan bahawa pendekatan ini... *[Ketawa]* ....sememangnya telah dilaksanakan oleh kementerian. Sebagai contoh, Majlis Sukan Negara telah pun melaksanakan program pembangunan sukan pilihan yang menumpukan kepada 14 jenis sukan iaitu badminton, renang, olahraga, skuasy, boling, lumba basikal, memanah, sepak takraw, menembak, golf, perahu layar, gimnastik, angkat berat dan hoki.

Program untuk melahirkan atlet yang berkemampuan memenangi pingat di peringkat sukan antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, memerlukan usaha yang bersungguh-sungguh dan berterusan serta memerlukan peruntukan kewangan yang agak tinggi. Sehubungan dengan ini kerjasama yang jitu dari pelbagai pihak seperti yang saya sebutkan tadi, persatuan, Kementerian Pendidikan, ibu, bapa, para atlet sendiri merupakan prasyarat kepada kejayaan program untuk melahirkan atlet-atlet yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan juga cadangan kepada kementerian. Sekian. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Yang Berhormat panjang atau tidak?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S. Veerasingam]:** 20 minit,

**Tuan Yang di-Pertua:** 20 minit Yang Berhormat ya, jikalau kita sudah pada 8.30...

**Dato' S. Veerasingam:** Jikalau tidak ada gangguan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**7.53 mlm.**

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001.

Seramai 13 Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu kementerian iaitu Yang Berhormat bagi Sipitang, Yang Berhormat bagi Penampang, Yang Berhormat bagi Rasah, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat bagi Jelutong, Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Yang Berhormat bagi Teluk Intan, Yang Berhormat bagi Bachok, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, Yang Berhormat bagi Saratok, Yang Berhormat bagi Padang Terap dan Yang Berhormat bagi Klang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan mengenai strategi yang telah diatur oleh kementerian untuk memupuk dan meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi nasional. Untuk makluman Yang Berhormat bagi meningkatkan lagi perpaduan kaum dan integrasi nasional di Malaysia, kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara telah menyusun strategi-strategi berikut; menggalakkan rakyat daripada pelbagai kaum di negara ini berinteraksi dalam aktiviti-aktiviti perpaduan bagi memupuk dan mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dan memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan rakyat menerusi aktiviti-aktiviti yang menjurus ke arah mengukuhkan semangat perpaduan dan integrasi nasional. Perlaksanaan strategi-strategi ini adalah melalui program-program seperti sambutan Hari Perpaduan, kempen menggalak mengibarkan bendera Jalur Gemilang, Kuiz Bina Bangsa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, sayembara cerpen remaja perpaduan, penerbitan majalah perpaduan dan program lawatan integrasi.

Kementerian sedar bahawa perpaduan negara adalah unsur pertama dalam pembentukan kestabilan negara, perpaduan yang sejati tanpa rasa prejudis antara semua kaum adalah matlamat kementerian, kerajaan dan rakyat pada amnya. Di atas

prinsip ini kementerian saya berpendapat pemupukan elemen perpaduan harus disemai se awal yang mungkin iaitu di peringkat pra sekolah lagi.

Justeru itu kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara telah mengambil langkah-langkah berkesan ke arah pembinaan generasi Malaysia yang harmoni melalui penubuhan kelas-kelas tabika perpaduan. Sehingga kini sebanyak 1165 buah kelas tabika perpaduan terdapat di seluruh negara yang melibatkan seramai 33,558 orang kanak-kanak dari pelbagai keturunan.

Kementerian juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Saratok yang membangkitkan mengenai sentimen-sentimen agama yang sering dimainkan oleh golongan-golongan tertentu yang boleh mencetuskan perasaan tidak senang oleh penganut-penganut agama lain. Kementerian ingin menasihatkan semua pihak supaya menjauhkan daripada menyentuh isu-isu yang boleh mencetuskan perasaan perkauman dan kebencian antara kaum di Malaysia. Ingatlah bahawa Malaysia yang kita bina ini telah melalui berbagai-bagai peristiwa perkauman yang menyedihkan seperti 13 Mei 1969 dan seumpamanya. Oleh itu marilah kita bersama-sama mengekalkan suasana muhibah dan keamanan yang dinikmati sekarang.

Mengenai cadangan penggunaan IT (Information Technology) dalam penggalakan perpaduan seperti mewujudkan sahabat pena melalui e-mel oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang. Kementerian saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk mewujudkan sahabat pena pelbagai bangsa melalui e-mel.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jelutong, Teluk Intan dan Kelang telah membangkitkan mengenai perpaduan kaum dan pengwujudan 'Bangsa Malaysia'. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk mencapai matlamat pembentukan 'Anak Malaysia', perkara asas yang perlu ditangani untuk mengukuh dan memantapkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kumpulan etnik di negara ini di mana anak Malaysia dari semua kaum dapat bercampur gaul tanpa rasa apa-apa prejudis dan penuh rasa harmoni. Dalam konteks ini, kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara menggunakan empat strategi utama, iaitu:-

- (i) penggalakan perpaduan melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan;

- (ii) pencegahan ke atas sebarang konflik melalui aktiviti penyelidikan dan pemantauan;
- (iii) pencelahan - kementerian akan mewujudkan kumpulan *mediator* untuk menyelesaikan konflik di peringkat akar umbi; dan
- (iv) strategi pemulihan terutama di kawasan yang baru menghadapi konflik.

Sungguhpun demikian, pembentukan 'Bangsa Malaysia' memerlukan penglibatan komitmen dan sokongan yang bersungguh-sungguh daripada semua lapisan masyarakat kerajaan, NGO, swasta dan parti-parti politik sama ada kerajaan atau pembangkang dan sebagainya. Dalam hal ini, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Jelutong bahawa tugas mengawal dan mewujudkan perpaduan bukan sahaja terletak kepada tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semata-mata tetapi usaha ini perlu dipikul oleh semua agensi dan setiap lapisan masyarakat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, niat murni untuk merealisasikan pembentukan 'Bangsa Malaysia' atau 'Anak Malaysia' amat disanjung oleh kementerian. Itulah matlamat kementerian dan kerajaan semenjak 40 tahun yang lampau, iaitu semenjak negara mencapai kemerdekaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Sipitang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' S. Veerasingam:** Biar saya habiskan satu ini dahulu. Sesungguhnya pencapaian hasrat ini haruslah dipikul bersama oleh semua bangsa di Malaysia. Saya yakin usaha ini sukar untuk dijayakan jika tanggungjawab dan peranannya semata-mata diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sahaja.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat dan kesungguhan kementerian untuk merapatkan hubungan dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan saya setuju juga bahawa ini bukan sahaja tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara. Sekarang ini kita di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dipisahkan oleh Laut China Selatan yang luas.

Masalah pula sekarang, tiap-tiap minggu saya balik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bila saya naik kapal terbang, saya melihat muka yang lebih kurang sama juga di situ. Ertinya tidak ada muka-muka baru yang datang ke Semenanjung dan yang balik, sama ada kumpulan peniaga, orang politik. Begitu kurang orang kampung. Lebih-lebih lagi sekarang ini bila MAS ingin menaikkan tambang kapal terbang, *gap* ini akan menjadi lebih besar.

Apakah Yang Berhormat ada cadangan-cadangan lain untuk merapatkan lagi perhubungan ini, misalnya kita hidupkan semula Feri Malaysia supaya lebih ramai orang Semenanjung datang ke Sabah dan orang Sarawak datang ke Semenanjung supaya lebih rapat.

Dan juga yang dikatakan Yang Berhormat tadi bahawa pada masa ini keadaan perpaduan semua kaum ini lebih sensitif sekarang ini. Bila kita membuat seperti yang saya katakan Hari Keluarga misalnya yang dikatakan Yang Berhormat tadi, Hari Keluarga UMNO, Hari Keluarga Pembangkang parti-parti lain, Hari Keluarga jabatan, ini menggalakkan perkumpulan yang lebih spesifik, lebih terasing lagi. Apakah tidak kita kembalikan semula hari keluarga satu rumpun misalnya, merapatkan hubungan tanpa memilih parti, tanpa memilih apa-apa asal usul dan sebagainya.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara. Mustahak bagi kita semua apabila kita ada apa sahaja upacara, biar Hari Keluarga UMNO, Hari Keluarga PAS dan Hari Keluarga KeADILan, DAP, atau mana-mana sahaja, apabila kita ada upacara dan lain-lain dalam perhimpunan itu, kita mesti memastikan bahawa kita memberitahu kepada orang ramai tentang pentingnya perpaduan. Kita tidak mencaci sesiapa dan kita memberitahu dan menasihatkan supaya kita tidak keluar daripada undang-undang yang ada dalam negara ini. Ini mustahak untuk menentukan perpaduan kita semua.

Bagi satu lagi pertanyaan Yang Berhormat tentang tindakan kementerian saya berkaitan dengan integrasi daripada Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, pagi ini saya ada menjawab soalan berkaitan dengan hal ini dan program utama kita adalah program integrasi di mana kita membawa ramai

orang-orang kampung ke Sabah, Sarawak, Labuan dan lain-lain dan juga orang daripada Sarawak, Sabah datang ke Semenanjung Malaysia tinggal bersama-sama orang kampung.

Kita juga kenakan bayaran istimewa, disebut '*integrasi fare*' yang diberi oleh MAS. Apabila MAS kata hendak naikkan harga, kementerian saya juga telah meminta kepada MAS supaya jangan naikkan harga bayaran untuk kapal terbang antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia kerana kita mahu ramai orang daripada ketiga-tiga tempat ini supaya melawat di antara satu sama lain demi perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rasah menyeru supaya warga tua dibekalkan dengan ilmu dan pengetahuan dalam bidang kesihatan dan pendidikan panjang umur. Kementerian saya bersetuju dan mengucapkan terima kasih di atas saranan bernas daripada Yang Berhormat. Sebenarnya melalui Dasar Warga Tua Negara yang telah diluluskan oleh kerajaan pada tahun 1995 telah menjadi penggerak utama kepada semua lapisan masyarakat untuk memberi perhatian sewajarnya kepada warga tua.

Satu pelan tindakan Dasar Warga Tua Negara yang bersepadu dan menyeluruh telah disediakan bagi melaksanakan Dasar Warga Tua Negara. Pelan tindakan ini mengandungi cadangan, tindakan, program serta aktiviti-aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh setiap agensi pelaksana sama ada agensi kerajaan, swasta, NGO, pemimpin masyarakat dan juga individu.

Kementerian suka menjelaskan bahawa apa yang disarankan oleh Yang Berhormat supaya warga tua dan pesara-pesara mendapat pengetahuan dalam aspek penjagaan kesihatan, pendidikan panjang umur atau amalan gaya hidup sihat telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian. Sebagai contoh, melalui Jawatankuasa Kecil Kesihatan di bawah pelan tindakan Dasar Warga Tua Negara terdapat 21 program aktiviti yang telah disenaraikan. Di antaranya, seperti pendidikan kesihatan, kemudahan peralatan bantuan diri, skim insentif keluarga dan latihan cara hidup sihat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara supaya kerajaan memperbanyakkan pusat jagaan warga tua, penyediaan

tempat-tempat rekreasi bagi warga tua, kementerian saya bersama-sama kerajaan-kerajaan negeri dan badan-badan sukarela pada hakikatnya sentiasa mengutamakan kebajikan warga tua agar sentiasa terjaga termasuk ke atas isu-isu yang dibangkitkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 237 buah pusat jagaan warga tua dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan atau Rumah Sejahtera yang ditadbirkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, kerajaan-kerajaan negeri atau NGO-NGO. Di samping itu, kementerian juga memperkenalkan perkhidmatan penjagaan harian kepada warga tua yang dikenali sebagai Pusat Harian Warga Tua di sembilan Rumah Seri Kenangan di seluruh Malaysia.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya berminat dengan soalan penjagaan warga tua ini bahkan saya tiap-tiap sesi perbincangan saya pernah membangkitkan mengatakan iaitu penjagaan kepada anak-anak iaitu daripada anak itu dilahirkan adalah yang terbaik di dunia di negara kita. Walaupun kita sudah mempunyai dasar tetapi pelaksanaan dasar untuk menjaga warga tua itu semua kita akan jadi tua, Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini tidak mencukupi. Belum mencukupi pada masa ini. Saya masih menyelidik satu pergerakan di Kuala Lumpur ini dan saya telah disarankan oleh pihak yang berkuasa di Sarawak untuk melihat sama ada kita boleh bawa perkara itu ke Kuching dulu ataupun di tempat lain. Umpamanya tempat rekreasi di mana warga tua ini berjumpa dan bercampur gaul sesama sendiri.

Umpamanya dulu di Kuching, Yang Berhormat, ada satu bangunan nama dia Eleetra House. Banyak orang tua sampai 30 hingga 40 orang berkumpul di situ, sampai tempat laluan pun tidak dapat. Jadi orang kata orang tua pun sudah melepak sekarang sebab masalahnya oleh kerana orang tua ini tidak ada tempat, mereka main mahjongkah, main itukah atau bercerita hal agama dan sebagainya tidak ada. Kalau adapun disimpan tempat yang jauh-jauh. Orang tua ini sudah tidak boleh goyang basikal lagi. Tidak boleh goyang basikal. Hendak naik bas pun susah. Jadi kena tempat yang strategik. Ini saya masih menyelidik dan macam mana kementerian

boleh menyokong daripada sumber segi kewangan kalau benda ini direalisasikan nanti. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya juga berhasrat melalui Jabatan Perpaduan Negara untuk mengadakan satu tempat rekreasi bagi warga tua di semua bandar-bandar dan juga digalakkan sekarang di bawah Rukun Tetangga ada satu bahagian di mana anak-anak semasa mereka pergi kerja mereka boleh hantar bapa atau emak ke tempat itu di mana ada warga tua di situ di mana mereka boleh baca, boleh main mahjong ataupun boleh bercerita sampai anak balik dari kerja dan bawa balik ibu bapa. Seperti sekarang di mana orang yang bekerja hantar anak-anak kepada tempat asuhan, serupa macam itu tetapi satu tempat di mana warga tua ada masa dan peluang untuk bercampur gaul dan juga boleh memberi banyak sumbangan untuk pembangunan negara kerana warga tua mereka adalah orang-orang yang ada banyak pengalaman dan pengalaman ini boleh digunakan untuk kepentingan semua warga tua.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian berpendapat bahawa dengan kemudahan-kemudahan tempat jagaan warga tua yang sedia ada pada masa ini adalah mencukupi bagi menampung kebajikan dan perlindungan kepada warga tua. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian saya telah menyediakan kemudahan-kemudahan tempat rekreasi kepada golongan ini khasnya di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Penghuni adalah digalakkan untuk turut serta dalam pelbagai jenis riadah dengan tujuan untuk menjaga serta memperbaiki kesihatan, memenuhi masa lapang, mewujudkan perhubungan dan persaudaraan di kalangan penghuni.

Berkenaan dengan syor Yang Berhormat ke atas pemberian geran kepada NGO secara dollar to dollar, dengan izin, kementerian saya sebenarnya telah dan sedang mengkaji kaedah pemberian bantuan geran kepada NGO yang benar-benar berkesan dalam memberikan khidmat kepada kumpulan sasaran termasuklah kaedah pemberian geran secara dollar to dollar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Penampang telah mencadangkan supaya kementerian dan kerajaan memperkenalkan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan positif untuk golongan remaja dan generasi muda. Untuk makluman Yang Berhormat, memang menjadi tanggungjawab kementerian saya dan kerajaan untuk

melahirkan masyarakat Malaysia terutama sekali generasi muda yang memiliki nilai-nilai murni dan cemerlang. Pada masa ini kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama-sama dengan NGO-NGO telah menjalankan berbagai program dan aktiviti yang bermatlamatkan untuk melahirkan generasi insan kamil. Perlu ditegaskan bahawa pembentukan generasi yang sempurna tidak akan dapat dilahirkan tanpa penglibatan dan kerjasama semua pihak terutama ibu bapa, institusi masyarakat, institusi pendidikan, NGO, kerajaan dan seumpamanya.

Mengenai perluasan instrumen Social Impact Assessment (SIA) yang harus merangkumi kesan globalisasi ke atas manusia, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama, kementerian saya pada dasarnya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat memandangkan cadangan SIA masih di peringkat perancangan maka elemen-elemen baru termasuk impak globalisasi ke atas manusia akan diambil kira dalam skop SIA.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah mencadangkan supaya mana-mana pihak atau individu yang menderma peralatan untuk orang kurang upaya dapat membuat tuntutan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian peralatan untuk orang-orang kurang upaya seperti kerusi roda dan sebagainya adalah diberikan kepada orang kurang upaya yang berkelayakan dan yang benar-benar memerlukan bantuan alatan tersebut pada setiap masa. Semua peralatan akan dibekalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kementerian juga amat menggalakkan mana-mana individu yang bermurah hati untuk menderma peralatan kepada golongan ini dan sikap ini bersesuaian dengan pembentukan masyarakat penyayang. Sungguhpun demikian, pada masa ini kementerian tidak bercadang untuk membenarkan mana-mana pihak yang menderma peralatan orang kurang upaya membuat tuntutan kerana peralatan-peralatan tersebut akan diberikan percuma kepada mana-mana orang kurang upaya yang memerlukan. Kementerian saya amat bersetuju dan berterima kasih di atas langkah murni yang diambil oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang menderma peralatan untuk orang-orang kurang upaya.

Berkenaan dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Selangor supaya kementerian mengkaji semula bantuan yang diberi kepada orang kurang

upaya, kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa prihatin terhadap kebajikan orang kurang upaya di negara ini. Pelbagai skim bantuan yang telah disediakan kepada golongan ini misalnya seperti elaun kerja cacat, bantuan alat tiruan dan bantuan geran pe lancaran. Pada tahun 1997 Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melakukan kajian semula terhadap semua skim bantuan kewangan kepada golongan ini. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, Jemaah Menteri telah pun meluluskan kenaikan kadar elaun tersebut dari RM70 kepada RM100 sebulan mulai Januari tahun 2000 supaya menepati keperluan orang kurang upaya dan bersesuaian dengan perkembangan ekonomi semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bachok telah menyentuh tentang pemberian tanah kepada masyarakat Orang Asli di Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini negeri Kelantan hanya memberikan 1.66 hektar tanah kepada 38 individu Orang Asli. Sungguhpun begitu, hak milik ini dikeluarkan semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional di Kelantan. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah memohon untuk merizabkan 12,200 hektar tanah untuk Orang Asli tetapi kerajaan Kelantan hanya meluluskan sebanyak 3,953.52 hektar tetapi belum diwartakan sebagai tanah rizab Orang Asli. Kementerian saya merayu supaya kerajaan negeri Kelantan meluluskan dan mewartakan semua permohonan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli demi kepentingan masa hadapan masyarakat Orang Asli di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan mengenai masalah gejala sosial di kalangan remaja. Beliau telah mempersoalkan pemberian RM2 juta kononnya ianya diberi kepada MCA untuk menangani masalah pil ecstasy.

Yang Berhormat Bukit Mertajam juga membangkitkan mengenai gejala sosial di kalangan kaum India yang dikatakan antara yang paling tinggi di negara dan mempertikaikan peranan parti-parti komponen Barisan Nasional khususnya MIC dalam hal ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sepatutnya mengucapkan terima kasih kepada MCA di atas usaha parti berkenaan membantu kerajaan khususnya kementerian saya dengan mengambil beberapa langkah positif untuk membanteras berlakunya gejala sosial yang berkaitan dengan

penggunaan pil Ecstasy di kalangan masyarakat, khasnya kaum Cina. Adalah amat tepat daya usaha yang dilakukan oleh MCA sebagai parti yang membela kaum Cina dan turut sama membanteras gejala -gejala yang tidak sihat daripada terus menular di kalangan remaja Cina dan juga kaum lain. Adakah DAP tidak berpuas hati dan marah kepada MCA kerana ingin membantu kaum Cina?

Kementerian saya merakamkan ucapan terima kasih di atas daya usaha parti MCA dan mana-mana pihak yang terbabit bagi mengatasi masalah-masalah sosial seperti penggunaan pil Ecstasy di kalangan masyarakat ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, ada yang bangun ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya minta penjelasan ya. Mengapakah perlu diberikan peruntukan sebanyak RM2 juga untuk memberi kesedaran mengenai bahayanya pil Ecstasy? Bukankah lebih mudah jika Kementerian Dalam Negeri menjalankan tanggungjawabnya, dengan menutup tempat-tempat yang tidak sihat. Bukan kata MCA kah, DAP kah, saya rasa kalau Kementerian Dalam Negeri menjalankan tanggungjawab, perkara untuk RM2 juta itu tidak perlu. Tambahan pula, MCA adalah sebahagian komponen...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi fikiran Yang Berhormat. Minta penjelasan.

**Puan Fong Po Kuan:** Saya tanyalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha

**Puan Fong Po Kuan:** Apakah ini menunjukkan kelemahan dalam Kementerian Dalam Negeri yang mengakibatkan masalah sosial pada masa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang sebut kononnya RM2 juta diberi kepada MCA, bukan saya yang sebut itu. Adakah Yang Berhormat berpendapat tidak patut kerajaan memberi RM2 juta itu? Kalau tidak patut, beritahu tidak patut lah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang sama, MIC juga telah melancarkan banyak program melalui Yayasan Strategik Sosial untuk mengatasi masalah gejala sosial dan gengsterisme di kalangan kaum India. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya merangkap Presiden MIC telah membentangkan satu kertas kerja

berkaitan dengan gongsterisme dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet membanteras masalah sosial yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana sebanyak RM20 juta telah diluluskan untuk mengadakan beberapa program melalui PINTAS (Pelan Induk Tindakan Sosial) bagi tahun 2000 hingga 2004 untuk membanteras masalah sosial itu

Di samping itu, kementerian saya juga menganjurkan beberapa program pencegahan dan pemantapan institusi keluarga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perpaduan Negara khusus bagi membanteras masalah sosial di kalangan kaum India. Dalam hal menangani masalah sosial, kementerian saya sentiasa menumpukan usaha-usaha pencegahan di tempat-tempat yang mempunyai risiko tinggi seperti di kawasan setinggan, estet dan seumpamanya yang mempunyai ramai penduduk keturunan India. Di kawasan-kawasan ini juga ditubuhkan Jawatankuasa Kebajikan Juvana yang bertanggungjawab mengatur usaha-usaha pencegahan seperti ceramah motivasi, seminar, perkhemahan remaja, kem bina semangat, bimbingan moral dan kaunseling.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan sedikit respons kepada Yang Berhormat bagi Padang Terap yang telah menyentuh tentang kedudukan sosial mengikut kaum dalam negara kita. Mengikut pengagihan kekayaan, beliau menyebut bahawa 20% kelompok atasan di negara ini 33% adalah terdiri daripada kaum Cina, 24% adalah kaum India, 22% adalah kaum Melayu. Bagi golongan menengah, beliau sebut 40% golongan menengah, 46.5% adalah kaum Cina, 43.3% adalah India dan 38% adalah kaum Melayu. Dan bagi 40% golongan bawahan, kaum Cina hanya adalah 20%, kaum India adalah 28% dan kaum Melayu adalah 48%.

Yang Berhormat bagi Tanjong dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu semasa perbincangan soal jawab telah menyebut bahawa kaum India jauh ketinggalan berbanding dengan kaum lain dalam pembangunan. Ucapan Yang Berhormat bagi Padang Terap jelas menunjukkan kedudukan kaum India tidak seperti digambarkan oleh pihak pembangkang yang lain. Mana satu yang benar? Pada hari pertama, mengatakan bahawa orang India yang ketinggalan tetapi pada hari yang berikut pula mengatakan orang Melayu yang ketinggalan. Adakah hujah-hujah ini satu sandiwara kerana Pilihan Raya Kecil di Lunas? *[Disampuk]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kemiskinan adalah isu sejagat yang wujud dalam semua kaum di Malaysia. Atas dasar tersebut, kerajaan menjalankan usaha-usaha pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan latar belakang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kementerian saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan memberikan cadangan-cadangan yang bernas demi mempertingkatkan mutu perkhidmatan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Semua pandangan dan kritikan akan diambil kira oleh kementerian bagi menilai dan merancang program dan aktiviti yang lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kesihatan.

**8.20 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran perihal kesihatan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Sibul, Beluran, Bagan, Permatang Pauh, Rasah, Parit Buntar, Larut, Tuaran, Sipitang, Penampang, Seputeh, Pengkalan Chepa dan Batu Pahat sewaktu membahaskan Belanjawan 2001.

Secara ringkasnya, isu-isu berkaitan sumber manusia, penswastaaan, kawalan penyakit, pembangunan pesakit dan perkhidmatan kesihatan mental, peruntukan kesihatan dan skim insurans telah dibangkitkan. Izinkan saya memberi jawapan ke atas teguran-teguran yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Pendang telah membangkitkan isu mengenai pemberian elaun kritikal kepada pembantu perubatan, jururawat dan doktor gigi. Kementerian Kesihatan mengemukakan sokongan dan perakuan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membolehkan lebih ramai kakitangan kesihatan diberikan elaun kritikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, semua doktor dikehendaki menjalani perkhidmatan wajib selama tiga tahun secara terus-menerus selepas diberikan pendaftaran penuh oleh Majlis Perubatan Malaysia. Ini adalah

mengikut Seksyen 40, Akta Perubatan 1991. Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan kesihatan tidak terjejas. Adalah tidak benar bahawa pendapatan pakar perubatan di negara ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan negara jiran seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi SibU. Di antara negara ASEAN, didapati negara Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam, rata-rata menawarkan kepada pakar-pakarnya pendapatan yang lebih rendah daripada negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi SibU, kebanyaa kan pelajar-pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian di luar negara dalam bidang perubatan, kembali berkhidmat di tanah air. Pada tahun 1999, seramai 402 orang pelajar perubatan yang tamat pengajian kembali berkhidmat.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi SibU, Gelang Patah, Parit Buntar, Penampang, Larut dan Pengkalan Chepa ada membangkitkan Skim Perkhidmatan Kakitangan Kesihatan terutamanya pegawai perubatan dan pakar perubatan dan syorkan ianya diperbaiki.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jawapan panjang lebar mengenai usaha untuk memperbaiki Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan telah diberikan semasa menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan.

Saya mengulanginya secara ringkas di sini sekali lagi. Kementerian Kesihatan sentiasa mengkaji dan mengambil tindakan untuk memperbaiki skim perkhidmatan termasuk insentif kepada anggota kesihatan. Antara usaha yang sedang dijalankan ialah mengemukakan cadangan kenaikan elaun pakar, elaun insentif perkhidmatan kritikal, elaun kerja di luar waktu pejabat, hadiah kenaikan dua mata gaji, elaun wilayah bagi yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak serta gaji permulaan yang lebih tinggi. Di samping itu, turut terdapat pelbagai kemudahan yang dinikmati oleh kakitangan kerajaan seperti latihan kepakaran dan peluang melanjutkan pelajaran serta prospek kenaikan pangkat yang lebih baik.

Melalui usaha-usaha ini, jelas bahawa kerajaan sesungguhnya berusaha keras untuk menarik lebih ramai doktor berkhidmat di sektor awam dan mengurangkan pengaliran keluar *brain drain*, dengan izin. Masalah kekurangan doktor akan dapat

diatasi pada tahun-tahun akan datang memandangkan negara kini berkeupayaan untuk melatih lebih ramai doktor melalui lebih banyak institusi pengajian tinggi dalam negara, di samping terus menghantar pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di luar negara serta usaha jangka pendek mengisi kekosongan melalui pengambilan doktor warga asing secara kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Permatang Pauh dan Seputeh daripada pembangkang ketandusan modal dan mengulangi kritikan lapuk usaha penswastaaan hospital dan stor ubat kerajaan yang telah dijalankan oleh kerajaan. Ingin saya jelaskan di sini bahawa peningkatan kos penyelenggaraan lima perkhidmatan sokongan adalah kerana perluasan skop perkhidmatan yang dilaksanakan. Di samping itu, piawaian yang tinggi pada tahap antarabangsa telah ditetapkan untuk perkhidmatan yang disediakan. Dalam perjanjian konsesi, kerajaan telah menetapkan piawaian-piawaian umpamanya dalam perkhidmatan hospital, kerajaan telah menetapkan Technical Requirements Performance Indicators (TRPI) dan syarikat konsesi juga dikehendaki memperoleh pengiktirafan ISO 9002 ataupun lima tahun dari ta rikh penswastaaan.

Selain daripada itu, Program Jaminan Kualiti (Quality Assurance Program) juga perlu disediakan oleh syarikat konsesi. Kesemua keperluan tersebut iaitu Technical Requirements Performance Index, ISO 9002 dan Quality Assurance Program adalah bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah pada tahap yang tinggi dan berkualiti. Pada keseluruhannya, untuk setiap perkhidmatan yang dikendalikan oleh kementerian sebelum penswastaaan, skop dan piawaiannya adalah lebih rendah berbanding dengan yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Kadar yuran yang dibayar kepada syarikat konsesi adalah ditetapkan oleh kerajaan dengan mengambil kira peningkatan skop dan piawaian tersebut.

Bagi penswastaaan pembekalan ubat ataupun bukan ubat, kos ubat ataupun bukan ubat ditetapkan oleh kerajaan. Walaupun pembekalan ubat ataupun bukan ubat kepada hospital kementerian telah diswastakan pada tahun 1994, kerajaan telah bersetuju dengan semakan harga pada tahun 1998 di mana semakan hanya dilakukan sekali dalam tiga tahun selaras dengan perjanjian konsesi. Dalam semakan harga ini,

kerajaan telah meluluskan kenaikan kos purata 9.67% bagi tahun 1998 hingga tahun 2000. Ini bermakna kenaikan kos tahunan hanyalah 3.22%.

Penswastan ini sehingga kini tidak menjejaskan akses rakyat kepada perkhidmatan rawatan perubatan. Ianya bertujuan untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan yang dinikmati oleh rakyat. Rakyat masih lagi menikmati perkhidmatan rawatan perubatan dengan kos yang sama seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fee Perubatan 1982. Apa yang berbeza adalah tahap kemudahan yang diterima oleh rakyat adalah lebih berkualiti dengan alam sekitar yang lebih bersih, linen yang dibekalkan adalah memenuhi piawaian antarabangsa serta peralatan perubatan yang diselenggarakan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran juga meminta penjelasan berhubung langkah-langkah yang diambil berhubung kemasukan penyakit-penyakit berjangkit seperti HIV, malaria ke negeri Sabah yang dibawa masuk bersama-sama pendatang asing ke Sabah. Kerajaan memandangkan serius ancaman penyakit termasuk AIDS dan malaria yang dibawa oleh pendatang-pendatang asing ke negara ini. Sebelum dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini, pekerja warga asing dikehendaki menjalani pemeriksaan dan saringan kesihatan di pusat-pusat perubatan yang diiktiraf oleh kerajaan di negara asal. Mereka juga diminta untuk menjalani pemeriksaan dan saringan kesihatan semasa memperbaharui permit dan mereka akan dihantar pulang ke negara asal sekiranya didapati berpenyakit.

Mengenai cadangan peningkatan peruntukan kewangan bagi sektor kesihatan di Sabah, secara amnya peruntukan mengurus untuk perkhidmatan kesihatan di negeri Sabah telah meningkat sebanyak 25.8% daripada tahun 1997 sehingga tahun 2000, iaitu pada tahun 1997 jumlah peruntukan adalah RM301,506,025 dan pada tahun 2000 jumlah peruntukan adalah RM378,817,482.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah menimbulkan isu kelemahan menangani masalah Cocksackie, JE dan Hand, Foot and Mouth disease (HFMD) seperti maklumat tidak diberikan dan fakta sering bercanggah dan mencadangkan unit bebas yang mempunyai kepakaran tanpa campur tangan mana-mana pihak untuk menangani krisis kesihatan yang timbul. Kelengkapan perubatan dan dana yang secukupnya perlu disediakan untuk maksud tersebut.

Kementerian Kesihatan sentiasa memberi maklumat yang tepat dan benar. Orang ramai dinasihati supaya tidak mendengar berita dan maklumat dari pihak yang tidak sah. Ini adalah penting supaya tidak timbul kekeliruan serta keadaan rimas yang tidak sepatutnya berlaku.

Semasa kes kejadian JE dan penyakit Tangan, Kaki dan Mulut, maklumat-maklumat menyeluruh telah dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan. Unit bebas untuk menangani krisis kesihatan adalah tidak perlu dan tidak menepati matlamat kawalan penyakit. Dalam keadaan krisis, kerjasama semua pihak yang berkaitan adalah amatlah perlu dan penting bagi menjayakan usaha menangani krisis.

Sehubungan ini, Kementerian Kesihatan telah pun merancang penubuhan Pusat Penyakit Berjangkit (Infectious Disease Centre) dan juga telah memperkukuhkan lagi sistem surveillence penyakit berjangkit di Malaysia.

Pembinaan kemudahan makmal sekuriti tahap tiga juga sedang dirancang di Insitut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kuala Lumpur dan Makmal Kesihatan Awam di Sungai Buloh, Selangor. Dengan bantuan kepakaran dan kelengkapan sedemikian, kementerian akan lebih berupaya menangani krisis kesihatan awam di masa hadapan dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang, pihak Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan latihan dalam perkhidmatan kepada anggota-anggotanya untuk mengemaskinikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu terutama dalam bidang rawatan yang memerlukan peralatan berteknologi tinggi serta bidang rawatan bagi penyakit-penyakit baru ditemui.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Sibul, Beluran, Bagan, Rasah dan Sipitang telah menyuarakan permasalahan tentang pesakit dan perkhidmatan psikiatri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, beberapa kes pesakit mental yang mengamuk yang dilaporkan sejak akhir-akhir ini telah memberikan gambaran bahawa pesakit-pesakit ini adalah merbahaya, pada hal kadar kecenderungan untuk bertindak ganas adalah jauh lebih tinggi di kalangan penagih dadah, iaitu sebanyak 16 kali ganda, pengguna alkohol sebanyak 12 kali ganda

berbanding dengan pesakit mental yang hanya tiga kali ganda lebih tinggi daripada orang biasa.

Kementerian Kesihatan sememangnya akan berusaha untuk meningkatkan lagi perkhidmatan bagi pesakit mental dan antara usahanya termasuklah-

- memperluaskan perkhidmatan pakar psikiatri ke lebih banyak hospital dan perkhidmatan rawatan pesakit-pesakit mental ke klinik-klinik kesihatan;
- meningkatkan penggunaan ubat-ubat baru yang lebih baik dalam rawatan pesakit;
- membangunkan perkhidmatan Community Mental Health dan Psychiatry Nursing Home, dengan izin, dengan penglibatan keluarga dan masyarakat dalam penjagaan pesakit;
- memberi biasiswa kepada seramai 15 hingga 20 orang calon setiap tahun dalam bidang perubatan psikiatri selain dari mengambil pakar psikiatri dari luar negara untuk berkhidmat secara kontrak;
- menyokong usaha badan-badan sukarela seperti persatuan psikiatri dan persatuan kesihatan mental....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Larut bangun.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat, tentang orang gila atau sakit otak, selalunya apabila hospital *discharge*kan mereka, dengan izin, tetapi waris tak mahu terima. Adakah kerana mungkin malu dan sebagainya, ini berlaku. Saya hendak tahu sama ada pihak hospital, apakah tindakan yang diambil ke atas pesakit-pesakit ini. Mereka mungkin okay, sudah elok tetapi waris tidak mahu menerima mereka ini. Jadi, apa akan jadi kepada mereka ini, apa tindakan yang akan diambil? Terima kasih.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Memang menjadi tanggungjawab relatives atau friends dengan izin, untuk menjaga pesakit-pesakit mental ini. Selaras dengan konsep masyarakat penyayang haruslah kita menjaga sama ada mereka itu cacat atau mereka itu pesakit mental, itu menjadi tanggungjawab keluarga. Bila pesakit itu dikeluarkan

daripada hospital memang berpandukan kepada segala rawatan yang diberi di mana didapati dia tidak lagi perlukan penjagaan rapi di mana perubatan sudah mencukupi, hospital akan *discharge*, dengan izin, dari hospital. Adalah menja di tanggungjawab ahli keluarga ataupun saudara atau friends untuk memastikan bahawa mereka mengambil ubat-ubatan pada masa yang ditetapkan supaya mereka tidak mengalami masalah sakit mental ini.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Maksud saya waris ataupun penjaga menolak, mereka tidak mahu menerima. Jadi, apa yang boleh dibuat oleh pihak kementerian, sama ada mungkin hendak diletakkan mereka di satu tempat yang khas dan sebagainya.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Mereka pada masa ini banyak dihantar ke rumah orang tua dan juga di bawah Mental Health Bill yang dicadangkan memang mereka diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa mereka menjaga pesakit mental ini.

Seterusnya izinkan saya meneruskan hujahan saya. Menyokong usaha badan-badan sukarela seperti pasukan persatuan psikiatri dan persatuan kesihatan mental untuk mewujudkan half way house bagi memulihkan pesakit-pesakit mental dan mengusahakan kemudahan shuttered workshop dan seterusnya menggubal Rang undang-undang Kesihatan Mental yang baru bagi menggantikan Mental Disorder Ordinance 1952 yang ada pada masa kini. Jadi ini akan sebanyak mungkin boleh menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai cadangan mengadakan program penyaringan (screening) penyakit mental di kalangan pekerja sektor awam dan swasta pula, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk berbuat demikian. Ini kerana kajian yang telah dibuat oleh World Health Organisation (WHO) dan kajian dari United Kingdom, Eropah dan China rata-rata menunjukkan bahawa kes-kes pesakit mental yang serius hanya meliputi 1% daripada penduduk pada satu-satu masa. Oleh yang demikian, proses ini menjadi tidak kos efektif untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sering kali mengadakan promosi kesihatan serta pendidikan kepada orang awam melalui media massa bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental dan penyakit mental. Ini akan membolehkan mereka yang mengalami masalah mental mendapat bantuan dan rawatan awal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sibu, Hospital Sibu merupakan salah sebuah hospital yang mempunyai perkhidmatan psikiatri selain daripada Hospital Umum Sarawak dan Hospital Sentosa. Wad psikiatri ini mempunyai 38 buah katil, buat sementara ini kementerian berpendapat kemudahan sedia ada adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sibu telah menyentuh mengenai cadangan membina poliklinik di Sibu Jaya yang terletak sejauh 27 kilometer dari bandar Sibu. Kementerian Kesihatan bercadang permohonan untuk membina sebuah klinik kesihatan di Sibu Jaya semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat, berkenaan dengan hospital sakit jiwa ini, saya ingin mendapat penjelasan di Sungai Petani, kerajaan bercadang untuk membina satu hospital baru. Boleh atau tidak saya mendapat penjelasan harga tapak ataupun tanah yang akan diambil alih untuk pembinaan hospital ini dan tuan asal pemilik tanah yang akan dijadikan tapak bagi hospital yang baru di Sungai Petani. Kalau Yang Berhormat tidak dapat maklumat ini sekarang, saya berharap untuk mendapatkan penjelasan dalam bentuk jawapan bertulis.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Memang kerajaan dan Kementerian Kesihatan bercadang mengadakan sebuah hospital psikiatri di Sungai Petani, itu memang tidak boleh dinafikan, tetapi saya tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai kos dan sebagainya pada masa ini. Jadi, kalau diperlukan, saya boleh memberi maklumat secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sibu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kluang ba ngun.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya saya orang pertama sebut tentang kesihatan ini, tetapi nampaknya Yang Berhormat dalam jawapan itu memang tak sebut tentang saya yang bangkit tentang perkara kesihatan. Dalam hal pesakit jiwa

ini, saya nampak kalau dari segi penjagaan kalau hospital tidak sanggup untuk menjaga orang-orang lepas rawatan, lepas itu serah balik kepada keluarga, mungkin keluarga pun tidak sanggup untuk menjaga. Saya tidak tahu sama ada kementerian boleh mencadangkan, sebab saya nampak ada satu pasukan yang dinamakan Pasukan Sukarelawan Hospital di mana pada hari Ahad yang akan datang, saya akan merasmikan satu seminar motivasi sukarelawan Hospital Kluang.

Jadi, kalau dalam konteks ini sukarelawan ini akan menjaga pesakit-pesakit yang mengalami penyakit yang amat teruk di mana hospital sendiri tidak mampu untuk menjaga untuk satu masa tempoh yang panjang.

Jadi, sama ada kementerian juga boleh memikirkan supaya dapat menggalakkan pertubuhan sukarelawan hospital yang khusus untuk menjaga pesakit yang mengalami sakit jiwa ini. Jadi, dari segi kepakaran psikiatri ini, saya ingin mendapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat atas perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat, saya pun menyanjung tinggi tentang apa yang dibuat oleh Yang Berhormat tentang mengambil prihatin tentang pesakit-pesakit mental dan juga menganjurkan penubuhan pasukan sukarelawan hospital. Saya rasa kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berbuat demikian di semua kawasan, ini adalah satu langkah yang baik, tetapi masalahnya ialah terdapat kelemahan dalam sistem perundangan yang kita sedia ada.

Jadi, bila rang undang-undang yang baru dikemukakan dan diluluskan, saya rasa kita mempunyai satu skop perkhidmatan yang lebih baik di mana orang-orang pasukan sukarelawan ini pun akan boleh mendapat kuasa untuk menjaga. Pasukan sukarelawan ini memang tidak mempunyai kuasa untuk menjaga di mana mereka ini memang secara sukarela sahaja.

Jadi, dengan adanya satu rang undang-undang yang baru di mana sama ada saudara ataupun sahabat (friends), dengan izin, boleh mendapatkan kuasa untuk menjaga pesakit mental itu dan dengan itu mereka boleh melakukan apa yang perlu untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pesakit mental itu terjamin. Jadi, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas segala usaha yang diambil oleh Yang Berhormat dan terus menggalakkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya

turut membantu pihak hospital dan juga pihak polis dan pejabat kebajikan dalam menangani masalah ini.

Ahli Yang Berhormat Sibu telah menyentuh mengenai cadangan membina poliklinik di Sibu Jaya yang terletak sejauh 27 kilometer dari bandar Sibu. Kementerian Kesihatan bercadang menimbang permohonan untuk membina sebuah klinik kesihatan di Sibu Jaya semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan mengikut keutamaan.

Mengenai permintaan Ahli Yang Berhormat Penampang untuk dipertimbangkan pembinaan hospital yang berkonsepkan komuniti di Penampang serta saranan Ahli Yang Berhormat Selangau agar didirikan lebih banyak klinik desa di kawasan Selangau. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua kemudahan kesihatan yang dirancang dan dilaksanakan oleh kementerian adalah berkonsepkan komuniti.

Buat masa ini, kementerian tidak ada rancangan untuk mendirikan sebuah hospital berkonsepkan komuniti di daerah Penampang tetapi Hospital Queen Elizabeth kini sedang dalam proses dinaiktarafkan untuk menampung keperluan penduduk di kawasan primary catchment termasuk daerah Penampang. Manakala di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kementerian telah dan sedang melaksanakan 19 buah klinik desa baru di luar bandar Sarawak termasuklah sebuah klinik kesihatan di kawasan Parlimen Selangau.

Tuan Yang di-Pertua .....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya tertarik dengan konsep komuniti ini. Kalau kita lihat dalam hospital kita sekarang, semua bila orang masuk itu kalau dia 90% sakit dia jadi 95% lebih sakit rasa dia, ubat bau dan macam-macam environment itu adalah environment orang sakit.

Jadi, sudah tiba masanya kita mendesign hospital kita, dengan izin, mempunyai environment yang indah, yang lain mungkin detergent yang kita gunakan dalam hospital itu tidak menggambarkan ia itu tempat hospital. Kalau Yang Berhormat melawat Monash Health Centre di Australia, Yang Berhormat nampak apa yang saya katakan, macam masuk dalam hotel.

Jadi, environment itu lebih indah, lebih baik dan sebagainya termasuklah layanannya, jadi dengan keadaan sedemikian, 10% penyakit itu sudah hilang penyakit sebelum dia berjumpa dengan ubat dan doktor. Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itu berkaitan dengan environment dan layanan itu memang betul, tetapi itulah yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan untuk semua hospital dan klinik kesihatan yang baru. Kalau Yang Berhormat ada pernah pergi ke Poliklinik Luyang di Sabah, yang saya pernah lihat, di mana kalau kita masuk pun memang sakit kita sudah sembuhlah. Ataupun kalau kita pergi ke Hospital Selayang yang baru ini, kalau kita pergi ke hospital itu, kita masuk pun kita pun sudah lupa sakit kita dan mungkin hendak mengetahui apa yang sebenarnya berlaku di hospital itu. Begitulah keadaan di hospital-hospital dan klinik-klinik baru.

Dan juga dengan penswastan lebih banyak kita nampak environmentnya cantik, walaupun hospital lama tetapi environmentnya cantik dengan semua tanaman dan persekitarannya.

**Datuk Railey bin Haji Jeffrey:** Terima kasih Yang Berhormat. tadi Yang Berhormat ada sebut berkenaan dengan pembesaran Hospital Kota Kinabalu. Saya difahamkan bahawa Hospital Kota Kinabalu ini satu hospital yang lama dan sempit, dalam usaha membesarkannya, saya difahamkan tanah dan tapak tidak mencukupi. Dan saya difahamkan adakah ini benar atau tidak, bahawa kerajaan berura-ura, bercadang hendak membeli Sabah Medical Centre untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada Hospital Kota Kinabalu. Adakah ini benar? Minta penjelasan.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Memang kerajaan sedang berunding dengan Sabah Medical Center kerana ruang yang ada Hospital Queen Elizabeth itu memang sudah mencukupi dan kementerian sedang berunding untuk mengambil alih sebahagian daripada Sabah Medical Center supaya dapat mengadakan sebahagian daripada perkhidmatan di Sabah Medical Center. Dan, juga kerajaan bercadang seperti yang saya telah..., tetapi angka itu saya tidak dapat berikan kepada Yang Berhormat pada masa sekarang, mungkin saya akan beri jumlah yang akan dibelanjakan untuk menaik taraf Hospital Queen Elizabeth ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh mungkin kurang senang dengan adanya Hospital Selayang yang serba canggih. Akan tetapi penduduk di sekitar kawasan Selayang berbangga, bersyukur kerana mendapat perkhidmatan dari sebuah hospital yang lengkap dengan sistem IT yang canggih. Hospital Selayang sememangnya dirancang untuk beroperasi secara berperingkat-peringkat dan pada ketika ini telah beroperasi mengikut jadual dan tepat pada sasarannya. Sistem *Total Hospital Information System* telah membolehkan kakitangan kesihatan dan perubatan menumpukan perhatian sepenuhnya dalam penjagaan dan rawatan pesakit dan ia juga telah berupaya mengemaskinikan rekod pesakit dengan sempurna di samping menjadualkan kedatangan pesakit dengan sistematik. Rekod digital ini di kemudian hari akan membuka jalan kepada *life time health plan* untuk seseorang. Kegagalan memahami akan manfaat sistem *Total Hospital Information System* menunjukkan betapa cetek dan singkatnya pandangan.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kemaman bagun

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Saya hendak tanya mengenai syarikat yang diberikan penswastaaan untuk peng*computerize*kan hospital-hospital di seluruh Malaysia, yang mana kos yang diberikan hampir RM1 bilion kepada Digital Network. Saya hendak tahu *software* yang digunakan, adakah ini ada rekod yang telah dibuat di mana-mana negara yang menggunakan *software* ini dan juga saya hendak tahu sama ada syarikat ini mempunyai *track record* ataupun agennya yang telah menyediakan perkhidmatan yang ditawarkan kepada *computerization hospital* ini. Terima kasih.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini semalam bahawa saya akan memberi jawapan yang bertulis. Sabarlah sikit. Soalan hanya ditanya semalam. Mungkin dalam dua, tiga hari jawapan itu akan sampai kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh tidak sepatutnya..  
...maaf saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Telah sebut tadi.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh tidak sepatutnya menuduh sembarangan dan cuba mengeksploitasi kesengsaraan keluarga mendiang Encik Rajasimasalam demi kepentingan politik. Hospital Selayang, doktor dan pakar yang merawat mendiang telah menjelaskan bahawa *appendixes* pesakit terletak di sudut berlainan dari tempat ianya biasa dijumpai. Pesakit telah dirawat oleh pakar-pakar dan jururawat Hospital Selayang yang berpengalaman dengan penuh dedikasi. Walau bagaimanapun, pesakit ini telah meninggal dunia akibat dari komplikasi-komplikasi yang dialaminya. Kes ini merupakan kes *appendicitis* yang rumit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kebimbangan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mengenai latihan doktor baru yang terjejas akibat kekurangan kakitangan perubatan. Kementerian ingin menjelaskan bahawa kekurangan kakitangan perubatan dalam bidang-bidang tertentu tidak akan menjejaskan proses latihan kakitangan. Langkah-langkah memberi latihan secara berterusan kepada semua kakitangan telah diambil untuk memastikan kualiti perkhidmatan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga meminta kepastian bilangan hospital yang mempunyai masalah pesakit-pesakit lelaki yang diletakkan bercampur dengan pesakit wanita seperti di Hospital Kajang dan bilakah masalah ini akan dapat diatasi. Pada amnya di hospital-hospital kerajaan, wad berasingan disediakan untuk pesakit lelaki dan wanita melainkan bagi wad di Unit Rawatan Intensif (ICU), Unit Rawatan Jantung (CCU) dan wad kanak-kanak. Pesakit yang dirawat di Unit Rawatan Intensif biasanya berada di dalam keadaan tenat dan memerlukan rawatan dan pemerhatian rapi oleh anggota terlatih. Peralatan canggih dan berteknologi tinggi digunakan untuk mengawasi keadaan pesakit. Wad guna sama ini membolehkan penggunaan katil secara optimum. Untuk tujuan *privacy*, penggunaan langsir didapati lebih praktikal serta memudahkan anggota membuat pengawasan.

Di Hospital Kajang, wad berasingan disediakan untuk pesakit lelaki dan wanita. Walau bagaimanapun, satu *cubicle* di wad lelaki dijadikan wad guna sama buat sementara waktu sebagai Unit Rawatan Jantung (*Coronary Care Unit*). Satu

Unit Rawatan Intensif dan Rawatan Jantung telah dibangunkan di bawah projek naik taraf hospital dan dijangka beroperasi tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat, mengenai larangan pihak kementerian untuk mendirikan surau dan sebagainya di kawasan hospital. Kementerian Kesihatan tidak menghalang sebarang kemudahan ibadat di hospital malah Kementerian Kesihatan sentiasa menyediakan kemudahan bilik sembahyang di semua hospital dan klinik-klinik kesihatan yang dirancangkan. Namun demikian adalah dasar Kementerian Kesihatan untuk tidak membina sebarang rumah ibadat di kawasan hospital secara berasingan termasuk surau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka memohon penjelasan mengenai amalan pengasingan peralatan mengikut agama seperti yang telah dilihat oleh beliau di Hospital Melaka pada 12 Oktober 2000 di wad 3-2 dan 3-4 iaitu pengasingan peralatan *thermometer*, meliputi juga peralatan lain seperti 'endoscope' dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menghentikan amalan ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan supaya peralatan perubatan berasingan digunakan untuk pesakit berlainan agama. Umumnya peralatan perubatan diguna sama dan akan dibersihkan selepas setiap kali ianya digunakan untuk mengelakkan risiko jangkitan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia hanya menggunakan kadar perbelanjaan kesihatan sebanyak 3.5% Keluaran Negara Kasar, namun Malaysia telah menunjukkan prestasi tahap kesihatan yang lebih baik berbanding negara membangun yang lain. Dari tahun 1983-1996, perbelanjaan kesihatan telah dianggarkan bertambah sebanyak 250%.

**Puan Chong Eng:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat berdiri.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kasi *member* dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Di Batu Pahat ini, saya orang Batu Pahat.....

**Tuan Moktar bin Radin:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa tu?

**Tuan Moktar bin Radin:** Peraturan Mesyuarat 37(2). Kalau boleh Speaker

...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuasa saya.

**Tuan Moktar bin Radin:** Kuasa Speaker buat ruling supaya tiada pertanyaan kerana kita mahu cepat siap. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Memang saya sudah tegur. Hanya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu mematuhi keputusan yang saya buat.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dari jawapan Yang Berhormat tadi, maknanya tidak boleh dibina tempat ibadat orang Islam di Hospital Batu Pahat kerana tidak boleh secara berasingan. Di kes Hospital Batu Pahat ini, *special* sikit kerana ia sebuah hospital yang baru dan mempunyai keluasan tanah yang begitu luas. Masyarakat Islam di Batu Pahat telah memohon peruntukan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Gading, semasa Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan, adakah bangkitkan perkara ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ada, Batu Pahat, bangkitkan. Jadi, sesama Batu Pahat ini boleh tolong-menolong. – telah mendapat kelulusan daripada Yang Amat Berhormat peruntukan untuk membina surau ini kerana memang sudah jadi tradisi di Batu Pahat, hospital lama itu juga ada tempat sembahyang orang-orang Islam yang berasingan. Apabila pembinaan baru ini, pada waktu itu sayalah Exco yang bertanggungjawab tentang hospital ini *[Disampuk]* Ketika itu. Jadi, saya berharap supaya diberi sedikit pengecualian Hospital Batu Pahat ini supaya tidak menimbulkan satu perasaan kecewa orang-orang Islam di situ. Orang Islam

sembahyang lima kali sehari semalam, ia berbeza dengan agama yang lain. Jadi kemudahan untuk orang ramai mengerjakan solat ini satu keperluan yang termesti, terpenting. Saya berharap Kementerian Kesihatan, kalau boleh saya merayu untuk kes Hospital Batu Pahat kerana ini sudah menjadi isu, diberikan pengecualian. Terima kasih. Tidak jawab pun tidak apa, asal beri pengecualian.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tidak apa, mesti ada jawab, ada atau tidak atau boleh dipertimbangkan. Memang saya telah menyatakan tadi apa yang dikatakan itu adalah dasar Kementerian Kesihatan. Jadi kalau ada apa-apa rayuan bolehlah dikemukakan dan kementerian akan mempertimbangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Saya sekarang sedang memperkatakan tentang, okay tidak apalah.

**Tuan Moktar bin Radin:** Itu Tuan Yang di-Pertua punya keputusan, tidak jalan. **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lepas ini, lepas ini, tadi dia sekali bangun bersama dengan Sri Gading, lepas ini.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat sedikit penjelasan tentang kes yang dibawa oleh Kota Melaka. Walaupun Yang Berhormat telah katakan bahawa pihak kementerian tidak mengarahkan seperti amaran seperti itu tetapi telah timbulnya amalan seperti itu di hospital kerajaan maka apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian. Yang kedua, saya ingin penjelasan kes yang dibawa oleh Seputeh, adakah benar bahawa penyakit itu yang telah meninggal dunia itu adakah benar bahawa hari itu dia dimandi tiga kali kerana Menteri Kesihatan hendak lawat hospital itu dan kerana mandi tiga kali maka air sabun telah masuk ke tempat operation itu. Adakah ini benar, terima kasih.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Yang Berhormat, berkaitan dengan kes yang dibangkitkan oleh Kota Melaka itu, kita telah memberi penjelasan bahawa kita tidak pernah mengeluarkan arahan untuk seperti yang telah dituduh oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka tetapi kalau benar bolehlah beri satu maklumat yang terperinci

tentang mungkin kita sudah tarik di sini tetapi siapa pesakit itu dan sebagainya supaya kita boleh jalankan penyiasatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya dan berkaitan dengan kes di Hospital Selayang itu kita telah pun memberi penerangan yang cukup dan saya rasa ini mungkin melibatkan kes guaman di mahkamah, saya rasa eloklah penjelasan yang saya beri setakat ini sudah mencukupi kepada tahap ini.

Pembiayaan kesihatan mempunyai banyak impak terhadap pembangunan serta hala tuju perkhidmatan kesihatan negara. Sehubungan ini kerajaan tidak mahu terburu-buru dalam membuat sebarang keputusan. Kajian-kajian yang dijalankan telah membantu kerajaan menilai skim pembiayaan kesihatan yang diguna pakai di beberapa buah negara lain tentang kelebihan dan kekurangannya masing-masing. Skim pembiayaan yang hendak diwujudkan hendaklah bersepadu dan dapat merancang pencapaian efficiency yang tertinggi, meningkatkan kualiti, ekuiti dan access yang menyeluruh kepada perkhidmatan kesihatan oleh rakyat Malaysia.

Aspek skim pembiayaan kesihatan ini telah dibangkitkan semasa pihak Kementerian Kesihatan mengadakan persidangan Rancangan Malaysia Kelapan yang melibatkan wakil dari sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan badan-badan bukan kerajaan (NGO) untuk memperkukuhkan ekuiti kedua-dua pihak sektor swasta dan kerajaan telah bersetuju bahawa skim pembiayaan kesihatan yang bakal ditubuhkan oleh kerajaan seharusnya tidak mempunyai unsur-unsur 'roast rated' tetapi sebaliknya bersifat community rated. Skim ini haruslah dapat diterima dan mampu ataupun dengan izin, acceptable and affordable berasaskan kepada keupayaan untuk membayar. Walau bagaimanapun butir-butir terperinci masih belum ditetapkan dan kerajaan sudi mendengar sebarang input yang membina.

Sejajar dengan Dasar Pembangunan Nasional di mana sektor swasta merupakan enjin kepada pertubuhan ekonomi negara, maka pertumbuhan insurans kesihatan swasta adalah digalakkan, Insurans Kesihatan Swasta, EPF, SOCSO dan lain-lain bentuk pembiayaan agak compliment dan tidak bersaing dengan Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan. Golongan yang kurang mampu, kakitangan kerajaan dan tanggungan mereka akan dibiayai oleh kerajaan. Individu bebas memilih produk insurans yang diminati mereka. Sektor kesihatan di Malaysia mengalami perubahan dan proses bersepadu antara sektor awam dan swasta bagi

mempertingkatkan lagi kesaksamaan, access, kemampuan, efficiency dan kualiti. Walaupun ketiadaan Majlis Kesihatan Kebangsaan ataupun National Health Council, Kementerian Kesihatan telah pun mengambil inisiatif mewujudkan meka nisme dan platform di mana semua agensi yang terlibat dalam kesihatan dapat memberi interaksi dan bekerjasama termasuk semasa penggubalan dasar-dasar kesihatan dan juga perancangan kesihatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bintulu pengisian jawatan keseluruhan kakitangan perubatan dan kesihatan di Hospital Bintulu pada masa ini adalah memuaskan dan melebihi paras purata peratusan pengisian jawatan berbanding dengan hospital-hospital lain. Walau bagaimanapun usaha terus diadakan untuk menambah bilangan jawatan dan pengisian selaras dengan keperluan pada masa-masa akan datang. Kebanyakan kakitangan perubatan dan kesihatan di Hospital Bintulu sebenarnya adalah terdiri dari anak tempatan, Oleh yang demikian, masalah komunikasi seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu tidak mungkin menyebabkan masalah komunikasi yang membimbangkan. Bagi pesakit-pesakit di hospital, makanan disediakan sepenuhnya dari dapur hospital. Bagi pelawat dan kakitangan pula, mereka dapat menggunakan kantin hospital yang mana sedang diuruskan untuk disewakan kepada Kelab Perubatan Sarawak cawangan Bintulu dan dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun ini. Saya juga meminta maaf kepada Yang Berhormat bagi Kluang kerana tidak menyebut atau membangkitkan isu-isu yang telah dibangkitkan, tidak menyebut bahawa beliau telah pun mengambil bahagian dalam penghujahan ini dan juga untuk makluman Dewan yang mulia ini jumlah yang akan dibelanjakan untuk menaik taraf Hospital Queen Elizabeth ini adalah sebanyak RM250 juta.

Setakat ini sajalah ulasan dan jawapan-jawapan saya kepada teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengenai Kementerian Kesihatan. Jika terdapat teguran-teguran dan jawapan-jawapan yang tidak diberikannya di Dewan yang mulia ini suka saya memberi jaminan bahawa kementerian ini tetap memberikan perhatian yang serius kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai kementerian ini. Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kementerian Pembangunan Usahawan. Yang Berhormat, sila.

**9.02 mlm**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat dari Kota Belud dan Yang Berhormat dari Penampang yang merupakan hanya dua orang Yang Berhormat yang mengambil bahagian yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan semasa perbahasan Belanjawan 2001.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Penampang telah mencadangkan Kementerian Pembangunan Usahawan supaya menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berani mengambil risiko, berdaya tahan dan berdaya saing. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan telah melaksanakan program-program keusahawannya, telah dan akan terus menyediakan persekitaran yang membantu dan menggalakkan pembangunan usahawan tulen yang berani mengambil risiko, berdaya tahan dan berdaya saing. Ciri-ciri inilah yang perlu ada pada seseorang usahawan yang diharap akan dihasilkan menerusi pelaksanaan pelbagai program keusahawanan melalui pendekatan 4P iaitu pengwujudan serta penyebaran peluang perniagaan dan pemasaran, penyediaan kemudahan pembiayaan, pembangunan sumber manusia, pembudayaan dan latihan keusahawanan dan penyediaan premis perniagaan.

Program-program latihan keusahawanan yang dilaksanakan memang memberikan penekanan kepada penerapan budaya keusahawanan, memberi input kemahiran kepada usahawan dan bakal usahawan memula dan mengembangkan perniagaan mereka termasuk penyediaan rancangan perniagaan serta penghayatan nilai-nilai murni Islam. Di samping itu pelbagai peluang perniagaan disediakan menerusi program-program seperti francais, vendor, pembesaran bersepadu perabot dan mentor. Dari segi pembiayaan, terdapat pelbagai tabung untuk memenuhi keperluan perusahaan kecil sederhana seperti Tabung Ekonomi Kumpulan

Usahaniaga (TEKUN), Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK), Skim Pembiayaan Francais, Skim Modal Asas dan skim-skim pembiayaan secara Islam. Di samping itu pelbagai premis perniagaan seperti bazar, arked, kompleks perniagaan dan kilang bimbingan juga disediakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk manfaat usahawan di seluruh negara. Kesemua program ini, program-program keusahawanan yang dilaksanakan di atas akan diteruskan bagi menyediakan persekitaran kondusif supaya dapat mewujudkan usahawan yang lebih berani mengambil risiko, berdaya tahan dan berdaya saing.

Ahli Yang Berhormat bagi Kota Belud mencadangkan untuk mewujudkan satu dana pinjaman kepada pelajar untuk ijazah sarjana kedoktoran bagi tujuan pinjaman penyelidikan dan seterusnya hasilnya dikomersialkan. Dengan ini usahawan techno-preneur dapat diwujudkan dan dapat meningkatkan lagi penyertaan dalam ekonomi. Kementerian Pembangunan Usahawan tidak bercadang menyediakan pinjaman bagi tujuan penyelidikan kepada pelajar-pelajar termasuk pelajar ijazah tinggi peringkat sarjana dan kedoktoran. Usahawan-usahawan techno-preneur memang telah disediakan kemudahan oleh kerajaan bagi membantu mereka dalam R&D dan mengkomersialkan produk-produk yang dihasilkan itu.

Akhir sekali saya ucapkan terima kasih atas segala cadangan dan teguran Yang Berhormat apa juga yang dibangkitkan secara langsung atau tidak akan diambil kira dalam usaha untuk mencapai objektif penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan. Terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**9.07 mlm**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan dan cadangan terhadap beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskan Belanjawan 2001 di Dewan yang mulia ini. Saya akan memberikan penjelasan dan maklum balas seberapa banyak yang boleh dan mana-mana perkara yang tidak sempat disentuh pada

hari ini Kementerian Kewangan akan memberi perhatian yang sewajarnya. Dalam pada itu kementerian masing-masing juga turut memberikan jawapan dan penjelasan di mana yang berkaitan yang telah pun berlaku pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat bagi Pendang, Jeli dan Kuala Terengganu telah membangkitkan bahawa Belanjawan 2001 tidak lengkap tanpa arah kerana tidak menyentuh dua strategi daripada lima strategi yang dinyatakan. Sebenarnya Belanjawan 2001 sudah lengkap dan mempunyai arah yang jelas dan terang yang tidak jelas dan kurang faham ialah Yang Berhormat sendiri. Barangkali ada yang berada di sekeliling Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat kurang faham, saya kenalah memberi penjelasan sekali lagi. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dapat memberi perhatian. Sebenarnya tumpuan kepada tiga teras utama Belanjawan 2001 sudah pun merangkumi kelima-lima strategi belanjawan.

Teras pertama, iaitu memberangsangkan pertumbuhan ekonomi adalah berkaitan dan meliputi juga strategi belanjawan pertama iaitu mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara. Strategi kedua, bagi mengenal pasti sektor pertumbuhan baru serta strategi ketiga bagi meneruskan dasar rangsangan fiskal dan kewangan untuk mendukung pertumbuhan. Ini merangkumi usaha-usaha mengembangkan kegiatan dalam sektor-sektor ekonomi yang berteraskan ke-ekonomi, memperluaskan aktiviti teknologi komunikasi dan maklumat, ICT serta juga menggiatkan potensi pertumbuhan baru di sektor pertanian, terutamanya pengeluaran makanan dan sektor perkhidmatan terutamanya industri pelancongan, telekomunikasi dan pengangkutan.

Mengenai strategi belanjawan kelima iaitu untuk meningkatkan kualiti hidupnya telah dirangkumkan di bawah teras ketiga, iaitu meneruskan agenda masyarakat penyayang. Kerajaan memberikan tumpuan meneruskan agenda sosial, meningkatkan taraf kesihatan, membanteras gejala sosial negatif, membasmi kemiskinan membina perumahan rakyat, meningkatkan taraf golongan berpendapatan rendah, termasuk masyarakat Orang Asli, menggiatkan pembangunan luar bandar, meningkatkan peranan wanita, membangunkan belia dan memajukan kegiatan sukan, meningkatkan peranan sukarela serta memelihara alam sekitar.

Selain menyediakan peruntukan untuk mencapai strategi-strategi belanjawan ini kerajaan juga memberi galakan cukai dan bukan cukai serta mengadakan imbuhan dan pembiayaan yang sewajarnya supaya kelima-lima strategi belanjawan dapat dicapai dengan jayanya. Saya ingin memberi keyakinan kepada Dewan ini bahawa strategi Belanjawan 2001 yang dibentangkan sudah pun lengkap dan mempunyai arah yang jelas bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan.

Berhubung dengan langkah merangsang pertumbuhan ekonomi baru Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun merasa bimbang usaha membawa negara daripada wawasan strategi kepada pelaksanaan strategi tidak mampu melahirkan petani moden yang kaya raya seperti di negara-negara Barat yang maju dalam bidang pertanian. Pada saya kebimbangan beliau tersasar jauh daripada apa yang sebenarnya yang mahu dicapai oleh kerajaan melalui pelaksanaan strategik. Inilah yang selalunya berlaku di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang yang kurang memahami atau sengaja tidak mahu memahami tujuan dan rasional sesuatu usaha kerajaan.

Justeru mereka melahirkan kebimbangan yang tidak bertempat atau mengkritik secara melulu. Begitu juga kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap ketika membangkitkan soal peruntukan kepada sektor pertanian. Dalam hal ini saya ingin menegaskan bahawa petani-petani di luar bandar tidak pernah dibiarkan terpinggir dalam arus pembangunan. Usaha untuk memodenkan petani-petani peningkatan produktiviti mereka adalah salah satu daripada pendekatan dasar pertanian kebangsaan ketiga. Walhal dalam Belanjawan 2001 kerajaan telah memperuntukkan RM2.4 bilion untuk sektor pertanian yang mana RM84 juta telah dikhaskan untuk memajukan 18,400 hektar ladang kekal pengeluaran makanan. Melalui skim ini petani-petani akan ditawarkan peluang untuk mengusahakan tanah sewa yang berkadar rendah.

Yang Berhormat bagi Padang menyarankan bahawa belanjawan kali ini perlu disediakan dengan pendekatan yang berhati-hati kerana negara masih terdedah kepada berbagai risiko perkembangan negatif dalam senario ekonomi antarabangsa dan perkembangan ini hendaklah diambil kira dalam penyediaannya. Ingin saya

memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat bagi Pendang iaitu penyediaan ucapan Belanjawan 2001 sememangnya telah mengambil kira segala kemungkinan perkembangan luar yang tidak menentu. Dalam hal ini teras kedua Belanjawan 2001 iaitu melaksanakan inisiatif strategi, mempertingkatkan daya saing negara. Bertujuan supaya pertumbuhan ekonomi dapat dirangsang dan terus bergerak dengan kukuh sungguhpun akan berdepan dengan pelbagai risiko dan ketidaktentuan dalam suasana ekonomi perdagangan di luar negara.

Justeru itu kita perlu lebih bijak dan berhati-hati bagi memastikan negara dapat mempergiatkan kegiatan ekonomi dalam negeri sambil merebut peluang yang terbuka luas di sebalik pelbagai cabaran globalisasi, liberalisasi dan gelombang digital yang bersedia menanti. Untuk menangani segala risiko dan cabaran luar mahupun dalaman dengan sebaik mungkin kita perlu bersama-sama melipat gandakan usaha dan inisiatif serta menggembelng sumber tenaga untuk maju ke hadapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan saya tertarik kepada hujah yang mengatakan kerajaan begitu setia untuk menghadapi segala cabaran –syabaslah. Walau bagaimanapun apakah strategi pihak kerajaan sekiranya pertumbuhan ekonomi antarabangsa meleset sedikit ataupun banyak dan termasuklah keadaan ekonomi di Amerika merosot. Ini berkemungkinan akan merosot kerana entah berapa tahun pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat dan menurut kitaran biasa memang sampailah masa untuk mereka meleset dan apakah strategi pihak kerajaan untuk menghadapi semua ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Kepong. Kerana dalam masa perbahasan itu saya pun teringat bahawa Yang Berhormat bagi Kepong juga mengatakan jatuhnya BSKL pada ketika ini adalah faktor luaran dan dalaman. Jadi kalau misalnya Yang Berhormat mengatakan tadi faktor luaran akan mengancam ekonomi kita maka hendaklah kita memperkukuhkan faktor dalaman. Jadi di sinilah kita mengharapkan bahawa pihak

swasta di dalam negara kita sebagai the engine of growth akan memperkukuhkan lagi consumption level supaya kita bertindak dengan jayanya.

Ramai ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan pertanyaan dan ulasan tentang k-ekonomi dan juga teknologi komunikasi dan maklumat ICT. Bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat umpamanya bagi Pendang, Kepong dan Permatang Pauh yang tidak berpuas hati dan meragui kemampuan kerajaan untuk melaksanakan usaha-usaha ini termasuk menyediakan pelan induk keekonomi yang seumpamanya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, usaha ke arah penggubalan pelan induk keekonomi sedang dilaksanakan mengikut jadual. Dalam hal ini, pelan strategik keekonomi yang menggariskan strategi menyeluruh dan teras dasar bagi pergerakan keekonomi telah pun siap pada 30 Jun 2000. Sementara pelan tindakan dalam pelbagai sektor strategik yang penting telah disediakan pada 30 September 2000. Pada masa ini kajian sektor sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada akhir tahun ini dan bagi pelan induk keekonomi keseluruhannya ia sedang disediakan dan laporan pertama akan disiapkan pada tahun 2000 ini juga. Justeru, dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang tidaklah tepat.

Mengenai cadangan Yang Berhormat bagi Pendang supaya kerajaan menyediakan insentif kepada syarikat ICT swasta yang bersedia menyediakan latihan kepada orang awam, sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan telah menyediakan galakan cukai dalam bentuk elaun cukai pelaburan 100% kepada syarikat yang menyediakan latihan teknikal atau vokasional termasuk bidang ICT. Manakala syor supaya peruntukan atau insentif disediakan kepada mana-mana syarikat yang mengeluarkan software atau film yang bercorak pendidikan, untuk makluman Yang Berhormat bagi Pendang, syarikat-syarikat tersebut layak mendapat galakan tarif perintis atau elaun cukai pelaburan.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat juga tentang bekalan 2,200 makmal komputer oleh CAD Integral yang dikuasai oleh Syarikat Tongkah adalah tidak benar. Antara enam syarikat yang dilantik di bawah projek ini tidak terdapat nama syarikat CAD Integral yang dikuasai oleh Tongkah seperti mana yang didakwa.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Labuan supaya perolehan komputer di jabatan-jabatan dan agensi kerajaan dibuat melalui syarikat-syarikat

pembekal di kawasan Parlimen masing-masing. Saya ingin menjelaskan setakat ini kerajaan tidak mempunyai kontrak pusat untuk tujuan perolehan komputer kepada jabatan dan agensi kerajaan. Kontrak pusat yang ada sekarang ini ialah dengan sebuah syarikat milik kerajaan iaitu Syarikat MIMOS Berhad hanya untuk tujuan penyewaan komputer sahaja. Bagi tujuan perolehan komputer bagi jabatan dan agensi kerajaan, ianya diperolehi melalui urusan tender dengan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Semua perolehan komputer melalui tender ini adalah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh agensi pengguna. Buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk memperolehi komputer melalui kontrak pusat atau melalui pembekal-pembekal di kawasan Parlimen masing-masing.

Dakwaan Yang Berhormat bagi Kepong, Parit Sulong dan juga Pendang bahawa dana modal teroka RM500 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2000 masih belum beroperasi juga tidaklah benar. Sebenarnya dana ini telah pun ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya mulai Jun 2000. Dana tersebut diuruskan oleh Bank Industri dan Teknologi Sdn. Bhd. berjumlah RM200 juta, Maybank Venture Capital Company Sdn. Bhd. RM150 juta dan Commerce Technology Ventures Sdn. Bhd. RM190 juta untuk menyediakan sumber pembiayaan di peringkat sit, start up dan early stage kepada syarikat-syarikat teroka yang terlibat dalam industri teknologi maklumat IT, komunikasi, advance manufacturing dan sains hayat.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dato', minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat..

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Ya, Parit Sulong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya bukan pembangkang. Jadi, tidak eloklah samakan saya dengan pembangkang. *[Ketawa]*. Saya bukan mendakwa, Datuk, saya cuma bertanya mengapa lambat. Saya pergi ke salah sebuah bank yang didedikasikan untuk venture capital pada bulan Julai. Dia kata belum sampai lagi. Jadi saya tanya kenapa lambat? Saya tidak mendakwa wang ini tidak sampai. Saya kata, kenapa lambat. Kenapa Menteri umum sebelum pilihan raya pada bulan Oktober 1999, tetapi pada bulan Julai 2000 duit belum sampai ke bank. Saya tanya dengan Setiausaha Parlimen dalam Dewan, dia kata baru sign perjanjian. Saya tanya

kenapa mengambil masa yang panjang? Itu saya tanya. Saya tidak menuduh benda ini tidak benar. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Saya belum lagi habis jawab berapa progressnya. Terima kasih Yang Berhormat. Setakat akhir September 2000 ketiga-tiga syarikat modal teroka yang mengurus dana tersebut telah menerima 261 permohonan melibatkan pembiayaan pelaburan berjumlah RM1.7 bilion melebihi saiz dana RM500 juta itu. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pelaburan RM42.3 juta atau 8% daripada saiz dana RM500 juta. Manakala permohonan yang selebihnya sedang diproses kecuali yang ditolak. Jumlah kelulusan agak kecil ini adalah disebabkan dana tersebut baru sahaja empat bulan beroperasi sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi tetapi dijangka akan meningkat apabila penilaian ke atas permohonan yang sedang diproses dapat diselesaikan. Pada peringkat ini tumpuan ialah untuk membangunkan industri modal teroka yang dianggap masih baru lagi dalam Malaysia untuk membantu syarikat tempatan.

Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong membangkitkan masalah yang dihadapi oleh syarikat ICT bumiputera untuk mendapatkan pembiayaan daripada dana Multimedia Development Corporation (MDC).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong bangun sekali lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Berbalik kepada modal teroka ini saya berpendapat bahawa dengan pengumuman peruntukan RM500 juta oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan memang adalah perkara yang baik juga. Walau bagaimanapun, masalah birokrasi, masalah minda yang tidak begitu terbuka untuk menggunakan modal teroka ini dengan baik, itulah disoalkan. Walaupun Yang Berhormat telah mengatakan pihak Kementerian Kewangan begitu peka, begitu cekap untuk menguruskan semua ini tetapi hakikatnya bukan. Hakikatnya minda tidak berubah lagi. Minda kuno ini mestilah diubah kerana modal teroka ini memang penting untuk ICT kita. Ha, minda yang kuno.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai penubuhan dana modal teroka yang baru tadi berjumlah

RM500 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2001, Kementerian Kewangan sedang mengkaji struktur pembiayaan yang terbaik, ini hendak 'mind shift' ini tadi Yang Berhormat Kepong ya, yang berbentuk pelaburan ekuiti. Dalam hubungan ini, pandangan dari industri modal teroka akan diambil kira bagi memastikan dana tersebut dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat teroka yang terlibat dalam pengeluaran produk-produk baru yang berdaya maju.

Saya berbalik kepada Parit Sulong...

**Tuan Jimmy Lim Donald:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Sri Aman.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum berbalik kepada Parit Sulong, berbalik kepada pembelian komputer ini. Tentang pembelian komputer melalui pinjaman dari EPF, yang terjadi sekarang EPF hanya membenarkan pembelian dari Hewlett Packard (HP), Gateway, IBM dan Compaq. Jadi ini menghampakan muda-mudi kita yang telah kita hantar belajar tentang pemasangan komputer. Jadi sebelum globalisasi datang, kita sendiri sudah membunuh muda-mudi kita yang ingin menceburkan diri dalam bidang pemasangan komputer.

Jadi, saya minta kelmarin melalui Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk memberi cadangan kepada Kementerian Kewangan supaya kita menukar *mindset* kita dan kita minta komputer ini boleh dipasang oleh sesiapa sahaja asalkan kita ada menentukan spesifikasinya. Ini yang saya cadangkan supaya semua orang muda yang telah kita hantar dapat menceburi dalam bidang supply of computer kepada jabatan kerajaan ataupun semua orang yang hendak meminjamkan. I think we owe it to our young people to help them.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalah komputer dengan EPF ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat bagi Selayang dalam jawapannya. Apa yang berlaku Yang Berhormat ialah apabila EPF menyatakan boleh dikeluarkan wang untuk membeli komputer, ada ramai daripada mereka memberi resit tetapi komputernya tidak ada. Jadi, oleh kerana itu kita meminta yang paling bagusnya post office mengeluarkan. Selepas itu ada

pula yang perkatakan post office ini hanya mengeluarkan tiga jenama sahaja. Sekarang ini kita telah luaskan kepada sepuluh jenama. Dan baru-baru ini juga ada yang mengatakan bahawa kenapa tidak yang dibagi hanya kepada anak yang sekolah sedangkan bapanya juga ambil PJJ (Pendidikan Jarak Jauh). Jadi oleh kerana itu Yang Berhormat bagi Selayang telah pun menyatakan bahawa komputer hanya boleh dipinjam sekali sahaja, kalau tidak nanti akaun 1,2 dan 3 habis, anuiti pun tidak ada, apabila kita pencen tidak ada duit. Oleh kerana itu apa yang diharapkan sekarang ini ada pula permohonan supaya BSN juga menjalankan perkara yang sama. Perkara ini telah pun disampaikan di Kementerian Kewangan, kita sedang mengkaji perkara ini. Itu ialah mengenai pembelian komputer.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Sorry, minta maaf. Maksud saya, kita membenarkan syarikat Abu bin Hassan yang dapat memasang komputer klon itu juga *supply* menggunakan invoice Abu bin Hassan untuk *supply* komputer. Itu yang maksud saya, *supply* klon. Jangan menghadkan kepada jenama-jenama yang sudah berjaya. [Disampuk] Ha, jangan mengikat sesiapa.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Selalunya Yang Berhormat, kalau kita gunakan klon itu, dia tidak akan tahan lama kerana jenama-jenama seperti yang ada yang telah dipamerkan merupakan komputer yang bagus. Walau bagaimanapun, sekarang ini banyak anak muda yang boleh membeli komputer dengan mengadakan klon di dalamnya dan ini ialah satu cara yang bagus. Tetapi di sini kalau kita hendak menengokkan tadi, bahawa oleh kerana Kementerian Kewangan belum ada lagi kontrak pusat, ini yang menjadi permasalahan kita di mana Yang Berhormat bagi Labuan, kalau tidak silap saya tadi meminta kalau boleh dibawa ke peringkat Parlimen. Jadi, saya akan mengkaji balik perkara ini dan memperlihatkan sama ada boleh atau tidak kita mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Parit Sulong membangkitkan masalah yang dihadapi oleh syarikat ICT bumiputera untuk mendapatkan pembiayaan daripada Multimedia Development Corporation (MDC). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan dana modal teroka yang dikenali sebagai MSC Venture One (MV1) berjumlah RM120 juta. Dana ini diuruskan oleh MSC Venture Corporation Sdn. Bhd. (MSCVC), sebuah anak syarikat MDC. Sejak

beroperasi mulai Jun 1999, MSCVC telah menerima permohonan daripada 197 buah syarikat. Daripada jumlah itu, 36 buah ataupun 18% adalah syarikat milik bumiputera.

Setakat ini, kelulusan telah diberikan kepada 9 buah syarikat dan termasuk sebuah syarikat bumiputera dengan nilai pelaburan RM40 juta. Manakala, 111 syarikat masih belum layak menerima pembiayaan dana. Sementara itu, sejumlah 77 permohonan lagi masih dalam kajian *due diligence* dan perbincangan awal dan dari jumlah itu, 17 buah ataupun 22% adalah syarikat bumiputera. Syarikat yang belum layak masih berpeluang mendapat pembiayaan pelaburan sekiranya mereka memperbaiki pelan perniagaan dan keupayaan pengurusan.

Mengenai pembabitan syarikat bumiputera dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) sebanyak 70 syarikat telah terlibat dalam keseluruhan 237 syarikat tempatan yang diberikan taraf MSC. Sekiranya syarikat yang mempunyai kepentingan minoriti diambil kira, jumlah keseluruhan syarikat bumiputera ialah 91 buah atau 38% daripada keseluruhan syarikat bertaraf MSC. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MDC ditubuhkan untuk memajukan MSC dan mengasuh syarikat-syarikat yang diberi taraf MSC di samping menubuhkan rangkaian inkubator yang mempunyai *network* antara inkubator pusat dan inkubator-inkubator di beberapa kampus universiti di seluruh negara.

Matlamatnya ialah untuk mengasuh syarikat-syarikat bumiputera supaya berkembang maju dan prior untuk bersaing. Setakat ini, terdapat 68 syarikat residen dan bukan residen di Pusat Inkubator di Cyberjaya dan daripada jumlah itu, 45 buah syarikat atau 66% kesemuanya adalah bumiputera. Oleh yang demikian, saya ingin menegaskan syarikat bumiputera telah diberikan perhatian utama oleh MDC untuk mengasuh dan menyediakan pembiayaan di bawah dana MV1. Syarikat bumiputera tidak perlu bimbang. MDC akan terus membantu syarikat bumiputera untuk meningkatkan daya saing supaya berupaya menghasilkan produk yang berdaya maju.

Mengenai penubuhan dana modal teroka yang baru tadi, yang telah pun saya jawab, hasil daripada pertanyaan Yang Berhormat Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang telah membangkitkan isu keraguan sama ada ekonomi tempatan yang telah digerakkan oleh pelaburan dan

penggunaan awam, mampu diteruskan oleh pelaburan dan kemudahan oleh pihak swasta.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Saya ada membangkitkan soal cadangan saya supaya diwujudkan satu modal teroka khas untuk bumiputera dalam bidang ICT. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri dalam hal ini? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, modal teroka yang ada ini pun tidak habis. Jadi, kita hendak buat modal baru pun saya rasakan elok kita tengok modal teroka yang ada ini, boleh kita habiskan atau tidak? Selepas itu, kalau banyak permintaan seperti juga TEKUN dan sebagainya, bolehlah kita buat khas. Apa yang berlaku sekarang ini kalau kita tengokkan tabung pemakanan, apabila kita letakkan satu dana khas untuk orang-orang Melayu, nampaknya tidak berapa menarik kerana dana-dana itu tidak diambil oleh bumiputera, sama ada mereka tidak tahu ataupun kekurangan taklimat atau penerangan. Itu tidak dapat kepastian.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Dato', saya hendak tahu kenapa modal teroka yang ada tidak habis? Adakah mungkin sebagaimana disebut oleh kawan-kawan yang ramai tadi, mind set pihak yang hendak memberi pinjaman itu melihat bahawa perniagaan dalam ICT ini, *especially start up entrepreneurs* ini, diibaratkan macam peniaga-peniaga conventional yang lain.

Jadi, saya minta pihak agensi yang sudah diberi tanggungjawab itu juga harus menganjukkan paradigma masing-masing supaya jangan kalau usahawan ICT datang, dia hendak minta *track record* dan macam-macam. Jadi, saya minta Timbalan Menteri supaya memberi sedikit apakah garis panduan-garis panduan yang diberikan kepada agensi peminjam (venture capital) yang telah diluluskan tahun lalu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Daripada survey yang telah dibuat, kajian *due diligence* telah pun diselenggarakan. Perbincangan awal telah pun dibuat. Kita memandangkan dari segi potensi iaitu bukannya dari segi sekuriti, cagaran dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku, anak-anak kita terutamanya bumiputera sangat bagus dari segi teknikal dan mereka tahu. Tetapi dalam kertas-kertas mereka, mereka kurang tahu tentang pelan perniagaan (business plan) dan

keupayaan pengurusan (management capabilities). Ini yang kurang lagi. Yang tentang *technical thing*, saya *salute* kerana anak-anak muda kita ramai yang expert tentang perkara itu. Tetapi, kalau tentang teknikal sahaja yang diperolehi tetapi *business plan* nya tidak ada, *management capability*nya tidak ditingkatkan, maka saya rasakan perkara ini patut diasah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Shah Alam.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berkongsi kerisauan dan keprihatian daripada Yang Berhormat Parit Sulong bahawasanya dalam pemakaian modal teroka sebagaimana yang digambarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini bahawa banyak lagi *balance* yang tidak digunakan oleh kerana tidak ada kemampuan dari kalangan bumiputera untuk menggunakan dana yang disediakan ini. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa cadangan (proposal) yang dibagi oleh usahawan ini mempunyai kepakaran dari segi teknikal tetapi tidak ada kepakaran dari segi bidang pengurusan dan *financial management*.

Itu saya rasa satu perkara yang mesti ditangani. Sebabnya, modal teroka ini pun pihak yang bersedia mengambil risiko dalam perniagaan. Dia bukan hendak ada *hereful covering* dan saya percaya tentu ada mekanisme bagaimana untuk menggunakan kepandaian dan keilmuan yang ada dalam bidang TCT kerana paksi utama kepada ke-ekonomi adalah untuk kita menjana *the knowldege base* yang ada dalam ini dan soal pengurusan tentulah pihak yang bertanggungjawab boleh mengadakan garis pandu supaya ada monitoring sebagaimana yang dijalankan oleh Kementerian ...

**Beberapa Ahli:** Kebudayaan!

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Apa pula Kebudayaan, [Ketawa] Kementerian Pembangunan Usahawan, yang itu, *but the gees of it*, dengan izin, Yang Berhormat, *the main* dan modal teroka yang dikeluarkan ini mesti mengambil risiko. Saya sarankan dalam ucapan dasar saya supaya pemodal teroka ini yang bagi *venture capital*, bukan hanya *venture capital, financing* lain juga, jangan berlagak mengambil sikap macam “Ceti” ataupun macam “Along”. You hendak bagi *finance*, dengan izin,

bukan *only 100% secured, 200%, 300% secured*. Macam mana kita hendak bangunkan pembangunan ini? *So, the risk element must be there*. Sekian.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. jadi, masalahnya bukannya susah sangat, Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat lima orang yang pergi jumpa dengan embassy ini, kelima-kelimanya semua technical expertise. Potensinya saya katakan kita salute. Tetapi dalam proposal itu, untuk perniagaan, kita ada master plan, business plan dan sebagainya. Perkara ini dapat kita atasi, saya kata ramai lagi akan dapat bumiputera mengambil bahagian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kemaman.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Walau bagaimanapun, seperti yang saya katakan tadi, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, tunggu.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** 66% kesemuanya adalah bumiputera yang telah diluluskan. Jadi, di sinilah kita melihat bahawa potensi untuk bumiputera dalam aspek ini sangat tinggi, cuma masalahnya management capability dan business planning itu belum ada lagi. Ya, sila.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Timbalan Menteri, saya share Yang Berhormat dari Parit Sulong mengenai kepayahan untuk mendapat kemudahan kewangan daripada bank-bank yang mengeluarkan ataupun yang mengurus dana-dana ini. Pengalaman saya apabila menceburi bidang oil and gas dahulu yang mana cukup asing kepada bank-bank seperti ini di mana apabila saya buat application dengan Bank Pembangunan, saya ditolak tetapi Hong Kong Bank melantik saya sebagai projek anak angkat di mana daripada itulah kejayaan itu boleh kita capai.

Ini menunjukkan bahawa bukan daripada segi management of the entrepreneur, but also the bankers themselves is also very, minta maaf, yang tidak erti hendak access sesuatu potential project yang hendak diceburi.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya bersetuju, itu fasal kata Yang Berhormat Kepong tadi, kita kena ada mind shift dan di masa yang akan datang, yang

baru RM500 juta kita akan mengkaji struktur balik. Bukan sahaja memberi kepada bank, kalau bank mempunyai mind set kita sendiri.

Perlu saya tegaskan di sini, di Dewan yang mulia ini, Belanjawan 2001 telah meletakkan asas-asas yang kukuh serta membolehkan sektor swasta memainkan peranan utama dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Kecergasan sektor swasta semakin nyata apabila perbelanjaan penggunaan dan pelaburan mereka mula meningkat dengan pesat yang telah menyumbang hampir tiga setengah kali lebih tinggi daripada sumbangan perbelanjaan sektor awam kepada pertumbuhan ekonomi negara. Peningkatan semula peranan sektor swasta dalam menjana jentera pertumbuhan ekonomi ini adalah kesan dasar fiskal dan kewangan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Dengan pelbagai galakan cukai dan bukan cukai serta kemudahan pembiayaan disediakan oleh kerajaan, perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta dijangka akan terus meningkat dengan kukuhnya.

Penggunaan swasta akan lebih mantap berikutan pendapatan boleh guna rakyat dan keuntungan sektor korporat dijangka terus bertambah sejajar dengan jangkauan kegiatan ekonomi dalam negeri yang bergerak pantas serta prestasi eksport yang menggalakkan. Ini jelas dicerminkan oleh petunjuk-petunjuk utama penggunaan swasta seperti import barangan pengguna yang telah meningkat 18.3% bagi tempoh Januari hingga September 2000 dan kutipan cukai jualan yang meningkat 37.4% dalam tempoh yang sama. Jualan kereta penumpang pula meningkat 18.8% bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini sementara pengeluaran peti sejuk isi rumah meningkat 15.2% dan televisyen 43.1% dalam tempoh lapan bulan tahun 2000.

Sentimen pelaburan swasta juga turut menggalakkan. Import barangan modal yang merupakan petunjuk utama pelaburan swasta telah meningkat sebanyak 48.2% bagi tempoh sembilan bulan. Bilangan jualan kenderaan perdagangan pula meningkat 51.7% dalam sembilan bulan pertama 2000, manakala pengeluaran konkrit campur siap meningkat sebanyak 39.9% dan jualan besi serta keluli 30.4% bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Mengenai nilai cadangan pelaburan keseluruhan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuk dari Dungun dan Kepong, sukacita saya menyatakan

bahawa nilai cadangan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meningkat dengan ketara sebanyak 138.7% kepada RM27.4 bilion bagi tempoh sembilan bulan tahun ini berbanding dengan kemerosotan 20.6% bagi tempoh yang sama tahun lepas. Nilai pelaburan asing khususnya, telah meningkat 100.6% kepada RM15 bilion berbanding kemerosotan 16.4% dalam tempoh yang sama tahun 1999.

Dari segi ini nilai cadangan pelaburan keseluruhan yang diluluskan oleh MIDA pula, ianya telah meningkat 66.4% kepada RM20 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2000 berbanding kemerosotan 48.1% dalam tempoh yang sama tahun 1999. Untuk pelaburan asing, nilainya telah meningkat 13.3% kepada RM9.5 bilion berbanding kemerosotan 30.4% dalam tempoh yang sama tahun 1999. Perangkaan ini menunjukkan kedudukan terkini yang lebih baik berbanding ketika Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan belanjawan baru-baru ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang angka-angka yang diberi itu pada lahirnya memang begitu baik, tetapi ini merupakan indah khabar daripada rupa. Soalannya, memang ada banyak soalan di sini. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, nilai pelaburan ini kebanyakannya daripada Motorola, Toshiba, Siemens dan syarikat-syarikat yang besar yang telah pun bertapak lama di negara ini. Apakah syarikat-syarikat yang baru, yang melabur di negara ini.

Saya bukan kata hanya kelulusan, saya kata yang benar-benar melaburkan wang di negara ini. Seperti mana saya sebutkan di sini antara beberapa kali, Bill Gates kata, oh ini sangat baik, MSC itu terbaik. Tetapi bila kita hendak pelaburan daripada dia, tak dapat. Itulah maksud sayanya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Saya dah agak dah Yang Berhormat akan soal perkara itu. *[Ketawa]* Dan saya akan sediakan jawapannya sebentar lagi ya.

Ahli Yang Berhormat Kepong pula ingin mengetahui dari segi pelaksanaan projek-projek pelaburan tadi yang diluluskan oleh MIDA. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, ianya amat menggalakkan. Mengikut Kajian Kemajuan Peringkat Pelaksanaan pada 31 Disember 1999 bagi projek-projek perkilangan yang diluluskan antara tahun 1991 sehingga tahun 1999, sebanyak 4,685 projek ataupun 63.2% daripada keseluruhan 7,411 projek telah pun dilaksanakan.

Jadi, Yang Berhormat, bukan sahaja kelulusan, tetapi angka yang saya beri ialah angka pelaksanaan.

**Timbalan Yang d-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada bersama saya satu tulisan oleh orang yang kanan di Kementerian Kewangan, dahulunya Tan Sri Raman Navaratnam dalam artikelnya dalam *The New Straits Times* beberapa hari yang lalu. Dengan izin, saya baca dalam bahasa Inggeris: *“Foreign investment has become more important in the assessment of the progress of the economy and adequate measures been introduced to attract foreign long term direct investment. Why is FDI declining and what are the implications on the economy in terms of higher technology and modernisation, including investment applications have increased significantly. What we need to appraise is the real investment on the ground.”*

Dan beliau tambah lagi, *“I understand that foreign fund managers have got distinct impression that Malaysia is not keen on foreign equity investment because of its volatile and short term nature.”*

Jadi, nampaknya seorang penganalisa tokoh ekonomi negara, bekas pegawai tinggi di Kementerian Kewangan pun mengatakan bahawa pelaburan sebenar FDI adalah berkurangan dan pelabur asing mempunyai persepsi bahawa Malaysia nampaknya bukanlah tempat untuk membuat pelaburan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Data itu data yang terkemudian. Data yang kita ada sekarang ini data yang mutakhir. Pada ketika itu kita punya FDI memang menurun tetapi sekarang telah meningkat balik.

Jadi, di sinilah kita melihatkan kalau kita katakan kebanyakan FDI itu datang daripada Amerika Syarikat, jadi di sana ahli perniagaan dengan ahli politik lain. Ahli

perniagaan di mana dia nampaknya ada profit, di situ dia pergi. Dia tidak kira kepada ahli politik sama ada, pengalaman saya sendiri Yang Berhormat, apabila 20 orang ahli perniagaan baru-baru ini datang ke Malaysia, daripada Amerika Syarikat, saya bertanya kepada mereka, “Apakah persepsi saudara apabila sampai ke Malaysia?” Seorang daripadanya menjawab, “star track” kata dia, maknanya bangunan tinggi dan sebagainya.

Lepas itu saya bertanya selepas seminggu, “apakah pandangan saudara tentang Malaysia?” Dia kata, jauh berbeza daripada apa yang dibacanya daripada surat khabar di tempat mereka sendiri. [*Tepuk*] Jadi, ‘seeing is believing’.

Jadi, di sinilah, Yang Berhormat, kita melihatkan bahawa data mutakhir yang saya bacakan ini adalah merupakan FDI itu telah meningkat dan kita memberikan peratusan-peratusan, nilai-nilainya sekali.

Saya tidak menyalahkan Navaratnam kerana data-data mutakhir ada pada kita dan tidak ada pada dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi statistik-statistik yang mutakhir dalam ringgit Malaysia. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, sekiranya statistik ataupun data-data yang diberikan mengikut US Dollar, sebab terdapat *currency rate* dari RM2.50 dijatuhkan hingga RM3.80 bagi US\$1, jadi gambaran yang diberikan oleh Yang Berhormat menggunakan ringgit semestinya memberi satu gambaran yang lebih elok. Tetapi jika digunakan mengikut US Dollar, saya rasa gambaran itu tidak begitu elok, misalnya dalam ucapan Menteri Kewangan ada sebutkan bahawa per kapita income pada tahun 2000 menjadi RM12,883, sudah meningkat dari tahun-tahun yang lepas.

Tetapi jika ditukarkan mengikut US Dollar, cuma RM3,390 pada tahun ini berbanding dengan US\$4,376 per capita income pada tahun 1997. Jadi, apakah bezanya jika statistik-statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat, pakai US Dollar sebagai satu indikator.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, selalunya FDI dan *foreign currency* ataupun *interchange* yang kita lakukan adalah dalam US

Dollar. Tetapi untuk memberikan gambaran wajar yang ada di Malaysia, kita gunakan Ringgit Malaysia. Tetapi daripada segi US Dollar juga kalau kita lihat FDI kita meningkat.

Mengikut Kajian Kemajuan Peringkat Pelaksanaan pada 31 Disember 1999 bagi projek-projek perkilangan yang diluluskan antara tahun 1991 sehingga tahun 1999, sebanyak 4,685 projek ataupun 63.2% daripada keseluruhan 7,411 projek telah pun dilaksanakan. Ini melibatkan modal pelaburan sebanyak RM129.7 bilion atau 59.1% daripada nilai keseluruhan RM219.6 bilion yang diluluskan. Sementara itu, sebanyak 1,803 projek atau 24.3% melibatkan modal pelaburan sebanyak RM47.7 bilion atau 21.7% berada dalam peringkat awal pelaksanaan. Kedudukan ini mencerminkan potensi negara untuk terus berkembang dengan mapan pada masa depan adalah cerah.

Untuk mempertingkatkan lagi aktiviti pelaburan swasta, usaha-usaha sedang dan akan dilakukan untuk terus menarik pelaburan langsung asing (FDI) bagi mendukung pertumbuhan ekonomi negara. Peranan FDI sememangnya penting bukan sahaja dalam menyumbang kepada pembentukan modal negara tetapi juga dapat mempercepatkan proses pemindahan teknologi dan meningkatkan daya saing negara serta berupaya memperluaskan potensi rangkaian pasaran antarabangsa. Kesungguhan kerajaan dalam menarik FDI jelas dapat dilihat dalam Belanjawan 2001 yang dibentangkan baru-baru ini. Pelbagai insentif untuk menggalakkan kegiatan pelaburan serta langkah-langkah bagi mengurangkan kos kendalian perniagaan telah disediakan, di samping mengadakan Pakej Galakan Istimewa yang sedia ada.

Yang Berhormat dari Kepong telah membawa kita ke arena international antara bangsa dan kita sedar bahawa terdapat kelemahan-kelemahan dalam *architecture* sistem kewangan antarabangsa ini yang selalu diperkatakan. Maka Malaysia sentiasa giat menggesa institusi-institusi kewangan antara bangsa terutamanya Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk melaksanakan langka-langkah pembaharuan di peringkat antara bangsa untuk memastikan kestabilan ekonomi dan kewangan dunia.

Di antara langkah-langkah yang disarankan adalah seperti berikut:-

- (i) mengkaji semula secara menyeluruhnya mengenai peranan institusi kewangan antara bangsa seperti IMF dan Bank Dunia serta institusi kewangan di peringkat serantau seperti Bank Pembangunan Asia (ADB) terutamanya dalam memperbaiki keupayaan sistem kewangan antarabangsa bagi mengelakkan atau mengurangkan berlakunya krisis di masa depan;
- (ii) menggubal piawaian berhemat dan peraturan antara bangsa yang sesuai bagi memastikan keseimbangan kewangan antarabangsa supaya manfaat globalisasi dapat dinikmati oleh semua pihak selain daripada mengurangkan risiko;
- (iii) memastikan keseimbangan dalam menggalakkan ketelusan dan amalan terbaik di kalangan institusi kewangan antarabangsa dan juga serantau;
- (iv) memastikan penglibatan yang berkesan di kalangan negara membangun dalam proses mencapai keputusannya;
- (v) memastikan agar perubahan elaun sistem kewangan antara-bangsa mengambil kira kepentingan kedudukan sesebuah negara dengan melibatkan negara perindustrian dan negara membangun sebagai rakan setaraf dalam melaksanakan sebarang perubahan itu;
- (vi) memastikan penglibatan yang berkesan sektor-sektor swasta dan awam untuk menerima pakai piawaian ketelusan dalam mewujudkan prasarana kewangan yang lebih cekap dan stabil;
- (vii) memastikan langkah-langkah diambil pada peringkat domestik dan antara bangsa untuk mengelakkan ketidakstabilan pengaliran modal jangka pendek merentasi sempadan; dan
- (viii) memastikan agar penyeliaan pengaliran modal juga merangkumi modal dalam bentuk bukan hutang seperti pelaburan modal *port folio* yang boleh mengalir keluar secara mendadak dan menyebabkan ketidakstabilan sektor ekonomi dan kewangan.

Yang Berhormat dari Tambun telah pun menyatakan apakah kita gelisah ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong berdiri lagi Yang Berhormat, hendak beri?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Lapan langkah yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai International Financial Architecture (IFA) ini nampak sangat menarik, cuma saya nampak dari segi pengaliran modal memang kita ada kawalan modal di negara ini dan memandangkan IFA ini tidak berubah langsung, walaupun ada saranan kita mesti terus menekan bahawa langkah-langkah perubahan ini mesti dilakukan di peringkat antarabangsa dengan IMF dan WB tetapi pihak negara-negara yang maju termasuk Amerika Syarikat, Jepun dan sebagainya, adakah mereka menerima cadangan-cadangan seumpama ini supaya mereka dapat menekan dan seterusnya mengubah *architecture* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi inilah selagi IFA ini tidak berubah, apakah strategi kita mengenai aliran modal ini kerana dengan negara kita begitu kecil, kita tidak boleh menahan dari segi pengaliran modal ini kerana negara-negara maju tidak bersetuju dengan kita. Dan saya akan membangkitkannya dari masa ke semasa, saya nampak masih tidak ada langkah dan strategi yang cukup untuk menampung keperluan kita untuk menghadapi cabaran-cabaran kerana negara-negara maju tidak mengambil endah apa yang kita sarankan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Semasa Perdana Menteri pergi ke Hong Kong untuk menyatakan masalah pengaliran modal ini boleh menjatuhkan sesuatu negara, orang semua ketawa kerana ia merupakan seperti juga Yang Berhormat bukannya pakar ekonomi, tetapi pakar perubatan.

Tetapi lama kelamaan apabila perkara ini berlaku sendiri di Amerika, orang-orang yang mengatakan itu tidak betul, sekarang ini sudah pun mengakuinya termasuklah Amerika, Kanada, Perancis, Australia dan pelbagai lagi. Jadi, apa yang telah kita lakukan supaya kita mendesak Jepun dalam G7 apa yang dinamakan Forum Kestabilan Kewangan. Dalam Forum Kestabilan Kewangan (Financial Stability Forum) ataupun FSF, telah mengeluarkan beberapa laporan dan beberapa perakuan

pada bulan Mac 2000 dalam tiga bidang utama iaitu pertamanya, mengenai dana-dana lindungan nilai, pengaliran modal dan juga pusat-pusat kewangan pesisir pantai.

Jadi, pihak kerajaan digalakkan untuk menerima pakai perakuan-perakuan FSF untuk meningkatkan pengurusan risiko, untuk mengelakkan berlakunya krisis kewangan pada masa depan dan cadangan-cadangan yang lain masih belum dilaksanakan lagi.

Tetapi apa yang bagus, Yang Berhormat bagi Kepong, FSF telah menyarankan supaya penyeliaan secara terus ke atas Institusi-Institusi Leverage Tinggi ini *Highly Leverage Institution (HLI)* boleh dipertimbangkan sekiranya langkah-langkah yang diambil secara tidak langsung masa-masa ini tidak mencukupi. Oleh itu pendirian ini adalah lebih mirip kepada pandangan Malaysia supaya dana-dana lindungan nilai dikenakan kawalan seterusnya. Bukan sahaja penyelarasan (supervision) tetapi kita katakan kawalan (control) dan ini diterima pakai oleh G7 sekarang ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Krisis kewangan ini telah memberi pengajaran akan betapa mudahnya kuasa asing boleh meruntuhkan sesebuah negara melalui serangan ekonomi umpamanya dengan menjatuhkan nilai mata wang. Mereka tidak perlu melancarkan serangan ketenteraan untuk melumpuhkan ekonomi negara-negara yang bersaing atau menggugat ekonomi mereka. Krisis ini bukan sahaja berlaku di rantau Asia sebelah sini tetapi telah merebak ke Rusia, Afrika Selatan dan beberapa negara lain.

Ia adalah sebahagian daripada usaha kuasa-kuasa tertentu untuk menakluk dunia semula. Globalisasi atau dunia tanpa sempadan adalah nama yang diberi kepada strategi baru ini dan jika kita tidak awasi, sempadan negara kita akan diruntuhkan dan kita tidak lagi dapat dilindungi diri kita di belakangnya. Ini yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Tambun.

Dalam era globalisasi, formula kemenangan kita amatlah diperlukan. Oleh kerana kebanyakan daripada negara lain sudah tunduk kepada kuasa dunia dan terletak di bawah Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), maka sudah tentulah percubaan yang ditumpukan kepada kita dalam usaha menguasai lagi dunia sepenuhnya. Ini bermakna kita perlu tingkatkan lagi azam kita dan segala nilai baik

kita untuk menentukan formula Malaysia kita terus menjadi benteng yang kuat, yang mampu mempertahankan diri kita sendiri.

Walaupun pada mulanya hanya Malaysia yang mengkritik globalisasi seperti yang diperkenankan oleh negara maju tetapi alhamdulillah hari ini sudah banyak negara, NGO dan juga ahli pemikir negara-negara maju yang mengkritik globalisasi ini. Di masa akan datang, tentangan terhadap globalisasi ala-Barat akan meningkat.

Ada di kalangan Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal pemilikan ekuiti oleh pihak asing dalam syarikat tempatan. Ada yang menyatakan kebimbangan dan ada pula Ahli Yang Berhormat, contohnya dari Kuala Kedah yang mendakwa Malaysia adalah untuk dijual. Ini suatu dakwaan yang bukan sahaja tidak benar tetapi tidak masuk akal. Saya ingin menjelaskan bahawa tindakan Kerajaan berhubung dengan penyertaan asing adalah secara penuh waspada dan juga pragmatik.

Ahli-ahli Yang Berhormat perlu sedar bahawa walaupun langkah-langkah diambil untuk melibatkan penyertaan asing, ia masih dilakukan di bawah pemantauan rapi dan mengikut garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan peraturan yang ditetapkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Dalam menarik penyertaan asing, kita menggalakkan perkongsian strategik dalam melaksanakan kegiatan yang mana kita pasti penyertaan mereka adalah penting sebagai penyumbang sumber kepakaran, teknologi, pengurusan dan juga perluasan pemasaran antarabangsa.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Bukit Bintang, Batu, Tambun, Kuala Terengganu, Gelang Patah, Bentong, Batang Lupar, Mambong, Tuaran, Alor Gajah, Bagan, Rasah dan Bukit Mertajam menyentuh hal berkaitan percukaian, termasuklah cukai korporat, dividen dan juga insentif yang disediakan. Kerajaan sedar tentang perkembangan globalisasi yang mendorong negara-negara ke arah mengurangkan kadar cukai korporat dan menghapuskan pemberian insentif untuk menyediakan suasana persaingan yang lebih saksama.

Walau bagaimanapun, memandangkan negara-negara rantau Asia Pasifik memberi insentif cukai yang menarik, negara kita juga perlu meneruskan galakan cukai yang sedia ada bagi mengekalkan daya saing negara. Oleh yang demikian,

Kerajaan tidak bercadang menurunkan kadar tersebut memandangkan bahawa kadar 28% sekarang merupakan antara kadar yang terendah di rantau ini dan jauh lebih rendah daripada negara-negara maju. Sebagai dasar, Kerajaan masih berpegang kepada regim cukai yang rendah dan skim menimbangkan kadar cukai yang lebih menarik pada masa yang sesuai.

Mengenai cadangan untuk menambah insentif projek perladangan hutan, sukacita dimaklumkan bahawa aktiviti perladangan hutan telah pun diberi pengecualian cukai pendapatan 100% selama sepuluh tahun dan tempohnya bermula dari masa pokok mula sedia ditebang. Selanjutnya, untuk mendorong pelabur menceburi projek perladangan hutan, projek-projek mereka boleh dipertimbangkan di bawah Skim Galakan Istimewa mengikut merit.

Walau bagaimanapun, mengenai cadangan untuk pengecualian cukai 100% kepada syarikat yang menggunakan *biomass* tidak dapat dipertimbangkan buat masa ini. Ini memandangkan bahawa galakan pengecualian cukai 70% atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% selama lima tahun serta pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan adalah memadai di peringkat awal ini.

Berhubung dengan kriteria dan galakan bagi membawa balik rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran khusus, sukacita dimaklumkan bahawa galakan yang diumumkan ketika pembentangan belanjawan baru-baru ini adalah untuk menyokong matlamat pembangunan k-ekonomi. Untuk mengenal pasti kepakaran yang diperlukan dan menentukan mereka yang layak menikmati galakan ini, kriteria yang telus akan disediakan oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Saya amat berbesar hati jika Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan cadangan-cadangan yang khusus kepada kerajaan bagi menjayakan pencapaian matlamat ini.

Mengenai pandangan bahawa rebat cukai tidak mencukupi, adalah dimaklumkan bahawa rebat cukai tersebut adalah bersamaan dengan pelepasan cukai pelepasan persendirian sebanyak RM7,000 bagi mereka yang berpendapatan bercukai RM20,000 dan RM3,800 bagi mereka yang berpendapatan bercukai RM35,000. Untuk makluman, pengurangan hasil sebanyak RM434 juta berikutan pemberian rebat

itu adalah bersamaan dengan cukai yang terkorban bagi mengurangkan kadar cukai individu 1% di semua peringkat.

Berhubung dengan cadangan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas Internet, kerajaan berpendirian bahawa ianya tidak wajar diperluaskan kepada perkhidmatan telekomunikasi yang lain. Begitu juga dengan cadangan supaya cukai import ke atas peralatan komunikasi dihapuskan, kerajaan berpendapat cadangan tersebut tidak dapat dipertimbangkan memandangkan peralatan telekomunikasi adalah dikeluarkan dalam negara. Malahan, duti import yang dikenakan bertujuan untuk melindungi pengeluaran-pengeluaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong ingin tahu daripada mana kerajaan mendapat sumber kewangan untuk menampung defisit sebanyak RM21.44 bilion. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, angka yang disebut itu tidak betul. Sebenarnya defisit Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM16.136 bilion pada tahun 2001. Ini adalah berasaskan kepada anggaran hasil sebanyak RM69.6 bilion, perbelanjaan mengurus dan pembangunan sebanyak RM85.74 bilion dan setelah mengambil kira peruntukan luar jangka sebanyak RM2 bilion, pindahan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion dan terimaan balik pinjaman sebanyak RM1.8 bilion. Sebahagian besar defisit Kerajaan ini akan dibiayai melalui sumber dalam negeri yang tidak akan membawa kesan inflasi.

Pinjaman luar negeri akan dihadkan untuk mengurangkan pendedahan kepada risiko tukaran asing dan turun naik kadar faedah. Oleh itu, berdasarkan anggaran defisit keseluruhan tahun 2001 tersebut, Kerajaan Persekutuan bercadang meminjam sebanyak RM11.369 bilion daripada sumber dalam negeri dan bakinya daripada sumber luar negeri.

Yang Berhormat bagi Tambun dan Bukit Mertajam pula meminta penjelasan bagaimana Kerajaan mengurus hutang negara dan kaitannya dengan Nisbah Khidmat Hutang Negara atau, dengan izin, *Debt Service Ratio*. Nisbah Khidmat Hutang Negara ialah jumlah bayaran balik pokok dan faedah yang dikenakan ke atas hutang dan dibandingkan dengan jumlah eksport barangan dan perkhidmatan. Nisbah Khidmat Hutang Negara untuk tahun 2001 dianggarkan pada 5.5%. Nisbah ini menunjukkan bayaran balik pokok dan faedah adalah kecil berbanding dengan

perolehan tukaran wang asing. Pada kebiasaannya, nisbah yang dianggap kritikal dalam pengurusan hutang negara ialah sebanyak 20%.

Kedudukan hutang negara adalah berikutan dasar-dasar yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah pengurusan ekonomi makro yang dihadapinya. Sebelum krisis kewangan melanda, kerajaan telah melaksanakan program bayaran balik awal hutang luar negeri untuk mengurangkan pendedahan negara kepada turun naik tukaran wang asing. Ini telah dibangkitkan beberapa kali oleh Yang Berhormat bagi Tambun dari dahulu lagi.

Hasil daripada program ini hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan telah berkurangan daripada RM28.3 bilion pada akhir tahun 1986 kepada RM13.0 bilion pada akhir tahun 1997. Bila negara menghadapi krisis kewangan, dasar rangsangan fiskal telah dipilih oleh kerajaan untuk menggalakkan kegiatan sektor swasta yang terjejas teruk akibat krisis tersebut.

Dasar ini memerlukan kerajaan meningkatkan perbelanjaan dan untuk menampung perbelanjaan ini, kerajaan perlu meminjam. Walaupun sebahagian besar pinjaman ini adalah dari sumber dalam negeri, kerajaan juga meminjam dari sumber luar negara. Berikutan dari itu, hutang luar negara Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada RM19.4 bilion atau 12.4% dari Keluaran Kasar Negara. Dengan itu hutang luar negara keseluruhannya berjumlah RM156.6 bilion atau 51.2% daripada KNK. Justeru, Malaysia masih berada dalam kategori negara keberhutangan sederhana atau dengan izin, *medium indebted countries* iaitu negara-negara yang hutangnya berada di antara 48% hingga 80% daripada KNK.

Yang Berhormat Kepong juga membangkitkan tentang penggunaan dan pinjaman wang daripada tabung-tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk membiayai defisit kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP dan beberapa tabung kumpulan wang lain merupakan pemegang utama Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM). Namun demikian, faedah yang diberikan kepada wang yang dipinjam daripada KWSP ialah lebih tinggi daripada faedah yang dibayar oleh bank sekiranya KWSP menyimpan wangnya dalam institusi-institusi perbankan. Pinjaman KWSP kepada kerajaan juga mempunyai risiko yang minimum. Oleh itu kita tidak seharusnya menganggap

tindakan meminjam wang KWSP itu satu penyalahgunaan wang rakyat, sebaliknya ia merupakan satu langkah yang dapat memanfaatkan pencarum-pencarum KWSP itu sendiri.

Yang Berhormat bagi Bagan Datuk ingin memohon penjelasan tentang pelaburan portfolio oleh KWSP dari segi saiz, pulangan dan kaedah penentuan dividen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat termasuk Pendang, jumlah dana pelaburan KWSP setakat 30 September 2000 adalah sebanyak RM178.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, 33.97% dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM), 23.83% dalam pasaran wang, 21% dalam bentuk pinjaman, 20.86% dalam ekuiti dan 0.3% dalam hartanah. Pada tahun 1999 pendapatan daripada pelaburan berjumlah RM10.575 bilion. Daripada jumlah pendapatan tersebut, 35.37% dari SKM, 22.7% daripada pasaran wang, 21.94% daripada ekuiti, 19.8% daripada pinjaman dan 0.19% daripada hartanah.

Terdapat dua faktor utama yang menentukan kadar dividen iaitu pendapatan bersih KWSP untuk tahun berkenaan serta jumlah caruman terkumpul pada akhir tahun berkenaan. Kadar dividen atau peratus dividen dikira dengan membahagikan pendapatan bersih tahun berkenaan dengan jumlah caruman terkumpul tahun berkenaan dan mendarabkannya dengan 100. Ini bermakna pertambahan pendapatan bersih dalam satu tahun tidak semestinya akan meningkatkan kadar dividen kerana ianya turut bergantung kepada pertambahan jumlah caruman terkumpul. Dalam hal ini, biasanya kadar peningkatan caruman adalah lebih tinggi daripada pertambahan pendapatan bersih.

Kajian empirikal menunjukkan bahawa lebih 90% daripada pulangan pelaburan ditentukan oleh alokasi aset. Dengan lain perkataan, lebih banyak jumlah wang yang dilaburkan dalam instrumen yang memberi pulangan tinggi, lebih tinggilah pula pulangan pelaburan tersebut. Bagaimanapun, perlu diingat bahawa pulangan yang tinggi juga dikaitkan dengan risiko yang tinggi. Oleh itu, dengan melabur dalam instrumen pelaburan yang mempunyai pulangan yang tinggi, kita mestilah juga sanggup menanggung risiko yang tinggi.

KWSP telah melabur dalam pelbagai aset daripada risiko yang berbeza-beza. KWSP mempelbagaikan pelaburannya untuk membolehkan ianya memperoleh

pulangan yang sederhana sesuai dengan tahap risiko pelaburan tersebut. Dengan cara ini, pada keseluruhannya pelaburan KWSP dapat dilindungi daripada kesan negatif pelaburan yang berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kepong turut membangkitkan isu rizab luar Malaysia yang perlu dipertingkatkan lagi. Ini selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Sehubungan itu, penambahan dengan rizab yang berterusan hanya dapat dicapai dengan mengukuhkan daya saing negara. Dalam hal ini, kedudukan daya saing antarabangsa dan imbangan pembayaran masih teguh. Dalam tahun 1999 dan 2000, akaun semasa imbangan pembayaran adalah kukuh hasil daripada perolehan eksport yang meningkat dengan nyata sebanyak 12.1% pada tahun 1999 dan dianggarkan meningkat lagi sebanyak 15% pada tahun 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat beberapa langkah telah dilaksanakan untuk meningkatkan daya saing negara seperti yang diminta tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi, mungkin yang terakhirlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, harapkan begitulah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya memang beberapa kali, bertahun-tahun menyaran supaya kita tambahkan rizab kita, memang itu hasrat saya, saya akan terus kekalkan dan ada kah Yang Berhormat sedar bahawa rizab kita sudah pun kurang, mungkin sehingga USD800 juta pada enam bulan yang pertama tahun ini dan apakah sebabnya ada kekurangan ini walaupun yang disarankan tadi begitu cerah. Apakah sebabnya kita kurang USD 800 juta pada enam bulan pertama tahun ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, rizab kita, kita ambil kerana membayar hutang. Ada yang sudah masak hutang itu kita bayar, ada juga kita *refinance* balik, jadi perkara itu ia tidak statik tetapi apa yang kita akan buat untuk meningkatkan daya saing negara seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, termasuklah:-

- (i) melaksanakan dasar-dasar yang sesuai untuk mengawal tekanan inflasi dan meningkatkan produktiviti;
- (ii) memberi tumpuan meningkatkan perkhidmatan yang berpotensi untuk menjana pendapatan mata wang asing yang dapat mengurangkan pergantungan kepada perkhidmatan import seperti dalam pengangkutan udara dan laut, insurans dan kewangan, pendidikan dan pelancongan, kesihatan dan perkhidmatan profesional;
- (iii) menggalakkan pelabuhan dan lapangan terbang tempatan sebagai destinasi utama dan pusat perantaraan serantau dan
- (iv) membenarkan penglibatan pelabur asing menerusi pakatan strategik, dengan izin, *smart partnership* sama ada dari segi penyediaan modal dan pengurusan dalam sektor-sektor seperti kegiatan ICT, tenaga, pelaburan, pelabuhan, sektor kewangan serta industri penerbangan dan automobil.

Di samping itu, negara terus berusaha dengan gigih untuk mempelbagaikan hasil keluaran eksport serta meluaskan pasarannya. Walaupun terdapat kebimbangan tentang tumpuan yang terlalu tinggi kepada sektor keluaran elektronik, namun kepelbagaian dalam campuran keluaran tersebut dan pasaran yang lebih meluas akan dapat mengurangkan risiko pasaran yang tidak menentu. Dalam pada itu peningkatan kegiatan ekonomi dan permintaan dalam negeri yang terus cergas serta usaha bersungguh-sungguh negara untuk mempertingkatkan lagi daya saing dijangka berupaya mengurangkan kesan negatif daripada kitaran perniagaan dan ekonomi dunia yang menurun.

Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Tambun juga telah membangkitkan tentang pelaksanaan rejim kadar pertukaran ringgit yang tetap. Dalam hal ini Malaysia masih melaksanakan rejim kadar pertukaran yang tetap yang diperkenalkan pada September 1998 iaitu RM3.80 bersamaan USD1. Penetapan kadar ini ialah selaras dengan asas-asas ekonomi negara berdasarkan faktor-faktor berikut;

- (i) unjuran jangka masa pertengahan inflasi adalah rendah,

- (ii) akaun semasa imbangan pembayaran dijangka kekal mencatatkan lebihan,
- (iii) rizab antarabangsa dijangka tetap kukuh; dan
- (iv) tahap nilai ringgit, dengan izin, *under valuation* adalah kecil berbanding dengan mata-mata wang yang lain.

Apa-apa perubahan dalam rejim kadar pertukaran tetap hanya akan dipertimbangkan apabila terdapat penyalahjajaran atau dengan izin, *misalignment* yang ketara akibat perubahan struktur yang mengubah asas-asas ekonomi secara kekal.

Berdasarkan penilaian kerajaan yang terbaru, nilai ringgit adalah selaras dengan asas-asas ekonomi dan tidak terdapat sebab yang kukuh bagi menukar rejim yang ada sekarang. Walau bagaimanapun, kita akan membuat kajian semula jika berlaku perubahan dalam sistem kewangan serantau atau antarabangsa yang menyediakan sistem yang lebih cekap bagi mengendalikan urusan antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Pendaang turut membangkitkan isu levi 10% yang dikenakan oleh kerajaan. Sebenarnya levi yang dikenakan tidak menjejaskan aliran masuk dan portfolio asing, walaupun terdapat pengenaan levi dalam tempoh suku pertama 2000, aliran bersih portfolio asing masuk ke negara ini bertambah ke RM8.5 bilion berbanding dengan aliran bersih keluar sebanyak RM3.1 bilion pada suku keempat pada tahun 1999. Namun begitu memandangkan persekitaran pasaran modal sekarang lebih meyakinkan, keuntungan portfolio yang dibawa keluar selepas tempoh satu tahun kini tidak dikenakan levi lagi.

Yang Berhormat bagi Pendaang, Bagan, Permatang Pauh dan Kuala Terengganu telah membangkitkan mengenai prestasi BSKL yang hambar. Adalah satu perkara lumrah bagi pasaran saham melalui masa peningkatan dan penurunan dan BSKL tidak terkecuali. Jika penurunan pasaran dianggap satu institusi yang hambar ianya berlaku kerana prestasi pasaran saham tidak boleh lari daripada pengaruh sentimen dan faktor semasa sama ada dalam atau luar negara. Seperti yang kita semua maklum, Malaysia mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Justeru apa juga perkembangan luar negara akan mempengaruhi sentimen pelaburan di pasaran kita. Walaupun indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur BSKL pernah melonjak

lebih 1,000 mata pada bulan Februari tahun 2000 namun kejatuhan ketara Bursa Saham utama dunia sejak bulan Julai telah mengurangi prestasi BSKL.

Pada 14 November 2000 indeks komposit BSKL berada pada 745.5 mata. Kadar kejatuhan indeks ini hanya sebanyak 10.5% berbanding awal tahun 2000. Ini jauh lebih kecil berbanding dengan kejatuhan yang dialami oleh Bursa Saham lain di rantau ini. Sebagai contoh Singapura mengalami kemerosotan sebanyak 21.7%, Taiwan 34.1%, Filipina 32%, Indonesia 39.2%, Thailand 42.2% dan Korea Selatan 47.8% pada tempoh yang sama. Paras indeks yang rendah ini bagaimanapun hanya mencerminkan sikap pelabur sekarang yang bersifat sementara sahaja dan tidak menggambarkan keutuhan sebenar asas ekonomi negara yang semakin kukuh. Apa yang lebih penting keutuhan ekonomi perlu diukur berpandukan asas-asas ekonomi yang lain yang boleh mencerminkan kekuatan sebenarnya secara lebih tepat termasuk pelaburan jangka panjang. Justeru itu pelabur-pelabur seharusnya lebih bijak bertindak dan tahu mengambil peluang di atas perkembangan pasaran saham serta berpandukan kepada asas-asas ekonomi sebenar.

Berkaitan dengan dakwaan bahawa institusi-institusi tertentu dipaksa memasuki pasaran saham, saya ingin menegaskan di sini bahawa pembelian ekuiti oleh institusi-institusi seperti KWSP, KWAP, PNB, PERKESO adalah berasaskan kepada fundamental yang kukuh mengikut rancangan pembahagian aset serta strategi mereka dalam bentuk portfolio dana pelaburan masing-masing. Institusi-institusi ini sentiasa bergiat dalam pasaran saham dan mengambil peluang untuk membeli saham-saham *blue chip* pada harga yang menarik pada masa pasaran lembap untuk tujuan pegangan jangka panjang.

Yang Berhormat bagi Pendang dan Kepong juga mempertikaikan faedah penggabungan bank serta kesan terhadap masa depan bank-bank tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat bagi Tambun juga, usaha penggabungan institusi perbankan ialah untuk memperkukuh sektor perbankan domestik dengan melahirkan se kumpulan institusi perbankan tempatan yang kukuh, berdaya saing dan berkeupayaan menghadapi penubuhan dalam sektor ekonomi tempatan serta global berikutan daripada globalisasi dan liberalisasi.

Kajian-kajian yang penuh dilandaskan sebelum ini menunjukkan bahawa institusi perbankan domestik yang kecil adalah tidak efisien dalam operasi dan penggunaan modal. Penggabungan bank dapat membentuk institusi perbankan yang lebih besar dalam masa yang singkat, merupakan salah satu kaedah yang berkesan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan serta daya saing sesebuah institusi perbankan. Institusi perbankan yang kecil juga lebih terdedah kepada risiko akibat daripada krisis ekonomi. Ini jelas terbukti semasa krisis ekonomi baru-baru ini. Kegagalan institusi perbankan yang kecil ini juga sering terjadi dan boleh menggugat kestabilan sektor perbankan secara keseluruhannya.

Mengenai penggunaan tenaga kerja perlu dinyatakan bahawa usaha penggabungan ini bukan sahaja menggabungkan entiti yang terlibat tetapi yang lebih utama ialah penggabungan perniagaan institusi-institusi tersebut. Oleh yang demikian institusi perbankan yang digabungkan dengan izin, *merge entity* akan terus memerlukan tenaga kerja dan sumber manusia yang sedia ada untuk mengurus dan memastikan perniagaan institusi yang digabungkan dapat berjalan seperti biasa dan dapat melepasi pada tahap maksimum. Tiada kakitangan yang akan ditamatkan perkhidmatan secara paksa, *force retrenchment* dengan izin, dan sebarang rasionalisasi kakitangan sekiranya ada akan hanya dibuat menerusi skim pemisahan sukarela ataupun dengan izin *voluntary separation scheme*. Sungguhpun demikian, berdasarkan keadaan ekonomi negara yang telah pulih bilangan kakitangan yang dijangka terlibat juga adalah kecil. Sebarang kelebihan kakitangan akan dapat diserap oleh sektor-sektor ekonomi yang lain seperti sektor pengeluaran dan perkhidmatan terutamanya dalam bidang IT.

Langkah-langkah juga diambil untuk mengenal pasti kakitangan yang terbaik dan sesuai untuk tugas-tugas tertentu di samping memberi latihan dan tumpuan kepada pembangunan pekerja, *human resource development* dengan izin, untuk meningkatkan keupayaan kakitangan. Bagaimanapun langkah perlu diambil bagi merasionalisasikan keperluan tenaga kakitangan untuk mengelakkan pertindihan kerja dengan izin, *job duplication* agar organisasi tersebut dapat menjadi lebih efisien dan berdaya saing agar institusi perbankan berupaya menghadapi persaingan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Panjang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagi...

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Pendekkan saja

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Haa.. ia mesti dihabiskan malam ini juga walau bagaimana sekalipun. Bacalah, baca lagu mana sekalipun. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Saya akan ambil yang penting ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu terpulung kepada kebijaksanaan Timbalan Menteriilah.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat bagi Kepong, fasal Yang Berhormat Kepong ada di sini. Yang Berhormat bagi Kepong mendakwa bahawa Danaharta berfungsi sebagai sebuah bank dan tidak perlu ianya ditubuhkan.

Perlu ditegaskan bahawa pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Danaharta ditubuhkan sebagai sebuah syarikat pengurusan aset, bukan sebagai sebuah bank. Bagaimanapun oleh kerana Danaharta menguruskan aset dalam bentuk pinjaman tidak berbayar, *non performance loans* maka itu sebahagian daripada operasi Danaharta akan mencerminkan cara-cara sebuah bank mengendalikannya portfolio pinjamannya. Malah berbeza daripada bank-bank, Danaharta mempunyai kuasa-kuasa khas yang membolehkannya menguruskan aset-aset dengan lebih berkesan.

Oleh yang demikian Danaharta telah menggariskan beberapa strategi dan pendekatan bagi mendapatkan nilai pemulihan tertinggi daripada aset-aset yang berada dalam portfolionya. Walaupun ada pandangan tidak berasas yang mengatakan bahawa Danaharta masih belum menunjukkan kemajuan, sebenarnya usaha menyelesaikan NPL oleh Danaharta telah berjalan dengan lancar dan pantas berbanding dengan agensi-agensi yang lain di rantau ini. Dalam masa dua tahun sejak

ditubuhkan, Danaharta telah menyusun semula NPL bernilai RM35.8 bilion iaitu 70% daripada jumlah 46.78 bilion NPL dalam portfolio Danaharta.

Berbagai kaedah telah digunakan termasuk mendapatkan bayaran balik, penyusunan semula pinjaman dan juga menghalang tebus hartanah cagaran. Hasilnya Danaharta telah berjaya mendapatkan pemulihan pada kadar 34% bagi NPL tersebut. Hari ini ada dalam akhbar. Kejayaan dan pencapaian Danaharta telah diakui oleh pelbagai pihak termasuk di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh pada bulan Mac tahun ini *Asia Money* sebuah jurnal analisis kewangan yang berpengaruh di rantau Asia telah menamakan Danaharta sebagai agensi penyusun semula yang terbaik di Asia bagi tahun 2000.

Danaharta banyak menerima kunjungan agensi-agensi pengurusan aset daripada Indonesia, negara Thailand dan China yang datang untuk mengkaji struktur operasi serta formula keberkesanan usaha penyelesaian NPL dan memohon bantuan teknikal daripada Danaharta. Selain daripada itu beberapa negara lain yang bercadang untuk menubuhkan agensi pengurusan aset nasional telah datang mengkaji model yang digunakan oleh Danaharta sebagai panduan. Maka itu kita seharusnya berbangga bahawa kepakaran dan pengalaman anak-anak tempatan kini bukan sahaja diakui malah dijadikan sebagai aras tanda atau *benchmark* oleh masyarakat antarabangsa .

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pendang dan Permatang Pauh menyatakan bahawa Kerajaan Pusat telah menamatkan subsidi petroleum sedangkan memperoleh hasil yang banyak daripada petroleum. Seperti mana perkara-perkara yang lain dibangkitkan dan dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang dan Permatang Pauh sebelum ini, tanggapan ini juga tidak betul. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan tidak menamatkan subsidi tetapi hanya mengurangkan subsidi ke atas petrol, diesel dan gas memasak. Selama ini kerajaan telah menyediakan sejumlah subsidi petroleum yang besar, di samping mengorbankan hasil cukai yang banyak bagi mengekalkan harga barangan petrol tersebut dengan tujuan untuk meringankan beban rakyat.

Sebelum peningkatan harga minyak baru-baru ini jumlah subsidi ialah sebanyak RM500 juta. Bagaimanapun dengan kenaikan harga petroleum yang tinggi

sejak akhir-akhir ini kerajaan tidak perlu menampung subsidi dijangka melebihi RM3 bilion pada tahun 2000. Sekiranya harga tidak dinaikkan, dengan kenaikan harga yang telah diumumkan kerajaan masih perlu menanggung subsidi sebanyak RM2.86 bilion bagi tahun ini. Kerajaan berpendapat bahawa adalah lebih bermanfaat sekiranya jumlah wang yang besar disalurkan untuk membiayai projek-projek pembangunan khususnya projek-projek jalan kampung, bekalan air dan elektrik di luar bandar.

Kita perlu sedar bahawa subsidi ini sebenarnya bukan sahaja dinikmati oleh golongan yang kurang berkemampuan tetapi juga oleh segenap lapisan masyarakat termasuk juga negara jiran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Harga petrol yang lebih rendah di negara ini telah juga membawa kepada kegiatan penyeludupan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tandakan tempat yang berhenti itu Yang Berhormat, nanti terlupa pula.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat Dato'. Saya ingin dapatkan sedikit penjelasan. Dan saya sebut saya sendiri adalah kabur dalam tajuk ini iaitu minyak yang kita gunakan di negara kita diproses di tiga tempat iaitu di Terengganu, di Melaka dan Port Dickson. Dan kapasiti tiap-tiap loji ini pada pengetahuan saya ialah 140,000 barrel di dua tempat dan 40,000 barrel di Terengganu. 80% daripada minyak yang diproses ini ialah minyak yang jauh lebih murah daripada apa yang kita keluarkan. Dan kenaikannya ialah tidak sebagaimana kenaikan harga minyak kita pada tiap-tiap barrel. Dan dengan itu, kenaikan minyak adalah tidak sebesar seperti yang digambarkan.

Jadi boleh atau tidak saya dapatkan penjelasan yang lebih lanjut tentang kenaikan harga minyak yang kita import untuk kita proses kerana 80% daripada minyak yang kita proses di ketiga-tiga loji ini ialah minyak yang diimport dengan harga yang jauh lebih murah daripada minyak yang kita hasilkan setempat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya minyak yang kita ada, yang kita eksport itu ialah minyak

yang bernilai tinggi dikatakan *sweet oil – sweet*. Dan harganya lebih tinggi daripada yang sebenarnya kata Yang Berhormat tadi, harga minyak yang kita import. Jadi kalau kita tengok pada harga yang diimport dengan harga minyak kita yang kita eksport *net valuenya* kita adalah *net exporter* minyak tersebut ya. Jadi oleh kerana itu, inflasi tidak akan menjejaskan kita dengan kenaikan harga minyak kerana harga minyak ini begitu sedikit sahaja kenaikannya. Apa yang kita tekankan di sini ialah kalau kita memberi subsidi seperti yang dahulu kita akan mengalami pembiayaan sebanyak RM3 bilion. Tetapi dengan 10%, kita masih lagi menanggung subsidi sebanyak RM2.86 bilion. Jadi ini yang dilihat bahawa banyak yang mengatakan kita menghapuskan subsidi tetapi apa yang berlaku ialah kita mengurangkan subsidi.

Dengan kenaikan harga keluaran petrol dan diesel ini harga minyak petrol, diesel dan gas memasak meningkat 7.7% hingga 9.1% tadi. Berbanding dengan kenaikan harga minyak sebanyak 190% di pasaran dunia. Berdasarkan kajian yang dibuat, impak peningkatan harga keluaran petrol ke atas input pengeluaran perkilangan adalah antara 0.02% hingga 0.15%. Sementara kesan ke atas kadar inflasi negara bagi tahun 2000 dijangka hanya meningkat 0.1% kepada 1.9%. Oleh itu kerajaan tidak menjangka akan berlaku tekanan inflasi seterusnya berikutan kenaikan harga minyak sebanyak 10 sen se liter. Kerajaan akan memastikan bahawa peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan terhadap keadaan ini dan saya turut mengharap pihak pembangkang juga akan memainkan peranan lebih positif dan menasihati para peniaga agar tidak mengaut keuntungan yang berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pendang telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai ayat 15, Surah Al-Saba'. Cara beliau mengolah cerita di sebalik surah ini seperti bertujuan menunjukkan bahawa Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang angkuh dan tidak memperjuangkan Islam. Sebenarnya inilah cara PAS untuk cuba memperkecil sumbangan Kerajaan Barisan Nasional terhadap kemajuan Islam padahal apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama ini untuk membangunkan Islam di negara ini jauh lebih banyak dan lebih bermakna daripada PAS yang hanya tahu berceramah dan bersandiwara di sebalik slogan-slogan. [Tepuk] Apa Yang Berhormat Menteri Kewangan ingin sampaikan di Dewan yang mulia ini, surah Saba' ialah untuk mengingatkan kita semua supaya

bersyukur kepada Allah dan tidak meletakkan diri kita dalam kumpulan orang-orang yang menderhakainya. Mengenai ayat 16 dan 17 ia sebenarnya boleh memberi iktibar dan pengajaran kepada kita semua bagaimana caranya untuk kita memahami dan mengelakkan diri kita dari termasuk dalam golongan orang-orang yang dimurkai oleh Allah. Ayat-ayat ini sebenarnya boleh dijadikan iktibar untuk semua pihak termasuk Yang Berhormat dari pihak pembangkang.

Yang Berhormat bagi Pendang juga nampaknya terlupa untuk menilai dirinya sendiri terutamanya apabila beliau menuduh pimpinan Kerajaan Barisan Nasional [*Kedengaran bunyi sesuatu*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa Yang Berhormat, bunyi itu?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** ...dan megah apabila menjelaskan kejayaan-kejayaan projek pembangunan yang dilaksanakan. Sungguhnyanya tuduhan ini tidak benar. Kerajaan menyebut dan menerangkan kejayaan-kejayaan dalam pembangunan adalah bertujuan baik iaitu untuk menyedarkan rakyat dan kita semua bahawa apa juga kejayaan yang kita capai adalah hasil kesungguhan dan kebijaksanaan kita dengan berbekalkan kudrat dan hidayat Allah yang diberikan kepada kita. Adalah diharapkan dengan menerangkan kejayaan-kejayaan itu akan mendorong kita lebih berusaha dan berikhtiar untuk ketenangan dan kejayaan di masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Pendang, Pokok Sena, Kuala Terengganu dan Permatang Pauh ada menyentuh mengenai wang ihsan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat keputusan telah diambil untuk membuat kajian dan penyelidikan mengikut Allahyarham Tun Abdul Razak dari segi undang-undang sumber wang tersebut bukan satu hak tetapi cuma suatu ihsan. Yang Berhormat bagi Dungun menyatakan perkara ini akan dibawa ke mahkamah setelah mendapat maklumat yang lebih lanjut. Maklumat yang lebih lanjut yang bagaimanakah yang ditunggunya jika sekiranya sehingga hari ini masih belum terdapat maklumat lanjut berkenaan, kenapa perlu dihebahkan kepada orang ramai tentang isu ini? Sebenarnya sebab utama PAS tidak membawa kes ini ke mahkamah ialah kerana PAS tahu ia tidak berada di pihak yang benar.

Oleh itu satu usaha yang boleh dibuat ialah mempolitikkan isu ini dan mengelirukan rakyat dan menuduh Barisan Nasional sebagai zalim dan ingin membalas dendam sedangkan Kerajaan Barisan Nasional memberi projek-projek pembangunan melalui wang ihsan untuk rakyat Terengganu. Mana zalimnya? Mana balas dendamnya?

**Tuan Hus am bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian bangun ya. Sekejap ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Sebut sahaja 'ihsan' beberapa kerusi di pihak pembangkang menjadi hangat. Mereka terpaksa melompat kepanasan. Allahyarham Tun Abdul Razak tidak menghantar faks atau menelefon Menteri Kewangan. Sebagai orang Islam kita diajar bahawa orang yang telah meninggal tidak boleh bercakap lagi. Itulah sebabnya mereka dikatakan telah meninggal dunia. Menjerit "bohong" dan bertindak kasar dalam Dewan bukanlah etika yang ingin kita lihat kepada ahli Parlimen. [*Tepuk*] Tetapi mungkin kerana ramai anggota Parlimen yang baru daripada kalangan parti pembangkang mereka tidak begitu faham tentang ketertiban di Dewan Parlimen yang mulia ini. Mereka beranggapan mereka membuat ucapan di hadapan penyokong mereka tetapi ini Parlimen. Mereka harus ingat mereka dipilih oleh rakyat untuk menjadi wakil mereka di Parlimen bukannya di sarkas. [*Ketawa*] Rakyat mahu lihat penampilan yang berwibawa dan berhemah tinggi daripada kalangan ahli Parlimen. Kita tidak mahu Dewan ini kecoh dan kebiadapan ahli-ahli Parlimen seperti yang kita lihat berlaku di beberapa negara asing. Oleh itu janganlah kita mencemarkan Dewan yang mulia ini dengan perangai buruk yang jelas lebih sesuai ditunjukkan dengan ceramah-ceramah PAS dan KeADILan.

Di bawah program pembiayaan wang ihsan, Kerajaan Persekutuan akan meneruskan tanggungjawab memastikan bahawa rakyat yang miskin dan di luar bandar akan menikmati faedah daripada pemberian ini. Sebagai permulaan, tujuh kategori projek-projek berjumlah RM480 juta telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Peringkat Pusat. Daripada jumlah ini sebanyak RM80 juta akan digunakan bagi projek pembangunan rumah rakyat, penempatan semula nelayan dan RM50 juta

adalah di bawah sektor pertanian yang melibatkan pemberian pinjaman mudah bagi nelayan petani dan nelayan laut dalam serta aktiviti *aqua culture*.

Bagi pembangunan sektor luar bandar pula sebanyak RM50 juta diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan luar bandar seperti bekalan air, elektrik dan jalan kampung serta program pembangunan rakyat termiskin dan penyusunan semula kampung tradisional.

Sektor pendidikan telah diperuntukkan sebanyak RM130 juta manakala sektor pembangunan usahawan adalah sebanyak RM50 juta. Jadi pembiayaan untuk projek-projek ini akan dibuat melalui satu kumpulan wang amanah yang akan disediakan peruntukan setiap tahun mengikut keperluan. Semua kementerian yang terlibat akan mengawasi dan memantau projek-projek tersebut agar faedah-faedah yang dinikmati oleh golongan sasaran yang telah dikenal pasti. Kumpulan wang amanah yang ehsan sedang dalam proses untuk ditubuhkan, walaupun begitu semua kementerian dan jabatan yang terlibat telah diarahkan melaksanakan program-program yang telah diluluskan dan menggunakan peruntukan kementerian dan jabatan yang sedia ada permohonan peruntukan tambahan bagi memenuhi keperluan sehingga penghujung tahun 2000.

Terima kasih. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (RM28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan."

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita ditangguhkan hingga esok hari pukul 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 10.37 malam.*

Oktober 2000

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J, P.I.S (Bakri)
- ” *Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)*

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ *Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)*

- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)

- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)

- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**JURUBAHASA SERENTAK**

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed  
Paizah binti Sallehudin

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Mashitah binti Kamaruddin  
Marzila binti Muslim  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd. Azmi bin Embong  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

MESYUARAT KETIGA

---

**Jilid II**

**Bil. 66**

**Rabu**

**15 November 2000**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 25)

**RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan

Usul Anggaran Pembangunan 2001

**Jawapan oleh Kementerian:**

Kementerian Pendidikan

(Halaman 26)

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

(Halaman 61)

Kementerian Sumber Manusia

(Halaman 66)

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

(Halaman 73)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(Halaman 86)

Kementerian Pertahanan	(Halaman 107)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	(Halaman 130)
Kementerian Luar Negeri	(Halaman 154)
Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	(Halaman 172)
Kementerian Belia dan Sukan	(Halaman 179)
Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	(Halaman 205)
Kementerian Kesihatan	(Halaman 217)
Kementerian Pembangunan Usahawan	(Halaman 234)
Kementerian Kewangan	(Halaman 236)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 61)